[illegible]

[illegible]

15/5/93

KELANTAN DIGUGAT DAN DIGIGIT

*Dengan Menyebut Nama Allah*
*Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

اقرأ

بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِىْ خَلَقَ

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu.

**HARGA: $10.00**

TARMIZI MOHD JAM

# KELANTAN DIGUGAT *dan* DIGIGIT

Pengeluaran Minda Siasah

**KELANTAN DIGUGAT DAN DIGIGIT**

Cetakan Pertama.............1 Jan 1993

© **Hakcipta Tarmizi Mohd Jam**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain cara sebelum mendapat izin daripada penerbit dan penulis.

**Penerbit:**
PENGELUARAN MINDA SIASAH
Kuala Lumpur.

**Atur huruf:**
LUKMAN TYPESETTING
Tel: 03-4110928.

**Hiasan kulit:**
TARMIZI CREATIVE AND DESIGN SERVICES

**Pengedar:**
G.G EDAR
No. 28, Jalan Pahang Barat,
Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-4227325.

**Pencetak:**
BROTHER PRESS LTD. PART
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

M
320.9595
TAR

Hadiah
733276

- 6 OCT 1994
Perpustakaan Negara
Malaysia



*Sdr. Tarmizi Mohd Jam menyumbangkan senaskah buku 'Menanti Hudud Di Kelantan' kepada Menteri Besar Kelantan, Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz sambil diperhatikan oleh Setiausaha Akhbar MB, Hj Husam Musa dan Timbalan Pengarah Pesta Buku Kelantan 92', Sdr. Bukhari Bachok*

Bodoh!! melayu dgn melayu pas nak gaduh!!

## BIODATA PENULIS

betul!

SDR. TARMIZI MOHD JAM tidak pernah bercita-cita untuk menjadi penulis mahupun wartawan. Tetapi, suasana dan persekitaran bagaikan telah mengajak beliau untuk menerokai suatu bidang yang tidak terlintas difikirannya. Minatnya yang suka membaca khasnya yang berkaitan dengan perkembangan dan pergolakan politik Malaysia, telah menarik beliau untuk terlibat dalam bidang penulisan dan kewartawanan apabila beliau diterima untuk berkhidmat sebagai pemberita dengan sebuah akhbar tobloid Mingguan POLITIK. Ketua Pengarangnya, Haji Ikwan Mohd Nasir bersama Pengarang, Sdr. Imran Mamat telah melontarkan secebis tunjuk-ajar dari institusinya itu. Selepas itu, beliau ditawarkan untuk berkhidmat dengan akhbar HARAKAH yang menjadi suara rasmi bagi Parti Islam SeMalaysia (PAS) sebagai wartawan. Di sini,

beliau dilatih dan menimba pengalaman secara langsung dari Pengarang Kumpulan HARAKAH, Sdr. Zin Mahmud. HARAKAH telah menjadi 'universiti' bagi beliau untuk meneruskan penerokaannya dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Penerokaannya terus bersambung di majalah Dunia Islam, selaku Pembantu Editor apabila perkhidmatannya diminta bagi membantu Sdr. Ahmad Lufti Othman yang menjadi Editor majalah itu. Selepas beberapa keluaran, beliau telah dipanggil semula oleh Partai Islam SeMalaysia untuk menjalankan tugas baru selaku Editor Penerbitan Buku di Jabatan Penerangan PAS Pusat hinggalah sekarang. Sehingga ini, beliau telah menghasilkan lima buah buku yang bercorak politik. Mula menulis buku-buku politik sejak 1991. Buku-buku beliau iaitu:

1. **Kelantan: Harapan, Cabaran & Visi - Mampukah Ulama Mentadbir?**
2. **Masa Depan PAS Johor**
3. **Terengganu Selepas Kelantan: Teori Domino 1994?**
4. **Menanti Hudud Di Kelantan**
5. **Kelantan Digugat Dan Digigit**

Sebelum ini, tulisan-tulisannya pernah tersiar di akhbar WATAN, Mingguan WAKTU, Media Islam dan majalah Al-Ummah. Beliau dilahirkan di Kg. Lambor Kanan, Parit Perak. Memegang beberapa jawatan dalam parti antaranya AJK Lajnah Kebajikan PAS Pusat, Setiausaha Penerbitan Lajnah Penerangan Dewan Pemuda PAS Pusat, AJK Lajnah Kebajikan PAS Wilayah Persekutuan *(Lajnah ini telah 'digantung' oleh Perhubungan PAS Wilayah Persekutaun tanpa sebab-sebab yang jelas)* dan Setiausaha Lajnah Penerangan PAS Johor sebelum meletakkan jawatan. Juga pernah dipilih menjadi Presiden Badan Kebajikan Kakitangan Harakah (BAKKAH) bagi sesi 1991/92.

# DEDIKASI UNTUK ...

KEDUA ibubapa saya di Parit. Juga Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Barisan Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Saf-saf kepimpinan PAS Pusat. Juga Sdr. Ahmad Lutfi Othman selaku penulis buku politik yang tidak asing juga Editor Majalah Dunia Islam... yang telah banyak melontarkan bara semangat untuk terus mengetuk keybord komputer bagi menyusun huruf menjadi perkataan dan perkataan menjadi ayat... seterusnya melahirkan buku yang tidak sepertinya ini. Juga terima kasih kepada Hj. Muhamad Hasyim kerana gigih menyeret saya ke gelanggang penulisan yang tidak bernoktah. Jasa perintis tidak akan dilupakan hingga akhir hayat.

# LINTAS KANDUNGAN DALAM

Biodata Penulis ... ... ... ... ... ... ... 5
Dedikasi Untuk.. ... ... ... ... ... ... ... 7
Motto ... ... ... ... ... ... ... ... 9
Amanat Tok Guru Nik Aziz ... ... ... ... ... 10
Lintasan Penulis ... ... ... ... ... ... ... 11
Bab 1 - Tunjuk Di Mana Silap Kelantan?... ... ... 17
Bab 2 - Serang Hendap Kuala Lumpur ... ... ... 31
Bab 3 - Sindrom Annuar Lawan Hussein ... ... ... 45
Bab 4 - Ketentuan Allah Untuk PAS ... ... ... 73
Bab 5 - Kerajaan Dalam Kerajaan ... ... ... ... 83
Bab 6 - Strategi Baikpulih UMNO Kelantan ... ... 97
Bab 7 - Menggugat, Diculik & Tergigit ... ... ... 109
Bab 8 - Akhirnya Roket Mendarat Di Bulan ... ... 127
Bab 9 - Sheikh Anwar Sulitkan Sultan ... ... ... 145
Bab 10 - Sembahyang Hajat Tok Guru Terbukti ... ... 167
Bab 11 - Pergau Dan Mark Thatcher ... ... ... 183
Bab 12 - ARQAM Lawan TOK GURU ... ... ... 191
Bab 13 - Islam Gerunkan Barat Dan Sekutunya ... ... 218
Lintasan Rujukan ... ... ... ... ... ... ... 233

# MOTTO

*"Wahai orang-orang yang beriman janganlah*
*kamu mengambil orang kafir, orang-orang*
*Yahudi dan Nasrani sebagai pemimpin;*
*sebahagian mereka menjadi pemimpin*
*sebahagian yang lain; dan sesiapa di antara*
*kamu yang menjadikan mereka sebagai*
*pemimpin (kawan rapat), maka sesungguhnya*
*ia adalah dari golongan mereka itu (Yahudi dan Nasrani).*
*Sesungguhnya Allah SWT tidak*
*memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim."*

*— Surah al-Maidah: 51*

*"Wahai orang-orang yang beriman janganlah*
*kamu mengambil orang-orang kafir*
*menjadi wali (pemimpin) dengan meninggalkan*
*orang yang beriman. Adakah kamu hendak*
*mengadakan alasan yang terang*
*nyata bagi Allah untuk (menyiksa) kamu?"*

*— Surah al-Nisa': 144*

# AMANAT TOK GURU NIK AZIZ

*KITA menolak Barisan Nasional (BN)*
*kerana penyelewengan*
*dan bukan untuk merebut rezeki yang ada.*
*Jika BN mengamalkan dasar Islam*
*dalam pemerintahannya,*
*haram kita tidak tolak dia.*
*Rakyat akan marah jika pemimpin-pemimpin*
*memburu harta untuk dirinya,*
*sedangkan dia tahu harta itu*
*layak untuk diberikan kepada rakyat*
*dan ini akan mendatangkan kesan*
*ke atas kuasa yang ada.*
*Selama mana satu-satu kuasa*
*yang berada di atas itu dapat bertahan,*
*bergantung sejauh mana*
*keupayaan menjaga secara sempurna.*

# LINTASAN PENULIS

DENGAN Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhamad SAW serta kaum keluarga dan sahabat-sahabat Baginda.

Tanpa izin dan gerak dari Allah SWT tentunya buku ini tidak dapat disiapkan. Untuk mengkritik pemimpin bukanlah suatu hal yang mudah apatah lagi pemimpin itu ada kuasa dan takhta seperti Dr. Mahathir, Ghafar Baba, Sanusi Junid, Megat Junid, Anwar Ibrahim, Annuar Musa dan Pak Lah. Tidak ada buku politik yang tidak mengkritik pemimpin politik. Kalau adapun mungkin buku itu sudah menjadi akademik walaupun berbau politik. Lazimnya, penulis buku politik akan meletakkan para pemimpin politik tadi berada pada tahap yang terdedah kepada kritikan dan serangan. S.H Alattas dan Daud Ibrahim, masing-masing sudah menempiaskan serangan dan kritikan tadi dalam buku terbaru mereka di Perhimpunan Agung UMNO, November lalu.

Tapi bagi saya, hal kritik-mengkritik itu tidak akan terjadi kepada politikus Islam yang bercita-cita mahu menegakkan hukum Allah SWT di atas muka bumi ini. Dia adalah Khalifah

yang akan mentadbir bumi tadi dengan agama. Kalau adapun hanya kritikan sebagai ingatan kepada yang lupa dan cadangan-cadangan. Mempertahankan politikus yang sekular dan anti-Islam akan menyebabkan huru-hara dunia. Mengampu mereka samalah macam mempertahankan **MAKSIAT** yang ada. **MAKSIAT** dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Malaysia bermaksud **DERHAKA**. Pemimpin yang **MAKSIAT** terhadap perintah Allah SWT tidak boleh dipertahankan. Jadi, tidak hairanlah mereka terdedah kepada kritikan daripada penulis-penulis tadi. Sebab itu saya kira, S.H Alattas menulis buku **MUSA DERHAKA?** atau dalam bahasa tadi, **MUSA MAKSIAT?**

Buku **KELANTAN DIGUGAT DAN DIGIGIT** adalah buku saya yang kelima. Dalam tahun 1992 ini, saya telah menulis empat buah buku iaitu **MASA DEPAN PAS JOHOR** - Januari, **TERENGGANU SELEPAS KELANTAN** - April dan **MENANTI HUDUD DI KELANTAN** - Julai termasuklah **KELANTAN DIGUGAT DAN DIGIGIT** - Disember. Tahun 1991, saya tulis buku **KELANTAN: HARAPAN, CABARAN DAN VISI - MAMPUKAH ULAMA MENTADBIR?**. Nampaknya buku yang sedang saudara baca ini adalah buku terakhir saya bagi menutup tahun 1992. Insya-Allah ditahun hadapan 1993, ada buku-buku baru yang mampu memecahkan minda politik saudara, jika Allah SWT memanjangkan umur dan karier ini.

Sepatutnya, buku **KELANTAN DIGUGAT DAN DIGIGIT** ini dipasarkan sempena sambutan dua tahun pemerintahan Angkatan di Kelantan bulan Oktober lalu. Tapi, oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan maka hasrat tadi terpaksa dibatalkan. Walaupun, sambutan itu telah berlalu, na-

mun ia tidak menghampakan keinginan saya untuk meneruskan penulisan buku ini yang saya anggap begitu menarik sekali. Saya katakan menarik kerana inilah kali pertama saya mengkritik pemimpin bukan politik. Iaitu Ustaz Ashaari Muhammad. Dalam bab terakhir iaitu Bab 12 - **ARQAM Lawan TOK GURU** telah ditulis sedemikian rupa lantaran kritikan dan serangan Ustaz Ashaari terhadap kepimpinan Tok Guru Nik Aziz di Kelantan dalam isu melaksanakan hudud.

Saya terlebih dahulu meminta maaf kepada sahabat-sahabat saya dalam Arqam, jika tulisan itu mengoyak-goyak **FIKIRAN** dan JIWA mereka. Saya kira, jika Ustaz Ashaari tidak mendedahkan kelemahan dan tembelangnya dalam buku **FALSAFAH PERLAKSANAAN HUKUM HUDUD DALAM MASYARAKAT** itu, setentunya saya tidak berkeputusan untuk **MENGKIRITIK** dia. Tapi, tulisannya yang saya anggap sama macam tulisan S.H Alattas begitu mengelirukan dek rasa dendam terhadap pengharaman **Ekspo Dunia Baru Islam** yang dianjurkannya telah diambil tindakan oleh Tok Guru. Buku itu tidak lagi mencerminkan **FALSAFAH** yang hendak disampaikan tetapi menjadi buku **POLITIK** sepertimana yang ditulis oleh penulis-penulis buku politik yang lain. Mengapa Ustaz Ashaari jadi begitu **'biadap'** dengan Tok Guru Nik Aziz?

Pada mulanya, saya mengira Ustaz Ashaari adalah pemimpin yang bukan dari keturunan politik. Sebab dia sudah pencen dari PAS. Tetapi bila diamat-amati beberapa tulisan dalam majalah Al-Mukminah, Al-Qiadah, Al-Munir, Al-Arqam dan buku-bukunya, tanggapan awal saya silap. Sebab saya tidak macam S.H Alattas yang ramalkan dia jadi Perdana Menteri gantikan Dr. Mahathir. Rupa-rupanya, bila diramalkan dia akan jadi PM,

tingkah dan lakunya sudah macam orang politik tadi. Agak saya, sebab itu gaya dan cara dia serang Tok Guru saling tak tumpah macam pemimpin UMNO serang. Sebab itu saya kata, S.H Alattas telah berjaya ubah FIKIRAN dan JIWA orang-orang Arqam ini. Kalau dibaca tulisannya itu maka tidak hairanlah, Ustaz Ashaari terus menyerang PAS di masa akan datang.

Hal Ustaz Ashaari kecil sahaja berbanding politik Kelantan. Apabila bercakap tentang politik Kelantan, nama-nama macam Dr. Mahathir, Annuar Musa dan Hussein Ahmad tidak boleh dialpakan kerana mereka adalah pelakon utama dalam sepakterajang politik UMNO Kelantan itu. Jika kehadiran mereka tidak memberi apa-apa perubahan kepada UMNO Kelantan, tidak ada siapa lagi yang boleh diharapkan untuk meneruskan **misi menumpaskan Kerajaan PAS** yang sedang memerintah tadi. Saya yakin dan percaya, UMNO tidak akan berjumpa pemimpin macam Ku Li sebagai arkitek yang boleh menumbangkan Kerajaan PAS itu apatah lagi dalam suasana pergeseran UMNO dengan Istana Kelantan.

Isu Lamborghini dan Kod Etika Raja-Raja adalah bukti bahawa UMNO cukup dibenci oleh Sultan Kelantan. Hasrat UMNO itu tadi tidak akan berjaya selagi Istana Kelantan dan Tok Guru Nik Aziz dipertahankan oleh rakyat terbanyak Kelantan. Dua institusi penting bagi rakyat Kelantan ini patutnya dipertahankan. Institusi Raja-Raja dan Institusi Agama yang diwakili oleh Tok Guru. Semua orang tahu, bahawa kekuatan Kerajaan Kelantan sekarang adalah kerana wujudnya gandingan Tuanku dan Tok Guru. Tanpa Tuanku dan Tok Guru ini maka barang sudah tentu, benteng yang jadi kekuatan Kerajaan PAS itu akan musnah.

Seandainya ada manusia tertentu yang mendapat manfaat dari isi buku ini, syukur. Tapi kiranya ada yang kurang senang, pun syukur juga. Saya tidak berhak menerima pujian. Andainya ada fakta yang tidak betul, itu salah saya kerana tidak ada manusia yang sempurna. Manusia tidak berkuasa ke atas dirinya. Sebagai bukti, kaki kanan kita melangkah, kaki kiri kita belum tahu mengikutinya. Saya serahkan kepada para pembaca untuk menilai buku ini. JazakalLah 'ukhiran kepada PENGELUARAN MINDA SIASAH yang bersedia menerbitkan buku kelima saya. Wassalam.

Yang benar,



**TARMIZI MOHD JAM**
*Islamic City,*
*Kuala Lumpur.*
*25 November 1992*



*MENTERI BESAR KELANTAN DARUL NAIM*
*Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat*
*Yang sedang digugat dan digigit oleh musuh-musuh politiknya*

# BAB 1

## TUNJUK DI MANAKAH SILAP KELANTAN?

TAJUK akhbar HARAKAH bulan Ogos 1992, bilangan yang ke 380, amat menarik untuk ditatapi. Tajuknya tepat pada masanya. **'TUNJUK DI MANA SILAP KELANTAN?'**. Begitulah pertanyaan yang ditinggalkan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Tok Guru telah meminta Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad supaya membuktikan di manakah salah dan silapnya Kelantan. Kata-kata berupa cabaran ini timbul ekoran dari cakap Dr. Mahathir di Kubang Pasu kononnya Tok Guru ada memberikan gambaran yang salah terhadap Kerajaan Pusat sewaktu ditemuramah oleh wartawan asing. Kata Dr. Mahathir, media barat terbabit dalam membuat laporan yang boleh menimbulkan **'ketegangan'** di kalangan rakyat dengan menimbulkan isu demokrasi.

Nampaknya Dr. Mahathir marah bila majalah ter kemuka bertaraf antarabangsa laporkan kegiatan politik Islam yang di bawa oleh Tok Guru yang dianggap tidak tahu politik sebelum ini. Majalah *Asia Week* telah melaporkan tentang hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan hukuman Hudud yang cukup takut untuk disentuh oleh UMNO itu. *Asia Week* bulan Jun 1992, telah memberi penghormatan yang lebih apabila gambar Tok Guru dijadikan hiasan kulit depan majalah terkenal itu. Ia memilih tajuk **'WAHAT LAW? A Debate Over Islamic Punishment'.** Saya kira, hal yang kecil inilah yang telah menaikkan kemarahan Dr. Mahathir yang sememangnya anti-Kelantan itu. Mengapa Asia Week suka lapor hal-hal pembangkang di Malaysia? Tidak laporkan tentang kehebatan Dr. Mahathir?

Saya rasa, Tok Guru sudah memberi pengakuan yang cukup jelas bahawa Kelantan tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan yang boleh menimbulkan **'ketegangan'**.

"Hal minyak sawit dengan soya, kayu-kayu Tropika dan masalah dengan Australia, itu semua kerja-kerja Kerajaan Pusat bukan kerja Kerajaan Negeri Kelantan," ujar Tok Guru. Dr. Mahathir telah menunjukkan sikap melatahnya dalam politik. Dia marah dengan Kelantan dan kalau boleh dia tak mahu ada majalah atau surat khabar puji Kelantan.Dia mahu semua media-massa dalam dunia ini ikut macam dia. Marah dan fitnahkan Kelantan yang dipimpin oleh PAS dan Tok Guru Haji Nik Aziz itu. Kalau boleh baginya, biar penulis-penulis macam S.H Alattas buat buku banyak-banyak serang PAS. Bukannya serang UMNO. Dia lebih suka tengok kalau ada banyak surat layang memfitnah Tok Guru Nik Aziz bukan mengeruhkan kepimpinan

UMNO macam sekarang! Sebab itu saya kira, dia sanggup merombak jawatan dalam akhbar harian **Utusan Malaysia** Oktober lalu, bila dia yakin **'orang-orang Musa Hitam'** itu akan menyokong Datuk Abdullah Badawi menjelang pemilihan UMNO 1993 nanti [?].

**Soal isu bahasa yang memalukan Dr. Mahathir itu, menjadi soal kedua.** Dia takut, **'orang-orang Musa Hitam'** ini akan menggunakan **Utusan Malaysia** dan **Utusan Melayu** bagi menjatuhkan Anwar yang disayanginya itu. Bukankah **Zainuddin Maidin [Zam], Khalid Mohd, Abdul Samad Mahadi** dan **Chamil Wariya** itu **'orang Musa Hitam'?** Dan bukankah **Johan Jaafar** yang tidak ada pengalaman persuratkhabaran itu **'orang Anwar Ibrahim**? Mengapa akhbar Mingguan WAKTU dengan begitu mudah ditarik permit penerbitannya tanpa sebab musabab? Inilah yang Dr. Mahathir mahu agaknya. Kalaulah majalah yang puji Kelantan tadi bergantung pada permit KDN, sudah tentu ia akan **'dibankrapkan'** oleh Dr. Mahathir.

Tok Guru dengan nada yang jujur sudah meminta jasa baik Kerajaan Pusat supaya bertindak adil dengan apa yang Kelantan buat. Kalau Dr. Mahathir benar-benar takut dengan wartawan dan laporan media Barat, layanan terhadap Kelantan hendaklah adil dan saksama. Seperti seorang ayah melayan anaknya. **Bukankah Kelantan sebahagian daripada Persekutuan yang bernama Malaysia itu?**

Lainlah, kalau Kelantan bergerak atas kuasa autonomi yang tersendiri dan tidak kena-mengena dengan Kuala Lumpur. Penulis-penulis Barat sudah mengakui bahawa mereka tidak ada niat untuk meruntuhkan **jambatan Kota Bharu-Kuala**

**Lumpur** yang sememangnya tidak kukuh itu. Tetapi mereka melaporkan bahawa kerajaan Malaysia tidak memberikan layanan yang sama rata di antara negeri-negeri. Itu sahaja. Apakah Dr. Mahathir sudah **termakankan** cili api hingga terasa begitu pedas sekali?

Saya kira, Tok Guru atas sifatnya sebagai Menteri Besar Kelantan telah bercakap tegas, menyatakan bahawa apa yang ditulis oleh wartawan luar negeri mengenai Kelantan adalah benar. Jika timbul soal wartawan atau penulis ini mahu memecah-belahkan hubungan Kota Bharu dengan Kuala Lumpur, itu adalah soal yang diluar kawalan dan tanggungjawab Kelantan. Jika kumpulan Anwar Ibrahim mahu **'main kotor'** untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO, itu bukan urusan Kelantan. Begitu juga jika Dr. Mahathir mahu melantik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri bagi menggantikan dirinya yang sudah tua itu, itu juga bukan urusan Tok Guru Haji Nik Aziz. Jika Dr. Mahathir **perihatin**, dia patut tahu akan hakikat yang semua orang tahu itu.

Begitulah hebatnya bahana Kelantan dalam kotak fikiran Perdana Menteri. Kelantan terus menghantuinya. Saya rasa, jika rakyat Kelantan itu menjadi anak murid Dr. Mahathir dalam satu sekolah, sudah tentu mereka akan dirotan kerana **'menconteng'** arang di mukanya itu. Di maki dan di hamun. Tetapi apa boleh buat, perlembagaan negara sudah membenarkan rakyat Kelantan bertindak begitu.

Saya kira, rakyat Kelantan amat tahu bagaimana cara untuk mengajar pemimpin yang rakuskan kuasa. Mungkin mereka belajar dari **Dunia Jam 10** yang sering siarkan **'pembe-**

**rontakan'** dalam demokrasi. Jadi tidak hairanlah, Barisan Nasional kalah teruk dalam semua kerusi yang ditandinginya di Kelantan. Nampaknya selagi Kota Darul Naim yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan negeri dikuasai oleh PAS dan Semangat 46, saya kira Kelantan akan terus berkocak. Tetapi tidak akan bergolak. Walaupun ia dilambung ombak, namun ia tenang... tanpa melatah, sabar...tanpa cemas dan beristerehat... tanpa gundah. Nama Kelantan terus bermain dibibir rakyat.

Tapi... Kelantan kali ini di**gugat dan digigit.** Digugat oleh kerajaan Pusat. Digigit oleh Dr. Mahathir Mohamad. Digigit oleh Anwar Ibrahim yang melonjak dan disiat-siat oleh Anuar Musa yang kalah di Nilam Puri tapi dapat jadi menteri. Semua orang kira, bukan mereka bertiga, ramai lagi yang tidak senang dengan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat memerintah Kelantan. Anasir ini terus menggugat dan menggigit. Tetapi sifatnya sebagai Kelantan... ia tidak akan membina rumah di tepi pantai kalau takut dilambung ombak. Tunjuk di manakah silapnya Kelantan?

Cikgu Rahim, Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan, membisikkan kepada saya: **"Sekarang... Kelantan sememangnya berkocak... tetapi tidak akan bergolak"**. Dia yakin pergolakan tidak akan berlaku. Hanya orang yang tahu politik sahaja yang faham apa yang dicakapkannya itu.

Saya rasa, apa yang tersirat dari cakapnya itu, adalah sebahagian dari apa yang saya tulis dalam buku ini. Dia mencadangkan supaya buku saya ini menggunakan tajuk **`Kelantan: Berkocak Tapi Tidak Bergolak'.** Tapi saya sudah buat keputusan awal tetap mempertahankan tajuk saya **`Kelantan: Digugat & Digigit'**. Ini kerana, Kelantan kini

sedang dan ternyata digugat dan digigit-gigit oleh UMNO yang tidak sabar untuk menguasai Kota Darul Naim dan hasil mahsul negeri itu.

Mengapa UMNO beriya-iya untuk menggugat dan menggigit-gigit Kelantan? Di manakah salah dan silapnya Kelantan?

Sebenarnya ada yang berasa lega dan tidak kurang juga yang mula gelisah dengan perkembangan di Kelantan. Dan apa yang tercetus di Kelantan itu, bagaikan menepati pepatah **'sekali air bah, sekali pantai berubah'**. Saya yakin, rakyat terbanyak mengharapkan agar kepimpinan Tok Guru Nik Aziz dapat mengubah **'pantai'** dengan membersihkan segala sampah, selut dan lain-lain najis yang bertompok selama ini. Tok Guru yang berjanggut dan sering berserban itu nampaknya benar-benar mahu membersihkan **'pantai'** dengan cara Islam. Iaitu cara partinya PAS berjuang dan bekerja. Dan itulah cara Nabi Besar Muhamad SAW bertindak dan mentadbir Madinatul Munawarah seperti yang tercatat dalam sejarah.

Tanggal 22 Oktober 1992 lalu, genap tempoh dua tahun pemerintahan PAS di Kelantan. Dalam usia kira-kira 730 hari itu berbagai-bagai serangan dilakukan. Bagaikan serangan tentera Jepun menakluki Malaya suatu ketika dulu. Tapi, Jepun berjaya juga tawan Malaya walaupun sekejap. Kuala Lumpur terus menyerang hendap Kota Bharu.

Walaupun, serangannya tidak sehebat Washington meruntuhkan Kota Baghdad dalam Perang Teluk lalu. Tetapi, keghairahan Kuala Lumpur untuk menakluki Kota Bharu sebagai pusat

pentadbiran Kelantan tidak pernah lupus pun barang sedetik. Seperti yang saya katakan tadi, walaupun ada wartawan asing puji Kelantan, tapi Dr. Mahathir akan cepat-cepat kata bahawa pujian itu mengandungi makna yang tersirat. Tersirat dalam tafsiran yang amat buruk dan jahat.

Saya kira, serangan mental dan perang saraf UMNO itu dibuat secara terancang sama ada secara sedar ataupun tidak. Sehingga ini, belum ada tanda-tanda menunjukkan Kota Darul Naim akan dapat ditawan oleh Kuala Lumpur. Bukankah, Dr. Mahathir sendiri yang memberi jangka waktu sekurang-kurangnya 20 tahun lagi, baru UMNO boleh tawan semula Kelantan? Jadi untuk menawan Kelantan yang keramat itu, segala peralatan perang akan ditujukan kepada Tok Guru yang menjadi orang nombor satu di Kelantan.

Sebenarnya, rakyat Kelantan masih kuat untuk menyayangi *'sytle'* dan *'approach'* Tok Guru. Bagi mereka, Tok Guru yang terbaik. Tidak ada Menteri Besar yang sepertinya. Keperibadian Tok Guru tidak ada tolok bandingnya. Peribadi politiknya terserlah dan mampu menjadi benteng dan kekuatan Kerajaan Kelantan. Wanita tidak dibenarkan bekerja malam? Begitulah kata-kata Tok Guru sebaik saja me-ngadakan sidang akhbar pertamanya di Bangunan PAS, Kota Bharu. Saya hadir dalam sidang akhbar bersejarah itu bersama wartawan-wartawan RTM, TV3, Watan, Utusan Malaysia, The Star, The News Strait Times dan Berita Harian. Tidak lupa juga wartawan dari akhbar berbahasa Cina.

Rupa-rupanya, cakap-cakap Tok Guru Nik Abdul Aziz itu menjadi kontroversi. Lain ketika belum menjadi Menteri Besar.

Cakapnya tadi langsung tidak diendahkan malah cuba dikelirukan oleh media massa. Selepas itu Tok Guru mem-beritahu bahawa beliau tidak akan menerima sebarang hadiah diakhir lawatannya sebagaimana yang sering diberi kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Tok Guru juga memotong elaun keraian Hari Raya untuk Menteri Besar sebanyak $30,000.

Tok Guru mengeluarkan arahan supaya anggota EXCO Kerajaan Negeri menggunakan kereta lama. Tok Guru juga menolak permohonan membeli kereta oleh bekas-bekas EXCO UMNO sebaliknya hanya menerima permohonan bekas Menteri Besar, Mohamad Yaakob sahaja. Tok Guru juga tidak membenarkan qariah Kelantan menyertai ujian tilawah untuk tahun berikutnya. Judi dan arak terus diharamkan dan dihentikan premisnya. Langkah-langkah yang dianggap janggal oleh UMNO dan sekutunya ini telah membuatkan ramai yang bertanya siapakah Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz ini?

Saya kira, soalan **'Tunjuk Di Manakah Silapnya Kelantan?'** patut menjadi fikiran setiap orang. Pertanyaan ini wajar dibahaskan kerana banyak lagi perubahan yang dilakukan oleh Tok Guru cukup menyakitkan hati Dr. Mahathir dan Annuar Musa. Di dalam buku saya, **KELANTAN: HARAPAN, CABARAN & VISI MAMPUKAN ULAMA MENTADBIR?** tertulis tentang perubahan-perubahan yang dibuat oleh Tok Guru.

Penulis-penulis buku politik seperti Sdr. Lotfi Ismail di Kelantan, banyak menghasilkan karya politik yang mengulas perubahan itu. Begitu juga Sdr. Sayuti Omar, Sdr. [Pak] Hussein Yaakob dan Sdr. Cikgu A.M Noor, masing-masing pernah

menulis, menyorot dan menganalisa tentang perubahan-perubahan yang saya sebutkan tadi. Haji Subky Latif juga acapkali mengulas perubahan tersebut dalam kolumnya '**Min Aina Ila Aina**' akhbar HARAKAH. Tidak perlu lagi, saya sorot perubahan-perubahan yang dianggap luar biasa oleh UMNO itu. Sama ada pro mahupun kontra, perubahan sudahpun dilakukan oleh Tok Guru dalam pentadbirannya.

Seluruh dunia tahu, Dr. Mahathir adalah Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan. Walaupun, dia orang luar tetapi atas rasa bersalah kerana gagal mempertahankan Kelantan dari terlepas kepada PAS maka dia mengorbankan dirinya menjadi '**chief UMNO Kelantan**'. Dia mesti pastikan Kelantan dapat ditawan semula ketika dia menjadi '**chief**'. Kalau tidak, tentu gelaran '**Wira Dunia Ketiga**' yang menjadi jolokannya itu, tidak memberikan apa-apa makna sebab Kelantan terlepas secara sapu bersih 39-0 ketika UMNO berada dicelah ketiaknya. UMNO kalah di-semua kerusi yang ditandinginya.

Orang terbanyak sudah tahu, hal ini belum pernah terjadi samada di Kelantan ataupun di negeri-negeri lain. Ia juga belum berlaku di negara luar. Dr. Mahathir dan UMNO sudah semestinya malu dengan kejadian itu. Macam mana ia boleh kalah? Sedangkan jentera kerajaan, jentera pilihanraya parti, media-massa dan entah apa-apa jentera yang canggih berada di bawah kekuasaan Dr. Mahathir. Inilah yang memeningkan kepala anak Kubang Pasu itu sekarang. Apa cara sekalipun, Kelantan mesti menjadi milik UMNO, kata Dr. Mahathir.

Apakah orang-orang kuat UMNO masih tidak percaya dengan apa yang Tok Guru Haji Nik Aziz cakapkan, bahawa

kemenangan Angkatan di Kelantan itu laksana adanya paduan antara pengundi di bumi dengan malaikat di langit! Saya kira, Annuar Musa yang bermasalah dengan Istana Kelantan, yang menjadi Timbalan Pengerusi UMNO Negeri cukup dibenci oleh rakyat Kelantan. Apatah lagi tabiat dan fungsinya di Kelantan lebih Mahathir dari Mahathir.

Dia orang kesayangan Mahathir sebab itu walaupun kalah pilihanraya, dia tetap diangkat menjadi menteri penuh. Begitulah untungnya Anuar Musa. Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Haji Muhamad Sabu dalam satu ceramahnya pernah cakapkan tentang hal **'lawannya'** dalam setiap kali pilihanraya diadakan. Katanya, dalam pilihanraya 1982 dia lawan Anwar Ibrahim di Permatang Pauh, dia kalah. Anwar menang. Anwar jadi menteri penuh. Pilihanraya lalu, dia lawan Annuar Musa. Dia menang. Anuar Musa kalah. Annuar dilantik jadi menteri penuh juga. Begitulah hebatnya anggota parlimen Nilam Puri itu. Jika ada orang-orang UMNO yang nak jadi menteri penuh bolehlah berpakat dengan Muhamad Sabu, kawasan parlimen mana yang dia nak bertanding kelak. Setiap kali masuk pilihanraya, yang untung ialah musuhnya dari UMNO!

Sebagai pemimpin UMNO Kelantan, Mahathir dan Annuar sudah tentu merasakan, perubahan yang dilakukan oleh Tok Guru itu menyulitkan mereka untuk melonggarkan keyakinan dan kesayangan rakyat kepada Tok Guru. Serangan-serangan hendap Kuala Lumpur mesti dilancarkan. Maklumat-maklumat dari Bangunan UMNO Kota Bharu mesti tepat supaya sasaran serangan mengena. Saya kira, UMNO kini begitu runsing... dengan cara dan gaya Tok Guru memerintah Kelantan. Ini kerana ianya jauh berbeza dengan cara dan gaya

Mohamad Yaakub memerintah dulu. Malah langsung tidak sama dengan MB-MB mereka di negeri-negeri lain. Pada hal, Wan Mokhtar di Terengganu juga adalah seorang ulama bertaraf MB? Tok Guru tidak sama dengan MB-MB yang berkelulusan agama dari UMNO mahupun PAS sebelum ini.

Tidak sama macam Allahyarham Tan Sri Hassan Yunus, bekas MB UMNO Johor. Tidak sama macam Allahyarham Datuk Ishak Lutfi, bekas MB PAS Kelantan. Tidak sama macam Allahyarham Tan Sri Ibrahim Fikri Muhamad, bekas MB UMNO Terengganu. Dan tidak sama macam Allahyarham Datuk Ahmad Said, bekas MB UMNO Perak. Semua yang saya sebut tadi adalah MB-MB yang berkelulusan agama. Nampaknya, cara dan gaya Tok Guru ini cukup disenangi oleh rakyat terbanyak dan istana. Tok Guru disokong oleh majoriti rakyat Islam dan bukan Islam, juga Istana Kelantan. Apa yang UMNO boleh buat dalam hal ini? Datuk Dr. Yusof Noor, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman tidak macam Tok Guru walaupun berjawatan menteri. Jauh sekali kalau nak dibandingkan dengan Nakhaei Ahmad atau Faisal Othman. Sheikh Anwar Ibrahim yang dulu jadi Presiden ABIM, pakai capal dan agak zuhud, juga tak sama macam Tok Guru di Kelantan. Anwar... dulu lain sekarang lain.

Wartawan kontroversi, **Rosnah Majid** dari Utusan Malaysia pernah bertanya: **Siapa dia Haji Nik Aziz Nik Mat?** Dalam temuramah khas selama satu jam empat puluh minit, Rosnah menghuraikan: Haji Nik Aziz yang lebih suka dipanggil Ustaz adalah seorang yang berperwatakan seperti seorang Tok Guru agama yang ada dalam bayangan kepala kita. Beliau mempunyai wajah yang menyenangkan, sentiasa mengukir senyum,

lemah-lembut dan bercakap dengan uara yang perlahan. Wajahnya mencerminkan perwatakannya yang sederhana, tidak meninggi diri dan seorang yang mahu hidup dalam suasana dan pendekatan Islam. Rosnah sendiri mengakui akan kejujuran Tok Guru untuk meletakkan Islam di tempat yang sesuai dalam politik Kelantan. Ini bererti, tidak ada sebab UMNO mahu menjatuhkan PAS melainkan adanya rasa iri hati terhadap kejayaan cemerlang **'musuhnya'** itu. Dalam demokrasi, saya fikir UMNO berhak menjalankan propaganda politiknya bagi tujuan berkuasa semula!

Jadi tidak hairanlah, UMNO begitu beriya-iya dan bekerja keras untuk **'Menyelamatkan Kelantan'**. Slogan **'Selamatkan Kelantan'** dalam Konvensyen UMNO Kelantan bulan Oktober lalu, adalah bukti UMNO akan terus menyerang Kelantan. Slogan itu bagaikan ada persamaan dengan apa yang diajukan oleh Semangat 46 dalam pilihanraya umum lalu. Manifesto Semangat 46 berbunyi **'Selamatkanlah Malaysia'**. Kini... slogan itu digunakan oleh UMNO untuk **'menyelamatkan'** Kelantan yang aman dan damai itu. Jika Semangat 46 ajukan **'Selamatkanlah Malaysia'** kepada rakyat, rakyat sudah boleh berfikir mengapa dan kenapa Malaysia perlu diselamatkan waktu itu.

Tetapi, bila UMNO ajukan **'Selamatkan Kelantan'** dalam konvensyennya itu, bukan sahaja rakyat Malaysia bahkan warga Kelantan pun terkeliru dan tidak tahu maksudnya. **Keliru, kenapa dan mengapa?**

Bukankah Kelantan dalam aman, damai, tidak rasuah, zuhud dan selesa? Apakah UMNO mahu **'Selamatkan**

**Kelantan'** atau mahu **'Selamatkan UMNO Kelantan'** dari tertimbus dek politiking dalaman yang hebat? Di sinilah, orang-orang UMNO Kelantan patut bertanyakan 'Di Manakah Silapnya Kelantan?'.

Saya kira, **'Selamatkan Kelantan'** adalah pelurupeluru yang sedang dihalakan oleh UMNO untuk melumpuhkan PAS di Kelantan. Melumpuhkan PAS bermakna melumpuhkan Kerajaan Kelantan. PAS adalah tulang belakang Kota Darul Naim yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan negeri. **'Selamatkan Kelantan'** adalah sebahagian dari **'serangan hendap'** yang dilancarkan oleh Kuala Lumpur terhadap kepimpinan Tok Guru. Kini...Tok Guru diserang dari pelbagai sudut oleh UMNO dan sekutunya dalam Barisan Nasional. Di manakah silapnya Kelantan?

Saya rasa, jika serangan itu dibuat secara terang-terangan, mudah untuk menangkisnya. Tapi, apa yang berlaku, serangan itu dibuat secara **'serang hendap'** dan kadang-kadang serangan itu datang dari dalam hasil kecuaian anggota parti sendiri, Semangat 46 mahupun PAS. Serangan itu agak seirama dan senada dengan serangan UMNO di luar parti.

Jadi, siapakah yang boleh menujukkan kepada rakyat Kelantan betapa kepimpinan Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz ini salah dan silap? Apakah Dr. Mahathir jujur apabila membuat komentar? Salahkah Tok Guru meninggalkan kediaman rasmi MB dan hidup seperti rakyat biasa? Silapkah rakyat Kelantan **'menimbus'** UMNO tanpa batu nensan? Sila tunjukkan... di manakah salah dan silapnya Kelantan?




*Eh....tengok tu....! Buku 'Menanti Hudud Di Kelantan' yang ditulis oleh penulis upahan...Tarmizi Mohd Jam. Dia serang saya bukan main lagi. Saya ingat S.H Alattas saja serang UMNO dalam buku. Wah! Wah! Ini tak boleh jadi ni......nanti hampa...! Mungkin itulah yang dikatakan oleh Dr. Mahathir agaknya.*

# BAB 2

# SERANG HENDAP KUALA LUMPUR

UMNO Kuala Lumpur sudah lama menyerang Tok Guru. Sebelum Tok Guru jadi Menteri Besar lagi macam-macam hal dikatakan. Bila Tok Guru jadi Menteri Besar dan ada sedikit kuasa, lagi banyak serangan dihalakan. Para pemimpin UMNO membangkitkan soal pembangunan. Itulah isu mereka bila berdepan dengan rakyat Kelantan yang **celik politik** itu. Kerana hal yang demikian saja menjadi modal yang kuat untuk membenarkan apa yang UMNO buat. Apakah kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh pemerintahan Tok Guru di Kelantan? UMNO membuat serangan bertubi-tubi. Saya rasa para pemimpinnya tahu bahawa rakyat Kelantan tahu, kepimpinan Tok Guru yang zuhud itu tidak banyak masalah. Tok Guru tidak membebankan mereka. Sebaliknya Tok Guru berkorban sedaya-upaya memotong pelbagai cukai, elaun dan peruntukan semata-mata mahu menolong rakyat yang susah dan dhaif.

Saya kira, sehingga tempoh 730 hari Kelantan dan Kota Darul Naim ditadbir oleh regu Tok Guru, belum ada kes-kes yang boleh dijadikan isu rakyat tercetus. Rakyat Kelantan tidak ditindas. Tidak juga dibebankan dengan apa-apa cukai. Walaupun, rakyat tahu, Dr. Mahathir sudah sekat segala ma-cam peruntukan kewangan dan kemudahan tetapi untuk menjatuhkan Kerajaan Kelantan yang ditabal oleh mereka pada 21 Oktober 1990 lalu tidak mungkin terjadi. Mereka tidak tergamak berbuat demikian. Gagalnya tekanan Dr. Mahathir itu menyebabkan UMNO mati akal. Politik Tok Guru yang dianggap **'bodoh'** oleh mereka, ternyata teruji dan berjaya mengalahkan serangan Dr. Mahathir yang dianggap ahli **'strategis'** itu. Sebagai ahli **'strategis'**, UMNO pasti akan menyerang Kelantan secara **'serang hendap'** yang amat berhati-hati.

Maka berkokoklah Anuar Musa yang jadi wakil UMNO di Kelantan. Dia sanggup meluluskan permohonan Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri itu dengan bersyarat. Kelantan meminta apa yang dikatakan **'bantuan segera'** dari Pusat untuk membiayai projek pembangunan negeri. Tapi, atas sifat iri hati Anuar Musa, dia mengetatkan syarat politiknya bagi memerangkap PAS dan Tok Guru di Kelantan.

Antaranya, pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan hendaklah menghentikan isu-isu yang boleh mengelirukan rakyat; Tidak mengamalkan sikap balas dendam atau mendera; Jangan mengelirukan rakyat dengan isu-isu agama; Segala permohonan hendaklah diikuti dengan permohonan rasmi; Kerajaan Negeri hendaklah menentukan dasar dalam merapatkan hubungan kedua kerajaan; Menghentikan cantas-mencantas seperti menukarkan kakitangan kerajaan, guru dan sebagainya; dan meminta

mengekalkan kuota tembakau. Syaratnya yang berbau dakwaan dan tuduhan itu, mendedahkan lagi siapakah dia Annuar Musa?

Seperti yang saya sebut tadi, tiadanya isu besar melanda kepimpinan Tok Guru menyebabkan UMNO menimbulkan isu yang remeh-temeh. Dengan harapan isu itu menjadi besar dan menarik perhatian rakyat umumnya. **The Challenger** tidak ada. Krisis dalaman PAS tidak ada. Yang ada, cakap-cakap politik yang UMNO **'cap'** sebagai isu. Tapi, UMNO tahu dan sedang mengamalkannya. Bahawa isu yang remeh-temeh inilah yang akan membantunya bertapak semula di Kelantan jika Tok Guru kurang bijak menghadapinya. Apa yang dicakapkan oleh Tok Guru pada hari pertama dia memerintah hingga sekarang, tetap akan dijadikan isu. Seluruh dunia tahu, PAS dan Semangat 46 di Kelantan tidak berkrisis sesama sendiri. Kedua-dua parti kukuh. Apa yang ada, hanya yang remeh-temeh? Atau **'projek kecil-kecilan'**? **'Projek besar-besaran'** belum ada untuk diusahakan oleh UMNO! Tidak hairanlah, UMNO melancarkan **'serang hendap'** melalui propaganda mereka memburuk-burukkan Kelantan seperti yang ditandai dalam buku **'Pemerintahan PAS Kelantan Suatu Penilaian'** yang **diterbitkan oleh Jabatan Penerangan UMNO Kuala Lumpur setebal 14 halaman itu, diedarkan secara percuma.**

Secara sinis, UMNO mengherdik kononnya membaca al-Fatihah ketika memulakan majlis dan membaca Surah AlAsr ketika menutup majlis, bukan perubahan dan kemajuan. Hal itu kata mereka telah lama dilakukan oleh ABIM sebelum PAS mengetahuinya. Lagipun, perubahan semacam itu tidak menyusahkan otak untuk memikirkannya. Sekali imbas, serangan ini ada betulnya. Sebab itu, saya rasa, Ustaz Ashaari

Muhamad yang pimpin Arqam tuduh hal yang sama pada Tok Guru di Kelantan. Soalnya sekarang, perubahan itu dilakukan dikalangan kakitangan kerajaan negeri bukan kepada ahli ABIM atau Arqam. PAS dan ahli-ahlinya lebih lama sudah beramal dengan budaya itu. Tapi, bila dapat kuasa adalah menjadi tanggungjawab PAS untuk membudaya kan amalan itu di kalangan kakitangan kerajaan negeri yang tidak tahu menahu akan amalan yang senang dan tidak mengeluar belanja itu. UMNO yang tahu kononnya, mengapa tidak amalkan secara terbuka dan mengisi majlis dengan perkara yang baik-baik? Amalan itu bukan milik ABIM atau Arqam? Kakitangan kerajaan yang bukan ABIM, bukan Arqam dan bukan PAS patut juga menikmati amalan ini bersama.

UMNO terus menidakkan, kononnya mereka belum melihat suatu perancangan walaupun yang sederhana dirancang oleh PAS untuk membangunkan negeri dan rakyat Kelantan. Mereka mahu lihat perancangan dari segi ekonomi, pendidikan dan agama Islam. Maka timbullah pelbagai pertanyaan menyerang Kelantan. Mana projek ekonomi untuk rakyat? Mana projek agama untuk rakyat? Dan entah apa-apa lagi soalan untuk menidakkan kemampuan Tok Guru mentadbir Kelantan. Usaha Tok Guru mewujudkan Tabung Serambi Makkah juga turut dikecam. UMNO tidak nampak dengan peruntukan $200,000.00 bagi Tabung Pelaburan boleh memajukan rakyat Kelantan.

Nampaknya UMNO sudah **mengukur baju orang lain dibadan sendiri**. UMNO akan terus buta selagi budaya **'politik wang'** menguasai parti yang mati hidup semula itu. Membandingkan projek kerajaan Pusat seperti ASN, ASB dan Rancangan Pembangunan Baru adalah tidak wajar sama sekali dengan

kedudukan Kelantan yang disekat **'peruntukannya'** dan kuasa yang terhad. UMNO boleh buat sebab guna duet rakyat! Jika PAS kuasai Pusat, sudah tentu hal yang sama dapat dibuat.

Saya sebut tadi, serangan UMNO lebih tertumpu kepada projek pembangunan yang kononnya PAS tidak mampu buat. Duet tidak ada. UMNO sudah meramalkan awal-awal kononnya PAS akan **'kaku'** tiga tahun lagi. Saya rasa, UMNO belum serik lagi. Dulu dia ramal kerajaan negeri hanya mampu bayar gaji kakitangan untuk tempoh enam bulan. Ramalannya meleset dan memalukan. Kini ramal lagi. Kepimpinan Tok Guru akan gagal dan kekeringan idea untuk memikirkan pembangunan di Kelantan. Mereka me ngungkit-ungkit pembangunan yang telah dibawa sepanjang pentadbiran Barisan Nasional dulu. **Apa nikmat yang sudah dikecapi oleh rakyat sejak 1979 hingga 1989? Apa lebihnya ketika PAS memerintah dulu? Apa projek baru PAS? Kemudahan api lektrik, air, telefon, jalanraya dan macam-macam lagi adalah rancangan UMNO!** Begitulah angkuhnya UMNO mendabik dada, mengangkat diri. Orang UMNO sudah lupa akan Allah SWT yang menjadikan mereka. Allah membenci sikap macam itu.

Tapi UMNO tetap UMNO. Dalam politik tidak ada belas kasihan pada musuh. Serangan UMNO semakin radikal terhadap Kelantan. Apa yang lebih menyedihkan lagi, serangan dan tuduhan radikal UMNO **kononnya tiga tahun lagi, para pemimpin PAS akan 'menjual' ayat al-Quran kepada rakyat,** langsung tidak berpijak di bumi nyata. Dalam buku saya **MENANTI HUDUD DI KELANTAN,** saya meramalkan bahawa UMNO terpaksa menggunakan sekali lagi isu kafir-mengkafir termasuklah **tuduhan menjual 'ayat' al-Quran** oleh

para pemimpin PAS demi untuk melihat Kelantan jatuh ke pangkuan UMNO semula. Kerana isu ini paling sensitif dan paling berkesan untuk menuju ke situ. Tapi, yang peliknya, UMNO tidak berani menyahut **Debat UMNO/PAS** tahun 1984 dulu. Saya kira, umat Islam negara ini tentunya ingin sangat melihat siapakah yang betul dan benar dalam hal kafir-mengkafir dan menjual ayat al-Quran ini. **UMNO... janganlah bermain api lagi!**

**'Membangun Bersama Islam'** yang menjadi tema manifesto PAS dalam pilihanraya lalu juga turut dikecam dan dijadikan mangsa oleh UMNO untuk membangkitkan kemarahan rakyat Kelantan kepada PAS. Manakah isi slogan itu? Ke mana perginya slogan itu? UMNO menuduh slogan manifesto PAS itu kosong. Tapi, slogan UMNOlah yang berisi **'Membangunkan Ekonomi Umat'**. Terlalu banyak contoh pembangunan yang hendak dinyatakan. Begitulah angkuhnya UMNO dengan kuasa yang entah esok lusa akan dicabut oleh Allah SWT itu. Benarkah banyak pembangunan telah dijalankan di Kelantan waktu UMNO mentadbir? Biarlah UMNO memuji diri. Rakyat Kelantan sudah mengadilinya dengan baik. Masakan rakyat sanggup menolak pembangun-an UMNO yang kaya-raya mencurah-curah itu dan mengundi regu PAS/Semangat 46 yang miskin dan dhaif ini. Annuar Musa patut belajar berfikir dari kejadian 21 Oktober 1990? Belajarlah menjadi orang yang kalah!

Usaha Tok Guru membuka dan menubuhkan Kedai Pajak Gadai Islam pun salah disisi UMNO dan tidak menguntungkan rakyat. UMNO bagaikan mahu menyerang membuta tuli dan membabi buta. Perkiraannya sekarang, apa yang dilakukan oleh kepimpinan Tok Guru semuanya salah dan silap. Biar salah dan

silap di mata UMNO asalkan betul dan benar disisi Allah SWT. Jika, UMNO melihat Kedai Pajak Gadai Islam ini salah, tidak ada kejujuran yang boleh diharapkan pada UMNO untuk berpolitik melainkan untuk politik poket, perut dan pangkat semata-mata. **UMNO menuduh kononnya Skim Pajak Gadai Islam itu bukan idea PAS tapi idea Badan Perunding Islam yang ditubuhkan oleh Anwar Ibrahim.** Dan Kerajaan Terengganulah yang pertama sekali membuka Kedai Pajak Gadai Islam ini. Bukannya PAS.

Saya kira, soal siapa punya idea dan siapa yang mula tubuh Kedai Pajak Gadai Islam ini tidak timbul. Sebagai orang Islam, ia mesti dilaksanakan sebagai usaha untuk mempertingkatkan kemajuan ekonomi rakyat. Sekurang-kurangnya kata Tok Guru, ia dapat mengelakkan riba dan membantu golongan berpendapatan rendah. Bila ada orang lain buat, patutnya kita bersyukur kerana bebanan kita sudah kurang. Tapi, nampaknya UMNO hanya mahu publisiti. Bila ada orang lain buat dulu, ia marah dan ungkit-ungkitkan soal yang bukan-bukan.

Saya kira, semuanya itu datang dari Allah SWT. Itu adalah arahan Allah. Jauhkan riba. Yang penting kita laksanakan Islam. Soal berjaya atau gagal bukan soal UMNO yang menentukannya, walaupun tidak ada orang yang cekap untuk mentadbir kedai itu. Saya setuju pandangan Tok Guru: Amalan riba merupakan satu perangkap penjajah dibidang eko-nomi untuk menjadikan satu pihak sebagai tuan dan satu pihak lagi sebagai hamba. Jadi tidak hairanlah, Tok Guru memindahkan Simpanan Tetap Kerajaan Negeri dari bank-bank riba kepada Bank Islam yang tidak mengamalkan sistem riba. Soal tiru-meniru, itu soal UMNO yang habis modal untuk bermain politik. Bila habis

modal, ada logiknya orang yang mabuk kuasa hilang perkiraan. Kepimpinan Tok Guru terus diserang hendap.

UMNO menuduh pemimpin PAS Kelantan tidak akan mampu untuk memikirkan cara-cara mengatasi masalah kemiskinan rakyat di Kelantan. Apa yang PAS boleh buat untuk mengatasi masalah kemiskinan ini? Serangan ini lebih berupa propaganda untuk memecahkan keyakinan rakyat kepada kepimpinan Tok Guru. Apakah logik membandingkan Yayasan Kemiskinan UMNO dan Yayasan Amanah Ikhtiar yang ditubuhkan dan mendapat banyak peruntukan dari kerajaan dengan apa yang sedang dihadapi oleh Kelantan. Tidak siapa setuju diadakan perlawanan antara orang kuat dengan orang lemah. Melainkan ada udang di sebalik batu?

Jawapan Tok Guru mengenai kemiskinan sudah jelas: Membasmi atau menghapuskan kemiskinan adalah perkara yang di luar dari kebolehan manusia. Kemiskinan adalah suatu ciptaan Tuhan yang mesti diterima oleh manusia. Ianya sengaja dirancang oleh Pencipta Alam ini kerana hikmat-hikmat tertentu. Saya kira, penggunaan istilah **'membasmi kemiskinan'** adalah khayalan belaka untuk menyeronok-dengar oleh mereka yang tertindas dek kapitalis.

Tok Guru menegaskan dengan setegas-tegasnya bahawa: Pentadbiran Kelantan Darul Naim yang dijulang di atas laungan Islam sebagai Ad-Deen, ingin menyedarkan rakyat semula kepada fitrah bahawa kemiskinan tidak boleh dibasmi, hanya boleh dikurangkan melalui dua cara yang tidak boleh dielakkan iaitu mela lui saluran rohani [moral] dan saluran lahiriah [fizikal]. Itulah pandangan Tok Guru. **Siapa kata pandangan itu salah?**

Hanya orang yang anti-Kelantan saja kata salah. Sebab itu beberapa dasar kerajaan negeri juga turut diserang. Dasar Industri, Dasar Ekonomi, Dasar Pendidikan, Dasar Belia, Dasar Wanita, Dasar Alam Sekitar dan Dasar Pertanian dipersoalkan.

Berapa banyak industri baru dibuka ketika PAS memerintah? Tiada! Sebab pemimpin PAS tidak mampu memikirkan pembangunan industri? **Mengapa Rafidah Aziz yang beri gambaran buruk tentang Kelantan tidak ditanya?** Dia yang jadi Menteri Perdagangan Antarabangsa patutnya galakkan pelabur melabur di Kelantan walaupun negeri itu milik pembangkang yang tidak sebulu dengannya. Tapi sebaliknya telah berlaku.

UMNO mendakwa, kemewahan rakyat Kelantan sekarang adalah hasil dari rangcangan ekonomi Barisan Nasional dulu. PAS telah tercicir jauh kebelakang dalam hal ini. UMNO mendabik dada, merekalah yang memberikan jalanraya tar di setiap kampung. Merekalah mendirikan masjid dan menyediakan permaidani-permaidaninya. Malah UMNO menuduh institusi pendidikan yang dibuka oleh PAS semuanya gagal. Pemimpin UMNOlah yang ada sukatan pelajaran untuk memajukan rakyat.

Saya kira, serangan itu hanya untuk hiburan UMNO. Dia bercakap dalam mahkamahnya sendiri. Macam Ustaz Ashari salahkan semua orang yang lain dari anggota Arqam. Hanya Arqam saja yang betul. Macam mana agaknya kalau dia diajak berdebat atau berdailog di tempat umum? Belum tahu dia boleh mempertahankan hujahnya itu. Begitu juga dengan UMNO ini. Ia tuduh lagi, di kalangan belia, PAS tidak mampu untuk menye-diakan dasar bagi melahirkan belia yang progresif dan berpen-

didikan. PAS dituduh menganjurkan **'Wawasan Mati'** untuk orang yang masih hidup. PAS menyediakan **'Wawasan Maut'** kerana pemikiran pemimpin PAS sudah mati. Pendek kata, PAS tidak ada apa-apa perancangan untuk memajukan Kelantan mengikut tafsiran UMNO.

Tok Guru dituduh cuba mengelirukan orang-ramai ten-tang cuti bersalin. Mereka mendakwa, tempoh 60 hari adalah terlalu panjang dan bercanggah dengan pendapat Imam Shafie tentang darah nifas hanya 40 hari. Tok Guru disalahkan lagi. Kadar penebangan balak sewaktu Tok Guru memerintah didakwa lebih besar daripada Barisan Nasional dulu, tanpa ditanam **semula**. Tuduhan ini sama macam pejuang-pejuang alam sekitar tuduh Mahathir abaikan alam sekitar. Tebang hutan banyak. Mengata dulang paku serpih, mengata orang, UMNO yang lebih.

Dalam riuh-rendah memburukkan Kelantan, UMNO menagih simpati. Kononnya walaupun rakyat Kelantan sokong PAS tapi Kementerian Pertanian terus memberikan bantuan baja kepada petani dan mengarahkan Bank Pertanian meneruskan pemberian pinjaman pada rakyat. Begitu juga Jabatan Pertanian. Saya kira orang PAS patut tahu, simpati begini adalah **'serang hendap'** yang mengena. Dia tahu bila berbuat baik dengan orang Melayu, orang Melayu tu lekas lembut hatinya. Cepat mengalah. **Tapi UMNO lupa, orang Kelantan celik politik**. UMNO sudah silap, kalau menyangka kesemua agensi pertanian tadi milik mereka.

Ia lupa bahawa agensi-agensi itu ditubuhkan untuk rakyat. Tidak timbul soal sokong pembangkang atau tidak. Hak rakyat adalah hak rakyat bukannya hak UMNO atau Barisan Nasional.

Sanusi Junid tidak boleh kata itu hak dia! Demi politik. Demi memikat hati rakyat, UMNO mengaku Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir adalah yang paling adil. Orang kampung yang buta politik mungkin ada sedikit percaya dengan cakap-cakap UMNO itu. Dalam buku yang UMNO terbit seperti yang saya sebut tadi, dalam halaman 12 di bawah tajuk **'Kerajaan Barisan Nasional Adalah Adil'** tertulis:

*"PAS mendakwa rakyat Kelantan bernasib baik kerana terus mendapat projek pembangunan daripada Kerajaan Pusat walaupun Kelantan diperintah oleh PAS. Tidakkah rakyat Kelantan sedar bahawa hal ini sebenarnya mencernminkan sikap adil sejati pimpinan UMNO? Kerajaan BN adalah suatu kerajaan yang bertanggungjawab. Tidak mengenepikan rakyat walau mereka tidak setuju dengan BN. Kalau Kelantan berada di Algeria, rakyat Kelantan sudahpun menderita. Tetapi nasib baik Malaysia diperintah oleh BN yang UMNO menjadi tulang-belakangnya. Dari segi perancangan ekonomi dan pembangunan ummah, kerajaan Malaysia mengatasi lain-lain negara Islam di dunia".*

Dalam muka surat lain, UMNO mengingatkan rakyat Kelantan supaya bijak membandingkan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional tahun pertama ia memerintah Kelantan dan tahun pertama PAS memegang tampuk pentadbiran negeri. Tertulis:

*"UMNO mengajar **'Pembangunan Ekonomi Umat'**. PAS menganjur **'Wawasan Maut'**. Semasa UMNO memerintah Kelantan, pembangunan ekonomi, budaya, pendidikan dan Islam telah dilaksanakan dengan pesat. Di bawah PAS segala-galanya*

*tidak berjalan. PAS tidak memahami konsep pembangunan. Sebab itu kerajaan PAS menghalang projek-projek pembangunan seperti projek pembinaan Empangan Elektrik Hidro Pergau. Bayangkan berapa billion ringgit wang mengalir ke Kelantan dengan Projek Letrik Pergau?".*

Saya kira terlalu banyak serangan UMNO Kuala Lumpur terhadap kepimpinan Tok Guru di Kelantan. Jika nak disenaraikan, mungkin 1001 hal telah ditimbulkan. Beberapa isu yang dibesar-besarkan oleh Dr. Mahathir untuk kepentingan UMNO Kelantan akan disorot dalam bab-bab selepas ini. Isu Sultan Kelantan melarikan Lamborghini. Isu Pergau yang merunsingkan Pusat. Isu pertarungan Annuar Musa dengan Datuk Hussein dan kemarahan Sultan Kelantan terhadap UMNO juga isu kegawatan di Pergau. Ia juga termasuk dalam **'serang hendap'** UMNO seperti yang saya sebutkan tadi.

Saya kira, atas sifat UMNO itu parti politik, sudah tentu PAS yang menjadi saingannya di Kelantan dan di kawasan orang-orang Melayu/Islam akan ditentangnya habis habisan. Soal PAS itu parti yang memperjuangkan Islam menjadi soal kedua atau ketiga. Tapi, demokrasi dengan jelas membenarkan UMNO bergerak mengikut lunas-lunas demokrasinya. Mungkin **'menyerang'** Kelantan menepati demokrasi yang UMNO mahu itu. Ada logiknya, UMNO lawan Tok Guru di Kelantan sebab Tok Guru jadi saingan Dr. Mahathir dalam percaturan politik negara kita. Kadang-kadang, Tok Guru lebih popular dari Dr. Mahathir yang jadi PM. Soal UMNO lawan PAS ini sudah jadi asam garam perjuangan politik di Kelantan mahupun juga di Terengganu dan Kedah. Yang pelik, mengapa **Puteri-Puteri Islam** begitu marah dengan cakap-cakap Tok Guru?

Apakah terdapatnya hubungan **Puteri-Puteri Islam** ini dengan kaum ibu UMNO? Saya tidak pasti sama ada **Puteri-puteri Islam** ini pertubuhan dakwah atau sukarela. Atau sekumpulan manusia yang suka publisiti. Berdaftar atau tidak, tidak dapat juga dikesan. Yang jelas, tindakan kumpulan ini telah meringankan bebanan UMNO selama ini. Ia dianggotai oleh orang-orang yang cerdik dan berkelulusan universiti, kononnya. Mereka terdiri dari Anina Wadud-Muhsin, Rashida Abdullah, Norani Othman, Rose Ismail, Salbiah Ahmad, Zainah Anwar [ISIS] dan Zuriah Al-Jeffry. Namanya sedap. **Puteri-Puteri Islam!**

Kumpulan **Puteri-Puteri Islam** ini popular kerana kecaman mereka terhadap Tok Guru Nik Aziz. Inilah satu lagi bentuk **'serang hendap'** dari Kuala Lumpur. Antaranya mereka membangkitkan soal wanita menjadi pemimpin. Mereka mengecam pandangan Tok Guru dalam temuramah khas dengan Utusan Malaysia dengan mendakwa: Pendapat dan kepercayaan yang menyatakan bahawa dalam Islam hanya kaum lelaki sahaja yang boleh menjadi pemimpin adalah berasaskan pada satu pemikiran yang sempit. Juga soal perbezaan antara wanita dan lelaki turut dibangkitkan.

**Puteri-Puteri Islam** membuat komen. Kononnya pemikiran golongan ulama seperti Tok Guru tidak sampai ke mana-mana kerana tidak berupaya mengatasi pertentangan sosial. Tindakan Tok Guru terbatas kepada satu usul sahaja iaitu kaum wanita disuruh mengundurkan diri dari arus sosial utama tersebut serta menyerahkannya kepada kaum lelaki dalam gelanggang umum kehidupan masyarakat. Kecaman itu tadi telah menimbulkan tandatanya?

# BAB 3

# SINDROM ANNUAR LAWAN HUSSEIN AHMAD

SEMUA orang tahu, Datuk Hussein Ahmad yang jadi Ketua Penerangan UMNO Pusat pernah membuat percubaan untuk menggulingkan Datuk Mohamad Yaakob, beberapa hari tibanya pilihanraya umum 1990. Sebabnya, kerana orang-orang Datuk Hussein yang dicalonkan untuk bertanding dalam pilihanraya telah ditolak mentah-mentah oleh Datuk Muhamad Yaakob yang jadi Menteri Besar dan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan waktu itu. Datuk Hussein marah. Dia tidak boleh bertahan dan bersabar lagi. Satu pergaduhan tercetus. Tumbuk menumbuk berlaku. Pendek kata, keselamatan orang lain akan terancam jika polis tidak campur tangan. Campur tangan polis bukan tujuan politik tetapi untuk meleraikan orang-orang politik tadi dari bergaduh. Nanti buruk dilihat rakyat, pemimpin bergaduh rebut kuasa dan nak jadi wakil rakyat. Hal ini menyusahkan UMNO kerana gambaran buruk itu mencerminkan perangai pemimpin-pemimpin parti itu.

Pergaduhan ini belum lagi membabitkan Anuuar Musa. Orang belum kenal dia. Dia belum popular seperti sekarang. Tapi, akhbar-akhbar politik tempatan sudah mengikuti dengan penuh khusuk **'peperangan'** Datuk Hussein dengan Datuk Muhamad Yaakob. Semua orang tahu, Datuk Hussein berdarah **'gedebe'**. Pernah dalam mesyuarat UMNO Baha-gian Rantau Panjang, Datuk Hussein tembak-menembak dengan musuh dalamannya dengan senapang patah. Peluru betul, kalau kena tentu parah. Saya kira tidak pelik, kalau Datuk Hussein bertumbuk, walaupun mesyuarat menentukan siapakah calon UMNO itu dibuat di rumah Datuk Muhamad. Tetapi Datuk Hussein tidak takut untuk bergaduh.

Siapa tak kenal, Datuk Hussien Serama itu. Orang yang bertanggungjawab **'menghuru-harakan'** Kelantan supaya PAS jatuh dan bangkrap dalam tahun 1978 dulu. Dialah orangnya yang jadi tukang rancang bagaimana nak kalahkan PAS. Dialah yang bakar jambatan di Rantau Panjang untuk elakkan pengundi PAS keluar mengundi dulu. Ku Li hanya jadi pemimpin yang keluarkan arahan tapi Datuk Hussein pelaksana yang cekap dan **'gedebe'**. Orang PAS Kelantan tidak akan lupa sejarah hitam yang dibuat oleh **'serigala'** UMNO itu. Jadi, tidak pelik kalau dia juga akan bertindak dengan cara yang serupa untuk lawan Datuk Muhamad dan sesiapa sahaja yang dianggapnya sebagai musuh.

Datuk Hussein mengemukakan calonnya. Datuk Muhamad Yaakob juga ada calon tersendiri untuk parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan. Saya fikir, pergaduhan terjadi sebab masing-masing tidak puas hati. Senarai calon Datuk Hussein tidak langsung menyelitkan nama-nama orang-orang

Datuk Muhamad. Begitu juga senarai Datuk Muhamad Yaakob tidak menyelitkan orang-orang Datuk Hussein. Akibatnya, kedua-dua pemimpin UMNO itu bertegang leher mempertahankan calon masing-masing. Datuk Hussein lebih sikit sebab senarai calonnya mendapat mandat dari Dr. Mahathir sedangkan Datuk Muhamad Yaakob **berkeras** dengan mandatnya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Datuk Muhamad disebut-sebut akan meletakkan Haji Ahmad Shahabudin sebagai penggantinya jika UMNO menang di Kelantan. Hal ini menaikkan kemarahan Datuk Hussein.

Macam manapun, UMNO Kelantan kalah teruk dalam pilihanraya 1990 yang penuh kontroversi itu. Datuk Muhamad Yaakob kalah. Datuk Hussein kalah. Tiba-tiba timbul nama Annuar Musa, bekas calon UMNO bagi kawasan Parlimen Nilam Puri. Annuar Musa juga kalah macam Datuk Hussein dan Datuk Muhamad Yaakob tadi. Saya kira, kalahnya Annuar Musa memberi untung yang lebih pada dia sebab Dr. Mahathir lantik dia jadi Menteri Belia dan Sukan. Kalau dia menang belum tahu jawatan itu sangkut kebahunya. Orang kalahpun boleh jadi menteri penuh. Hal ini tentu menaikkan kemarahan Datuk Hussein tadi. Dia sudah berhempas-pulas melawan musuh dalamannya Datuk Muhamad Yaakob untuk tentukan calon-calon pilihanraya. Tiba-tiba, calon calon itu semuanya kalah tidak disangka-sangka.

Datuk Hussein sudah berharap dengan kalahnya UMNO di Kelantan tidak ada lagi selepas ini orang UMNO lain mengatasinya. Sama ada dari segi jawatan dalam parti mahupun jawatan kabinet. Datuk Hussein tidak dilantik semula untuk jawatan Timbalan Menteri Perumahan Tempatan walaupun

dikekalkan sebagai Ketua Penerangan UMNO Pusat. Datuk Hussein gembira sebab karier politik Datuk Muhamad Yaakob sudah layu bila kalah di DUN Panglima Bayu. Sampai sekarang, nama Datuk Muhamad tenggelam dan mati. Ini bererti, laluan bagi Datuk Hussein menguasai UMNO Kelantan cerah dan tidak banyak halangan. Jika ditakdirkan ada pilihanraya umum dan UMNO menang, sudah tentu dia akan jadi Menteri Besar. Orang akan panggil dia YAB Datuk Hussein Ahmad! Maklumlah dia dulu pernah jadi Timbalan Menteri Besar Kelantan sebelum dipecat dan digantikan oleh Datuk Ariffin Said.

Tiba-tiba, Annuar Musa yang kalah macam dia, Dr. Mahathir angkat menjadi menteri penuh dan jadi **'wakil'** bagi rakyat Kelantan di Kuala Lumpur. Annuar jadi Timbalan Pengerusi UMNO Kelantan iaitu orang nombor dua Dr. Mahathir di Kelantan. Tuah ayam nampak di kaki tapi tuah manusia siapa yang tahu. Begitulah nasib Anuuar Musa dan Datuk Hussein. Saya kurang pasti sama ada bermula dari sini atau bukan, Datuk Hussein mendapat musuh baru Annuar Musa bagi menggantikan Datuk Muhamad Yaakob yang layu tadi. Antara Datuk Muhamad dengan Annuar Musa, nampaknya Annuar Musa lagi **merbahayakan.** Bahaya yang boleh mengancam kedudukan politiknya di Kelantan. Sebab itu, saya kira, Datuk Hussein tidak segan silu mengistiharkan Annuar Musa sebagai musuh politiknya yang utama di Kelantan. Cakap-cakap yang ditulis oleh orang-orang surat khabar membuktikan perihal itu tadi.

Seperti pemerhati-pemerhati politik yang lain tahu, Annuar Musa juga tahu bahawa saingannya sekarang ialah Datuk Hussein Ahmad. Dia tahu, tokoh veteran UMNO Kelantan ini

keras kepala dan degil. Semangat **'gedebe'** yang mengalir dalam darah Datuk Hussein itu akan menyusahkan dia nanti. Dia juga faham, perlantikan dia oleh Dr. Mahathir bukan bertujuan untuk berdepan dengan Datuk Hussein tapi untuk menguatkan UMNO Kelantan dan untuk menumpaskan PAS. Dr. Mahathir suruh dia **menggugat dan menggigit-gigit** Tok Guru dan kemantapan PAS dan Semangat 46. Dr. Mahathir suruh dia goncang Kota Darul Naim bukan goncang rumah Datuk Hussein. Tapi yang terjadi, matlamat asal Dr. Mahathir itu terencat akibat adanya Datuk Hussein ini. Annuar Musa terpaksa selesaikan **'masalah dalaman'** UMNO yang terus menjadi harta pusaka itu. Inilah yang dikatakan **'sindrom'**.

Mahu tidak mahu Annuar terpaksa main politik sikit untuk menyelesaikan masalah ini. Soal Annuar jadi orang kuat UMNO Kelantan dan dilantik secara hormat oleh Dr. Mahathir bukan sahaja menaikkan kemarahan Datuk Hussein seorang tapi semua tokoh veteran UMNO berasa *'loya'*. Seolah-olah mereka tidak berguna lagi untuk UMNO. Sedangkan merekalah yang telah bertungkus-lumus menggerakkan UMNO tadi. Bila UMNO kalah, mereka semacam disalah kan dan diketepikan. Siapa tidak marah? Saya kira, perlantikan Annuar Musa jadi menteri penuh keterlaluan. Keterlaluan itu ditambah lagi dengan keterlaluan **'tambahan'**, bila dia dilantik menjadi Timbalan Pengerusi UMNO Kelantan. Inilah hal yang mengecewakan tokoh veteran UMNO tadi.

Annuar terpaksa selesaikan masalah ini dengan caranya tersendiri.Maka pada 28 Ogos 1990, dia mengusik perwakilan di Konvensyen Pemuda UMNO Kelantan: "Saya bersedia berkorban apa sahaja demi untuk memantapkan UMNO

Kelantan". Cakapnya penuh tersirat. Tapi semua orang tahu termasuklah orang suratkhabar. Tidak ada selindung-selindung lagi dalam soal ini. Orang semua tahu, Annuar Musa bermasalah dengan Datuk Hussein Ahmad. **Berita Harian** siar cakapnya itu. **WATAN** dan **Media Islam** juga turut menyorot dan menggosip cakap Annuar itu. Syabas Annuar! Cakap-cakapnya itu, sudah dapat diagak dan diteka ditujukan kepada siapa. Sebelum itu, cakap-cakap **`berkorban apa sahaja'** ini telah dilafazkannya ketika merasmikan satu majlis UMNO di Johor Bharu.

Saya kira, apa yang Annuar cakapkan itu sudah jelas dan **'angin segugut'** yang melanda Kelantan kini semakin merebak dan mencemaskan. Annuar Musa bersedia untuk menyelesaikan masalah dalamannya itu. Dia mahu selesaikan hal itu dengan Datuk Hussein secara peribadi. Dia juga pening kepala dengan karenah tokoh-tokoh veteran UMNO yang lain. Mereka juga bermasalah dengan Annuar. Tapi tidak berani meluahkan perasaan itu. Mereka ada tatasusila dan sopan-santun politik yang mesti dijaga. Datuk Hussein juga ada benda itu tapi terpaksa lawan Annuar kerana untuk menjaga periuk nasi. Kalau tidak, Annuar akan **'tanam'** dia hidup-hidup di Rantau Panjang yang banyak **'gedebe'** UMNO itu.

Annuar Musa memang tidak disukai oleh kalangan veteran UMNO Kelantan. Soal perlantikan Timbalan Pengerusi UMNO negeri tadi menjadi isu hangat. Perlantikan itu tidak relevan dan dia terlalu drastik naik ke atas. Ia semacam tamparan hebat kepada mereka. Apakah Dr. Mahathir tidak mengendahkan khidmat bakti mereka selama ini? Itu juga lah yang dirasakan oleh Datuk Hussein yang berang tadi. Datuk Hussein menganggap pengalaman Annuar bagaikan darah setampuk pinang. Dia

belum boleh diberi kepercayaan untuk mentadbir UMNO Kelantan. Saya kira, cakap-cakap Annuar Musa yang bongkak selepas pilihanraya umum 1990 dulu, memberi saham kepada Datuk Hussein untuk menye-rang dia. Annuar mendakwa, kononnya kekalahan UMNO sebegitu teruk dalam pilihanraya itu disebabkan oleh sikap dan kedegilan golongan veteran melepaskan jawatan mereka. Mengapa Annuar begitu marah dengan golongan veteran ini?

Datuk Hussein benar-benar anti-Annuar Musa. Dia pelik dengan perlantikan Dr. Mahathir itu. Katanya, kalau Dr. Mahathir tidak mahu melantik golongan veteran ke jawatan sepenting itu, apa salahnya melantik pimpinan pelapis muda seperti Haji Hassan Ismail, Datuk Ahmad Rastom, Jailani Jaafar dan beberapa orang lagi yang tidak boleh diketepikan. Mereka juga ada misi dan visi tersendiri. Tidak ada kurangnya dengan Annuar Musa. Kalaulah begitu perkiraan politik Datuk Hussein, tidak hairanlah dia menjauhkan diri dari menghadiri sebarang mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Datuk Hussein tidak pernah hadir mesyuarat jika mesyuarat itu di pengerusikan oleh Annuar Musa yang menjadi musuh dalam selimutnya. Mereka berdua tidak pernah duduk semeja untuk merancang kemajuan UMNO Kelantan.

Saya diberitahu oleh beberapa orang pemimpin PAS Kelantan, tentang kemarahan yang amat sangat Datuk Hussein ini dengan Annuar Musa apabila orang Annuar cuba untuk menjatuhkan dia dari menjadi Ketua Bahagian UMNO Rantau Panjang. Annuar yang mengusai Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan itu, dikatakan cuba meletakkan seorang tokoh pemuda bagi mencabar Datuk Hussein. Siapa tidak marah? Jika semua

jawatan cuba hendak dibolot. Datuk Hussein pun takut susah cari makan bila karier politiknya **ditalqinkan** sekarang. Hal ini telah menyebabkan Datuk Hussein semakin **'meluat-luat'** dengan Annuar. Kalau boleh tak mahu lihat dan tak mahu dengar dengan nama Annuar bin Musa itu. Bak kata pepatah Melayu, retak sedang menunggu belah.

Jika Tengku Ahmad Ridthuadin Ismail dan bekas Menteri Besar UMNO, Datuk Muhamad Yaakob meletakkan jawatan UMNO diperingkat bahagian, saya kira itu adalah tindakan protes mereka terhadap Annuar. Hasrat mereka kini sudah diketahui umum. Jika masalah tidak selesai, mereka mungkin akan meletakkan jawatan itu sebelum pemilihan tahun 1993 nanti. Mereka terkilan macam Datuk Hussein terkilan tadi. Mereka terkejut, macam mana Annuar Musa boleh salahkan mereka bila UMNO kalah di Kelantan?

Annuar bagi mereka bongkak dan sombong. Krisis ini tidak akan selesai. Annuar tidak boleh menjadi penyelamat. Tok Guru Haji Nik Aziz dan segala macam pimpinan PAS dan Semangat 46 tentu gembira dengan perkhabaran ini. Selagi UMNO berpecah, PAS dan Semangat 46 boleh berperanan menguatkan lagi pengaruh walaupun sudah menang. Kuasa bila-bila boleh berubah jika silap strategi. Annuar tidak akan mampu mengatur strategi politik selagi UMNO berpecah. Semua orang tahu hal ini.

Datuk Hussein tahu. Annuar Musa tahu. Tapi kerana kepentingan politik peribadi mengatasi segala-galanya, maka kepentingan peribadi itu hendaklah didahulukan. Datuk Hussein mesti mempastikan kedudukannya di Kelantan tidak terancam.

Begitu juga dengan Annuar Musa. Selagi Datuk Hussein duduk di sebelah Dr. Mahathir dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Kuala Lumpur maka selagi itulah, dia tidak akan melutut dan hormat dengan Annuar Musa yang jadi Timbalan Pengerusi UMNO Kelantan itu. Saya kira, dengan kedudukan Datuk Hussein sebagai Ketua Penerangan UMNO Pusat itu, sudah cukup kuat untuk dia berasa gagah dan lebih berwibawa dari Annuar dari segi haraki UMNO itu sendiri. Jika itulah halnya, maka **'sindrom' dan 'delima'** ini tidak akan reda. Masalah ini tidak akan menemui titik noktahnya.

Doktor Mahathir tahu bahawa dalam ilmu kesihatan, kudis akan merebak menjadi penyakit yang lebih parah. Kudis mesti diubati. Jika tidak ia akan melarat. Krisis Annuar Musa dengan Datuk Hussein Ahmad ini laksana kudis buta. Ia akan merebak. Akibatnya UMNO Kelantan terus berpecah. Sudahlah UMNO 1946 diharamkan oleh mahkamah dan mati. Kini, nampaknya Annuar Musa dan Datuk Hussein cuba untuk memecah-belahkan UMNO [Baru]. Saya fikir, mereka berdua tidak boleh menjadi **Melayu Baru** seperti yang diidam-idamkan oleh Dr. Mahathir itu. Walaupun UMNO sudah **baru** tapi perangai para pemimpin-nya tetap lama dan lapuk. Bergaduh dan bertumbuk. Orang-orang macam ini tidak boleh jadi menteri atau pemimpin parti. Mereka tidak akan menjadi **'tenaga-tenaga wawasan 2020'** yang Dr. Mahathir selalu kempunankan itu.

Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan dikatakan orang yang paling marah dengan cakap-cakap dan pendedahan Annuar Musa itu. Mereka menganggap tindakan Annuar itu tidak bijak. Annuar bodoh kerana mendedahkan hal-hal **dalaman** parti kepada umum. Ini menyebabkan golongan veteran khasnya

Datuk Hussein menyerang dan memulaukan Annuar. Annuar dedahkan hal itu untuk menjawab pertanyaan dari Pergerakan Wanita UMNO Kelantan. Saya kira Annuar sudah terperangkap. Dia sudah menunjukkan kelemahan dan ketidak matangannya dalam berpolitik. Inilah yang dikatakan oleh Datuk Hussein tadi. Annuar hanya ada pengalaman darah setampuk pinang sahaja.

Saya semakin yakin, bahawa kekusutan UMNO ini tidak akan selesai. Annuar Musa dikuasai oleh Dr. Mahathir sedangkan orang-orang UMNO Kelantan dikuasai oleh tokoh-tokoh vetaran yang tidak disenangi oleh Annuar tadi. Penentangan Datuk Hussein merupakan **'protes'** orang-orang UMNO Kelantan. Pengaruh Datuk Hussein masih melebar jauh berbanding dengan Annuar yang baru setahun jagung berada dalam gelanggang politik. Hal ini semua orang tahu. Annuar hanya akan menjadi boneka Dr. Mahathir sahaja jika tidak ada jalan penyelesaian dicapai dalam UMNO Kelantan. Harapan Dr. Mahathir begitu besar untuk mengukuhkan UMNO Kelantan dan selakigus menumbangkan Kerajaan PAS yang berkuasa sekarang. Nampaknya harapan itu akan ditelan angin malam.

Besarnya harapan Dr. Mahathir itu sama besarnya dengan malunya dia bila keputusan pilihanraya umum 1990 lalu diumumkan. UMNO Kelantan kalah 39-0. Barisan Nasional walaupun masih menggunakan lambang **'dacing'** dan warna biru yang sama seperti tahun-tahun sebelum ini, namun rakyat Kelantan tidak mahu **berPerdana Menterikan Dr. Mahathir dan tidak mahu berMenteri Besarkan Datuk Muhamad Yaakub.** Saya tidak tahu, sama ada Dr. Mahathir tahu bahawa rakyat Kelantan tidak sukakan dia. Jadi, kedatangannya sebagai Pengerusi UMNO Kelantan hanya membawa penyakit baru

dalam UMNO. Annuar Musa laksana kuman atau virus yang menyakitkan mangsanya. Tercapai atau tidak impian Dr. Mahathir untuk merampas Kelantan bergantung kepada tindakan politiknya selepas ini.

Apakah Datuk Hussein akan dimusnahkan? Atau Annuar Musa digantikan dengan Kamaruddin Jaafar dan Kamaruddin Mohd Noor?

Tidak siapa tahu untuk membaca peta politik Kelantan itu yang tersimpan dalam kotak fikiran Dr. Mahathir. Yang jelas, pada 12 Ogos 1992 lalu, Annuar Musa sudah menjemput Perdana Menteri untuk mengisi beberapa majlis yang diaturnya termasuklah melawat Pondok Mahligai di Melor dalam kawasan Bachok. Dan Datuk Hussein juga membuat **'STRATEGI'**nya sendiri untuk lawan Annuar. Dia akan jemput Dr. Mahathir rasmikan Projek **'KAMPUNGKU'** yang di tempatkan di Kg. Jambu Merah, Melor iaitu dalam kawasan Annuar Musa. Projek ini macam **SEMARAK** tiga tahun lalu. Nampaknya, kedua-dua mereka akan akan terus **'MENGGIGIT'** selagi PM tidak mengambil tindakan drastik di dalam UMNO.




*Pertemuan di Jambatan Salor. Suspen atau ngeri?*



*Dr. Mahathir: Tok Guru kita bergambar dulu. Lepas ini baru kita bincang pasal Kelantan. Maklumlah, bukan senang Tok Guru nak jumpa saya. Saya ni...Perdana Menteri UMNO. Tok Guru tu...Menteri Besar PAS.*
*Tok Guru Nik Aziz: Hambo tak kisah. Mana-mana la...ikut demo!*



*Syed Hamid: Tok Guru ni betul ke nak laksanakan hudud di Kelantan? Saya nak bagi tahu Tok Guru, bukan senang nak buat sebab kena pinda Perlembagaan Negara. Susah kerja saya! Tanya Ketua Hakim Negara tu....*
*Tok Guru Nik Aziz: Perlembagaan Negara manusia cipta. Takkan ciptaan manusia tak boleh nak pinda? Betul tak Tun?*
*Tun Hamid Omar: Kalu nak pinda boleh tapi jangan kurangkan kedudukan saya sudahlah....*



*Inilah yang dikatakan Rumah Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan di JKR 10. Tapi rumah ni...Tok Guru Nik Aziz takut nak duduk dikhuatiri terlalu mewah. Sekarang jadi tempat sambut tetamu sahaja*



*Ini rumah Tok Guru Nik Aziz di Kampung Pulau Melaka, Pangkalan Chepa. Rumah yang dibina dengan hasil titik peluhnya sendiri. Tok Guru tolak rumah JKR 10. Biasa aje bukan macam rumah Sheikh Anwar Ibrahim!*

Pengakuan Annuar dan Hussin

# "KAMI TAK BERKRISIS"

● Oleh: Imran Mohd Noor



Senator Annuar Musa

KUALA LUMPUR- Pelbagai spekulasi telah dibuat berikutan pengakuan Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Senator Annuar Musa tentang wujudnya masalah dalaman satu bahagian UMNO di negeri itu dan berbangkitnya masalah di kalangan ahli-ahli perhubungan, termasuk soal peribadi antara beliau dengan pemimpin veteran UMNO di negeri tersebut.

Pengakuan Annuar dikatakan telah menyebabkan beberapa pemimpin veteran UMNO di Kelantan tersinggung dan telah menimbulkan masalah baru dalam UMNO Kelantan.

Malahan ada di kalangan mereka merasa begitu tidak senang dengan kenyataan Annuar yang mendedahkan tentang masalah peribadinya dengan seorang pemimpin veteran UMNO di negeri itu.

Berikutan dengan itu, beberapa pihak telah membuat andaian bahawa pemimpin veteran UMNO Kelantan yang menghadapi masalah peribad dengan Annuar adalah Datuk Hussin Ahmad, Ketua Penerangan UMNO Malaysia yang juga Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang.

Bagaimanapun Wartawan Media Islam yang sempat menemui kedua-dua tokoh kontroversi itu telah dijelaskan tentang kedudukan sebenar masalah peribadi antara mereka berdua.

Bagaimanapun Annuar dan Hussin masing-masing tidak mengakui wujudnya masalah peribadi antara mereka berdua seperti yang diheboh-hebohkan.

Annuar menjelaskan bahawa tidak ada masalah peribadi antara mereka berdua dan tidak ada masalah dalaman UMNO di Kelantan.

"Tidak ada masalah, mana ada masalah, semuanya berada di dalam keadaar baik," katanya.

Annuar kemudiannya bertanya masalah apa yang dimaksudkan dan bila dinyatakan bahawa masalah seperti yang dikatakan ketika berucap di Konvensyen Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan, Annuar segera menafikan.

Beliau juga menafikan wujudnya masalah baru hasil daripada pengakuannya di konvensyen itu.

Menjawap satu soalan, Annuar berkata bahawa Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan pun berada di dalam keadaan baik dan tidak wujud sebarang masalah di kalangan mereka.

Sementara itu, Hussin juga turut menafikan bahawa beliau berkrisis dengan Annuar.

"Saya dengan Annuar tidak ada apa-apa masalah. Orang kata saya marah pada Annuar itu tidak betul," jelas Hussin.

Hussin juga menafikan bahawa beliau pernah memarahi Annuar yang dikatakan menaja seseorang untuk menentangnya dalam pemilihan peringkat bahagian yang akan diadakan tahun depan.

"Pada setiap pemilihan yang diadakan dalam UMNO Kelantan, saya selalunya mendapat tentangan dari Pemuda-pemuda UMNO," katanya.

"Masalah tentang menentang dalam parti ini adalah perkara biasa dan saya sedia ditentang pada bila-bila masa sahaja," tegas Hussin.

Mengulas mengenai pergolakan yang timbul dalam UMNO Kelantan, Hussin menjelaskan bahawa pergolakan itu merupakan perkara biasa bagi mana-mana parti politik.

Menurut beliau, tidak ada mana-mana parti politik pun yang tidak bermasalah.

Hussin juga menafikan wujudnya perpecahan atau mula menampakkan bibit-bibit perpecahan dalam UMNO negeri Kelantan.

"UMNO di Kelantan tidak berpecah, malah masih kukuh dan ahli-ahlinya semakin bertambah," jelas Hussin.

## Zam dilantik Pengarah BTN



Zam (kiri) sedang menerima anugerah.

KUALA LUMPUR: Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Mohd Zam Abdul Wahab dijangka akan dilantik menjadi Pengarah Biro Tata Negara yang baru.

Beliau akan menggantikan Datuk Dr. Kamaruddin Kachar yang kontraknya selaku Pengarah BTN tidak disambung semula.

MI difahamkan keputusan melantik Datuk Zam mengepalai BTN dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad setelah melihat performance dan prestasi Datuk Zam.

MI juga difahamkan Datuk Zam telah menampakkan keupayaan membimbing para peserta kursus terutama yang ada kaitan dengan BTN. Dalam satu sessi di Langkawi baru-baru ini, kebolehan Datuk Zam itu telah sekali lagi terbukti dan ini yang membuat Perdana Menteri tertarik hati.

Dengan perlantikan Datuk Zam adalah dijangkakan politiking di BTN dapat dikurangkan kerana Datuk Zam selaku pegawai kerajaan memang terkenal dengan ketegasannya.

Malahan adalah dijangkakan BTN akan lebih menitikberatkan program latihan daripada politiking dan dengan demikian menjelang 2020, kakitangan kerajaan yang diberikan kursus latihan akan lebih komited kepada tugas harian mereka.

Di Melaka sendiri, Datuk Zam menganjurkan kursus "bina semangat" di Graha Patriotika. Program ini adalah inisiatif kerajaan negeri untuk mengubah sikap para pegawai kerajaan.

Adalah difahamkan ide asal datang dari Datuk Zam dan Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik mengalu-alukan.

*'Kami Tak Berkrisis'. Betulkah Datuk Husein Ahmad tidak bergaduh dan dendam-mendendam dengan Annuar Musa?*



*Muhamad Sabu: Tok Guru saya nak bisik sikit. Kelantan sekarang tengah digugat dan digigit-gigit oleh...........*
*Tok Guru Nik Aziz: Eh! Dah terang lagi bersuluh. Hambo tahu lama dah. Tak apa. Kita tak akan diri rumah di tepi pantai kalau takut dilambung ombak!*



*Gambar HARAKAH: Masing-masing bertaring. Siapa lawan siapa ni...? Berdebat ke atau berpidato?*



*Merenung masa depan politiknya dalam PAS. Cerah atau kelam? Pemimpin muda PAS Wilayah Persekutuan yang selalu kontroversi kerana gigitan dan gugatan pedasnya dalam muktamar-muktamar PAS. Syabas MALEK HUSEIN! Berani kerana benar dan takut kerana salah.* ***Tapi ingat, jangan tiru Azman Attar sudahlah.***




*Antara tersirat dan tersurat. Hanya WATAN sahaja yang tahu karikator SINIS ini*

WATAN

MEMPERTINGKAT PEMIKIRAN RAKYAT

Bil: 857 Tahun Ketujuh PP 40/3/92 Harga: $1.00 Ahad 5 Julai 1992 4 Muharram 1413

## Dakwaan TMB Kelantan

# RAFIDAH HALANG PELABUR

Oleh SHAMSURY MAMAT

**KOTA BHARU: Timbalan Menteri Besar, Haji Mohd Rozali Isohak menyalahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai punca tidak ramai pelabur asing datang melabur di Kelantan.**

Beliau berkata, menteri itu telah memberi gambaran buruk kepada pelabur asing mengenai kerajaan Kelantan sehing- ... reaksi yang menyatakan Kelantan negeri paling sedikit menerima pelaburan asing.

Dalam kenyataannya 21 Jun lalu, Datuk Seri Rafidah berkata Kelantan hanya menerima pelaburan sebanyak $4.6 juta sejak Januari hingga Mei tahun ini.

Pahang menerima pelaburan sebanyak $669 juta dan Terengganu pula memperolehi pelaburan asing bernilai $495 juta.

**PROJEK**

Haji Mohd Rozali memberitahu **Watan**, ia- ...

lapangan terbang, pelabuhan dan pengangkutan.

Katanya, kerajaan pusat tidak mungkin mewujudkan kemudahan infrastrukur kerana perbezaan ideologi politik.

Beliau memberi contoh bagaimana kawasan tanah membesarkan lapangan terbang di Pengkalan Chepa dibuat oleh kerajaan sejak empat tahun lalu tetapi masih terbengkalai.

Timbalan Menteri Besar itu juga mengakui beberapa agensi terpenting untuk menarik pelaburan asing dikawal oleh kerajaan pusat termasuk ...



**Datuk Seri Rafidah Aziz**

an Iktisad Negeri Kelantan ... bagi menarik

*Jangan tanya sebab apa Kelantan mundur atau pelabur tidak datang. Kerana Rafidah Aziz main politik kotor.*



*Eh..Eh...Dr. Mahathir buat apa tu? Menari rock ke atau joget lambak? Ada 'awek' pulak! Sigah apa pula yang disangkutnya di kepalanya tu? Macam lambang Kristian aje?*



*Dr. Harun Taib...YB Muhammad Hussien...Ustaz Abu Bakar Chik. Pertemuan atau kebetulan.*



*Siapa lawan saya, dia akan jadi MENTERI. Tengok Sheikh Anwar, dia menang saya kalah - dia jadi MENTERI. Tengok Annuar Musa dia kalah, saya menang - dia juga jadi MENTERI. Esok kalu... ada pemimpin UMNO yang kepingin sangat nak jadi MENTERI kena lawan saya. Menang atau kalah mesti boleh jadi MENTERI. Pilihanraya akan datang mungkin saya akan bertanding di Terengganu atau di Kedah. Atau di Titiwangsa.....siapa nasib baik lawan dengan saya, Insya-Allah dapatlah jadi MENTERI. Itulah agaknya kata ahli Parlimen Nilam Puri, Hj. MUHAMMAD SABU.*



*Sdr. Tarmizi Mohd Jam bersebelahan Dato' Abdul Halim Muhamad, EXCO Kerajaan Negeri Kelantan dan Haji Abdul Halim Abdul Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam sidang akhbar pertama Kerajaan PAS dibentuk.*



*Cikgu Rahim Abdullah, Husam Musa dan **Fattah Harun**... tiga pemimpin muda Kelantan yang menjadi orang kepercayaan Tok Guru Nik Aziz. Syabas! kejujuran anda akan dapat menelanjangi fitnah yang sentiasa mencari sasarannya.*



*Hambo tahu... negeri hambo akan terus menjadi sasaran musuh-musuh Islam. Kalau Kelantan kena gugat dan kena gigit bermakna hambo pun kena samo. Jadi...demo jadi penulis dan wartawan kena tulis cerita yang molek-molek. Tok Guru tenang...melayan wartawan di Malam Penganugerahan Tokoh Buku Kelantan sambil diperhatikan oleh Tarmizi Mohd Jam*



*Tarmizi Mohd Jam sempat merakamkan gambar kenangan bersama Tokoh Buku Kelantan 92', Dato' Haji Yusuf Zaki Ya'akob. Dato' Yusuf adalah Pengarah Eksekutif Syarikat Penerbitan Dian Darul Naim*



*Ustaz! Ini buku saya yang Ustaz lancarkan tadi. Saya tulis mengenai hudud semoga ia berguna untuk memahamkan rakyat yang keliru tentang isu ini. Mungkin itulah yang dicakapkan oleh Sdr. Tarmizi Mohd Jam kepada Timbalan Menteri Besar Kelantan, Ustaz Hj. Halim Abdul Rahman bila melawat gerai buku 'Menanti Hudud Di Kelantan' Pesta Buku Kelantan 92 lalu.*



*Tok Guru Nik Aziz sempat ditemui oleh Pengarang Majalah Impact International London, Sdr. Faruqqi dalam lawatannya ke Amerika Syarikat awal tahun ini. Apa agaknya yang Tok Guru bincang dengan dia?*

# Di sebalik penangguhan Mahathir ke projek 'Kampungku'

Oleh: Mohd. Nasir Rani

**Dr. Mahathir Mohamed menangguhkan 'perjalanannya' ke Kelantan apabila program pelancaran secara rasmi projek 'Kampungku' ditundakan kepada suatu masa yang belum ditetapkan.**

Sepatutnya 3 Oktober 1992 lepas menjadi tarikh bersejarah bagi rakyat Kelantan yang tidak sampai dua bulan Ketua Negara itu menziarahi mereka dan 'menyumbangkan' berbagai kemudahan termasuk elektrik, air serta jalan raya ke kawasan yang dilalui.

Berbagai spekulasi timbul apabila diketahui umum Perdana Menteri akan ke Kelantan lagi untuk merasmikan projek 'Kampungku' yang diistilahkan oleh masyarakat negeri itu sebagai program 'Semarak Kedua' setelah pertama kali Semarak dilancarkan tiga tahun lalu di Lubok Jong, Pasir Mas tidak mendatangkan hasil.

Kalau 'Semarak' merupakan rancangan UMNO mencari penyokong, tetapi 'Kampungku' rancangan dua kumpulan UMNO Kelantan merebut kuasa. Yang dapat difahami oleh seluruh rakyat Kelantan, 'Kampungku' sekadar rancangan individu untuk menarik keyakinan pucuk pimpinan parti (UMNO) bahawa "dialah yang kuat di Kelantan", kerana dalam program tersebut kehadiran yang ramai diambil kira.

Manakala bagi pemimpin yang tidak mampu menghimpun rakyat yang ramai untuk tontonan presiden parti menunjukkan pemimpin tersebut tiada pengikut di negeri ini dan perlu dilucutkan dari sebarang jawatan.

Sebelum ini Perdana Menteri dan isteri datang ke Kelantan atas undangan Senator Annuar Musa, berhimpun di majlis yang diadakan di mahligai yang dihadiri oleh kira-kira 700 orang.

Sehingga aturcara yang Perdana Menteri akan berucap di majlis tersebut terpaksa dibatalkan. Bukan itu sahaja, sambutan di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Pengkalan Chepa ketika ketibaan beliau menyaksikan beberapa orang pegawai kerajaan dari Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) yang hadir.

Wajah-wajah itu menampakkan seolah-olah rancangan kedua ini untuk mengembalikan imej Perdana Menteri di Kelantan yang juga selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan apabila kehadiran 12 Ogos lalu tidak mendapat perhatian rakyat Kelantan.

Kenapa Dr Mahathir menangguhkan kehadirannya ke Kelantan sedangkan seluruh rakyat negeri ini diberitahu supaya menunggu dan menyambut beliau di beberapa destinasi untuk menunjukkan penerimaan rakyat negeri ini terhadap Perdana Menteri?

*Apakah yang menjadi spekulasi sekarang apabila mendapati rancangan yang sepatutnya diadakan pada awal bulan Oktober itu ditunda sebegitu rupa sehingga persiapan menyambut beliau serta pembinaan pentas projek tersebut hampir siap?*

Apakah yang menjadi spekulasi sekarang apabila mendapati rancangan yang sepatutnya diadakan pada awal bulan Oktober itu ditunda sebegitu rupa sehingga persiapan menyambut beliau serta pembinaan pentas projek tersebut hampir siap?

Semua masyarakat Kelantan telah maklum kerana kesan dari projek tersebut beberapa perkara negatif telah berlaku dalam keghairahan menyambut kehadiran seorang presiden parti sehingga beberapa perkara asas untuk rakyat dimusnahkan.

Bukan itu sahaja berbagai kemudahan kilat yang dilakukan semuanya adalah pembaziran dan yang jelas medari pemimpin 'merapu' di Kelantan yang hanya mencari kepentingan politik di sebalik kehadiran Perdana Menteri sahaja sedangkan untuk mencapai kepercayaan sebenar oleh rakyat Kelantan adalah terlalu sukar untuk mereka berdua.

Siapa mereka itu yang menjadi 'jongel' kepada rancangan Perdana Menteri di Kelantan?

Pertama, Dato' Haji Husain Ahmad (Husain Serama). Beliau bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, dipecat dari jawatan tersebut dan diganti dengan orang bawahnya Dato' Ariffin Said.



*'Projek Kampungku' untuk siapa? Untuk Datuk Husein Ahmad atau untuk rakyat Kelantan? Mula-mula 'Projek Kampungku' lepas itu 'Projek Politikku'. UMNO....hormatilah keputusan rakyat. 'Projek Kampungku' tak boleh nak lepaskan DENDAM Datuk pada Annuar Musa!*



*HAJI SUBKY LATIF: Bahasanya mudah, sedap didengar dan kena sasaran. Penulis kontroversi yang kini menjadi pemimpin PAS. Banyak menulis dan menyorot tentang perubahan yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Aziz di Kelantan. Pernah tulis buku* ***'Barisan Nasional Digugat Dan Digigit'.***

# BAB 4

## KETENTUAN ALLAH UNTUK PAS

TEMPOH masa 20 tahun lagi, belum tentu UMNO bersama bala kekuatannya mampu untuk menawan Kota Darul Naim yang menjadi pusat pentadbiran Kelantan. Orang-orang PAS sudah berkata begitu dan orang-orang UMNOpun kata begitu. Walaupun Dr. Mahathir pernah cakapkan bahawa UMNO boleh tawan Kelantan 20 tahun akan datang, namun cakap Perdana Menteri itu belum tentu ada kebenarannya. Ketua Penerangan PAS Kelantan, Haji Hassan Abdullah yakin UMNO akan menemui jalan yang sukar untuk menumbangkan PAS. Dari segi sejarahnya, kedua-dua parti akan terus memerintah untuk jangka waktu yang panjang sebaik sahaja mereka merampas kerajaan negeri. PAS pernah tawan Kelantan selama 18 tahun. Tidak siapa dapat meneka dengan tepat, bilakah UMNO akan dapat menguasai Kota Darul Naim itu? Tempoh 20 tahun hanya tekaan Dr. Mahathir sahaja. Mungkin lebih lama dari itu. Siapa tahu?

Pada tahun 1978, UMNO merampas semula Kelantan dan 12 tahun selepas itu, UMNO dijatuhkan. Halnya, bukan sejauh mana UMNO boleh tawan Kelantan tetapi bilakah UMNO boleh bangun semula setelah jatuh tersungkur. Saya kira selagi orang Kelantan memiliki sikap yang unik dalam budaya politik maka selagi itulah PAS dan UMNO mempunyai potensi yang cerah di Kelantan. Orang-orang Kelantan mungkin berpendapat, kalau betul kerajaan PAS ini dapat melaksanakan Islam sebagai ad-deen dan dapat menjalankan pemerintahan secara adil, tidak ego, tidak ada penyelewengan, tidak tamak haloba dan meringankan bebanan rakyat, maka tiada sebab untuk mereka menjatuhkan PAS sebagai tonggak pemerintahan.

Rakyat sebenarnya sudah tidak mahu kepada UMNO. Sebab itu UMNO kalah 39-0 secara sapu bersih. Jika ditinjau, pendekatan yang sedang dibawa oleh PAS dan Tok Guru sekarang, adalah amat sukar untuk UMNO bertapak semula. Lebih-lebih lagi, para pemimpin UMNO menunjukkan sikap yang **menekan** rakyat Kelantan. Tidak siapa dapat menafikan kenyataan ini. Dalam kes pemberian baja umpamanya, Kerajaan Pusat kata beri kepada semua rakyat tanpa mengira parti tapi UMNO Kelantan buat lain. Kalau nak baja kena isi borang UMNO dulu. Sebenarnya rakyat tidak boleh ditipu lagi. Mereka tahu bahawa baja yang UMNO pikul itu adalah hak rakyat. Hak mereka, walaupun mereka bukan ahli UMNO dan tidak mengundi dacing.

Dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Pangkalan Pasir, di Kg. Bunut telah berlaku kes isi borang UMNO dulu baru boleh dapat baja. Hal ini dilakukan oleh bekas ADUN UMNO, Hj. Hassan Ismail. Akibatnya seramai 34 orang petani di

kampung itu gagal mendapatkan baja tadi kerana enggan mengisi borang UMNO itu. Nasib baik, ADUN PAS sekarang, Haji Hassan Abdullah sempat menyediakan 450 kampit baja yang dibuat oleh Kelantan Baja Corporation. Nampaknya perangai orang Kelantan tak sama macam orang di negeri-negeri lain yang boleh **DIBELI** dengan **'BENDA'**. Cara UMNO melayan rakyat Kelantan yang bergelar petani ini, menguatkan lagi untuk mereka menentang UMNO habis-habisan.

Rakyat tahu bahawa Tok Guru seorang yang jujur. Tok Guru tinggal di rumah biasa seperti orang-orang kampung. Elaun Menteri Besar yang menjadi rebutan MB-MB di negeri lain tidak diambil semua, hanya $4,600 sahaja digunakan. Elaun rumah sebanyak 3,000 sebulan langsung tidak pernah diambilnya. Hal ini diketahui oleh rakyat Kelantan yang amat senang dengan tingkah laku Menteri Besar PAS itu. Ke manakah wang yang Tok Guru tak ambil itu? Duet itu masuk semula ke dalam Tabung Kerajaan Negeri. Gajinya pula sebahagiannya diberikan semula kepada kerajaan negeri dan sebahagian lagi disumbangkannya ke dalam Tabung PAS Kelantan. Elaun Keraian Hari Raya sebanyak $30,000 kini sudah masuk dua tahun tidak diambil oleh Tok Guru. Inilah ketentuan Allah kepada rakyat Kelantan. Rakyat Ke-lantan sudahpun beruntung dengan kententuan ini.

Orang UMNOpun akur dengan ketentuan itu. Mereka bertanya juga. Soalan yang sering terpacul dari mulut mereka ialah apa salahnya kerajaan pimpinan PAS sekarang hingga kita nak tukar parti lain selepas ini? Rakyat Kelantan kini berkata, jika serah kerajaan negeri pada UMNO UMNO akan pulas tangan kita tapi jika serah pada PAS PAS juga parti Melayu tapi berpegang kuat pada perintah agama. PAS tidak rasuah, tidak ada

penyelewengan dan tidak membazir wang rakyat. Saya yakin, rakyat Kelantan bagaikan sudah tidak ada alasan yang lebih munasabah lagi. Mereka tidak boleh untuk menukar kerajaan yang ada. UMNO juga tidak boleh untuk turun berkempen memburuk-burukkan pemerintah PAS tadi. Rakyat sudah tahu sejauh manakah kejujuran PAS me merintah dan membela rakyat walaupun baru melepasi angka 730 hari memerintah!

Dalam ketenangan dan keamanan yang dikecapi oleh rakyat Kelantan itu, tiba-tiba timbul arus baru yang mencurigakan. Satu **'SLOGAN'** kononnya hanya **Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz sahaja yang terbaik di Kelantan. Tok Guru nombor satu. Tok Guru nombor one. Tok Guru sahaja yang tidak rasuah. Tok Guru sahaja yang zuhud sedangkan anggota Dewan Undangan Negeri dan anggota parlimen PAS yang lain hidup mewah dan entah apa-apa lagi tuduhan dilemparkan.** Kalau tanya orang UMNO, dia akan kata macam itu. Tanya orang Semangat 46 pun kata macam itu. Dalam hal ini, orang-orang PAS juga tidak terkecuali malah dengan lantang menyatakan hal itu dalam Muktamar Tahunan PAS yang lalu yang telah diadakan di Balai Islam Kota Bharu. Nampaknya **'SLOGAN'** baru itu bertiup kencang dan senada dengan kehendak musuh-musuh PAS tadi. **Beberapa orang perwakilan PAS 'MENGHENTAM' Kelantan atas isu ini.**

Jika orang-orang PAS tadi tidak sedar, maka UMNO sudahpun bertepuk tangan kerana kerja-kerja mereka sudah diteruskan oleh orang-orang PAS sendiri. UMNO tahu, benteng keperibadian Tok Guru amat kuat menunjangi politik PAS di Kelantan. UMNO tidak boleh berbuat apa-apa selagi Tok Guru menjadi Menteri Besar. Hakikat ini diakui oleh parti itu. Tapi,

UMNO menempelak pemimpin PAS yang lain termasuklah yang menjadi anggota EXCO Kerajaan Negeri sekarang. UMNO sudah menuduh kononnya mereka tidak berwibawa, korupsi, berfikiran jumud dan terlibat dalam apa yang dikatakan **skandal balak** dan **penerokaan tanah haram.**

Jadi, UMNO sudah berkempen di seluruh negeri Kelantan dan seluruh Malaysia kononnya Tok Guru sahaja yang terbaik. Tanpa Tok Guru, Kelantan akan hancur dan PAS akan gulung tikar. **Propaganda UMNO ini bagaikan disambut oleh segelintir ahli-ahli PAS tadi. Mereka bertindak sama macam UMNO, mungkin kerana terlalu sayangkan PAS dan Tok Guru. Tapi, yang jelas tindakan itu menguntungkan UMNO. UMNO sudah ada jurucakap dalam PAS. Inilah yang perlu disedari oleh orang-orang PAS tadi.**

Menurut Ketua Penerangan PAS Kelantan, Haji Hassan Abdullah, hal itu adalah kata-kata propaganda UMNO. Perang saraf itu sedang dan akan diteruskan. Sebenarnya, PAS tidak pernah berteraskan kepada Tok Guru tetapi perjuangannya berteraskan Islam. Jadi, siapa sahaja yang akan naik dan jadi Menteri Besar, dia tetap sama asalkan dia berpegang kepada al-Quran dan al-Hadis SAW. Orang-orang PAS sedar bahawa Allah SWT akan memberi kemenangan kepada mereka kerana perjuangan yang ikhlas. Allah SWT telah mencampak-kan kemenangan itu dengan **MANDAT** bukan sebagai **HADIAH.**

Orang-orang PAS mesti **BERINGAT** memerintah negeri dengan betul. **Tidak timbul soal siapa Menteri Besarnya. Yang penting, Menteri Besar itu ikhlas dan mengikut kepimpinan Islam yang menjadi dasar PAS selama ini.**

Sudah menjadi ketentuan Allah bahawa Tok Guru menjadi Menteri Besar kepada rakyat Kelantan. Walaupun dalam masa ynag sama, Annuar Musa menjadi **'Menteri Besar'** UMNO di Kelantan juga. Saya kira, perlu diperjelaskan bahawa di Kelantan ada dua jenis kerajaan sama ada sedar ataupun tidak. Sama ada diakui ataupun dinafikan. Satu kerajaan pimpinan Tok Guru yang diangkat secara sah oleh rakyat dan diizinkan oleh Istana.

Dan satu lagi kerajaan Jabatan Pembangunan Persekutuan yang ditaja oleh Pusat yang Annuar Musa jadi Menteri Besarnya. Kedua-duanya bertujuan untuk membangunkan rakyat Kelantan. Annuar Musa mendapat bantuan penuh dan keistimewaan daripada Kerajaan Pusat. Manakala Tok Guru mentadbir dengan caranya tersendiri tanpa bergantung kepada **'subsidi'** Dr. Mahathir dari Kuala Lumpur.

Jika diperhatikan baik-baik, matlamat Tok Guru hampir tercapai walaupun ada serangan kononnya Tok Guru tidak cekap mentadbir. Tuduhan seperti ini mestilah dimasak-kan dahulu. Struktur kerajaan negeri adalah sama macam di negeri-negeri lain yang UMNO tadbir. Tok Guru ada Ketua Pentadbir, ada EXCO-EXCO yang berpotfolio. Mereka memegang potfolio dengan kerjasama pegawai-pegawai kerajaan tadi. Soal Tok Guru cekap atau tidak, itu soal kedua.

Kerjasama daripada pegawai-pegawai kerajaan tadi perlu bagi melicinkan kerja-kerja melaksanakan rangcangan. Seorang pemimpin kalau dia keseorangan bukanlah pe mimpin namanya. Seorang pemimpin yang baik ialah yang berkerja secara **'teamwork'** dan Tok Guru telah duduk dalam **'teamwork'** ini.

Menuduh Tok Guru tidak cekap, hanyalah cakap-cakap politik. Ia perlu dibuktikan?

Bukankah Tok Guru sudah buktikan kemampuannya itu? Dalam keadaan dia diserang dari pelbagai sudut, dia mampu mentadbir Kelantan. Macam-macam tuduhan dan ramalan UMNO terhadap Kelantan tidak berlaku. Inilah kejayaan Tok Guru. Bagaimana dengan Annuar Musa? Apa yang dia buat untuk UMNO Kelantan? Kalau krisis dia dengan Datuk Hussein Ahmad pun susah nak selesaikan macam mana nak selesaikan masalah rakyat Kelantan itu. Rakyat Kelantan memilih PAS dan Semangat 46 kerena mereka bermasalah. Dalam soal ini terbukti Tok Guru lebih cekap dari Annuar Musa tadi. Annuar Musalah Menteri Besar Pusat yang tidak cekap!

Di situ telah berlaku dua ketentuan Allah SWT. Kelebihan dan kekurangan antara Tok Guru Nik Aziz dengan Annuar Musa tadi. Saya yakin dan percaya, apabila Kelantan berjaya ditawan oleh PAS maka bayangan dan isu-isu yang menjatuhkan PAS dalam tahun 1978 dulu sering menjadi ingauan. PAS jatuh kerana skandal balak. Tidak siapa dapat menafikan walaupun ada faktor-faktor lain bersamanya. Kelantan negeri yang kaya dengan hasil balak. Apakah **'SKANDAL BALAK'** akan berulang lagi? Hal-hal ini kita minta Allah menjauhkannya.

**"Ya Allah Ya Tuhanku... jauhkanlah Kelantan dan kepimpinan Tok Guru Nik Aziz dari sebarang penyelewengan balak. Kerana bahana balak begitu pedih deritanya bagaikan peluru yang menghancur-luluhkan Hiroshima. Jauhkanlah pemimpin-pemimpin PAS dari terlibat dengan BALAK yang menjadi kurniaan MU itu."** Seorang wartawan

Utusan Malaysia yang membuat temuramah dengan Haji Hassan Abdullah yang menjadi Ketua Penerangan PAS Kelantan pernah melontarkan satu soalan berhubung dengan **'BALAK'**. Wartawan itu bertanya:

"Jika kita lihat, kebanyakan kerajaan negeri jatuh kerana isu balak. Kerajaan PAS dulupun jatuh kerana balak, kini apabila PAS mentadbir sebuah negeri yang masih banyak balak, bagaimanakah PAS hendak mengatasi dari terjebak dengan skandal balak."

Haji Hassan membuat komen dan memberikan kupasan yang amat berhati-hati berhubung dengan soalan yang boleh dianggap kontroversi itu. Katanya:

"Saya juga adalah **Kelantan Public Account Committee Chairman**. Baru-baru ini kita telah mendapati, pada tahun 1990, Kerajaan Negeri Kelantan memperolehi $43 juta hasil dari balak dan hutan. Pendapatan $43 juta ini adalah diperolehi daripada hasil hutan seluas 38,000 hektar yang telah ditenderkan untuk kerja-kerja membalak Berbanding dengan tahun lalu, apabila kerajaan Kelantan di bawah pemerintah APU telah memperolehi $42 juta dengan hanya mengeluarkan 9,000 hektar kawasan balak.

"Perkara ini telah disemak dan disahkan oleh PAC Negeri Kelantan. Inilah dia penyelewengan Kerajaan Negeri dahulu di bawah UMNO Kelantan. Bagaimanakah dengan 9,000 hektar kami berjaya memperolehi $42 juta sedangkan Kerajaan UMNO dahulu mendapat $43 juta dengan kawasan seluas 38,000 hektar? Bezanya seperti bumi dengan langit. Bukti-bukti ini telah

dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri yang lalu. Kenapa sampai begitu banyak? Ini kerana kerajaan yang lama telah melepaskan beberapa ribu hektar dengan tawaran harga yang rendah berbanding harga pasaran."

"Misalnya saya sebagai MB telah meluluskan beribu hektar kawasan hutan kepada satu syarikat sedangkan saya tahu kawasan itu tidak ada banyak balak. Kemudian bayarlah premium kepada kerajaan misalnya $100,000. Kemudian syarikat ini akan menulis surat rayuan kepada kerajaan negeri menyatakan kawasan ini tidak ada balak dan minta ganti 1,000 hektar lagi. Bila diganti, diberinya kawasan hutan dara, tanpa dibayar sebarang premium. Jika tidak silap sehingga sekarang kita memperolehi 32 permohonan yang melibatkan kawasan ganti yang diberi oleh kerajaan dahulu tanpa perlu membayar premium."

"Siapa yang rugi dalam soal ini? Bukankah rakyat yang rugi? Dan polisi kita sekarang ialah mengemukakan tender terbuka, tawaran tertinggui sekali akan mendapat tender. Dalam polisi bari ini orang UMNOpun daftar tender balak... saya ada bukti kita beri tender ini kepada orang UMNO tanpa mengira dia siapa. Sebabnya kita beri kepada tawaran yang paling tinggi tak kira dia orang parti mana sekalipun. Saya ada bukti, ada pemimpin Pemuda UMNO Kuala Krai yang dapat tender balak di bawah kerajaan negeri sekarang.

Kerana dia masuk tender dengan tawaran baik. Jadi tidak timbul soal kepartian memainkan peranan yang penting dalam menentukan dapat atau tidaknya tender balak negeri Kelantan sekarang. Orang PAS tak boleh kata, kenapa orang UMNO dapat.Begitulah adilnya PAS dalam memberi tender balak ini.

Orang-orang Cina pun suka cara ini. Tidak keluar duit kopi. Dan tidak rasuah sana-sini. Pemimpin PAS Kelantan hendaklah berhati-hati dalam mengendalikan tender-tender balak ini. Jangan ada di kalangan pemimpin tertinggi PAS yang terlibat atau cuba-cuba nak main balak. Sebab **'BALAK'** boleh membawa **'BALA'**. **'BALA'** yang boleh menjatuh dan memburukkan parti dan kreadibiliti kepimpinan. **Menjauhkan 'BALAK' bagi pemimpin politik di semua peringkat bererti menjauhkan 'BALA'.**

Orang-orang PAS patut **memanfaatkan TOK GURU dan NEGERI KELANTAN juga BALAK** dan segala perkembangan yang berlaku sebagai **KETENTUAN** Allah SWT. Binalah **KETENTUAN** itu dengan pentadbiran yang cemerlang dan baik untuk kebajikan rakyat. **KETENTUAN** ini bukannya **HADIAH** untuk PAS dan Tok Guru tapi **MANDAT** dari Allah SWT untuk menguji sejauh manakah PAS dan kepimpinan boleh menegakkan apa yang mereka cakap-cakapkan dalam Manifesto Pilihanraya 1990 itu menjadi kenyataan.

Berebut-rebut untuk mendapatkan **'HARTA RAMPASAN PERANG'** di Kelantan adalah tindakan kebudakbudakkan. Ingatlah kisah **'PERANG UHUD'**. Pemimpin PAS kena sedar dan menjadikan cerita **'SKANDAL BALAK'** di zaman Dato' Asri Haji Muda dahulu dan cerita **'PERANG UHUD'** di zaman Rasulullah sebagai iktibar dan titik noktah untuk memisahkan sikap tamak haloba dan politiking **'SINDROM BALAK'** juga **'SINDROM RAMPASAN PERANG'**.

# BAB 5

## KERAJAAN DALAM KERAJAAN?

KERAJAAN dalam kerajaan. Itulah tajuk saya dalam bab ini. Walaupun ceritanya telah dilontarkan secara sepintas lalu dalam bab sebelum ini, namun rasanya ia patut disorot semula. Orang luar Kelantan mungkin tidak tahu, di Kelantan ada kerajaan dalam kerajaan. Apakah yang dimaksudkan dengan kerajaan dalam kerajaan? PAS sudah ada kerajaan bersama Semangat 46 untuk mentadbir Kelantan setelah mendapat mandat dari undi rakyat. Pilihanraya umum 1990 mengesahkan kejadian itu. Tetapi, bagi UMNO ia tidak boleh menerima kekalahan yang amat teruk itu sebagai **KEKALAHAN.** Inilah bahana, bila orang menang tak pernah kalah. Baginya, kalah ialah apabila tampuk pemerintahan di Kuala Lumpur juga tewas dan para pemimpin-nya tidak lagi jadi Menteri Kabinet. Hal ini, telah membuatkan UMNO Kuala Lumpur yang bernaung atas nama Kerajaan Pusat membuat kerajaannya sendiri di Kelantan dengan nama **Jabatan Pembangunan Persekutuan.**

Walaupun ianya tidak macam Kerajaan Kelantan yang dibentuk oleh PAS tadi tetapi peranan yang dimainkan oleh Jabatan Persekutuan itu sama macam apa yang kerajaan PAS buat khasnya berhubung dengan hal-hal yang bersangkutan dengan rakyat. Ia beri bantuan itu dan ini. Ia buat projek itu dan ini. Malah setiap projek yang dibuat didirikan papan tanda yang berbunyi **'PROJEK KERAJAAN BARISAN NASIONAL'** dan di tempat-tempat tertentu pula menggunakan papan tanda berbunyi **'PROJEK JABATAN PERSEKUTUAN'.** Pendekatan dan taktik kerajaan UMNO itu sama macam apa yang Kerajaan Kelantan utarakan pada rakyat, TETAPI PAS tidak menggunakan apa-apa papan tanda seperti yang digunakan oleh UMNO itu.

Bakal suami sudah lama tahu bahawa memberi makan-minum, pakaian, nafkah zahir dan batin kepada pengantin perempuan yang bakal menjadi isteri itu adalah tanggungjawab suami yang tidak boleh dialpakan. Begitu juga PAS, ia sudah lama tahu bahawa memberi projek kepada rakyat adalah tanggung jawab Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Pusat. Jadi, ia tidak perlu diheboh-hebohkan.

Tidak timbul soal PAS tidak beri projek. Malah rakyat Kelantan amat bersyukur kepada Allah SWT yang menjadikan bumi dan mereka kerana rezeki mencurah-curah datang bila PAS tadbir Kota Darul Naim. Apa tidaknya, di negeri-negeri lain, rakyat hanya dapat merasakan kenikmatan satu kerajaan sahaja. Tetapi di Kelantan, ada dua kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi, projek yang datangpun banyaklah. Satu dari kerajaan UMNO Pusat atas nama Jabatan Persekutuan dan satu lagi projek dari Kerajaan Kelantan sendiri. Dalam hal ini, rasanya adalah

**TERPELIHARA** rakyat Kelantan dari tidak mendapat apa-apa projek. Kerajaan Jabatan Persekutuan tadi **berMenteri Besar-kan Annuar Musa** yang diangkat oleh Dr. Mahathir. Walaupun rakyat tak iktiraf dia, tapi dialah yang dikatakan wakil UMNO Kuala Lumpur di Kelantan dan berperanan macam Menteri Besar.

Apabila semua orang tahu bahawa di Kelantan ada kerajaan dalam kerajaan, maka UMNO tidak boleh lagi menyalahkan PAS dan Kerajaan Kelantan bila ada kemiskinan dan kurangnya projek. Sebab, UMNO bertanggungjawab sama, dalam memajukan rakyat Kelantan tadi bila diwujudkan Jabatan Persekutuan yang negeri lain tidak ada. Jabatan Persekutuan ada tanggungjawabnya. Kerajaan Kelantan ada tanggungjawabnya. Bila peruntukan Kelantan disalurkan kepada Jabatan Persekutuan itu maka peruntukan kepada Kerajaan Kelantan sudah tentu akan berkurangan sebab PAS adalah pembangkang.

Saya kira, PAS juga bernasib baik kerana menang di negeri itu. Jika PAS menang di Terengganu atau di Kedah, belum tentu UMNO Pusat akan membuat Jabatan Persekutuan tadi. Tentunya, bila ada jabatan itu maka kerja-kerja Kerajaan Kelantan menjadi ringan tetapi kerja-kerja PAS dan Semangat 46 bertambah berat.

Sebabnya mudah sahaja. Jabatan Persekutuan adalah projek UMNO Pusat di Kelantan. Ia bertujuan untuk membantu memulihkan UMNO yang jatuh tersungkur itu. Apa-apa projek yang dijalankan oleh jabatan itu tadi, maka ia akan menjadi projek UMNO. Mereka akan memberi tahu rakyat bahawa hanya UMNO sahaja yang mampu memberikan **PROJEK dan**

**GULA-GULA.** Pengundi yang tidak berparti akan fikir dua kali. Ahli-ahli UMNO akan jadi angkuh dan bangga. Walaupun kalah, tapi **GULA-GULA** masih boleh ditaburkan. Anggota dan penyokong PAS dan Sema-ngat 46 akan melenting. Hati mereka terbakar. Saya kira, dalam hal ini, PAS dan Semangat 46 akan bertambah kerja untuk memberikan penerangan melawan propaganda UMNO itu. PAS sudah tentu tidak mampu menjawab propaganda UMNO tadi dengan **GULA-GULA atau PROJEK.** Ia kena banyak turun ke padang menabur budi.

Saya kira, strategi menubuhkan Jabatan Persekutuan ini cukup bijak sekali. Ia macam serang hendap yang saya ceritakan dalam bab-bab sebelum ini. Idea Dr. Mahathir ini boleh diterima pakai. Kerana ianya terlalu halus untuk dimengertikan oleh rakyat yang tidak berparti. Malah saya yakin, banyak lagi idea semacam ini sedang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir dari Kuala Lumpur. Kalau dikaji-kaji, sepanjang rentetan sejarah politik negara, tidak pernah terjadi Kuala Lumpur menubuhkan apa yang dinamakan Jabatan Persekutuan itu. Tetapi hal ini, telah berlaku di Kelantan sekarang. **Kerajaan UMNO dalam kerajaan PAS telah lama wujud. Inilah yang dikatakan kerajaan dalam kerajaan.**

Semua orang yakin bahawa penubuhan jabatan itu tadi adalah kehendak UMNO dan sekutunya bagi me ringankan bebanan untuk menawan Kelantan. Kini kerajaan dalam kerajaan tadi ditubuhkan juga di Sabah. Sebab itu saya kata ianya idea Dr. Mahathir. Dulu, Kelantanpun dikuasai oleh PAS selama 18 tahun tapi tak ada jabatan keramat itu. Datuk Ishak Lutfi, Datuk Mohamad Nasir dan Datuk Mohd Asri Haji Muda yang masing-masing pernah jadi Menteri Besar PAS di Kelantan tidak

menikmati kerajaan dalam kerajaan ini. Tapi, kenikmatan ini dirasai oleh Tok Guru Nik Aziz. Saya rasa ada baiknya ada dua kerajaan ini. Projek boleh datang dari Pusat.

Hal ini telah menjelaskan lagi kepada rakyat berhubung dengan kenyataan Annuar Musa sebelum ini bahawa pusat akan melantik mubaligh, penghulu dan guru-guru al-Quran melalui jabatan keramat itu. Dengan berbuat demikian, UMNO sudah menguasai *grassroot* di peringkat bawah seperti mana yang Kerajaan Kelantan buat. Saudara kena baca buku ini sampai habis. Dalam bab selepas ini saya perturun-kan cakap-cakap Annuar Musa dalam mengatur strategi di Kelantan. Dan ianya juga ada kaitan dengan Jabatan Persekutuan yang saya kisahkan ini walaupun dalam wawancara Utusan dengan Annuar tidak sebut pasal Jabatan Persekutuan yang keramat itu. Tapi, Annuar sudah sebut hal-hal yang di luar kawalannya.

Saya fikir, apa yang Annuar Musa buat tidak melambangkan kehendak rakyat. Tapi kehendak UMNO. Ia dilakukan atas dasar untuk menjaga kepentingan UMNO Kelantan dan dibiayai oleh duet rakyat kononnya peruntukan Kerajaan Pusat untuk Jabatan Persekutuan yang diada adakan itu. Ia lebih memenuhi aspirasi UMNO Nilam Puri sahaja. Untuk menjelaskan lagi keadaan yang berlaku, hanya Annuar Musa sahaja yang dibenarkan menghadiri Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri oleh Dr. Mahathir yang sealiran dengannya.

Sepatutnya Tok Guru Haji Nik Aziz lebih berhak sebab dia Menteri Besar Kelantan yang diangkat oleh rakyat dan diiktiraf oleh Istana Kelantan. Tapi, nampaknya, Annuar Musa yang jadi

Menteri Besar jadi-jadian bagi kerajaan Jabatan Persekutuan tadi terpilih dalam majlis mesyuarat yang penting itu. Saya tidak tahu, bagaimana dan di mana Tok Guru Nik Aziz dan Datuk Pairin Kitinggan boleh bermesyuarat macam Menteri-menteri Besar UMNO yang lain. Semua orang tahu bahawa di Kelantan sekarang semacam ada dua kerajaan dan dua bentuk pentadbiran. Walaupun orang-orang PAS dan Semangat 46 tidak iktiraf Jabatan Persekutuan tadi sebagai kerajaan UMNO di Kelantan namun tidak siapa dapat menyekat jabatan itu berperangai kerajaan.

Macam orang-orang UMNO yang mungkin tidak iktiraf Kerajaan Kelantan sekarang sebagai kerajaan mereka. Jadi, tidak hairanlah, tindakan Annuar Musa melantik mubaligh, guru-guru al-Quran dan penghulu tadi bagi menguasai institusi rakyat yang berkesan itu. Sekaligus, tindakan itu telah mengenepikan Istana Kelantan kerana hal-hal itu hanya dilakukan oleh al-Sultan selaku Ketua Agama Islam Negeri. Inilah yang saya kata, kerajaan dalam kerajaan. **Hanya KERAJAAN sahaja yang boleh buat hal-hal yang mengenepikan Sultan.**

Persoalannya, apakah cara dan gaya yang sedang dijalankan oleh kerajaan Jabatan Persekutuan yang didalangi oleh Annuar Musa dan UMNO Kuala Lumpur ini boleh disifatkan sebagai suatu rampasan kuasa? UMNO merampas hak-hak Kerajaan Negeri Kelantan dengan mengadakan jabatan tadi dan mengisi jawatan-jawatan *grassroot* di kampung-kampung melaluinya seperti mana yang Kerajaan Kelantan buat. Apakah pimpinan UMNO Kelantan termasuk Dr. Mahathir atau Perdana Menteri tahun 2020 nanti di masa jika ditakdirkan UMNO berkuasa di Kota Darul Naim bersetujukah membenarkan PAS

dan Semangat 46 mengadakan jabatannya tersendiri seperti mana yang dilakukan oleh UMNO sekarang. Sudah tentu UMNO akan halang. Ia tidak akan beri PAS lantik mubaligh, guru-guru al-Quran dan penghulu di kampung-kampung seperti dia buat. Saya yakin begitu. Kenyataan yang ada dihadapan kita sekarang ialah **UMNO telah gunakan Jabatan Persekutuan ini atas nama Kerajaan Pusat dan gunakan Jawatankuasa Bertindak Orang-Orang Yang Dizalimi atas nama UMNO untuk menyerang PAS dan melumpuhkan Kerajaan Kelantan pimpinan Tok Guru.**

Kalau sebelum dari itu, penafian terhadap hak-hak rakyat telahpun dijalankan oleh UMNO, jadi apakah mungkin rampasan kuasa secara halus oleh UMNO Kuala Lumpur atau Kerajaan Pusat tadi akan **DIPAKSAKAN** kepada rakyat Kelantan yang telah menolak UMNO dalam pilihanraya bersejarah 1990 lalu. Jika ini berlaku, saya percaya, Kerajaan Pusat sudah **MUNAFIK** dalam penghayatannya terhadap demokrasi berparlimen yang sentiasa dipertahankan oleh anggota kaum kerabat Barisan Nasional itu.

Sekaligus, saya kira, **PAKSAAN** yang dikenakan kepada rakyat Kelantan itu akan menyuburkan lagi semangat tidak baik dan budaya dendam yang sekian lama menular dalam hati-hati pemimpin Barisan Nasional di Kuala Lumpur. Hasilnya, Jabatan Persekutuan akan terus menjadi kerajaan UMNO di Kelantan dan berlumba-lumba turun ke padang bagi menyaingi Kerajaan Kelantan tadi untuk menguasai hati rakyat yang celik politik itu. Selagi **KUASA, BENDA** dan **TAKHTA** ada pada UMNO, ia boleh buat apa sahaja! Tidak hairanlah, ada orang cakap-cakapkan bahawa di belakang sebuah akhbar tobloid politik **VISI**

adalah Annuar Musa. Akhbar itu dikendalikan oleh Samshuri Mamat, bekas wartawan WATAN. Apa tujuan Annuar? Nak kuatkan UMNO Kelantan atau nak kuatkan pengaruh peribadinya?



# JANJI UMNO TIDAK LAKU

**PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO Kelantan yang menjadi punca kekalahan parti itu dalam pilihanraya umum lalu perlu mengundur diri untuk memberi laluan kepada muka-muka baru yang lebih berwibawa memimpin UMNO Kelantan bagi mengembalikan semula kegemilangan UMNO negeri itu.**

Kekalahan UMNO tempoh hari bukan disebabkan rakyat Kelantan 'fed up' kepada UMNO tetapi mereka tidak berpuas hati dengan pemimpin-pemimpin UMNO itu sendiri oleh itu jika UMNO hendak mengambil semula pemerintahan daripada tangan Pas pemimpin-pemimpin yang dahulu perlu disingkirkan.

Secara peribadi saya berpendapat jika UMNO tidak dapat menawan semula Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang, mereka perlu menunggu 20 tahun ... UMNO Kelantan sekarang dimana pemimpin tua dan muda yang tidak bertegur sapa perlu dihentikan dan langkah-langkah mengubati perlu dilakukan segera jika tidak mahu menunggu begitu lama.

Tabiat orang Kelantan berbeza dengan penduduk negeri-negeri yang lain di mana Kelantan hampir 98 peratus penduduknya adalah orang Melayu.

Mereka ini sudah biasa dengan kesusahan semasa berada di bawah pemerintahan Pas selama 18 tahun dan menikmati berbagai kemudahan setelah menukar kerajaan Barisan Nasional (BN) memerintah negeri itu.

Rakyat Kelantan kini sudah menikmati berbagai kemudahan seperti bekalan air yang sempurna, jalanraya hingga ke depan rumah, bekalan elektrik hingga ke hujung kampong yang tidak mereka nikmati semasa pemerintahan Pas.

Semasa pemerintahan Pas ... mundur ... lain.

Selama 18 tahun UMNO menunggu untuk mendapat mandat rakyat Kelantan dengan menjanjikan pembangunan jika diberi peluang untuk memerintah tetapi sayang kesenimbungan perjuangan UMNO di negeri Kelantan musnah apabila mereka dikalah dengan teruk oleh parti pembangkang.

Persoalannya kini apa yang hendak 'disogok' oleh UMNO Kelantan kepada rakyat negeri itu supaya dapat memerintah semula?

Modal pembangunan seperti yang dicanang setiap kali kempen pilihanraya tidak laku lagi di negeri Kelantan kerana rakyat negeri itu sudah menikmatinya kini dan tidak ada sebab untuk mereka menukar kerajaan yang ada sekarang kepada kerajaan BN.

Rakyat Kelantan menolak UMNO bukan kerana mereka bencikan UMNO tetapi mereka tidak berpuas hati dengan pemimpin-pemimpin UMNO negeri itu yang mengenepikan suara rakyat.

Oleh itu jika UMNO hendak mengambil semula kerajaan Kelantan daripada tangan Pas, ketepikan orang-orang lama yang ternyata begitu dibenci oleh orang Kelantan sebaliknya gantikan dengan muka-muka baru yang diterima oleh rakyat Kelantan dipelusuk negeri.

***Haji Mustafa Yaakob***
***Setiausaha Biro Antarabangsa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.***

**Mereka ini sudah biasa dengan kesusahan semasa berada di bawah pemerintahan Pas selama 18 tahun dan menikmati berbagai kemudahan setelah menukar kerajaan Barisan**

*Pergerakan Pemuda UMNO Pusat ingatkan para pemimpin UMNO Kelantan.*



Media Islam

PENGGERAK GENERASI ISLAM

BIL: 24 · TAHUN 1 · JUMAAT 8 MEI 1992 / 4 ZULKAEDAH 1412 · PP55/4/91 · HARGA: 70 SEN

Kemuka Pindaan Di Perliman

# PAS TERIKUT RENTAK SEKULAR

KUALA LUMPUR: Kerajaan PAS Negeri Kelantan tidak perlu membawa usul ke Parlimen untuk melaksanakan hukum hudud kerana ianya adalah merupakan satu perentah Allah yang telah ditetapkan supaya dilaksanakan dan bukan untuk diperbahaskan samaada ianya sesual untuk dilaksanakan ataupun tidak.

OLEH: WARTAWAN MEDIA ISLAM

Demikian dinyatakan oleh Ustaz Hassan Saleh, Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Ulama Malaysia (PUM) ketika diminta pandangannya mengenai cadangan PAS untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

Beliau mengatakan melaksanakan hukum hudud adalah satu perintah Allah dan ia mesti dilaksanakan.

Adalah perbuatan yang biadap sekiranya kita meletakkan perintah Allah itu di bawah kekuasan Parlimen, dan Parlimen pula yang menentukan sama ada hukum itu patut dilaksanakan atau pun tidak, tambah beliau.

Sebelum dari ini Datuk Sri Dr. Mahathir menyuruh PAS mengemukakan cadangan meminda mana-mana bahagian dalam Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkannya melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

## MAZHAB SUNNI TAK ADA PEMIMPIN

Y. B Muhammad Sabu

KUALA LUMPUR: Mazhab sunni yang diikuti oleh kebanyakan umat Islam di dunia sekarang ini menghadapi masalah tidak mempunyai "Imam" untuk ditaati dan mereka akan terus bercakaran selagi tidak memikirkan dan berusaha mempelajari kepimpinan yang terdapat di Iran.

Demikian dinyatakan oleh Y.B Muhamad Sabu ketika diminta pandangannya tentang pergolakan yang berlaku di Afghanistan sekarang ini.

## PERHATIAN

[illegible]

*Macam-macam hal. Salah lapor atau tepat lapor*

# Jika khidmat baik, rakyat tidak lokek beri undi

**Oleh: Lotfi Ismail**

**BEBERAPA minggu sebelum berlangsungnya pilihanraya umum 1990 lalu, saya telah mengarang sebuah buku kecil berjudul: Angkatan Sapu bersih 13 Kerusi Parlimen Di Kelantan.**

Sebaik sahaja keputusan pilihanraya tersebut diumumkan, ternyata ramalan saya itu telah berlaku dengan tepat. Malah seluruh kerusi DUN Kelantan juga turut disapu bersih oleh Angkatan.

Ia adalah satu rekod pencapaian yang tidak pernah dicapai oleh pihak pembangkang sebelum ini sama ada di Kelantan mahupun di luar Kelantan.

Faktor utama kemenangan mutlak ini ialah kerana wujudnya perpaduan dan kerjasama yang erat antara parti-parti komponen di dalam Angkatan di negeri ini yang terdiri daripada PAS, Semangat 46, Berjasa dan Hamim.

Apakah rekod sapu bersih itu akan berulang kembali di dalam pilihanraya umum akan datang di negeri Serambi Mekah ini?

Bagi saya rekod sapu bersih itu mungkin agak sukar untuk diulangi kembali oleh Angkatan pada kali ini. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor.

Antara faktor-faktor itu ialah prestasi sesetengah Wakil Rakyat Angkatan (Parlimen dan DUN) itu sendiri dikatakan tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak dan harapan para pengundi di kawasan yang mereka wakili.

Khidmat mereka dikatakan begitu lemah. Malah ada yang dikatakan jarang sekali memasuki kawasan disebabkan terlalu sibuk dengan urusan sendiri.

Bagaimanapun sejumlah besar Wakil Rakyat Angkatan sekarang didapati memang memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di kawasan masing-masing. Cuma sebahagian kecil daripada mereka sahaja yang nampaknya tidak cemerlang memberi khidmat yang sewajarnya sebagaimana yang diharapkan oleh pihak parti, kerajaan dan rakyat.

"Sejak menang dua tahun lalu, wakil rakyat di kawasan hamba tak pernah sekali pun membuat lawatan ke kampung kami," rungut seorang pengayuh beca kepada saya yang tinggal di Kota Bharu.

Saya dapat mengagak siapakah wakil rakyat yang beliau maksudkan itu.

"Berlainan dengan Tok Guru (Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz). Sibuk-sibuk dia pun, sudah dua kali dia melawat kampung kami," ceritanya lagi membandingkan prestasi di antara dua orang wakil rakyat Angkatan berkenaan.

Curahan perasaan secara spontan daripada seorang rakyat biasa itu tidak boleh dipandang kecil oleh para wakil rakyat Angkatan terutama mereka yang kurang memberi perhatian kepada rakyat di kawasan yang mereka wakili.

Berhubung dengan ini saya teringat pada kata-kata YAB Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika berucap di Dewan Undangan Negeri pada suatu masa dahulu. Kata beliau:

"Jika mereka (para wakil rakyat Angkatan) menjalankan tugas masing-masing dengan baik dan berkesan, Insya' Allah pihak parti sudah pasti akan memilih mereka semula untuk bertanding sekali lagi dalam pilihanraya akan datang.

"Demikian juga di pihak rakyat atau pengundi. Jika mereka berpuashati dengan perkhidmatan kita. Insya' Allah mereka tidak akan lokek untuk mengundi kita sekali lagi."

Satu pandangan yang ikhlas, tepat dan matang daripada Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz.

Kini terpulanglah kepada para wakil rakyat Angkatan di seluruh negeri ini. Apakah mereka mahu dipilih semula oleh parti dan rakyat dalam pilihanraya umum akan datang?

Jika mereka mahu dipilih semula oleh pihak parti dan rakyat, maka nasihat dan pandangan YAB Menteri Besar Kelantan itu perlulah mereka hayati sepenuhnya.

Sebaliknya jika mereka tidak memandang serius nasihat dan pandangan terus-terang Tuan Guru Haji Nik Aziz itu, maka tidak mustahil kerjaya politik mereka akan berkubur sebaik sahaja Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dibubar sekitar 1994 nanti.

Walau bagaimanapun wakil rakyat Angkatan masih ada masa lagi untuk membaiki dan mempertingkatkan imej untuk menyuburkan kembali prestasi mereka yang kurang memuaskan itu, sekiranya mereka ingin dipilih terus oleh parti dan rakyat.

Segala-galanya terpulang kepada mereka!

*Betul kata Lotfi Ismail tu...jika khidmat baik rakyat tidak lokek beri undi untuk PAS dan Semangat 46 Kelantan*

# UMNO ADA MB SENDIRI DI KELANTAN

Oleh: Tarmizi Mohd Jam



*Ustaz Nik Abdullah Arshad*

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen Pangkalan Chepa, Ustaz Nik Abdullah Arshad mendedahkan bagaimana parti UMNO Kelantan mewujudkan Menteri Besarnya sendiri di negeri tersebut.

Ketika mendedahkan perkara ini, beliau berkata, UMNO Kelantan bukan sahaja telah mewujudkan Menteri Besarnya sendiri juga mewujudkan pegawai daerah dan penghulu-penghulu UMNO di negeri ini semata-mata untuk bersaing dengan PAS dan Semangat 46.

Beliau mendedahkan perkara ini sewaktu berceramah di Markas Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, hujung minggu lalu.

Menurutnya, UMNO Kelantan sehingga hari ini masih belum bersatu dan terus berkrisis sejak sebelum pilihanraya umum, bulan Oktober lalu.

"PAS ada MB, UMNO pun ada MB, PAS ada D.O, UMNO pun ada D.O dan PAS ada penghulu, UMNO pun ada penghulunya sendiri," tegas sambil disambut dengan gelak ketawa para hadirin.

Usaha-usaha UMNO ini, katanya, adalah strategi parti itu untuk menawan semula Kelantan dari kerajaan Angkatan dalam pilihanraya umum yang akan datang.

Beliau juga turut bersedih dengan sikap akhbar-akhbar negara ini yang terus menerus mengkritik Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Sepatutnya umat Islam di negara ini bangga dengan kemenangan Angkatan di Kelantan kerana ianya adalah kemenangan Islam yang mesti dipertahankan oleh umatnya.

"Tapi malang, ada orang Islam yang melihat kemenangan PAS itu bukan kemenangan Islam. Di manakah kalimah syahadah mereka itu?" tanya Ustaz Nik Abdullah.

*Walaupun kalah...UMNO ada Menteri Besarnya sendiri*

# Mohd Sabu tegur ada yang tak baca Harakah

**Kota Bharu:** Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat Saudara Mohamad Sabu kesal kerana ada pemimpin Dewan Pemuda PAS Kelantan yang tidak membaca akhbar Harakah sehingga orang berkenaan tidak mengetahui usaha Pemuda PAS untuk membela masyarakat Islam Bosnia di Parlimen.

"Oleh kerana saudara saya ini tidak membaca Harakah, dia tidak tahu usaha yang saya lakukan bagi membela masyarakat Bosnia itu sebagaimana yang disiarkan oleh akhbar berkenaan kerana berangkali dia hanya baca akhbar milik UMNO sahaja," katanya.

Sedangkan katanya, segala kegiatan yang dilakukan oleh lujnahnya berhubung pembelaan PAS terhadap umat Islam Bosnia telah disiarkan di dalam akhbar Harakah.

"Akibat tidak membaca surat akhabar Harakah itu, pemimpin berkenaan menuduh saya tidak mengambil tahu soal Bosnia kerana mereka hendak melihat kesengsaraan umat Islam Bosnia itu melalui akhbar milik Barisan Nasional (BN) sahaja," tambahnya Pengerusi Lujnah Politik dan Antarabangsa DPPP itu lagi.

Sehubungan itu bagai mereka yang tidak sempat membeli Harakah dipasaran kerana kehabisan, boleh melanggan terus melalui borang langganan yang disertakan dalam akhbar tersebut.

Sementara itu Setiausaha DPPP Dr Mustapha Kamal Shahrom mengesa semua ahli-ahli Pemuda PAS negeri-negeri menghitung setakat mana kegiatan yang dilakukan oleh mereka sekarang bagi menjamin kemenangan parti.

"Saya harap sepaya semua pemuda semak semula sistem kerja mereka sekarang agar lebih kemas setelah pulang ke negeri masing-masing beberapa hari lagi," katanya.

Serentak dengan itu beliau mencadangkan dewan pemuda PAS negeri-negeri melantik dua orang pekerja tetap yang diberi elaun khas bagi membolehkan mereka menumpukan sepenuh masa terhadap kerja-kerja parti khasnya bagi dewan pemuda.



*Haji Mohamad Sabu...bacalah Harakah.*

*HARAKAH siar, Mohd Sabu tegur ada yang tak baca HARAKAH. Betulkah pemimpin Dewan Pemuda PAS Kelantan tak baca HARAKAH?*



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA
(DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE MALAYSIA)
TINGKAT 6-12 & 15, WISMA SHEN,
JALAN MASJID INDIA,
50564 KUALA LUMPUR

Tel. : 03-2928011
Fax : 03-2904270
Kawat: WELDEP

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM. 1778/Jld.IV (40)

Tarikh : 9 Julai 1992.

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah;

Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah;

Semua Ketua Institusi.

Saudara/Saudari,

Per: Hukum Hudud

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa pihak saudara-saudari tidak dibenarkan untuk mengadakan atau menganjurkan perbincangan, ceramah, bengkel, forum atau seminar mengenai hukum hudud bagi kakitangan [illegible].

[illegible] untuk perhatian dan tindakan.

- BERKHIDMAT UNTUK NEGARA -

( MOHAMED HASSAN BIN HAJI NGAH MAHMUD )
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,
Malaysia.

s.k.

TKP(PE)

*Surat pekeliling dari Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia.*

## Kakitangan kerajaan dihalang bincang hudud

**Alor Setar:** Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia melarang kakitangannya daripada menganjurkan sebarang bentuk perbincangan, ceramah, bengkel, forum atau seminar berhubung hukum hudud.

Surat arahan yang dikeluarkan oleh jabatan itu, bertarikh 9 Julai ditandatangani sendiri oleh Ketua Pengarahnya, Encik Mohd Hassan Haji Ngah Mahmud.

Jurucakap jabatan itu yang menyerahkan surat berkenaan kepada wakil *Harakah* di Alor Setar, berkata tindakan pihak atasan itu amat dikesali dan menimbulkan tandatanya kerana hukum hudud adalah hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Bagaimanapun, surat pekeliling itu tidak menyebut sebarang alasan mengapa tindakan itu diambil.

Jurucakap jabatan berkenaan menyifatkan tindakan menghalang perbincangan dan seminar mengenai hudud itu sebagai keterlaluan dan memalukan.

Dipercayai larangan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat itu adalah sebagai satu langkah membendung kakitangannya mendalami hukum hudud yang diperjuangkan oleh PAS.

*Bukti yang jelas...UMNO takut dengan isu Perlaksanaan Hukum Hudud di Kelantan*



*Balak oh balak! Ini balak yang nampak sikit punya besar. Bala yang Tuhan turunkan jauh lebih besar lagi, jauh lebih dahsyat tetapi manusia tak nampak. Padahal jelas berapa ramai yang telah ditimpa musibah akibat terlibat dengan balak terutama mereka yang banyak dapat kawasan balak. Syabas Tok Guru dapat berkas pencuri balak!*

# BAB 6

## STRATEGI BAIKPULIH UMNO KELANTAN?

DENGAN berlansungnya Konvensyen UMNO Kelantan, bermakna genaplah dua tahun, Annuar Musa yang tidak sebulu dengan Datuk Hussein Ahmad menyempurnakan kerja-kerja parti selepas mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya umum 1990. Tugasannya dibuat atas sifatnya sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan. Ini kerana sekalipun beliau orang nombor dua dalam UMNO Kelantan selepas Dr. Mahtahir, tapi tanggungjawab utama membetulkan UMNO negeri itu sebenarnya terletak pada bahu beliau. Sebab dia anak emas Perdana Menteri. Sebagai Timbalan Pengerusi, dia sebenarnya adalah Ketua de facto UMNO Kelantan. Jadi, sempena konvensyen itu Utusan Malaysia telah mewawancara Annuar untuk berkongsi liku-liku bergolak yang telah dilalui dua tahun lalu, disamping meninjau pandangannya tentang **PELUANG UMNO BERKUASA SEMULA** di negeri itu di masa-masa akan datang.

Saya kira, pandangan yang dilontarkan oleh Annuar itu dapat membantu PAS untuk melihat sejauh manakah UMNO Kelantan pulih. Ada benarnya kata Datuk Hussein, Annuar hanya ada pengalaman politik setampuk pinang. Kalau diteliti pandangan dan idea politiknya ternyata **STRATEGI** tidak lagi jadi **STRATEGI**. Annuar sudah jelaskan kepada umum apa yang dia buat. Dan bagaimana dia memperalat kan agensi kerajaan yang menjadi hak rakyat itu untuk bermain politik kotornya. **Dia gunakan agensi KADA, Felcra, Kesedar dan Majlis Sukan Negara untuk kepentingan UMNO dan survival politiknya di Kelantan.**

Dia juga mengakui, untuk UMNO berkuasa semula hubungan PAS-Semangat 46 hendaklah dipecahkan. Juga hubungan Istana dengan Semangat 46 perlu dihapuskan. Untuk itu, dia menuduh kononnya PAS akan meninggalkan Semangat 46 dalam pilihanraya akan datang dengan harapan hubungan keduaduanya pecah berkecai.

Annuar mengaku, dia dan UMNO Kelantan belum jumpa apa-apa formula untuk merapatkan hubungan dengan Sultan Kelantan. Inilah yang menyulitkan dia untuk menumpaskan PAS di negeri jolokkan Serambi Makkah itu. Saya rasa, ada baiknya wawancara itu direnungkan oleh kita bersama untuk mengamati kecenderungan dan helah Annuar dan UMNO Kelantan. Ikutilah wawancara Utusan dengan Annuar Musa, Oktober 1992.

**Soalan:** Setelah dua tahun Senator diamanahkan oleh Presiden parti untuk menyusun semula UMNO Kelantan sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri, apa kemajuan yang telah dicapai?

**Annuar:** Apabila saya dilantik memegang jawatan ini, tugas utama saya ialah menyusun semula UMNO dan Barisan Nasional yang baru sahaja mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya. Untuk tahun pertama, saya tumpukan perhatian pada penyusunan semuala parti, membentuk biro-biro, memberi jawatan kepada jentera parti yang dipecat atau kalah dalam pilihanraya. Ini termasuk perlantikan penghulu, guru agama yang dibuang kerja.

Peringkat kedua, bagaimana hendak meletakkan jentera parti yang kalah ditempat-tempat tertentu bagi membolehkan mereka bergerak. Ini masalah terbesar kami. Selama ini, mereka perform kerana ada jawatan dan selepas tiada jawatan, kita juga mengharapkan mereka terus perform dan langkah kedua meletakkan bekas-bekas wakil rakyat dan ketua bahagian dalam lembaga-lembaga tertentu.

Ini dibuat dengan rundingan dengan Dr. Mahathir dan Ghafar Baba. Hampir semua ketua bahagian kita diberi jawatan untuk membolehkan mereka bergerak. Misalnya Shahbudin kita letak di Kesedar, Dato' Hussein Ahmad di KADA, Ariffin di Felcra, Mansor dan Ariffin Hamid di Majlis Sukan Negara. Ini juga corak penyusunan yang terpaksa kita buat. Penyusunan kedua yang terpaksa dibuat dalam masa setahun pertama ialah dalam bentuk pelaksanaan mengenalpasti aktiviti. Ini sukar.

Sebab dari pengalaman yang saya alami, walaupun kita cuba bentuk aktiviti, tetapi kerana kita baru kalah, berlaku satu kelembapan. Mungkin kerana tidak ada motivasi atau sibuk dengan masalah peribadi hendak selesai hutang dan sebagainya. Saya dapati proses ini rumit sekali. Tapi kita boleh buat juga.

Pada tahun kedua [sekarang] setelah penyusunan itu mengambil tempatnya dan jentera dikenalpasti formal dan tidak formal di dalam dan di luar parti saya tumpukan pula pada masalah dalaman. Ini kerana walaupun kita sudah ada jentera, sudah ada network, belum tentu lagi ia baik. Tahun kedua lebih sukar kerana saya tumpukan pada budaya yang ada dalam UMNO. Ini kerana bila sampai waktu hendak bekerja, saya dapati ramai yang mengekalkan budaya lama. Misalnya, kalau dulu di kalangan orang UMNO yang ada kuasa, tendensinya ialah untuk menggunakan kuasa itu mencari pengaruh. Ada kuasa bagi baja, mereka anggap orang akan sokong mereka kerana mereka ada kuasa untuk mengagih-agihkan baja. Bagi saya, ini satu budaya yang tidak sihat. Bagi saya budaya yang kita patut bentuk dalam UMNO ialah bila kita ada kuasa, kita mesti menampakkan bahawa kita menggunakan kuasa dengan baik bijakasana dan amanah.

Maka kita akan dapat sokongan orang. Tetapi kalau kita ada kuasa, kita nampak keras dengan kuasa kita, jelas kepada masyarakat kita memperalatkan kuasa untuk kedudukan kita, pada saya kita akan kehilangan undi. Tetapi budaya lama masih mengganggap begitu. Kerana itu apabila tiba masa untuk beri baja, saya kata bagi semua, saya mendapat tentangan di peringkat *grassroot*. Pada saya budaya yang patut UMNO terima ialah mestilah terbuka. Sebab tidak ada kemungkinan UMNO boleh menang hanya dengan 20-22 peratus undi. Dalam setahun yang pertama, saya banyak tumpukan pada soal *propogate* budaya politik baru itu kerana saya tidak mahu memanjangkan kebencian rakyat Kelantan terhadap UMNO. Kalau UMNO hendak menang, UMNO kena tukar budaya politik dari bawah lagi.

Jadikan UMNO parti yang berkhidmat, adil, saksama dan terbuka. Hendak buat yang inilah susah. Hendak tukar kedudukan orang, kita boleh buat, tetapi hendak tukar pemikiran dan budaya politik, berdasarkan pengalaman saya adalah susah.

**Soalan:** Sejauh mana budaya politik yang Senator perkenalkan diterima oleh UMNO.

**Annuar:** Saya fikir penerimaannya berperingkat-peringkat. Tetapi saya nampak ada perkembangan positif. Golongan veteran yang tidak suka budaya itu secara peribadi, tetapi memberi kerjasama. Satu kumpulan yang berpegang bahawa ini yang Perdana Menteri sudah lantik, sudah susun, sokong habis-habisan. Itu separuh. Kemudian ada satu kumpulan kecil yang secara terbuka kurang menunjukkan keinginan berkerjasama. Mereka tidak samapi 10 peratus. Masalah itu tidak besar. Tetapi pada keseluruhannya, alhamdulilLah. Sekarang bila saya balik, ketua-ketua bahagian selalu bersama. Pada saya kita sudah bersedia...

**Soalan:** Bersedia untuk apa?

**Annuar:** Bersedia untuk menyerang dan melaksana-kan fasa ketiga program pemulihan UMNO Kelantan. Kita mesti jelaskan budaya baru politik UMNO: jangan ada ragu lagi. Kita kena jelas bahawa kita pembangkang. Masalah dalaman tetap ada, bukan sahaja di Kelantan tetapi di negeri-negeri lain. Jadi dalam perancangan saya bila kita masuk di tahun ketiga 1993 kita perlu **OFENSIF TERHADAP PAS.** Cara terbaik untuk mempertahankan diri ialah untuk menyerang. Bukan dengan cara **AGRESIF**, tetapi dalam ertikata kita **KURANGKAN KRITIK**

sesama sendiri, tetapi **MENGKRITIK** dan membawa **KELEMAHAN-KELEMAHAN KERAJAAN PAS** yang sedia ada yang sememangnya banyak. PAS pun bijak. Hendak menutup kelemahan, ia dari masa ke semasa telah menimbulkan isu yang orang UMNO sendiri tidak nampak kerana ada masalah dalaman. Tetapi sekarang kita sudah atasi sebahagian dari masalah itu, kita boleh **SECARA SISTEMATIK KUMPUL KELEMAHAN PAS,** terangkan pada ahli dan pengundi.

Itu sebabnya Konvensyen UMNO kali ini memilih tema **`Bersatu Menyelamatkan Kelantan'.** Selama setahun setengah, kita akan laungkan tema ini sehingga tiba pilihanraya. Waktu itu, kita memerlukan agenda baru politik Kelantan. Kita sudah buat kajian bahawa rasa tidak puas hati sudah timbul di kalangan rakyat Kelantan di peringkat bawah. Mereka mula dengar PAS dan Semangat 46 ini tidak boleh bersatu. Mereka mula dengar **SULTAN** tidak berkenan dengan cara PAS tadbir kerajaan negeri.

Mereka sudah rasa projek tidak datang. Bagaimana semua ini boleh **DICAPITALISE?** Di Kelantan ini, kita tidak boleh menang hanya kerana kita kuat. Mesti ada sentimen benci pada pihak satu lagi. **Bersatu Menyelamatkan Kelantan** adalah satu tema yang menyebelahi rakyat. Kalau ada penumpang yang gagal untuk menyerang, mereka tidak patut menjadi sebahagian daripada batalion. Mereka tidak akan berkesan dalam memainkan peranan sebagai pembangkang.

**Soalan:** Di Kelantan untuk berkuasa semula, UMNO perlu mendapat sokongan yang lari ke Semangat 46. **SERANG PAS SAJA TIDAK MEMADAI**. Apa yang dibuat?

**Annuar:** Selain dari dasar terbuka, kita buat polisi bahawa jika seseorang itu pernah menganggotai UMNO, penyertaan mereka semula hendaklah dibuat tanpa sebarang halangan. Saya sendiri akan turun ke peringkat *grassroot* bersama dengan para pemimpin lain bertemu dengan pimpinan peringkat cawangan meminta mereka membawa pendekatan baru dalam soal kemasukan.

**Soalan:** Selagi Tengku Razaleigh masih ada, apakah orang-orang Semangat 46 itu mahu menyertai UMNO secara total?

**Annuar:** Secara menyeluruh payah, tetapi ia boleh dibuat. Ini kerana tidak semua yang mneyertai Semangat 46 menyokong Tengku Razaleigh. Ada tiga kategori sebenarnya. Pertama: Para penyokong **HARDCORE** Tengku Razaleigh. Kedua: Ada antaranya tidak berpuas hati dengan kepimpinan UMNO negeri waktu itu. Ketiga: Mereka menyokong pihak yang menang. Bila Semangat 46 tidak berjaya berkuasa, proses kembali kepada UMNO ini akan berlaku. Orang yang hanya ikut gelombang, selepas pilihanraya mengambil sikap berkecuali semula. Kumpulan ini tidak ada masalah. Kumpulan kedua yang tidak berpuas hati, ada masalah, tetapi kalau orang UMNO mengambil sikap terbuka, mereka akan masuk balik. Kumpulan ketiga **HANDCORE TENGKU RAZALIEGH** akan kekal bersama Semangat 46. Apa juga dibuat, mereka tidak akan masuk UMNO kecuali barangkali Tengku Razaleigh menyertai semula UMNO.

**Soalan:** Ada yang berkata, di Kelantan peranan ulama penting untuk berkuasa. PAS sudah membuktikannya. Dalam

strategi Senator, apakah ada rancangan untuk memberi tempat kepada ulama berperanan terkedepan dalam usaha untuk mengambil-alih kuasa?

**Annuar:** Saya ada pandangan yang berlainan sedikit. PAS memang gunakan Islam untuk politiknya sebagai satu **BRAND**. Tetapi UMNO tidak begitu. Kita mesti kekal dengan pendekatan kita bahawa Islam yang hendak kita bawa ialah Islam yang progresif yang tidak perlu nampak berjubah dan berkupiah, tetapi kita buktikan dengan hasil. PAS bawa imej Islam sebagai **satu BRAND**, tetapi ia gagal untuk membawa jaminan yang lebih dari segi ekonomi, sistem sosial, pentadbiran yang lebih cekap. Akhirnya, rakyat kecewa. Kerana itu, kita mesti mempertahankan Islam yang progresif yang menjadi anutan kita. Kita mesti ada kumpulan dalam UMNO Kelantan yang mempunyai kometmen dan latarbelakang Islam yang tingggi. Tetapi ia hendaklah dari jenis yang berlainan, jenis ynag progresif dan perform.

Bagi saya bukan semua orang Kelantan kecuali diperingkat yang sudah berumur akan memilih **BRAND Islam PAS**. Ramai yang mahu kualiti sebenar. Kumpulan yang mahu Islam sebagai satu **BRAND** ini saya fikir bukan satu kumpulan besar. Lebel sahaja tidak membawa kemajuan. Ambil soal kemiskinan. Kerana tidak mampu menyelesaikannya, PAS kata, kemiskinan dibuat oleh Tuhan. Buat sementara orang kampung akan berdiam diri.

Tetapi akan sampai masanya, kemiskinan ini akan menjadi seperti bom jangka yang akan mengelodak orang kampung. Jadi, kita kena ada alternatif yang berkesan untuk mengatasinya. Kerana itu, kita tidak boleh ikut cara PAS. Islam kita mesti ada

**FLAVOUR** dan **SUBSTANCE.** Orang Kelantan tidak sayang pada agama secara membuta tuli. Mereka hendakkan pembangunan dan kemajuan. Mereka tidak mahu Kelantan tertinggal di belakang. Pada waktu yang sama, kita tidak boleh meletakkan keutamaan pada kebendaan semata-mata. Ia juga tidak sesuai di Kelantan.

**Soalan:** UMNO juga akan mendapat manfaat jika kerjasama PAS-Semangat 46 renggang. Selepas dua tahun berlalu, bagaimana Senator menilai kerjasama kedua-dua parti itu?

**Annuar:** Ia tidak boleh lari, ia mesti pecah sama ada di atas ataupun di bawah. Kedua-duanya mula bercantum di atas, tetapi perpecahan akan berlaku di bawah. Ini analisis saya. Sebabnya mudah. Orang diatas bercantum kerana tujuan lain. PAS mahu bekerjasama dengan Semangat 46 kerana mahu melemahkan UMNO. Sebagai bonus, ia mendapat sokongan istana. Dalam politik peranan istana adalah kuat, tidak seperti di negeri-negeri lain.

Kerana Istana kawal perkhidmatan awam Kelantan, Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, yang bermakna kawal pegawai kerajaan, penggawa dan imam. Tidak ada parti boleh kawal itu semua kecuali Istana. Tetapi bila bergabung atas ketidaksamaan perjuangan, akan sampai masanya, ia mesti mula bertelagah. PAS ada mimpi yang berlainan dan ia akan perkuatkan kedudukan parti di peringkat grassroot. Maka kedudukan penting di bawah akan diberikan kepada PAS.

Ini akan menimbulkan ketegangan kerana keadilan di atas tidak berlaku di bawah. Maka retak akan bermula dan orang akan

datang kepada UMNO. Atas nampak kukuh, tapi di bawah rapuh macam tiang di makan anai-anai. Dalam pilihanraya akan datang: Apakah PAS akan beri kerusi yang sama kepada Semangat 46? Tidak mungkinkah kerusi itu akan dikurangkan kerana orang PAS sudah merasa cukup kuat untuk menjadi calon kerana is sudah ada rangkaiannya sendiri?

Saya sudah dengar-dengar ada orang PAS yang mahu jadi calon di kawasn Semangat 46. Soalnya sekarang, bila di atas mahu berpecah? Saya fikir perpecahan ini ada dua faktor: Pertama, bila PAS rasa tanpa sokongan Semangat 46 dan istana ia boleh kekal berkuasa, ia akan tendang Semangat 46 tetapi akan pertahankan Istana. Ini terbukti kehendak Istana dilayan oleh PAS dan kehendak Semangat 46 ditolak.

Satu lagi faktor tarik UMNO tarik orang Semangat 46. Bila sampai satu peringkat orang melihat Tengku Razaliegh tidak kuat, orang-orangnya akan sertai UMNO. Waktu itu Tengku Razaleigh juga kena fikir masa depan politiknya. Kalau mahu kekal aktif dalam politik, dia kena masuk UMNO. Jika tidak habis.

**Soalan:** Kejatuhan kerjasama PAS-Semangat 46 ini tidak dapat dielakkan?

**Annuar:** Betul. Cuma soal masa. Tetapi jika kita harapkan PAS jatuh, dan kita tidak kuat, UMNO tidak boleh naik juga. UMNO mesti diperkuatkan lagi, dan ini tidak boleh dibuat dalam sekelip mata. Kita perlukan orang yang sesuai, pimpinan yang betul. Orang-orang baru mesti di bawa masuk ke dalam rangkaian kita.

**Soalan:** Proses memberi tempat kepada orang baru, bermakna menyisihkan orang lama?

**Annuar:** Tidak. Orang lama mesti kekal sebab orang baru belum lagi bersedia. Sebab itu jika galakkan orang baru, masuk dengan kerjasama dengan orang lama, bukan menjatuhkan mereka.

**Soalan:** Istana penting dalam politik Kelantan. Apa yang dibuat untuk memperbaiki hubungan UMNO dengan istana.

**Annuar:** Soal ini memang sungguh rumit. Saya mengaku bahawa buat waktu ini saya tidak ada apa-apa penyelesaian. Yang jelas, kalau masalah istana itu hanya masalah istana, ia tidak susah sangat. Tetapi bila masalah istana belum boleh dipisahkan dengan masalah Semangat 46, tidak ada apa yang boleh kita buat. Tetapi dari segi UMNO, saya ingin jelaskan bahawa kita tidak mahu heret istana ke dalam politik. Kita mesti letakkan istana di atas politik. Pendirian kita itu mesti kekal konsisten. Prinsip mesti dipertahankan. Sultan adalah institusi yang kita dokong dan kita tidak harus cemarkan istana. Proses normalisasi dengan istana dalam konteks sekarang tidak boleh dibincangkan tanpa melibatkan Semangat 46. **Bila Semangat 46 jadi lemah atau mati, hubungan kita dengan Istana, Insya-Allah akan kembali rapat.**

Muka 7

Mingguan Malaysia, Ahad 8 November, 1992

Perhimpunan Agung UMNO 1992

# Pengerusi Tetap UMNO dakwa tidak ada sangkaan jahat

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Mohd. Sulaiman Ninam Shah memberitahu Perhimpunan Agung UMNO hari ini bahawa beliau tidak ada sangkaan jahat terhadap mana-mana perwakilan yang bangun berucap membahaskan usul termasuk wakil Wilayah Persekutuan, Dato' Azman Attar.

Sambil menegur sikap Azman, beliau berkata: "Kalau ada perwakilan yang berdendam dengan saya, saya sebenarnya tidak berniat apa-apa," kata Sulaiman sebelum memulakan semula persidangan selepas waktu rehat sebelah pagi.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas 'ketegangan' yang berlaku antara beliau dengan Azman Attar semasa wakil Wilayah Persekutuan itu menyampaikan ucapannya.

Sulaiman telah meminta Azman menghentikan ucapannya yang menjangkaui masa yang diberikan tetapi Azman seolah-olah membantah hingga mendakwa memang dia (Azman) berdendam dengan Pengerusi Tetap itu.

Menurut Sulaiman, persidangan UMNO adalah yang terbesar di dunia dan kalau peraturan mesyuarat tidak diikuti dengan betul, huru-hara akan berlaku.

## Peraturan

"Saya sudah meminta Azman supaya tidak melanggar peraturan mesyuarat. Kalau ada perwakilan yang hendak meminta ahli Majlis Tertinggi berbuat sesuatu, dia kenalah meminta kebenaran saya terlebih dulu," tambah beliau sebagai membetulkan tindakan Azman yang meminta Ketua Pemuda Najib Tun Razak bersalaman dengan Timbalan Presiden, Ghafar Baba.

Sulaiman menjelaskan, beliau sebenarnya tidak berniat apa-apa tetapi kalau benar ada yang berdendam dengannya mereka bolehlah mencabar jawatannya sebagai Pengerusi Tetap pada pemilihan tahun depan.

"Cara itu adalah lebih demokratik kerana itulah yang kita amalkan," ujarnya.

Beliau menambah, apa yang berlaku tadi (perbuatan Azman ketika berucap) hendaklah dijadikan panduan kepada para perwakilan lain supaya ia tidak berulang lagi.

"Mengikut peraturan mesyuarat saya sebenarnya boleh meminta seseorang perwakilan itu keluar daripada persidangan untuk tempoh selama sehari persidangan jika ada yang mengeluarkan sangkaan jahat kepada ahli-ahli.

"Tetapi perkara ini belum saya lakukan lagi sehingga kini," katanya sambil merujuk kepada buku peraturan mesyuarat di tangannya.



HARMONI... Timbalan Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Annuar Musa (kiri) bersalaman dengan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Hussein Ahmad selepas diminta berbuat demikian oleh Azman Attar pada sesi perbahasan, hari kedua Perhimpunan Agung UMNO, semalam.

Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad turut tersenyum dengan gelagat mereka.

# Perbuatan Azman disifatkan tidak wajar

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Beberapa orang pemimpin UMNO menyifatkan perbuatan wakil Wilayah Persekutuan Senator Dato' Azman Attar Othman bertelagah dengan Pengerusi Tetap UMNO Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai tidak wajar.

Setiausaha Agung UMNO Dato' Mohamed Rahmat berkata Azman juga tidak sepatutnya bertindak meminta seseorang bersalaman dengan orang lain ketika mengambil bahagian dalam perbahasan.

"Perbuatan melawan Pengerusi Tetap dan meminta orang lain bersalam dengan orang lain adalah satu perkara yang nampaknya tidak wajar," katanya ketika ditanya mengenai pertelagahan yang berlaku ketika Azman enggan mematuhi arahan Sulaiman supaya menamatkan ucapan semasa membahaskan usul ucapan terima kasih terhadap ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada permintaan bersalam-salaman itu seolah-olah menunjukkan memang wujud puak-puak dalam UMNO, Mohamed berkata keadaan itu memangnya tidak wujud.

Beliau berkata keadaan itu berlaku kerana ada orang yang suka UMNO berpecah untuk kepentingan diri sendiri.

"Orang yang membayangkan ada perpecahan kerana mereka suka UMNO berpecah-belah. Kalau UMNO berpecah nanti, dia boleh mengambil kesempatan," kata Mohamed.

## Tatacara

Seorang anggota Majlis Tertinggi (MT), Syed Hamid Albar pula berkata tatacara mesyuarat parti menetapkan Pengerusi Tetap mempunyai kuasa bagi menentukan perhimpunan berjalan lancar.

Katanya, tiap-tiap tahun mungkin ada insiden seperti ini berlaku, "tapi yang pentingnya kita mempertahankan cara UMNO bermesyuarat, yang berasaskan kepada kewibawaan dan penghormatan terhadap Pengerusi Tetap dan ini kena diberikan keutamaan."

# Ghafar nafi berlaku sebarang perselisihan faham dengan Ketua Pemuda

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Timbalan Presiden UMNO, Ghafar Baba menafikan berlaku sebarang perselisihan faham antara beliau dengan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dato' Sri Najib Tun Razak.

Katanya, beliau sendiri tidak mengetahui apakah asas yang digunakan oleh pihak tertentu untuk menimbulkan isu itu.

"Saya sendiri tidak tahu, apakah asas yang mereka gunakan sedangkan antara kami tidak ada sebarang perselisihan faham," katanya ketika ditemui di majlis jamuan tengah hari untuk perwakilan Sabah sempena Perhimpunan Agung UMNO, di sini hari ini.

Ketika membahaskan ucapan dasar Presiden, wakil Wilayah Persekutuan Senator Dato' Azman Attar mendakwa, ada pihak tertentu yang menuduh berlaku perselisihan faham antara Ghafar dengan Najib.

Ditanya mengenai sikap Azman perbahasan usul pagi ini, Ghafar berkata, "tidak payahlah saya komen, Pengerusi Tetap sudah jawab."

*Datuk Husein dengan Annuar Musa jangan nak 'temberang' perwakilan UMNO dengan lakonan itu. Orang semua tahu...jabat tangan kamu tidak masin. Esok bergaduh lagi! Kalau tak percaya tanya Azman Attar yang jadi 'orang kuat' Ghafar Baba itu.*

# BAB 7

# MENGGUGAT, DICULIK DAN TERGIGIT

SEBENARNYA Tok Guru Nik Aziz sudah lama prihatin akan usaha dan taktik kotor UMNO untuk melumpuhkan Kerajaan Kelantan. Sebaik sahaja menang, kepercayaan kepada UMNO sememangnya tidak ada langsung. Sebagai parti politik sekular, UMNO akan berbuat apa sahaja bagi menghalalkan tindakan **Machevelienya** itu. UMNO akan menghentikan peruntukan. Menafikan hak rakyat. Menyekat pemberian baja dan entah apa-apa lagi **SEKATAN** yang tidak dapat dikesan oleh rakyat. Peranan UMNO dalam **SEKAT-MENYEKAT** ini sama macam BUSH di Amerika **SEKAT-MENYEKAT** macam-macam hal terhadap **SADDAM HUSSEIN** di Iraq. Washington buat sekatan ekonomi pada Kota Baghdad. Macam Kuala Lumpur sekat peruntukan pada Kota Bharu. Tok Guru Nik Aziz tahu, UMNO akan berbuat sesuatu kepadanya.

Sejarah telah membuktikan apa yang dilakukan kepada Kerajaan PAS Kelantan dulu dan Kerajaan Sabah, akan berulang. Kedua-dua negeri ini menerima nasib yang sama. Malah Kerajaan PAS Terengganu juga turut merasai permainan politik kotor UMNO itu.

Saya kira, kepimpinan Tok Guru di Kelantan yakin bahawa pada suatu hari nanti, UMNO akan **MENCULIK** anggota Dewan Undangan Negeri yang ada sekarang. Sama ada dari PAS mahupun Semangat 46. Perkiraan tadi menjadi tepat apabila dua ADUN Semangat 46 di Sg. Pinang dan Limbungan **DICULIK** oleh UMNO. Hal inilah yang telah menimbulkan satu idea kepada Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk membuat pindaan undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri [Bahagian Pertama] dengan mengadakan **peruntukan baru 31A yang menyatakan bahawa apabila seseorang ahli Dewan Undangan Negeri berhenti atau dibuang atau atas apa-apa sebab tertentu TERHENTI daripada menjadi ahli Dewan, kerusinya secara automatik menjadi kosong.** Maka, sebagai ujian pertama Wan Najib dan Nordin Salleh dari dua DUN yang saya sebut tadi terpaksa menjalani undang-undang baru ini.

Saya fikir, tindakan para pemimpin UMNO **MENCULIK** dan membeli ADUN-ADUN dari parti pembangkang telah memaksa Kelantan meminda perlembagaan tadi. Ia dianggap penting untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan supaya tidak digugat dan gigit. Percubaan Wan Najib dan Nordin Salleh adalah bukti-bukti UMNO cuba untuk menggigit Kerajaan Kelantan. Tetapi, sebaik sahaja **undang-undang LOMPAT** tadi diluluskan maka usaha untuk menggigit sudah tidak bererti lagi. Kini, kedua ADUN itu digigit oleh pin daan undang-undang tadi.

UMNO sudah tergigitkan dua ADUN yang menyusahkan parti dan tidak pintar dalam politik. Maka sindrom gugat dan gigit terus dijalankan di mahkamah dan dada-dada akhbar untuk tunjukkan kepada rakyat bahawa UMNO masih kuat dan dua ADUN yang jadi ayam tambatannya masih boleh jadi wakil rakyat.

Menculik ADUN-ADUN oleh UMNO ini, sebenarnya bukan cerita baru. Tetapi merupakan taktik yang diulang oleh watak yang berlainan. Ia merupakan amalan jahat dan mungkar yang dilakukan secara terbuka oleh pemimpin UMNO untuk melumpuh dan menumbangkan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini adalah cara kedua terakhir untuk mencapai tujuan tadi. Cara paling akhir ialah dengan mengistiharkan **DHARURAT** dan menghuru-harakan negeri supaya **MAGERAN** dapat dijalankan. Taktik ini terbukti berjaya dilakukan oleh UMNO di Kelantan pada tahun 1978 dulu apabila tumpasnya kerajaan PAS pimpinan Datuk Asri Haji Muda.

Tok Guru Nik Aziz adalah orang veteran dalam politik PAS Kelantan. Dia tahu taktik UMNO untuk melumpuhkan Kerajaan Negeri. Bacaan politiknya tidak boleh dipisahkan dari catatan sejarah yang dialaminya suatu ketika dahulu. Sejarah akan mengajar sesiapa sahaja yang mahu belajar. Sejarah adalah guru yang paling baik dalam politik tadi. Saya kira, Tok Guru masih ingat dengan apa yang berlaku dalam Kerajaan PAS di Terengganu dulu. Pemimpin UMNO telah menculik juga membeli ADUN-ADUN PAS dan Parti Negara untuk menggulingkan kerajaan minoriti PAS yang dipim pin oleh Haji Daud Samad selaku Menteri Besar PAS negeri itu.

Begitu juga halnya dengan kisah penculikan lima orang ADUN PAS Kelantan yang dibawa lari ke Kuala Lumpur pada tahun 1968 dulu. Sejarah tadi membuktikan bahawa penculikan itu dilakukan untuk melumpuhkan kerajaan PAS. Ia dilakukan kerana adanya satu usul undi tidak percaya terhadap kerajaan PAS yang akan dikemukakan oleh seorang ADUN UMNO dalam sidang yang akan datang pada tahun itu.

Saya kira, pemimpin-pemimpin UMNO yang merancang penculikan itu berasa yakin dengan membawa lari lima ADUN PAS tadi akan menyebabkan kerajaan PAS itu tumbang. Kerana majoriti undi PAS dalam Dewan pada waktu itu hanya tinggal empat undi sahaja. Para pemimpin UMNO tadi percaya, apabila lima ADUN PAS yang diculik tadi **MENYOKONG** usul undi tidak percaya terhadap kerajaan PAS itu maka usul tadi akan diluluskan dan secara automatik Perikatan akan membentuk kerajaan di Kelantan. Begitulah perkiraan UMNO untuk menjatuh dan menggulingkan sebuah kerajaan negeri yang dikuasai oleh PAS dulu. Apa yang berlaku di Kelantan sekarang, adalah jelas usaha UMNO untuk menculik dan membeli dua ADUN Semangat 46 untuk menuju kepada matlamat yang tercatat dalam sejarah tadi.

Kejayaan UMNO Terengganu dan UMNO Kuala Lumpur menumbangkan kerajaan minoriti PAS pimpinan Hj Daud Abdul Samad dengan cara menculik dan membeli ADUN-ADUN PAS dan Parti Negara itu, telah memaksa UMNO Kelantan dan Kuala Lumpur berbuat sesuatu untuk menumbangkan Kerajaan PAS Kelantan yang dipimpin oleh Datuk Asri Haji Muda. Tetapi usaha itu tidak berjaya sama sekali apabila empat orang ADUN PAS yang diculik tadi berikrar akan memberi sokongan kepada

PAS sebaik-baik sahaja mereka dibebaskan dari kawalan pihak tertentu. Saya kira, dengan sokongan empat ADUN PAS itu maka Kerajaan PAS pimpinan Datuk Asri tadi selamat dari ancaman UMNO. Namun begitu, PAS turut kehilangan seorang ADUNnya yang menjadi Speaker Dewan waktu itu iaitu Ustaz Abdullah Haji Yusuf yang tidak kembali kepangkuan PAS.

Saya rasa, catatan sejarah tadi amat berguna kepada kepimpinan Tok Guru untuk menguatkan benteng Kerajaan Kelantan yang ditadbirnya itu. Annuar Musa dan Dr. Mahathir pasti akan mengkaji taktik tadi untuk digunakannya di Kelantan sebagai peluru lama yang diperbaharui. Kisah Wan Najib dan Nordin Salleh di Sg. Pinang dan Limbungan itu, saya kira adalah perancangan yang termasuk dalam mengulangi taktik lama yang digunakan untuk menumbangkan Kerajaan PAS di Terengganu dan di Kelantan dulu.

Satu usaha yang lebih progresif dan canggih, pasti sedang diformulakan oleh UMNO untuk menelanjangi dan menggulingkan Kerajaan Kelantan yang ada sekarang. Mahu tidak mahu, mereka akan berfikir bagaimana untuk menumbangkan PAS di Kelantan. Hal ini terbukti; UMNO belum pernah berjaya menumbangkan sebuah kerajaan pem bangkang di negara ini dengan undi pilihanraya melainkan bermain **POLITIK KOTOR** terlebih dahulu.

Tok Guru Nik Aziz di Kelantan sudah melihat sejarah tadi dari dekat. Iktibar dan pengalaman pahit itu tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa PAS dan Semangat 46 membuat tindakan balas untuk menyekat usaha jahat UMNO tadi. Maka sebab itu timbul pindaan undang-undang lompat supaya tidak ada

pemimpin UMNO dapat membeli ADUN-ADUN pembangkang ini. Ini menyebabkan Annuar Musa pening kepala memikirkan cara dan taktik untuk melumpuhkan Kerajaan Kelantan tadi. Dia lain sikit dengan Tengku Razaleigh ketika dalam UMNO dulu. Annuar tidak ada pengaruh di Kelantan dan sudah tentu dia berfikiran kecil untuk memenuhi hasrat Dr. Mahathir bagi menumpaskan PAS di negeri kontroversi itu.

Perlantikan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi UMNO Kelantan tidak memberi makna apa-apa. Begitu juga dengan Annuar Musa yang jadi orang berkuasa penuh dalam UMNO Kelantan. Seperti kisah culik-menculik dan beli-membeli ADUN tadi, UMNO tidak boleh meninggalkan fakta sejarah. Tadi saya sudah katakan, sejarah adalah guru bagi orangorang politik. UMNO patut lihat sejarah dirinya di Kelantan. Sebelum Tengku Razaleigh mengambil-alih jawatan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan pada tahun 1971, Tan Sri Ahmad Kamil, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak sudahpun memegang jawatan keramat itu. Tetapi, hasilnya tidak menyebelahi UMNO malah ia tidak mendatangkan apa-apa perubahan. Saya kira, Dr. Mahathir juga akan menerima nasib yang sama seperti Tunku, Tun Razak dan Ahmad Kamil tadi.

Sejarah membuktikan bahawa Tengku Razaleigh yang dilantik menjadi Ketua Perhubungan UMNO Kelantan itulah yang telah berjaya memulihkan UMNO Kelantan. Dia pegang jawatan itu dari tahun 1971 hingga tahun 1984. Sebuah rencana Dewan Masyarakat pernah memuji Tengku Razaleigh dalam hal ini. Rencana itu menyebut, UMNO Kelantan telah dapat dipulihkan semula setelah Tengku Razaleigh mengambil alih jawatan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan daripada Tun

Abdul Razak. Tengku Razaleigh adalah pemimpin terbaik bagi Kelantan. Soalnya sekarang, apakah regu Dr. Mahathir-Annuar Musa ini akan menjadi lebih cemerlang daripada kepimpinan Tengku Razaleigh dulu?

Hal inilah yang telah menyakinkan PAS dan Semangat 46 Kelantan bahawa UMNO tidak akan mampu memulih kan parti-nya di negeri itu. Sebabnya, UMNO tidak akan berjumpa dengan pemimpin yang sama macam Tengku Razaleigh tadi. Dan Tengku Razaleigh pula tidak akan sekali-kali menyertai UMNO yang telah diludahnya itu. Kehilangan Tengku Razaleigh daripada **kocek** UMNO telah menyusahkan Dr. Mahathir untuk memulihkan UMNO Kelantan. Annuar Musa nampaknya tidak boleh diharap sangat. Dia tidak ada pengaruh dan *grassroot* seperti Tengku Razaleigh dulu. Malah dia sering menjadi sasaran serangan golongan vetaran dalam UMNO.

**Berjabat tangan tanda meminta maaf bukan bererti pertelingkahan Annuar dan Datuk Hussein boleh selesai. Mungkin kerana LAKONAN itu TERPAKSA dibuat kerana desakan Senator Azman Attar di tengah-tengah ribuan perwakilan Perhimpunan UMNO Agung UMNO, November 1992 lalu.**

Jadi siapakah yang nak diharapkan oleh Dr. Mahathir untuk pulihkan UMNO Kelantan? Dulu, mungkin politik Tengku Razaleigh lebih tinggi daripada politik para pemimpin PAS. Tetapi sekarang, Tengku Razaleigh yang jadi arkitek UMNO dulu sudah berada di sebelah pembangkang yang UMNO nak tumpaskan. Dengan lulusnya usul pindaan undang-undang lompat tadi, maka usaha UMNO untuk memulihkan parti

barunya itu semakin rumit dan kronik. UMNO benar-benar berada dalam delima.

Wan Najib dan Nordin Salleh juga berada dalam delima yang diciptanya sendiri. AP kereta juga mengantui mereka. Walaupun, mahkamah sudah membuat keputusan bahawa dua ayam tambatan UMNO itu adalah wakil rakyat yang sah di Sg. Pinang dan Limbungan tetapi akibat budaya menipu Dewan yang mulia, mereka tergantung akhirnya tanpa tali. Soal wakil rakyat sudah selesai.

Mahkamah sudah putuskan sah atau tidak sah tindakan Kerajaan Kelantan tadi. Tetapi dalam masa yang sama pengundi di dua tempat tadi sudahpun memilih wakil rakyat baru mereka. Malangnya, dua wakil rakyat baru itu dihentikan jadi wakil rakyat bila mahkamah buat keputusan. Maka sekarang Sg. Pinang dan Limbungan sudah tidak ada wakil rakyat sebab Wan Najib dan Nordin Salleh digantung dari menyertai Dewan. Sebabnya, mereka sudah angkat sumpah jadi wakil rakyat selepas menang dulu dalam Dewan dan mengaku bahawa mereka adalah wakil rakyat dari Semangat 46. Tiba-tiba, Wan Najib dan Nordin Salleh istihar kononnya mereka bukan ahli Semangat 46. Hal ini semua orang tahu dan mahkamah pun sudah memutuskan bahawa mereka disahkan bukan ahli Semangat 46. Ini bermakna, dua ayam tambatan UMNO ini sudah menipu Dewan ketika angkat sumpah dan wajarlah mereka digantung.

Saya kira, mereka berdua sudah tersilap langkah. Mereka melompat ketika pindaan undang-undang lompat tadi belum diluluskan. Dan apabila diluluskan oleh Dewan, mereka sudah

tidak boleh lari lagi dan tidak boleh melompat semula kepada Semangat 46. Maka terpaksalah akur dengan UMNO dan menerima akibat yang dahsyat hasil dari kesilapan dan latahan dalam politik tadi. Wan Najib dan Nordin Salleh cuba nak menggugat Kerajaan Kelantan dengan melompat ke dalam UMNO. Tapi, bila undang-undang lompat tadi beroperasi maka mereka berdua yang diculik UMNO pula, yang kena gigit dan menanggung rasiko politik yang besar. Masa depan politiknya terpaksa dipertaruhkan.

Dengan kejadian dan pengalaman baru yang dirasai oleh UMNO itu, maka sudah tentu Annuar Musa akan lebih berhati-hati dalam membuat tindakan supaya ianya tidak tergigitkan diri dan parti sendiri.

Saya kira, pindaan undang-undang lompat itu, adalah kemajuan terbaik yang pernah dicapai oleh pembangkang khasnya PAS dan Semangat 46 di Kelantan. UMNO tentunya tidak pernah menyangka hal ini akan terjadi dan dikenakan kepada partinya yang maju dan canggih itu. Kalaulah itu halnya, bermakna PAS dan barisan kepimpinannya sudah pun bertindak matang dan progresif dalam usaha menyerang balas dan mempertahankan benteng kekuatan Kerajaan Kelantan itu. Syabas! Ustaz Fadzil Noor dan Syabas! Tok Guru Nik Aziz.

■ HARAKAH 16

ISNIN 29 OKTOBER 1990/ 10 RABI'UL AKHIR 1411

## Ramai menitiskan airmata sambut kemenangan!

**Kuala Lumpur:** Pejabat Berita Harakah telah menerima banyak panggilan telefon dari orang ramai yang mengucapkan tahniah dan syabas diatas kejayaan PAS dan gabungan parti-parti Angkatan kerana berjaya membentuk kerajaan negeri dan 'menyapu bersih' kesemua kerusi yang dipertandingkan.

Mereka menelefon itu adalah antara yang merindui tertegaknya cita-cita Islam dilaksanakan dalam bentuk yang lebik praktikal.

Malah, ada antara mereka itu yang terharu dan menitiskan air mata bila mendapat tahu Parti Islam Semalaysia (PAS) berjaya membentuk kerajaan negeri bersama parti Semangat 46 dan Berjasa.Kebanyakan mereka seolah-olah tidak percaya Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat, Tuan Guru Haji Nik Aziz Nik Mat menjadi Menteri Besar kerana tidak berlaku dalam sejarah moden hari ini seorang ulamak yang muktabar boleh memimpin umat Islam dan kerajaan.

# KELANTAN BERTUAH DITADBIR OLEH ULAMAK

**Kota Bharu:** Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan satu-satunya pemimpin dalam sejarah dunia Islam moden yang telah berjaya memimpin gerakan Islam dan membentuk kerajaan negeri diatas tiket parti Islam (PAS) yang diwakilinya.

Inilah kali pertama PAS mempunyai Menteri Besar dari kalangan ulamak sejak parti itu ditubuhkan hampir 39 tahun yang lalu.

Beliau yang bertanding di kawasan DUN Semut Api dalam kawasan parlimen Pangkalan Chepa berjaya mempertahankan kerusi itu dan memungut sebanyak 9,504 undi dengan majoriti 6,993 undi dalam pilihanraya umum yang baru lalu.

Tuan Guru Haji Nik Aziz yang mengetuai kerajaan negeri Kelantan sekarang adalah Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat yang juga Pesuruhjaya PAS negeri yang amat dihormati oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

Di samping menjadi seorang politikus Islam beliau juga merupakan tokoh ulamak yang mahsyur bukan sahaja di Kelantan juga di negara ini.

Dalam pilihanraya 21 Oktober lalu, PAS telah bertanding di 24 kerusi DUN dan 6 kerusi parlimen manakala parti Semangat 46 bertanding di 14 kerusi DUN dan 7 kerusi parlimen berserta parti Berjasa di sebuah kerusi DUN.

Kesemua kerusi yang dipertandingkan telah dimenangi oleh parti-parti dari Angkatan Perpaduan Ummah.

Sebelum ini, parti Barisan Penyelamat Islam Algeria, pimpinan Prof. Abbasi Madani telah memenangi lebih dari 75 peratus kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya tempatan negara itu.

Dalam pilihanraya tersebut, sebanyak 15,000 kerusi bagi 1,541 kawasan bandaran dan 48 Majlis Wilayah telah dipertandingkan.

Walaupun tokoh ulamak Algeria itu belum berjaya menguasai negara tersebut tetapi jumlah kerusi yang diperolehinya itu suidah cukup membuktikan bahawa Islam mampu menawan Algeria.

Beberapa bulan sebelum itu, parti Islam Ikhwanul Muslimin Jordan juga telah memperolehi kerusi parlimen yang banyak dalam pilihanraya negera itu tetapi kemenangan itu tidak membolehkan parti tersebut membentuk kerajaan.



Dr. Abbasi Madani



Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat

*Ramai titiskan airmata terharu! Tok Guru Nik Aziz disamakan macam Prof. Dr. Abassi Madani di Algeria. Saat kemenangan Islam semakin hampir. Bersabarlah menunggu!*



With Best Compliments from

SYARIKAT WANA MOTORS SDN. BHD.

69-5, Batu 2½
Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur

TEL: 9845546 / 9849872

Pengimpot dan Pengedar Kereta-kereta terpakai

HAK MILIK Y.B. WAN MOHD. NAJIB W. MUHAMAD PEMIMPIN S.46

SEKARANG Y.B UMBONGAN PASIR PUTEH. WAKIL PAKTI S.46.

SEKRETARIAT PEKEMA

| | | |
|---|---|---|
| SETIAUSAHA EKSEKUTIF | : | SITI HAMIDAH SHEIKH ABU BAKAR |
| PENYELIA AKAUN | : | SHARIFAH RENTANA AL-JUFFRIE |
| KERANI AM | : | MOHD. SHAM HJ. AWANG |

PEKEMA ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan iklan di dalam buku laporan tahunan 1989 dan mereka-mereka yang terlibat dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan PEKEMA yang ke-9 ini.

*WANA MOTORS: Syarikat kereta kepunyaan Wan Najib.*

# GAPEMAL Holding Sdn Bhd.



CAR IMPORTER:
No: 6-1D, Jalan Abdul Rahman Idris, Kg. Baru, 50300 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2988689, 2981653 Fax: 03-2928031

GAPEMAL GROUP
PERISAI WIRA SDN. BHD.
YAMUD (M) SDN BHD
SRI BENTING MOTOR

PENYOKONG KUAT S. 46 →

Lot 1170, Jln. Raja Abdullah, Kg. Baru, 50300 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2988689, 2981653 & Fax : 03-2928031.

Lot 1678, Jln. Baru, 72100 Port Dickson, Negeri Sembilan.
Tel : 06-474715 & 402343

Batu 2, Jln. Kelibang 07000 Kuah, Langkawi Kedah.
Tel : 04-789727

Lot 427, Batu 1½, Jln. Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-742290 & 740244

Batu 1, Jln. Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-748288

No. 233, Jalan Mahkota, Taman Maluri, Cheras, 55100 Kuala Lumpur.
Tel ; 03-9851681.

*Demi 'AP' En. Ya'acob Muhamad sanggup jadi pembelot.*



FIKRAH    HARAKAH JUMAAT 16 OKTOBER 1992 -20 RABI'UL AKHIR 1413

4

Membangun Bersama Islam

HARAKAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

# Wajarnya menghormati sebuah kerajaan pilihan rakyat

**KITA tidak mengerti akan sikap dan pendirian Kementerian Penerangan apabila Datuk Mohamed Rahmat mengumumkan bahawa satu lagi saluran radio yang dinamakan Saluran Satu Radio Tiga Kota Bharu akan diwujudkan di Kelantan tidak lama lagi.**

Saluran radio itu khabarnya akan dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Bagaimanapun, ia dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Penerangan.

Memanglah banyak perkara yang ganjil dan bertentangan berlaku di dunia ini, khususnya di Malaysia. Pengumuman Datuk Mohamed Rahmat ini menambahkan lagi keganjilan dan menimbulkan pelbagai tanda tanya.

Pertamanya apakah kewajaran sebuah agensi kerajaan seperti KADA diberikan sebuah saluran radio, yang kononnya untuk "menitikberatkan soal perkembangan pertanian dan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani Kelantan" sedangkan Kerajaan Kelantan sendiri telah berulang kali memohon supaya diberikan kemudahan untuk mengendalikan stesen radio sendiri. Permohonan ini dibuat ekoran permintaan Menteri Besar Kelantan untuk berucap di Radio 3 Kota Bharu ditolak oleh Kementerian Penerangan.

Kerajaan Kelantan adalah sebuah kerajaan yang sah, dipilih oleh rakyat Kelantan dalam pilihan raya umum yang lalu. Bagaimanapun kerajaan pilihan rakyat itu dinafikan hak untuk menggunakan saluran radio, walaupun untuk tujuan menghebahkan program-program kerajaan yang akan memberi faedah kepada rakyat.

KADA pula hanyalah sebuah agensi Kerajaan Pusat yang menguruskan hal-ehwal pertanian semata-mata. Apakah KADA lebih besar dan lebih penting kedudukannya daripada sebuah kerajaan negeri yang mentadbir keseluruhan rakyat Kelantan? Dimanakah logiknya keputusan Kementerian Penerangan ini.

Tidak ada siapa yang rasional fikirannya akan bersetuju bahawa satu saluran radio wajar diberikan kepada sebuah agensi kerajaan Pusat, sementara sebuah kerajaan negeri dinafikan hak untuk berbuat demikian.

Bukankah Kerajaan Kelantan yang lebih berhak menangani masalah petani di Kelantan? Jelaslah bahawa dalam persoalan ini Kementerian Penerangan lebih membuat "perhitungan politik" daripada perhitungan rasional yang lebih berfaedah untuk rakyat.

Dalam satu perkembangan lain, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Fauzi Abdul Rahman mendakwa bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah menggunakan saluran radio dan televisyen untuk kepentingan politik. Kita juga memahami bahawa hasrat kerajaan Kelantan untuk mengendalikan sebuah stesen radio sendiri kemungkinan besar ditolak kerana ditakuti ia akan digunakan untuk kepentingan politik.

Tetapi, menurut realiti yang ada pada hari ini, adakah Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) benar-benar bebas dari sebarang kepentingan politik seperti yang didakwa oleh Datuk Fauzi Abdul Rahman.

RTM misalannya telah menyiarkan secara langsung ucapan dasar Presiden Umno dalam persidangan tahunan parti kerabat Barisan Nasional itu. Liputan besar-besaran dan terus menerus diberikan terhadap Perhimpunan Agung Umno walaupun ia adalah perhimpunan biasa sebuah parti politik dalam sebuah negara demokrasi.

Radio Tiga Kota Bharu pula berkempen habis-habisan untuk memastikan kemenangan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil di negeri itu sedikit masa dahulu. Inilah antara contoh penggunaan saluran media rakyat untuk kepentingan politik yang harus difahami oleh Kementerian Penerangan.

Kita mengharapkan supaya Kerajaan Pusat, khususnya Kementerian Penerangan berlapang dada dan rasional dalam semua tindakan dan langkah mereka.

Sebagai sebuah negara demokrasi, amalan politik yang sihat perlu diutamakan. Kerajaan Kelantan adalah sebuah kerajaan pilihan rakyat dan wajarlah bagi mana-mana pihak menghormati sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

*Saluran Radio di Kelantan bukan lagi untuk Kerajaan Negeri tapi untuk membina projek pulih-imej UMNO Kelantan*


SINIS
Oleh RAZ
BOSS, RADIO... NIK AZIZ NAK TUNGGU TAWARAN RESMI SECARA BERTULIS DARI KITA!!!
NI YANG SUSAH-NYA,...'RADIO HARAM' BUAT CURI-CURI, KITA BERI YANG HALAL NAK TAWARAN RESMI PULAK!
RAZ 92

## Jimatkan hampir $1 juta

Oleh:
WARTAWAN HARAKAH

# MANSUHKAN TRADISI BELI KERETA BARU

**Kota Bharu:** Amalan menjual kereta lama dan membeli kereta baru untuk kegunaan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan ahli-ahli exconya setiap kali perubahan ahli-ahli exconya telah dihapuskan sama sekali oleh kerajaan baru Angkatan yang sebelum ini menjadi amalam biasa kepada kerajaan Barisan Nasional.

Keputusan ini teleh diputuskan dalam mesyuarat kedua Exco Kerajaan Negeri 1 November lalu yang telah dipegerusikan oleh Menteri Besar, YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.Dalam mesyuarat tersebut, semua kereta lama milik kerajaan negeri itu diputuskan untuk tidak dijual dan akan terus digunakan kecuali kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Haji Mohamad Yaakob.

Menurut Ahli Exco Negeri, Ustaz Haji Abdul Halim Abdul Rahman, tindakan itu dilakukan bagi menjimatkan wang kerajaan negeri di sampring mengelakkan pembaziran.

Sebelum ini, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk membeli kereta baru Mercedes Benz untuk kegunaan ahli-ahli exconya setiap kali perubahan ahli exco nya berlaku.

Dengan tindakan tidak menjual 9 buah kereta lama dan membeli kereta baru ini, kerajaan negeri dapat menjimatkan hampir $1 juta, kata Ustaz Abdul Halim.Ini berdasarkan, jika sebuah kereta harganya $110,132 (harga tahun 1986) itu dijual dengan harga tender hanya $8,250, kerajaan akan mengalami bebanan yang besar hatta jika kereta baru yang dibeli hanya dari jenis Proton Saga.Harga sebuah kereta Proton Saga adalah lebih dari $25,000 sebuah berbanding dengan harga jualan Mercedes itu adalah $8,250 sebuah.

Kerajaan negeri memiliki 10 kereta dari jenis tersebut bagi kegunaan rasmi Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan ahli-ahli Exconya.

Mesyuarat itu juga telah bersetuju menjual sebuah dari kereta rasmi tersebut kepada Tan Sri Muhammad Yaakob dengan harga $8,250 iaitu harga tender yang ditetap oleh Jabatan Kerja Raya Negeri dan ianya tidak termasuk cukai.

Ketika dibeli pada bulan Jun 1986, kereta tersebut berharga $110,132 dengan harga bebas cukai.

Keputusan ini, kata Ustaz Abdul Halim, dibuat berdasarkan pertimbangan ke atas jasa bekas Menteri Besar Kelantan itu yang telah berkhidmat selama 12 tahun di dalam mentadbir kerajaan negeri tersebut.

## NO MORE CHEAP CARS FOR EX-KELANTAN EXCO



Tan Sri Mohamed served the state for years

By Antonius Tang

KOTA BARU, Thurs — The Kelantan government has abolished another customary practice — that of allowing politicians who are no longer holding office to buy at nominal prices their official cars.

The state government would, however, continue to consider requests from non political top government officers to buy state-owned cars for nominal sums on retiring.

This was decided at the second meeting of the State Executive Council in Kota Darulnaim here yesterday.

The council, nevertheless, agreed to sell former Mentri Besar Tan Sri Haji Mohamed Yaacob one of the two official cars he was using, a 1986 Mercedes 380 SEL, for $8,250.

This was in recognition and appreciation of Tan Sri Mohamed's 12 years of service to the state, councillor Haji Halim Abdul Rahman said today.

The requests by other former exco members, including the Deputy Mentri Besar, were turned down after the new government decided to discontinue the practice, he said.

Haji Halim said the m[illegible] would save the state a lo[illegible] funds.

"The former Deputy Me[illegible] Besar's car (Merced[illegible]) [illegible] instance, was bought in June [illegible] $110,132, tax free.

"If we sell off all the nine c[illegible] used by the previous [illegible] members, it will cost nearly $1 m[illegible] to get nine new ones," he s[illegible]

*Keratan akhbar "The Star" memberi pandangan positif terhadap keputusan kerajaan Kelantan tersebut*

***Ke arah berjimat cermat.........***

## 40% pendapatan untuk perjuangan Islam

# RAKYAT YAKIN DAPAT LIHAT MB YANG SEDERHANA

**Kota Bharu:** Pengakuan Menteri Besar Kelantan yang baru, Tuan Guru Haji Nik Aziz Nik Mat yang akan memperuntukkan sekurang-kurangnya 40 peratus dari pendapatannya pada perjuangan Islam menyakinkan ahli-ahli dan penyokong PAS bahawa hasrat mereka untuk melihat MB Angkatan itu hidup dalam keadaan sederhana akan tercapai.

"Di zaman kita ini, kita berkesempatan melihat seorang pemimpin negara yang hidup dalam keadaan sederhana.

Imam Khomeini hampir tidak meninggal apa-apa harta ketika beliau meninggal dunia," kata Saudara Zainuddin Abdullah, seorang petugas pilihanraya PAS.

Katanya, ahli-ahli dan penyokong PAS mahu pemimpin mereka yang diberi kesempatan menjadi Menteri Besar Kelantan mempunyai sifat-sifat yang begitu mulia yang dicontohi dari Rasulullah S.A.W

"Kalau pimpinan kita boleh mengekalkan sifat dan cara hidup sederhana yang menjadi amalan mereka, ketika Allah memberikan peluang mentadbir negeri ini, saya yakin dengan pertolongan Allah, sokongan rakyat tidak akan beralih-alih ke mana-mana lagi," kata Mahmud Abdullah, seorang lagi ahli PAS.

Kata beliau, rata-rata pemimpin-pemimpin hari ini melonggok harta kekayaan untuk diri dan golongan sendiri ketika berkuasa dan perkara ini timbul apabila pemimpin-pemimpin sedemikian dijatuhkan.

"Di negara kita pun, kita boleh melihat sendiri pemimpin-pemimpin BN mengumpulkan kekayaan yang begitu luar biasa walaupun ada antara mereka yang terpaksa berhutang sebanyak $500,000 untuk membuat tempat kediaman, satu kenyataan yang tidak dipercayai oleh sesiapa pun yang berakal," jelas beliau.

"Kalau boleh kita mahu melihat Ayah Ziz (panggilan untuk Tuan Guru Haji Nik Aziz) tinggal terus di rumahnya sekarang yang serba sederhana. Saya berkata begitu kerana mahu melihat kerajaan Kelantan menjadi contoh yang paling baik bagi negeri-negeri lain dari segi kesederhanaan, kecekapan dan pembangunan yang bersepadu," kata Saudara Yahya Daud, seorang ahli PAS.

Katanya lagi, kalau Iran mempunyai pemimpin yang hidup begitu sederhana, kita juga mahu pemimpin seperti itu.

"Saya yakin inilah kali pertama rakyat negara ini mempunyai seorang MB yang mengajar ilmu agama malah kuliahnya yang diadakan setiap pagi Jumaat," kata Haji Omar Hassan.

Tuan Guru Haji Nik Aziz Nik Mat mengadakan kuliahnya setiap pagi Jumaat di Bangunan PAS Kelantan dan adalah diyakini beliau akan meneruskan kuliahnya itu walaupun beliau akan bertambah sibuk apabila dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan.



MB Kelantan yang baharu -Tuan Guru Hj. Nik Abd. Aziz Nik Mat

*Di mana nak cari Menteri Besar di Malaysia macam Tok Guru Nik Aziz. Zuhud, lembut dan sederhana. Wan Mokhtar sama macam pemimpin UMNO yang bukan Ustaz atau ulama....*



*Ghafar Baba: Bila tiba Tok Guru? Sila duduk. Kami baru rancang-rancang dengan Sheikh Anwar macam mana nak gugat dan gigit Kelantan. Sheikh Anwar: Tak adalah Tok Guru. Encik Ghafar saja nak perkenakan saya tu. Dia dengki tengok saya sudah dapat sokongan banyak untuk ganti tempat PM. Osman Arof: Sudahlah. Tok Guru ada depan kita tu....*

# BAB 8

# AKHIRNYA ROKET MENDARAT DI BULAN

SEKOYANG-KOYANG DAP mendaratkan **ROKET**-nya di **BULAN PURNAMA** dalam negeri Kelantan. ROKET itu telah dipandu sendiri oleh Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang dan Pengerusinya, Dr. Chen Man Hin untuk menemui Tok Guru Haji Nik Aziz yang jadi Menteri Besar **BULAN PURNAMA** di Kelantan. Ramai pemimpin PAS tidak mahu dikaitkan dengan **ROKET** DAP ini. Kalau boleh ada diantara pemimpin PAS tadi tidak mahu bergambar dengan mana-mana pemimpin DAP. Terutama bila tertembung dalam majlis-majlis Semangat 46 di Kuala Lumpur. Tapi, kali ini lain halnya. **ROKET** DAP yang sering lari dari **BULAN PURNAMA** akhirnya terpaksa mendarat di **BULAN** untuk menemui Tok Guru, walaupun atas nama pertemuan parti dengan Kerajaan Kelantan.

Saya kira, semua orang tahu, bahawa Tok Guru Haji Nik Aziz adalah Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Dia juga ahli Majlis Syura Ulama PAS yang banyak pengaruh dalam menentukan dasar parti. Bila **ROKET** tadi mendarat atas nama pertemuan dengan Kerajaan Kelantan, secara tidak langsung **PENDARATAN ROKET** itu tidak ada hubungkaitnya dengan **BULAN PURNAMA** tadi. Dan rasanya, **ROKET** terpaksa mendarat di **BULAN** walaupun **BULAN** itu dimiliki oleh PAS yang ia tak mahu sangat jumpa. Tapi, atas hasrat yang terpancar untuk membela nasib orang-orang bukan Islam yang dituduh macam-macam, **ROKET** adakan juga pertemuan dengan Tok Guru Nik Aziz. Sesi perbincangan, dailog dan muzakarah telah diatur bagi menjelaskan sebarang kekeliruan yang ditimbulkan terhadap Kelantan. Saya fikir, langkah DAP menemui Tok Guru untuk berbincang dan mendengar penjelasan, adalah langkah paling bijak bagi orang politik. Semua orang politik tahu, bahawa **PENJELASAN** adalah senjata penting untuk seseorang membuat keputusan pro ataupun kontra.

Jadi, tidak hairanlah kedatangan **ROKET ke BULAN** membawa erti yang besar kepada arus peningkatan perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS selama ini. DAP adalah parti yang paling takut dengan penjelasan berhubung dengan Islam. Walaupun, ramai yang kata, ia parti yang terbuka dan boleh dengar pandangan orang lain. Tapi, pada hakikat politiknya, adalah terlalu susah untuk melihat para pemimpin DAP bertemu dengan pemimpin PAS. Mungkin pemimpin PAS juga takut untuk bertemu para pemimpin DAP tadi. Khuatir ahli-ahli dan pihak Barisan Nasional menuduh hal-hal yang bukan-bukan yang boleh melemahkan parti. Saya kira, sepatutnya para pemimpin PAS sudah lama menjelaskan suatu dasar berhubung

dengan kerjasama dengan orang bukan Islam. **Suatu KETEGASAN dan HUKUM sah atau tidak sah, perlu diperjelaskan. Boleh atau tidak boleh, wajar diputuskan.**

Banyak kekeliruan telah timbul. **Walaupun diperingkat pimpinan atasan memutuskan boleh bekerjasama dengan Semangat 46 yang Islam itu, tetapi masih ada yang menentang hubungan tadi terutama di Terengganu. Ini adalah akibat dari tiadanya dasar yang jelas menuju ke arah itu DALAM PERLEMBAGAAN PARTI.** Begitu juga dengan kerjasama CCC. Ramai yang ternanti-nanti, Muktamar Khas PAS bulan November lalu membentuk satu dasar berhubung dengan kerjasama dengan parti-parti bukan Islam di negara ini, yang **DIAKTAKAN** dalam Perlembagaan PAS. Tapi, nampaknya hal itu langsung tidak disentuh. Ini menyebabkan pertemuan-pertemuan seperti **ROKET mendarat di BULAN** tadi sering terfitnah malah para pemimpin PAS semacam dihantui kebimbangan yang amat sangat bila pihak UMNO menuduh PAS sudah berpakat dengan DAP. Saya kira, sekarang adalah tempoh yang paling selamat untuk membuat dasar itu. Pilihanraya lama lagi. PAS masih berpeluang untuk menjawab apa-apa hal yang berbangkit.

Bila Muktamar Khas tadi tidak menyentuh hal itu, nampaknya PAS akan terus difitnah berpakat dengan DAP menjelang pilihanraya umum akan datang. Keputusan yang jelas untuk bekerjasama dengan parti-parti bukan Islam masih tidak ada. Sedangkan isu kerjasama Semangat 46 dengan DAP dalam Gagasan Rakyat akan dikaitkan dengan PAS sebab Semangat 46 adalah rakan PAS dalam Angkatan. PAS di kawasan Pantai Barat seperti di Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Selangor dan

Wilayah Persekutuan juga Pulau Pinang akan terus sulit untuk bergerak dalam ertikata gerakan politik berpilihanraya. PAS di kawasan ini rasanya, memerlukan kerjasama antara pembangkang. Dan DAP adalah pembangkang bukan Islam yang turut serta dalam arus tersebut. Sudah tentu, secara tidak langsung, kerjasama PAS dengan DAP tadi akan berlaku jua sama ada disedari ataupun tidak.

Apabila **ROKET** yang tidak pernah berhasrat untuk bertemu PAS tadi mendarat di Kelantan, sekurang-kurangnya DAP sudah didakwahkan oleh Tok Guru. Pertemuan DAP dengan Tok Guru itu bukanlah pertemuan antara DAP dengan PAS. PAS mahupun DAP tidak akan bertemu selagi dasar dan prinsip perjuangan jauh berbeza bagaikan langit dengan bumi. Apa yang terjadi, DAP sudahpun bertemu dengan Tok Guru selaku Menteri Besar Kelantan bukannya sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Sekaligus pertemuan itu menandakan satu titik peralihan yang memberangsangkan dalam sejarah politik pembangkang di Malaysia. Seluruh dunia tahu, PAS dan DAP adalah parti yang bertentangan ideologi. DAP dengan cara sekular dan PAS dengan intipati Islam. DAP akan terus menentang konsep Negara Islam yang dilaung-laungkan oleh PAS!

Saya kira, pertemuan dua gergasi parti pembangkang itu amat dirisaukan oleh Barisan Nasional tentang prospek positif yang diperbicangkan. Lim Kit Siang datang ke Kelantan adalah untuk mengetahui secara dekat dan menyelidiki sejauh mana benarnya tuduhan-tuduhan MCA dan Gerakan kononnya hak-hak bukan Islam di Kelantan tadi telah dicabul oleh kepimpinan Tok Guru. Itu sahaja. Ada penganalisis politik berpendapat bahawa pertemuan itu mungkin bertujuan untuk merintis jalan

yang lebih erat untuk DAP dan PAS bekerjasama menjelang pilihanraya umum akan datang. Hal itu merupakan suatu tafsiran politik sahaja. Jika perbincangan yang dijalankan bermaksud begitu, sudah tentu ianya bukan dengan Tok Guru seorang tapi juga dengan Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor. Ini menunjukkan tafsiran tadi tidak berasas.

Saya fikir, tafsiran tadi semakin jelas apabila impian PAS untuk menubuhkan negara Islam sentiasa menjadi **HALANGAN** yang kuat untuk PAS bekerjasama dengan DAP. Apatah lagi, sikap para pemimpin DAP yang terus menentang penubuhan Negara Islam amat memedihkan hati para pemimpin PAS. Jadi, tidak timbul soal untuk bekerjasama. Pertemuan Lim Kit Siang itu dengan Tok Guru adalah untuk mengetahui sejauh mana benarnya tuduhan MCA dan Gerakan terhadap hak rakyat bukan Islam yang dinodai di Kelantan. Kerana hal inilah yang telah mendorong DAP bertemu dengan Tok Guru. Sebab DAP sudah berasa, dialah **JAGUH dan PEJUANG** hak-hak orang-orang bukan Islam tadi. MCA dan Gerakan hanya menjadi **PENGAMPU** Barisan Nasional dan Dr. Mahathir.

Lim Kit Siang sudah menjelaskan, kebelakangan ini MCA dan Gerakan amat giat menghebahkan berita bahawa kaum Cina di Kelantan sudah ditindas. DAP pula dituduh bertanggungjawab dalam hal ini. Pada November 1990, DAP telah meluahkan rasa perihatin terhadap hasrat Kerajaan Kelantan untuk menguatkuasakan beberapa undang-undang Islam. Timbalan Menteri Besar, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman mencadangkan supaya DAP tidak mempercayai cerita surat khabar itu. Sepatutnya dia pergi terus ke Kelantan untuk mengetahui perihal yang sebenar. Maka sebab itulah, **ROKET** tadi terpaksa

mendarat di BULAN dengan suatu **MISI SIASAT FAKTA** terhadap 62 dakwaan **KONONNYA** hak kaum bukan Islam telah dicabuli. Lim Kit Siang kata, kaum Cina Kelantan bimbang tentang tiga hal. Iaitu:

**Pertama : Mereka akan disuruh berhenti berniaga se masa sembahyang Jumaat.**

**Kedua : dilarang menjual dan meminum arak ditempat umum**

**Ketiga : Mereka akan diwajibkan menukar huruf Cina dipapan-papan iklan kepada skrip Jawi.**

Kalau dakwaan ini berasas memang hak bukan Islam telah dicabuli. Tapi, dakwaan itu tidak betul. Lim Kit Siang sudah mengakui hakikat itu. Dalam mesyuarat selama dua suku jam bersama kepimpinan Kerajaan Kelantan, termasuk Menteri Besar dan kedua-dua Timbalan Menteri Besar serta beberapa orang anggota EXCO, DAP sudah memberitahu, kalau diadakan pungutan suara, lapan atau sembilan dari sepuluh orang Cina di luar Kelantan akan berpendapat kaum Cina di Kelantan ditindas. Ini kerana propaganda MCA dan Gerakan begitu berkesan hinggakan kaum Cina di luar Kelantan percaya kepada tuduhan-tuduhan seperti:

* **Kaum Cina Kelantan dilarang makan atau jual daging babi**
* **Kaum Cina ditegah minum bir secara terbuka**
* **Kaum Cina dilarang membeli atau meminum arak**
* **Kaum Cina dilarang mengunjungi salon Unisex**

* **Kaum Cina dipaksa berhenti berniaga sewaktu sembahyang Jumaat**
* **Kaum wanita Cina mesti tutup kepala dan berpakaian secara Islam**
* **Kaum wanita Cina dilarang bekerja diwaktu malam**
* **Papan iklan huruf Cina mesti digantikan dengan huruf jawi**

Sebaliknya kata Lim Kit Siang, lapan atau sembilan dari sepuluh orang Cina di Kelantan tadi akan mendakwa mereka tidak ditindas. Bagaimanapun katanya, mereka amat perihatin, risau dan gelisah, lambat laun hak mereka akan dicabuli jua akibat Islamisasi. Tuduhan MCA dan Gerakan tadi ternyata tidak benar. Pada dasarnya DAP sudahpun berpuas hati. Tok Guru pula telah memberikan penjelasan yang cukup jelas dan logik. Siapa tak kenal Tok Guru Nik Aziz? Dia sama-sama Lim Kit Siang dalam parlimen sebelum ini. Tok Guru kata, hanya MCA yang buat kecoh kerana untuk menjaga kepentingan peribadi. DAP sudah membuat tinjauan rambang dibeberapa buah bandar seperti Machang, Kota Bharu dan Gua Musang. Akhirnya mereka kata tidak ada masalah. Sebenarnya kaum bukan Islam sememangnya tidak bermasalah.

Masalah pertama yang menjadi kebimbangan orang-orang bukan Islam ialah soal tutup kedai ketika orang Islam sembahyang Jumaat. Tok Guru sudah jawab. Tidak timbul soal berhenti berniaga sewaktu sembahyang Jumaat. Tok Guru kata, hari Jumaat adalah hari **CUTI AM** di Kelantan. Sehingga hari ini belum ada peraturan yang melarang aktiviti berniaga sewaktu sembahyang Jumaat. Orang bukan Islam sepatutnya tahu bahawa

hari Jumaat adalah hari sembahyang bagi orang Islam. Sembahyang Jumaat tidak boleh dilakukan kalau tak cukup bilangan 40 orang. Tapi di Kota Bharu yang punyai beribu-ribu orang, masalah ini tidak wujud. Soal yang timbul ialah **HARI JUMAAT ADALAH HARI CUTI AM.** Mungkin kerana undang-undang buruh mewajibkan cuti seminggu sekali. Soal tutup kedai hari Jumaat tidak berbangkit.

Tok Guru juga menjelaskan tentang kebimbangan kedua, orang bukan Islam tadi tentang penjualan dan meminum arak di tempat awam. Tok Guru sudah beri jawapan yang orang-orang bukan Islam dibenarkan minum arak kerana itu hal dia. Kerajaan tak larang mereka minum arak. Bulan bila-bila pun tak apa. Mereka boleh minum dan boleh beli. Takkan mereka dapat minum kalau tak boleh beli? Kerajaan tak akan larang kalau Islam kata tak larang. Itulah sebabnya kerajaan tak larang penjualan daging babi. Yang kerajaan minta dari pekedai-pekedai arak supaya jangan jual arak pada orang-orang Islam. Kerajaan sudah minta para pekedai mengasingkan tempat meminum arak agar orang-orang Islam tidak terpengaruh dengan arak itu. Itu sahaja. Kawalan seperti ini mesti ada. Tok Guru sudah memberi contoh, tentang undang-undang memakai topi keleder. Sudah tentu kita tidak boleh kata; Ini kepala saya. Kalau kepala saya pecah, saya punya pasal. Peraturan keselamatan jalanraya mesti ada macam peraturan awasi arak ini juga.

Dalam masalah ketiga yang menjadi kebimbangan orang bukan Islam tadi, Tok Guru menegaskan bahawa kerajaan hanya menggalakkan bukan memaksa para peniaga Cina menggunakan tulisan Jawi dipapan-papan tanda perniagaan mereka. Ia hanya untuk papan-papan iklan yang baru. Yang lama tak perlu tukar.

Setakat ini tidak ada undang-undang yang dikuatkuasakan sebab hanya Kerajaan Pusat sahaja yang boleh menguatkuasakan undang-undang seperti ini. Orang Cina tadi masih boleh menggunakan bahasa Cina. Sebabnya, Islam tidak pernah melarang orang Cina, Melayu mahupun India menggunakan bahasa masing-masing. Kata Tok Guru, kalau kaum Melayu tidak boleh dipaksa bercakap dalam bahasa Arab maka begitu jugalah dengan kaum Cina dan India. Tok Guru sudah beri jaminan kepada orang Cina. Kalau mereka nak cakap dalam bahasa Cina, nak pakai cheong sam, sari atau kimono adalah dibolehkan. Islam membenarkannya sebab Islam agama alam sejagat.

Sebuah Rencana **Dewan Masyarakat Mac 1992 bertajuk 'DAP Menguji Kekuatan Di Kelantan'** oleh Firdaus Abdullah, telah membuat tafsiran dan andainya sendiri dengan menekankan pertemuan DAP dengan Tok Guru tadi adalah pertemuan antara DAP dengan PAS. Dan bukannya antara DAP dengan Kerajaan Negeri seperti yang saya sebut tadi. Rencana itu menuduh DAP, selain dari bercita-cita untuk membentuk kerajaan di Pulau Pinang, ia juga berhasrat untuk memperluaskan pengaruhnya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, terutamanya di Kelantan. Pertemuan itu tadi, adalah antara taktik halus DAP untuk memikat hati pengundi Cina di negeri itu.

Saya kira, dakwaan tadi tidak begitu tepat. Kerana bilangan pengundi Cina yang hendak diraih oleh DAP tadi hanya ada 4.95 peratus dan India 0.59 peratus daripada 480, 000 pengundi di seluruh Kelantan. Pengundi bukan Melayu yang terbanyak ialah di kawasan Kota Bharu iaitu Cina 19.92 peratus, India 1.38 peratus dan lain-lain 0.2 peratus. Di Kuala Krai Cina 7.44

peratus, India 3.05 peratus dan kaum lain .20 peratus sementara di kawasan Pasir Mas, Cina 3.09 peratus, India 0.20 peratus dan kaum lain 1.57 peratus. Di Gua Musang Cina 5.41 peratus, India 0.75 peratus dan kaum lain 1.29 peratus. Dalam pilihanraya lalu, DAP bertanding tiga penjuru di DUN Padang Garung dalam parlimen Kota Bharu. Jumlah undi: DAP mendapat 2,156 undi, MCA mendapat 4,602 manakala Angkatan mendapat 7,341 undi.

Saya kira dari apa yang tercatat tadi, tidak ada sebab kukuh untuk membenarkan dakwaan kononnya DAP sedang meluaskan pengaruhnya Di Kelantan. Keputusan DUN Padang Garung menunjukkan bahawa MCA masih mendapat tempat yang baik di hati pengundi Cina. Rencana itu juga turut mengandaikan: "PAS mungkin menggunakan DAP sebagai jambatan untuk berhubung dengan orang-orang bukan Islam. Manakala DAP pula menggunakan PAS untuk meluaskan pengaruhnya di negeri Kelantan. Dalam hubungan ini, PAS dan DAP terpaksa berganding bahu untuk menyusun strategi politik walaupun pada hakikatnya matlamat kedua-dua buah parti ini berbeza".

Seperti yang saya kata tadi, andaian ini tidak berasas. DAP hanya membuang masa semata-mata mahu merebut DUN Padang Garung yang popular kepada MCA itu. Di kawasan lain, potensi DAP langsung tidak ada walaupun pengundi Cina ada. **Apakah cukup bilangan yang kecil itu untuk menjamin kemenangan DAP jika bertanding?**

Saya kira, dakwaan rencana itu tadi hanyalah pandangan yang berpihak. Semua orang tahu, bahawa dari dulu lagi PAS dan DAP tidak pernah bertemu. Bila PAS kuasai Kelantan, DAP telah menggunakan diplomasinya kononnya menurut rencana itu

untuk berdamping dengan PAS dan bertapak di negeri itu. Tok Guru Nik Aziz sudah beri penegasan, DAP dan PAS boleh berbincang tapi dengan syarat jangan menentang Islam. Tapi, pertemuan tadi telah dilihat oleh orang terbanyak sebagai kejayaan DAP. Orang sudah meramalkan, dari segi politik pencapaian ini merupakan satu kemenangan bagi DAP dan sudah tentu akan mendorong **ROKET** untuk melipatgandakan usahanya untuk mendapatkan so-kongan orang-orang bukan Islam dan orang Melayu di atas pagar di negeri itu.

Masyarakat Cina di Kelantan, sebenarnya jauh berbeza dengan masyarakat Cina di negeri-negeri lain. Sosio-budaya ini patut dipelajari oleh DAP terlebih dahulu. MCA sudah menghadapi delima ini. Orang-orang Cina Kelantan menolak parti itu sebaliknya menyokong Semangat 46 dan PAS. Jika DAP tadi mengenepikan sosio budaya orang Cina yang hidup macam orang Melayu Kelantan, maka pencak **KUNG FU** dan permainan **MAHJONG** yang dibawanya ke negeri itu akan diperhatikan. Saya kira, DAP tidak akan mendapat tempat di Kelantan apatah lagi berhasrat untuk meluaskan pengaruhnya. Cukuplah pertemuan tadi menimbulkan rasa minat DAP terhadap keadilan yang dibawa oleh PAS di Kelantan. Kalau DAP berhasrat untuk **MENGGIGIT** dan **MENGGUGAT** atau **MENGKUDAKAN PAS** bagi tujuan-tujuan yang tersirat tadi, maka adalah wajar para pemimpin PAS di semua peringkat berhati-hati dengan permainan **MAHJONG** dan pencak **KUNG FU** Lim Kit Siang dan Dr. Chen Man Hin itu.

Sekurang-kurangnya, Tok Guru dan PAS sudahpun menyatakan kebenaran dan dakwah kepada DAP dalam pertemuan satu suku jam di Kota Darul Naim itu. Tok Guru

sudah menyampaikan tiga **AMANAT** penting kepada DAP mengenai Islam. Pertama, soal ideologi, **MENGAPA** PAS pilih Islam. Katanya semua ideologi akan terhapus kecuali Islam dan begitu juga dengan demokrasi, pasti akan tewas sebab tiadanya konsep pahala dan dosa. PAS terima demokrasi hanya selagi ianya tidak bercanggah dengan Islam. Hal kedua, Tok Guru menerangkan tentang mengapa dia pilih Islam. Kerana dalam Islam ada konsep dosa pahala yang menjadi pengawas kepada segala aktiviti kita. Dan perkara ketiga yang turut dimaklumkan kepada delegasi DAP itu ialah mengenai hari pembalasan.

Untuk meyakinkan DAP tentang keadilan Islam adalah suatu yang berat. Tapi, bila **PENJELASAN** diberi dan perbandingan keadaan sebenar dilihat, maka **KEADILAN** yang selalu dijelaskan secara **TEORI** dulu, dapat diterima dengan hati yang terbuka. Lim Kit Siang dalam satu kenyataan akhbarnya kepada HARAKAH pada 31 Januari 1992 sudah melahirkan rasa puas hatinya terhadap apa yang berlaku di Kelantan. Malah sekaligus menafikan 62 fitnah, tuduhan dan dakwaan MCA dan Gerakan tadi terhadap pencabulan hak-hak bukan Islam di Kelantan oleh Kerajaan Negeri. Syabas saya ucapkan pada Lim Kit Siang berani kerana benar takut kerana salah. Kepada Tok Guru... ia masih belum selesai.



*LIM KIT SIANG*
*Kelantan tidak tindas orang-orang bukan Islam*

WATAN

SABTU 2 NOVEMBER 1991

## Tuduh Nik Aziz ketepi rakyat bukan Islam

# KIT SIANG DAPAT GAMBARAN SALAH

**KUALA LUMPUR: Timbalan Yang Dipertua Pas, Haji Abdul Hadi Awang mendakwa Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang mendapat gambaran yang salah apabila menuduh Menteri Besar Kelantan Haji Nik Abdul Aziz mengenepikan rakyat bukan Islam di negeri itu.**

Bagaimanapun beliau tidak menyalahkan Encik Lim membuat dakwaan demikian, kerana mungkin mendapat penjelasan dan penerangan daripada pihak tertentu yang mahukan kerajaan Angkatan di Kelantan dijatuhkan.

Watan keluaran Sabtu lalu melaporkan, DAP dan Barisan Nasional menpertikai kewibawaan kerajaan Pas Kelantan dan mengungkit janji yang pernah dibuat sebelum pilihanraya umum lalu.

Haji Abdul Hadi yang ditemui di lobi bangunan Parlimen menolak dakwaan bahawa kerajaan Pas Kelantan gagal melaksanakan apa yang dijanjikan sebaik sahaja mengambil alih kerajaan negeri selepas pilihanraya umum lalu.

Katanya, Pas tetap akan terus



**Haji Hadi Awang**



**Encik Lim Kit Siang**

melaksanakan apa yang dijanjikan sebelum masa pilihanraya umum lalu dan tidak akan mengenepikan begitu sahaja segala ikrar tersebut.

"Pas memerlukan masa untuk melaksanakan segala yang dijanjikan itu, sekalipun mengambil masa yang agak lama," katanya sebagai mengulas laporan **Watan** *Sabtu, 26 Oktober lalu.*

Janji Pas untuk melantik wakil bukan Islam di Dewan Negeri hanya ditentukan oleh perlembagaan negeri itu, dan tidak timbul Pas enggan menunaikan apa yang dijanjikan dan cuba berdolak dalih berhubung perkara tersebut.

"Bagaimanapun kita akan terus melaksanakannya walaupun mengambil masa yang agak lama bagi meminda Undang-undang negeri membenarkan perlantikan orang-orang bukan Islam dibuat dalam Dewan Undangan Negeri," jelas beliau.

Sementara itu Anggota Parlimen Kok Lanas, Encik Shukri Mohamad berkata, kerajaan Pas memerlukan masa untuk melaksanakan apa yang dijanjikan semasa kempen pilihanraya umum lalu.

### GAGAL

Katanya, walaupun kerajaan negeri tidak melaksanakan keseluruhan apa yang dijanjikan itu tidak bererti kerajaan negeri gagal melaksanakannya.

"Bahkan telah banyak perkara yang telah dilaksanakan seperti apa yang dijanjikan semasa kempen pilihanraya umum lalu," tambah beliau lagi.

Encik Shukri yang juga Naib Ketua Pemuda Semangat 46 berkata, setengah perkara yang dijanjikan itu terpaksa melalui beberapa proses tertentu termasuk pindaan undang-undang negeri.

*Gambaran salah jadi punca serangan DAP terhadap PAS*



*ANNUAR MUSA*
*Tidak boleh berperanan macam Tengku Razaliegh Hamzah untuk pulihkan Kelantan*

DAP

# Menguji Kekuatan Di Kelantan

**Pada masa dahulu PAS dan DAP tidak pernah mencapai titik pertemuan dalam berbagai-bagai hal. Tetapi apabila PAS berjaya menguasai negeri Kelantan, DAP telah menggunakan diplomasinya yang paling halus untuk berdamping dengan PAS dan bertapak di negeri itu.**

Oleh FIRDAUS ABDULLAH



Selain bercita-cita untuk membentuk kerajaan di Pulau Pinang, Parti Tindakan Demokrat (DAP) juga berhasrat memperluaskan pengaruhnya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, terutamanya di negeri Kelantan. Untuk mencapai matlamat ini, DAP telah menggunakan pelbagai taktik bagi memikat para pengundi Cina yang menetap di negeri itu.

DAP yang telah ditubuhkan sekitar tahun 1968, telah membuka lembaran baru dalam sejarah politiknya apabila parti itu mengambil keputusan untuk bersekutu dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang didukungi oleh Semangat 46 (S46) dan disertai oleh Partai Islam Se-Tanah Melayu (PAS). DAP telah menggunakan kesempatan ini sebagai batu loncatan untuk berdamping dengan PAS yang berpusat di negeri Kelantan. DAP terus menunjukkan minatnya yang mendalam berikutan kejayaan PAS memerintah negeri Kelantan selepas pilihan raya umum pada bulan Oktober 1990. Di peringkat Dewan Undangan Negeri, PAS memenangi 24 kerusi, S46 sebanyak 14 kerusi dan Berjasa satu kerusi. Bagi kerusi Parlimen, PAS memenangi enam kerusi manakala S46 tujuh kerusi.

Dalam masa kurang daripada satu tahun, PAS telah melaksanakan pelbagai dasar yang dikatakan selaras dengan hukum-hukum Islam. Di antara pelaksanaan yang menjadi isu kontroversi ialah tindakan kerajaan PAS mengharamkan kedai-kedai nombor empat ekor, Sports Toto dan mewajibkan semua pekerja wanita Islam sama ada di sektor awam mahupun swasta memakai tudung. Kerajaan PAS juga telah membentuk Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan PAS itu telah menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan orang bukan Islam, terutamanya orang Cina. Malahan, Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam dikatakan tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana tidak mewakili majoriti masyarakat Cina di negeri itu. Berikutan perkembangan ini, kerajaan PAS menghadapi kesulitan untuk menerapkan pemahaman Islam terhadap orang Cina dalam pelaksanaan dasar keislaman di negeri Kelantan.

Ketika PAS menghadapi kesulitan ini, secara spontan DAP muncul di tengah gelanggang politik Kelantan dan cuba bertindak sebagai jaguh untuk membela nasib orang Cina di negeri itu. Usaha yang dilakukan oleh pemimpin DAP, yang diketuai oleh Pengerusinya, Dr. Chen Man Hin dan Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, ialah membuat pertemuan rasmi dengan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat dan orang Cina di negeri itu. DAP secara terbuka membayangkan bahawa pihaknya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Haji Nik Aziz dan mendapat pengalaman yang berguna hasil pertemuan itu. DAP menyuarakan supaya kerajaan negeri Kelantan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Perunding bagi mengatasi pelbagai kesulitan yang dihadapi oleh orang bukan Islam di negeri Kelantan.

Sambutan yang diberikan oleh orang Cina terhadap pertemuan DAP dengan Haji Nik Aziz ternyata hambar. Cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa seperti itu bukanlah suatu perkara baru. Jawatankuasa seumpama itu telah dibentuk oleh kerajaan PAS dengan fungsi yang sama sebelum pertemuan dengan pemimpin DAP. Kemungkinan besar hasil rundingan itu akan tercapai disebabkan kedua-dua pihak saling menggunakan kesempatan masing-masing untuk menyelesaikan keadaan politik yang dihadapi oleh orang Cina.

Dalam hal ini, PAS, mungkin menggunakan DAP sebagai jambatan untuk berhubung dengan orang bukan Islam, manakala DAP pula menggunakan PAS untuk meluaskan pengaruhnya di negeri Kelantan. Dalam hubungan ini, PAS dan DAP terpaksa berganding bahu untuk menyusun strategi politik walaupun pada hakikatnya matlamat kedua-dua buah parti politik ini berbeza.

Pada masa dahulu PAS dan DAP tidak pernah mencapai titik pertemuan dalam berbagai-bagai hal. Tetapi apabila PAS berjaya menguasai negeri Kelantan, DAP telah menggunakan diplomasinya yang paling halus untuk berdamping dengan PAS dan bertapak di negeri itu. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa DAP telah berjaya mengukuhkan lagi tapaknya di negeri itu menerusi sokongan PAS. Dari segi politik, pencapaian ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang bagi DAP. Dan ini sudah tentu akan mendorong parti itu untuk melipatgandakan usahanya untuk mendapatkan sokongan orang bukan Islam dan orang Melayu yang berada "di atas pagar" di negeri itu.

Mengikut perangkaan, bilangan pengundi Cina dianggarkan sebanyak 4.95 peratus, India 0.59 peratus dan bangsa lain sebanyak 1.29 peratus daripada 480,000 pengundi di negeri Kelantan. Bilangan pengundi bukan Melayu yang terbanyak ialah di kawasan Kota Bharu; Cina 19.92 peratus, India 1.38 peratus dan kaum lain

20

DEWAN MASYARAKAT MAC 1992

*Dewan Masyarakat tuduh DAP nak bertapak di Kelantan. Betulkan dakwaan itu?*




*NAN - Kartunis yang sering memperlekehkan perjuangan Islam yang di bawa oleh PAS. Kritik PAS tak apa tapi jangan kritik Islam...*

# BAB 9

## SHEIKH ANWAR SULITKAN SULTAN KELANTAN

TIDAK SEMENA-MENA, cukai kereta mewah Lamborghini Diablo yang jadi milik Sultan Kelantan telah dibayar oleh orang-orang yang tidak diketahui. Baginda Sultan bersikap tegas dalam hal ini. Bahawa dia TERKECUALI dari membayar cukai tadi. Tindakannya itu mungkin benar disisi undang-undang yang sedia ada. Tapi, entah apa yang dimarahkan oleh Menteri Kewangan, Sheikh Anwar Ibrahim terhadap Sultan Kelantan itu, tidak dapat dipastikan sehingga dia begitu melenting dalam isu ini. Saya kira, Sultan Kelantan dari awal lagi sudah mengecam tindakan beberapa akhbar yang turut membesar-besarkan kisah baginda **'melarikan'** kereta mewah yang jadi miliknya itu. Titah baginda, terdapat pihak-pihak tertentu sengaja mengatur penyiaran secara besar-besaran berita tersebut dengan niat untuk menghina dan membalas dendam.

"Ia diatur sedemikian rupa untuk maksud-maksud **TERTENTU** yang membayangkan niat yang tidak bersih dan motif yang dipimpin oleh prasangka buruk dan dendam-dendam halus yang bertentangan dengan kemurnian semangat Ramadhan yang bertimbang rasa dan adil," titah begainda. Saya fikir, Sultan Kelantan itu wajar bertitah begitu sebagai usaha untuk menjelaskan **'BERITA-BERITA YANG TIDAK BENAR'** tentang peristiwa baginda melarikan kereta mewah Lamborghini Diablonya tanpa membayar cukai import sebanyak $2.1 juta. Hal ini patutnya dapat diselesaikan dengan baik tetapi seperti titah Sultan tadi, adanya pihak-pihak tertentu yang cuba untuk memburuk-burukkannya kerana dendam kesumat menyebabkan isu itu berpanjangan.

Jadi, tidak hairanlah baginda bertegas mengambil keretanya tadi tanpa membayar cukai import yang sememangnya baginda dikecualikan dari membayarnya. Tapi, amat malang sekali, usaha untuk menghina dan merendah-rendahkan **MARTABAT** Sultan tadi terus dilakukan setelah penyiaran besar-besaran dibuat melalui akhbar dan RTM juga TV3. Kali ini, Kementerian Kewangan melalui Bahagian Cukai mengumumkan tentang adanya pihak-pihak tertentu telah menjelaskan sebahagian cukai import kereta Sultan tadi kononnya sebagai usaha untuk meredakan ketegangan antara Kerajaan Pusat dengan Istana Kelantan. Bahagian Cukai mengakui menerima hanya sekitar $800,000 sebagai pembayaran cukai kereta mewah Sultan yang telah ditaksirkan sebayak $2.1 juta itu.

Pemimpin DAP, Lim Kit Siang bersama anggota Parlimen Bukit Bintang, Wee Choo Keong ketika mengadap Sultan

Kelantan di Istana Mahkota, Kubang Kerian telah mendapat pengesahan bahawa Sultan Kelantan tidak **MENJELASKAN** cukai $2.1 juta duti import atau mengarahkan sesiapa membayar bagi pihak baginda. Pemimpin DAP itu sudah mencabar pemimpin UMNO supaya menjelaskan kepada rakyat Malaysia, bagaimana Sultan Kelantan boleh AKUR dengan peraturan kastam sedangkan Sultan sendiri menafikan membuat sebarang pembayaran atau mengarahkan sesiapa membayarnya. Bukan sahaja pemimpin UMNO menyerang dan memburuk-burukkan baginda Sultan tetapi apa yang lebih dahsyat, cuba untuk mengambil tindakan mahkamah pula.

Saya kira, adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana individu atau syarikat atau mana-mana pihak yang tolong bayarkan cukai tadi bagi pihak Sultan Kelantan. Ini kerana ianya jelas bertentangan dengan peraturan dan undang-undang yang telah memberi keistimewaan dan ianya telah dipersetujui oleh EXCO Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, tidak ada pihak dibenarkan membuat pembayaran cukai kereta mewah Sultan itu kerana tindakan itu boleh **MENGAIBKAN** baginda selaku Sultan yang mempunyai **HAK KEISTIMEWAAN** tadi. Saya tidak tahu, apakah Sheikh Anwar boleh dituduh **PECAH AMANAH** dalam hal ini kerana membenarkan Kementeriannya menerima pembayaran cukai import itu dengan membelakangkan keistimewaan dan undang-undang yang ada.

Laporan akhbar *New Strait Times Singapura*, menyebut bahawa beberapa orang tokoh korporat Malaysia telah bertindak menjelaskan cukai kereta Lamborghini milik Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra dengan tujuan untuk meredakan pertikaian antara pemimpin UMNO dan banginda Sultan. Menurut sumber-

sumber terdekat dengan Kementerian Kewangan tadi, telah mengesahkan bahawa memang ada pembayaran yang dibuat oleh ahli-ahli korporat dan setakat ini jumlah yang di dibayar sekitar $800,000. Tidak diketahui berapa ramai ahli perniagaan yang berpakat membayar jumlah itu tadi. Menurut laporan akhbar itu, semua tokoh korporat tadi telah mengadakan pertemuan dengan Sheikh Anwar untuk membuat tawaran bagi membayar cukai tersebut.

Mereka bersedia membayar antara $400,000 hingga $500,000 seorang bagi mencukupkan jumlah sebenar cukai yang perlu dibayar iaitu $2.1 juta seperti yang dikenakan oleh Jabatan Kastam. Yang peliknya, pembayaran itu tadi bukanlah dibuat atas nama Sultan Kelantan tetapi atas nama Sultan lain yang masih mempunyai koata mengimport kereta mewah. Saya fikir, langkah sebegini terpaksa dibuat untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil oleh pihak Sultan yang tidak berkenan cukai kereta baginda dibayar oleh mana-mana pihak. Telah banyak orang mengaitkan beberapa nama tokoh korporat Melayu tadi sebagai orang yang bertanggungjawab membuat pembayaran cukai kereta itu.

Antaranya, termasuklah **Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah iaitu seorang ahli perniagaan yang dianggarkan memiliki kekayaan lebih kurang $800 juta. Wan Azmi disamping menjadi Pengerusi Land & General, dia juga mempunyai beberapa kepentingan dalam beberapa buah syarikat besar seperti Resort World, Tanjung, Kretam, Leisure Management, RJR Reynold dan Rashid Hussein. Beberapa orang korporat Melayu yang dikatakan turut serta dalam pembayaran cukai kereta Sultan itu ialah Tan**

**Sri Shamsudin Abdul Kadir, Pengerusi Sapura yang memiliki harta tidak lebih dari $600 juta. Datuk Rashid Hussein yang jadi Pengerusi Rashid Hussein Securities Sdn. Bhd dan Haji Shaarani Abdullah, Pengerusi Urusan Shapadu Holding Sdn. Bhd.**

Tidak seorangpun dari mereka tadi mengaku terbabit dalam pembayaran misteri itu. Malah mereka menafikan terlibat. Bagaimanapun, nama Tan Sri Wan Azmi yang berasal dari Kelantan itu lebih mendapat perhatian dari orang-orang politik sebagai orang yang membayar cukai kereta tadi. Saya percaya, bahawa pembayaran cukai kereta mewah itu tadi dibuat bukan atas perkenan Sultan Kelantan tetapi untuk memenuhi syarat yang dikemukakan oleh Sheikh Anwar yang mewakili Kerajaan Pusat, yang telah mendesak agar cukai itu dibayar. Bagaimanapun, maklumat-maklumat lain juga turut menyebut kononnya Sultan Brunei tolong bayarkan cukai itu atas dasar simpati dengan **pergeseran** Sultan Kelantan itu dengan Sheikh Anwar dan para suku-sakat pemimpin UMNO. Tetapi, maklumat itu agak **KAKU** berbanding dengan maklumat pembayaran oleh tokoh-tokoh korporat Melayu tadi.

Saya kira, ada benarnya cabaran pemimpin DAP, Lim Kit Siang supaya para pemimpin UMNO termasuk Sheikh Anwar Ibrahim dan Annuar Musa meminta maaf secara terbuka kepada Sultan Kelantan tadi. Dan bukannya sekadar mengenepikan hal ini sebegitu mudah dengan harapan semua pihak yang terluka melupakan bagitu sahaja. Pengemuman Shekih Anwar pada 25 Jun 1992 kononnya kontroversi kereta Lamborghini Diablo milik Sultan Kelantan sudah selesai patut dibongkar habis-habisan. Sekadar menyelesaikan masalah itu dengan pengemuman yang

rinkas adalah tidak wajar. Jawapan yang tepat dan adil ialah Sheikh Anwar **MESTILAH BERTANGGUNGJAWAB** dan **AMANAH** bagi mendedahkan **SIAPAKAH YANG TELAH MEMBAYAR CUKAI IMPORT KERETA MEWAH LAMBORGHINI DIABLO** itu kepada umum?

Dalam hal ini, nampaknya, Sheikh Anwar yang begitu sakit hati dengan Sultan Kelantan itu langsung tidak mengambil kira keistimewaan Sultan itu tadi. Sebaliknya terus mendesak supaya Sultan membayar cukai import bagi kereta mewahnya itu. Atau dalam lain perkataan, Sheikh Anwar terus mengekori Sultan Kelantan itu dengan pelbagai kenyataan pedih yang boleh menyulitkan **MARUAH** Sultan dan Istana Kelantan. Jika, dendam para pemimpin UMNO terus dilayan oleh UMNO dalam Perhimpunan Agungnya pada setiap tahun, maka serangan terhadap Sultan Kelantan tidak akan pudar. Sebaliknya selagi Semangat 46 ada, seperti kata Annuar Musa dalam bab sebelum ini, maka selagi itulah hubungan UMNO dengan Istana Kelantan akan terus tegang.

Sheikh Anwar sudahpun **MENYULITKAN** Sultan Kelantan dalam isu Lamborghini ini. Baginda Sultan dilayan macam rakyat biasa yang terpaksa mengikut prosedur dan peraturan tertentu. Sedangkan dalam masa yang sama baginda ada hak dan keistimewaan dalam kes ini. Jika, kemarahan UMNO terhadap kekalahan parti itu di Kelantan dalam pilihanraya umum 1990 lalu menjadi punca, maka dengan mengenepikan undang-undang dan peraturan yang ada untuk menyulitkan Sultan tadi adalah tidak demokrasi. Menyulitkan Sultan Kelantan bermakna mengukuhkan lagi Semangat 46 dan PAS yang memerintah negeri itu. Saya yakin, UMNO tidak akan pulih

selagi Sultan dimusuhi. Istana Kelantan akan menutup pintunya dari membenarkan orang-orang UMNO ini masuk dan mengadap Sultan. Sebaliknya ia terus terbuka luas untuk menerima kedatangan para pemimpin Semangat 46 dan PAS yang baik itu.

Saya kira, dalam hal ini, Sultan Kelantan tidak bersalah. Beginda telah mengikut prosedur yang ada dan cuba beberapa kali membincangkan kereta mewahnya itu untuk di bawa ke Kelantan. Malangnya tidak ada orang di Jabatan Kastam Malaysia dan Kementerian Kewangan yang melayan kehendak baginda. Sebab itu, saya kira, isu yang ditimbulkan oleh Sheikh Anwar dan suku-sakatnya tadi adalah bertujuan untuk menjatuhkan maruah Sultan Kelantan yang berjiwa rakyat itu. Saya kira adalah lebih baik kita meneliti bagaimana detik-detik Sultan telah cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah ini sebelum banginda membawa **'LARI'** keretanya dari gudang simpanan Jabatan Kastam di LTAB Subang.

**Pada 24 Mac 1992** - orang-orang yang menjadi rakyat Malaysia juga warga Kelantan telah digemparkan bila membaca tajuk utama akhbar harian Utusan Malaysia **'SULTAN KELANTAN ELAK CUKAI KERETA $2.1 JUTA'**. Manakala tajuk utama Berita Harian pula berbunyi **'SULTAN LARI CUKAI $2 JUTA'**. Berita itu telah menjadi gempar kerana ianya membabitkan seorang Sultan. Walau apapun niat kedua-dua akhbar yang anti-Sultan Kelantan itu, berita tadi tentunya mempunyai nilai yang tinggi. Tetapi berita itu telah disiarkan dengan begitu rupa sekali sehingga tergambar di kepala setiap pembaca akhbar-akhbar tersebut, Sultan Kelantan tadi begitu jahat dan **'SAMSENG'**.

Malah Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia melalui Mustapha Yaakob menyifatkan tindakan Sultan itu sebagai **MEMALUKAN BANGSA MELAYU**. Annuar Musa pula menyifatkan Sultan telah memiliki lebih dari sekali ganda kereta mewah dari koata yang ditetapkan. Dia juga tuduh tindakan Sultan tadi **AMAT MEMALUKAN RAKYAT KELANTAN**.

Akhbar-akhbar itu menyiarkan kononnya, Sultan Kelantan telah memperdayakan pegawai-pegawai kastam yang bertugas di Pusat Kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Subang [LTAB] hingga membenarkan Sultan Kelantan itu memandu uji keretanya lalu membawa lari keluar dari LTAB tanpa membayar cukai import sebanyak $2.1 juta dan tambang bayaran kargo sebanyak $15,000. Bagaimanapun tambang sebanyak $15,000 telah dijelaskan oleh Sultan kepada salah seorang Setiausaha Sulit Menteri Pengangkutan. Saya kira, laporan tersebut dibuat tanpa menyelidiki beberapa hal sebelum terjadinya kes itu. Sebagai akhbar yang pro kerajaan dan kerajaan pula memang sudah lama **'BERBULU'** dengan Sultan Kelantan itu maka tindakan Sultan Kelantan tadi telah digunakan sebagai peluru untuk menyerang dan mengheret Istana Kelantan dalam pergeseran politik yang lebih terbuka.

Saya kira, dalam hal ini, Sheikh Anwar juga turut melatah dan melenting. Sebagai orang harapan Dr. Mahathir dalam kabinet mahupun kepimpinan UMNO Pusat, mahu tidak mahu, tanggungjawab untuk menyerang Sultan Kelantan tadi terpaksa dipikul oleh beliau yang kebetulan isu tadi bersangkutan rapat dengan kementerian yang dia jaga. Untuk membuktikan dia bersama-sama Perdana Menteri menentang institusi Raja-Raja, maka peluang dari kesilapan Sultan Kelantan tadi telah

digunakan dengan penuh ghairah. Walaupun rasanya, dia juga tidak suka untuk berbuat begitu. Tapi, atas dasar kepentingan politik dan tahun depan 1993 ada pemilihan, taring Sheikh Anwar perlu dikeluarkan. Biar orang tahu bahawa Sheikh Anwar juga hebat, bertaring dan mantap politiknya dalam menyerang Istana.

Dalam bulan **November 1991**, Sultan Kelantan telah bertitah kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dengan menyatakan hasrat baginda untuk membeli sebuah kereta jenis **Lamborghini Diablo** buatan Italy dengan harga sebanyak $650,000. Pembelian kereta ini adalah dari wang simpanan Sultan sendiri dan tidak sedikitpun melibatkan wang Perbendaharaan Kerajaan Negeri Kelantan. Ini bermakna, jika Sultan membeli kereta mewah itu, baginda akan terkecuali dari peruntukan Undang-Undang Persekutuan yang berkaitan dengan Cukai Import iaitu Akta Kastam Tahun 1967 dan Perintah Duti Kastam [Pengecualian] 1988 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1988.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dalam sidangnya pada bulan **November 1991** telah membuat keputusan setelah mengkaji secara terperinci akan **Perintah Duti Kastam [Pengecualian] [Pindaan] [No. 9] 1991** bahawa Kerajaan Negeri tidak seharusnya mengenakan sebarang sekatan terhadap pembelian kereta yang dihasratkan oleh Sultan Kelantan itu, sama ada untuk kegunaan peribadi atau rasmi dan apa jua jenis kereta yang dibeli oleh baginda Sultan adalah dikecualikan dari bayaran cukai import mengikut semangat **Perintah Duti Kastam [Pengecualian] [Pindaan] [No. 9] 1991 yang berkuatkuasa pada 21 November 1991 melalui WARTA P.U. [A] 430/91** yang berbunyi:

i] *That it is proved to the satistaction of the Director General that the goods are imported of realeased from customs control for the personal or official use of the Ruler, Ruling Chief or Yang Dipertua Negeri;*

ii] *That in respect or motor cars, the quantity does not exceed in number from those decided by the Ruler - in - Council.*

**Apakah Sheikh Anwar sewaktu menandatangani P.U. [A] 430 [Pengecualian] [Pindaan] [Bil. 9] 1991 pada 14 Oktober 1991 benar-benar faham akan kandungan P.U. [A] itu serta implikasinya? Pada 2 Mac 1992** - setelah diberitahu oleh Jabatan Kastam berhubung dengan ketibaan kereta **Lamborghini model Diablo** di Kompleks Kargo MAS/Jabatan Kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang maka Setiausaha Sulit Sultan Kelantan telah diarahkan supaya menyampaikan segala dokumen yang diperlukan mengikut Perintah Duti Kastam yang berkaitan dengan kereta tersebut untuk pengecuali kastam.

Setiausaha Sulit Sultan Kelantan itu telah diberitahu bahawa Ketua Pengarah Kastam Malaysia adalah diperlukan sebelum kereta itu dikecualikan daripada cukai import. Semua dokumen yang berkaitan telahpun disempurnakan dan diserahkan kepada Ketua Pengarah Kastam Malaysia tadi.

Sehingga pada **5 Mac 1992** - Sultan Kelantan telah menitahkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan dan Pengelola Istana supaya bertemu dengan Ketua Pengarah Kastam untuk perbincangan selanjutnya. Pada keesokannya, kedua-dua wakil Sultan itu telah berusaha untuk bertemu Ketua

Pengarah Kastam Malaysia di Jalan Duta, Kuala Lumpur untuk tujuan berunding. Tetapi malangnya Ketua Pengarah Kastam itu enggan menemui kedua-dua wakil Sultan Kelantan tadi atas sebab-sebab yang tidak diketahui.

Maka pada hari yang sama, iaitu disebelah petang, kedua-dua wakil Sultan itu cuba membuat temujanji dengan Menteri Kewangan, Sheikh Anwar Ibrahim bagi tujuan yang sama. Pada masa ini wakil Sultan itu telah difahamkan bahawa dokumen-dokumen tertentu masih lagi belum sampai kepengetahuan Sheikh Anwar. Kedua-dua orang wakil Sultan tadi telah menunggu untuk mendapat peluang bertemu dengan Menteri Kewangan sehingga ke tarikh **16 Mac 1992** tetapi peluang itu langsung menemui jalan buntu. Apakah motif sebenar hingga Sheikh Anwar sanggup tidak menghormati seorang Sultan dan tidak bersedia langsung untuk bertemu dengan wakil-wakil baginda untuk berbincang mengenai perkara itu?

Walaupun demikian kedua-dua orang wakil Sultan itu telah difahamkan oleh pegawai-pegawai kanan di Jabatan Kastam dan Perbendaharaan Malaysia bahawa pengecualian yang dipohon oleh Sultan Kelantan tadi tidak akan dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah Kastam oleh kerana pada fahamannya maksud **RULER - IN - COUNCIL** itu ialah **MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA**. Bagaimanapun kedua-dua wakil tadi telah cuba untuk meyakinkan Ketua Pengarah Kastam itu bahawa apa yang dimaksudkan dengan **RULER - IN - COUNCIL itu ialah RAJA DALAM MESYUARAT** yakni **MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI** seperti mana yang ditakrif dalam **Akta Tafsiran Tahun 1948 dan tahun 1967 [Akta 388]** yang bermaksud:

**RAJA DALAM MESYUARAT [RULER - IN - COUNCIL]** bermakna seorang Raja yang bertindak harus berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetapi [kecuali bila Raja diperlukan mematuhi Perlembagaan Negeri atau di bawah mana-mana undang-undang yang mengkehendaki Raja bertindak menuruti apa-apa nasihat Majlis] tidak semestinya bertindak mengikut nasihat Majlis tersebut yang mana berbeza dengan perkataan **CONFERENCE OF RULERS [MAJLIS RAJA-RAJA]** yang ditafsirkan sebagai Majlis Raja-Raja yang ditubuh mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

Apakah Sheikh Anwar tidak dapat membezakan antara istilah **RULER - IN - COUNCIL** dan istilah **CONFERENCE OF RULERS?** Sehingga 17 Mac 1992 - Kedua-dua wakil Sultan Kelantan tadi tidak berhasil untuk mengadakan sebarang pertemuan dengan Sheikh Anwar yang jadi Menteri Kewangan walaupun berbagai usaha telah dijalankan ke arah itu. Maka pada **19 Mac 1992**, Sultan Kelantan sendiri telah berangkat ke Pusat Kargo Kastam di mana kereta Lamborghini itu tersimpan. Baginda pergi ke sana adalah untuk mengambil kereta tadi dan hal itu telah dimaklumkan awal-awal lagi kepada para pegawai yang bertugas di sana. Pegawai-pegawai itu pula telah memberikan kerjasama yang amat baik sekali dengan menurunkan kereta yang tersimpan ditingkat atas bangunan itu untuk dipandu uji oleh Sultan.

Ketika rancaknya isu ini, Sheikh Anwar dan Annuar Musa telah menimbulkan tandatanya kononnya Sultan Kelantan telahpun mendapat pengecualian cukai Duti Import untuk 21 buah kereta mewah yang dibeli oleh baginda sebelum ini. Tetapi

kata pemimpin UMNO itu, 10 buah kereta tersebut telahpun dijual dengan harga yang murah setelah mendapat pengecualian cukai import tadi. Apakah Sheikh Anwar berpendapat bahawa penjualan 10 sebuah kereta itu tidak tertakluk kepada cukai import yang **MESTI** dibayar oleh **PEMBELI KEDUA?**

Soalnya, mengapa sekarang kereta yang dibawa masuk oleh Sultan Kelantan itu dijadikan isu besar? Dan apakah makna kenyataan Annuar Musa, Sheikh Anwar, Datuk Najib dan Datuk Megat Junid yang pedih itu kalau bukan untuk mempersenda dan mempermainkan kelakuan dan tindakan Sultan tadi? Rasanya ramai yang bersetuju dengan pandangan Ghafar Baba bahawa isu ini boleh diselesaikan antara Jabatan Kastam dengan Sultan Kelantan. Malangnya, nasihat itu disia-siakan oleh suku-sakatnya yang ada kuasa dalam UMNO. Yang pelik, mengapa Kerajaan Pusat yang beriya-iya meminta Sultan tadi bayar cukai itu, tidak mengambil apa-apa tindakan mahkamah atau mengarahkan pihak polis merampas kereta itu, bila Sultan istihar tak mahu bayar cukai barang sesenpun?

Saya kira, cakap-cakap yang dikeluarkan oleh Sheikh Anwar dan Annuar Musa yang keras itu, bukan sahaja tidak berasas kepada pemikiran yang rasional tetapi juga mencerminkan satu sikap antagonistik dari kedua-duanya terhadap Sultan Kelantan itu. Tidakkah ini melambangkan sikap kepimpinan yang tidak matang dan tanpa usul periksa? Saya fikir, jika ditinjau di zaman penjajahan dahulu, keistimewaan-keistimewaan Raja-Raja Melayu terutama bagi Negeri-Negeri Melayu Bukan Bersekutu *[Unfederated Malay States]* iaitu yang salah sebuahnya ialah Negeri Kelantan yang telah menikmati keistimewaan-keistimewaan tadi yang diantara lain termasuklah

**PENGECUALIAN CUKAI IMPORT** barang yang dibeli oleh Sultan Kelantan. Begitulah halnya yang terjadi bermula dari sebelum merdeka hinggalah sekarang. Tapi kali ini, baginda terpaksa bertindak sendiri setelah tidak mendapat bantuan daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Perbendaharaan Negara dan Menteri Kewangan.

AKTA KASTAM 1967
PERINTAH DUTI KASTAM (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (NO. 9) 1991

P.U. (A) 430/1991

Akta 235.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14(1) Akta Kastam 1967, Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) (No. 9) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 21hb. November 1991.

Pindaan Bahagian I Jadual. P.U. (A) 410/87.

2. Bahagian I Jadual kepada Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 adalah dipinda dengan menggantikan butir-butir yang terdapat dalam ruang (4) kepada butiran 2 dalam ruang (1) dengan yang berikut:

" (i) That it is proved to the satisfaction of the Director General that the goods are imported or released from customs control for the personal or official use of the Ruler, Ruling Chief or Yang Di-Pertua Negeri;

(ii) that in respect of motor cars, the quantity does not exceed in number from those decided by the Ruler in Council".

Dibuat pada 14hb. Oktober, 1991.

[SULIT.KE.HE. (96)650/03-4; Perb. (CR (8.20) 116/1 - 142 EN. (PU2) 3383/VII.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan.

*Adakah pindaan undang-undang ini telah mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja sebelum diwartakan seperti kehendak Artikel 38 (4) Perlembagaan Persekutuan?*

# FITNAH LANDA KELANTAN - Sultan



DYMM Sultan Kelantan

Oleh RAHIM TAHIR

**BACHOK: Sultan Kelantan mengingatkan rakyat negeri ini supaya berwaspada dengan usaha pihak tertentu yang sanggup 'masuk kampung' untuk menabur fitnah dan merenggangkan hubungan sesama sendiri.**

Baginda bertitah, pihak tertentu sedang sibuk menabur fitnah di kalangan rakyat semata-mata untuk menjejaskan keharmonian negeri ini khususnya dalam konteks hubungan sesama rakyat.

Sultan mendedahkan terlalu banyak isu ditimbulkan oleh pihak yang tidak suka melihat rakyat Kelantan hidup dalam keadaan aman dan damai.

Baginda bertitah, segala percubaan dibuat dan mungkin terus akan dibuat bagi mencapai tujuan mereka supaya rakyat Kelantan terus resah dan gelisah.

"Apa yang perlu ia'ah ketahanan rakyat menentang anasir-anasir itu dengan berusaha menyatupadukan sesama rakyat," titah Baginda di majlis "Raja Bersama Rakyat" di sini baru-baru ini.

## RASIONAL

Baginda Sultan Kelantan bertitah lagi, jika semua rakyat Kelantan dapat berfikir dengan tenang dan rasional, tidak mungkin orang lain dapat mempengaruhi rakyat dengan senang dan mudah.

"Tidak akan ada kampung atau negeri yang makmur dan aman jika rakyat tidak bersatu padu, begitu juga jika rakyat lebih mementingkan diri sendiri sahaja, maka Kelantan akan terjerumus ke kancah kehancuran," titah baginda.

Sultan bertitah bagi pihak yang berniat tidak baik, objektif mereka ialah untuk melihat kehancuran, "mudah-mudahan dalam kedaaan yang demikian itu, mereka dapat menjadi jaguh penyelamat.

"Jaguh ini akan mendabik dada oleh kerana dengan kepintarannya konon maka segala masalah rakyat Kelantan dapat diatasi walaupun dengan cara mereka sendiri," titah Baginda.

Baginda Sultan seterusnya bertitah, unsur budaya primitif telah mula menular masuk ke dalam kehidupan rakyat sekarang ini iaitu apa yang dipanggil sistem "patron-client".

Dengan lain perkataan, sesiapa yang dapat membahagi-bahagikan kekayaan kepada orang-orangnya, maka orang-orangnya akan membuat apa sahaja tanpa usul periksa.

## NILAI

"Nilai budaya ini jika tidak dibendung akan membahayakan sesebuah masyarakat kerana orang-orang ini akan menekankan nilai-nilai mereka ke atas orang lain, tanpa memperdulikan nilai-nilai itu baik atau buruk," titah Baginda.

Oleh kerana itu Sultan Kelantan mengingatkan rakyatnya supaya berwaspada terhadap golongan ini, "Jangan kita termakan budi dan rakyat hendaklah menggunakan kebebasan untuk berbuat sesuatu dan juga untuk berfikir selagi ia tidak bercanggah dengan had-had yang ditentukan."

*Bagi UMNO, Sultan Kelantan sama macam orang politik. Sebab itu, Baginda selalu jadi sasaran lidah bercabang UMNO untuk memburuk-buruk Kelantan*

## Kenyataan ringkas Anwar Ibrahim tentang isu Lamborghini

# ISTANA KELANTAN DUKACITA



*Sultan Kelantan, Tengku Ismail Petra*

**Kota Bharu: Istana Kelantan melahirkan rasa dukacitanya di atas kenyataan Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengatakan isu kereta Lamborghini Diablo 'telah selesai' kerana ianya boleh menimbulkan pelbagai tafsiran, andaian dan spekulasi umum.**

Setiausaha Sulit Sultan Kelantan, Haji Fuad Haji Hassan berkata, ini kerana sehingga ke hari ini Baginda Sultan Kelantan tidak pernah menjelaskan cukai import kereta berkenaan yang ditaksirkan bernilai $2.1 juta itu.

Bercakap di sidang akhbar di Istana Negeri Kubang Kerian beliau berkata, pihak istana bagaimanapun mengalu-alukan kenyataan umum yang dibuat oleh Anwar Ibrahim berhubung dengan isu kereta Lamborghini Diablo itu.

Mengulas kenyataan Menteri Kewangan Khamis lalu, Haji Fuad menegaskan bahawa sehingga ke hari ini Baginda Sultan Kelantan masih lagi berpegang kepada pendapat bahawa baginda adalah dikecualikan dari sebarang cukai kastam terhadap kereta mewah yang dimilikinya itu.

Haji Fuad seterusnya memberitahu, kereta Lamborghini Diablo itu kini berada di kawasan istana. Bagaimanapun beliau enggan memberitahu di istana manakah kereta itu disimpan.

Sebelum ini Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan telah meminta Sultan Kelantan menjelaskan cukai kereta import tersebut yang ditaksirkan sebanyak $2.1 juta.

Kelantan 'melarikan' kereta jenis Lamborghini model Diablo milik baginda daripada Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Tindakan baginda telah dikecam hebat oleh pemimpin-pemimpin BN terutamanya Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Anwar dalam beberapa kenyataannya mendesak Sultan Kelantan menjelaskan cukai import kereta berkenaan dan berjanji akan memastikan baginda membayar cukai tersebut.

Biro Hal-Ehwal Antarabangsa, Pergerakan Pemuda Umno melalui Setiausahanya, Mustapha Haji Yaakub menyifatkan tindakan baginda Sultan itu sebagai 'memalukan bangsa Melayu'.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan yang juga Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa berkata, Sultan Kelantan telah memiliki 20 buah kereta mewah, lebih sekali ganda daripada kuota yang ditetapkan oleh kerajaan.

Beliau juga menyifatkan tindakan baginda itu 'amat memalukan rakyat negeri ini (Kelantan)'.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman menjelaskan, Sultan Kelantan membawa kereta kepunyaan baginda keluar dari Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kerana ianya tidak bertentangan dengan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1968 Pindaan (9).

Baginda juga, jelas Ustaz Abdul Halim,

Council".

Kerajaan negeri berpendapat "Ruler in Council" bermakna hak pihak berkuasa negeri menetapkan jumlah kereta yang sepatutnya bagi pelepasan cukai manakala pihak berkuasa Kuala Lumpur termasuk Menteri Kewangan mentafsirkan perkataan itu sebagai Majlis Raja-raja.

"Dalam hal ini, kerajaan Kelantan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri tidak pernah menetapkan jumlah (kereta yang dimiliki oleh Sultan) walaupun mungkin ada negeri yang menetapkan tujuh atau 10 kereta," jelasnya.

Bagaimanapun isu ini senyap seketika tanpa penyelesaian sehingga Dato' Seri Anwar Ibrahim mengeluarkan kenyataan bahawa beliau dimaklumkan oleh Bahagian Cukai Kementerian Kewangan yang isu itu 'telah selesai'.

Anwar bagaimanapun enggan menjelaskan bentuk penyelesaian yang dicapai sama ada Sultan Kelantan telah menjelaskan cukai berkenaan ataupun sebaliknya.

Menurut Haji Fuad lagi, secara tidak langsung kenyataan yang dibuat oleh Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bahawa isu ini telah selesai menunjukkan bahawa pendapat dan pendirian Baginda Sultan Kelantan adalah benar dan tidak bertentangan dengan undang-undang negara.

Beliau sekali lagi menegaskan sehingga ke hari ini Sultan Kelantan tidak membuat apa-apa bayaran cukai kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Ma-

*Sheikh Anwar sengaja nak sulitkan Sultan Kelantan. Hal-hal kecilpun nak dibesar-besarkan. Macam mana sultan yang memiliki Helikopter? Apa Tuan Sheikh nak buat?*



# LAMBORGHINI SIAPA BAYAR?

DYMM Sultan Kelantan

Oleh ZULKIFLI IBRAHIM

**KUALA LUMPUR: Persoalan siapa yang membayar cukai $2.1 juta kereta Lamborghini Diablo milik Sultan Kelantan masih menjadi tanda tanya.**

Banyak andaian dibuat bahawa cukai itu dibayar oleh beberapa orang ahli perniagaan Melayu yang cuba meredakan pertelingkahan antara pemimpin kerajaan dengan pihak istana.

Ada andaian lain menyebut Sultan Brunei turut melangsaikan cukai kereta itu sebagai menunjukkan simpati terhadap apa yang berlaku antara istana dengan pemimpin negara ini.

Tetapi laporan akhbar *New Straits Times* terbitan Singapura baru-baru ini melaporkan sekumpulan ahli perniagaan Melayu telah kemuka membayar $2.1 juta cukai yang dikenakan ke atas kereta Lamborghini Diablo yang diimport oleh Sultan Kelantan Darul Naim, Tuanku Ismail Petra.

## TAWARAN

Akhbar itu menyebut, ahli perniagaan tersebut, semuanya tokoh korporat membuat pertemuan dengan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim in mi uat tawaran membayar cukai itu.

Kumpulan ahli perniagaan itu membayar antara $400 ribu dan $500 ribu seorang untuk mencukupi jumlah $2.1 juta cukai yang dikenakan oleh Jabatan Kastam.

Isu Lamborghini ini bermula sejak Mac lalu apabila akhbar melaporkan Sultan Ismail Petra "melarikan" kereta yang disimpan dalam gudang Kastam di Subang setelah sultan meminta untuk membuat pandu uji.

Ekoran itu Sultan Kelantan dituduh oleh kebanyakan pemimpin UMNO sebagai melanggar peraturan dan cuba mengelakkan dari membayar $2.1 juta duti import kereta tersebut.

Beberapa orang pemimpin kerajaan memberi amaran bahawa mereka tidak akan bertolak ansur dengan permintaan mereka supaya cukai itu dibayar.

**BERSAMBUNG MUKA 2**

Sultan's $1.3 car tax to heal rift with govt

Keratan akhbar NST Singapura baru-baru ini.

*Siapa bayarkan duti import kereta Lamborghini? Sheikh Anwar terima bermakna dia mahu 'mengaibkan' Sultan Kelantan dan menafikan keistimewaan yang patut diterima oleh Sultan dan Raja-Raja*



*TUAN SHEIKH ANWAR IBRAHIM*

***Dulu lain....sekarang lain....kerusi PM adalah segala-galanya***




*Sultan Kelantan 'terpaksa' melarikan kereta milik sendiri di negeri sendiri. Inilah nasib Sultan-Sultan di zaman Kod Etika Raja-Raja UMNO*

Muka 2

# Sultan ada 20 kereta: Annuar

Oleh Azmi Akop

IPOH, Selasa — Sultan Kelantan dikatakan memiliki 20 buah kereta mewah, lebih sekali ganda daripada kuota yang ditetapkan oleh kerajaan.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Senator Haji Annuar Musa, ketika mendedahkan perkara itu, di sini, hari ini, berkata tindakan Sultan Kelantan itu amat memalukan rakyat negeri itu.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan yakin semua rakyat Kelantan tidak senang dengan tindakan baginda, kerana ia amat mengaibkan.

Khamis lalu, Sultan Kelantan melarikan kereta mewah jenis Lamborghini model Diablo tanpa membayar duti import bernilai $2.1 juta di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang.

"Sultan Kelantan sepatutnya mematuhi undang-undang yang ditetapkan, khususnya berhubung kuota mengimport kereta mewah yang diperuntukkan kepada baginda.



ANNUAR MUSA
... memalukan

"Saya tidak nampak mengapa Sultan Kelantan tidak boleh mematuhi peraturan sedangkan sultan negeri lain, seperti Sultan Pahang sanggup membayar cukai yang dikenakan selepas menggunakan semua kuota mereka.

"Apa yang paling mendukacitakan ialah tindakannya melarikan kereta itu dari Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang ke Istana Kelantan di Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita, di sini, hari ini selepas mempengerusikan mesyuarat membincangkan persiapan sambutan Hari Belia Kebangsaan yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini pada 5 Mei ini.

Menurutnya, selaras kejadian itu, beliau ingin mendengar pandangan kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas yang selama ini menyeru rakyatnya supaya berjimat.

"Sebelum ini, kita sering mendengar kerajaan negeri menyeru rakyat berjimat-cermat dengan menggalakkan pegawai kerajaan menderma pada Tabung Serambi Makkah dan melaksanakan projek kecil secara gotong-royong.

"Dalam hal ini, adakah kerajaan negeri akan hanya berdiam diri untuk menyelamatkan sebuah kereta mewah," katanya.

Utusan Malaysia, Khamis 26 Mac, 1992

DALAM NEGERI

# MB sifatkan laporan Sultan larikan kereta satu penganiayaan



NIK AZIZ NIK MAT

MARANG 25 Mac — Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat menyifatkan laporan mengenai Sultan Kelantan 'memelarikan' kereta mewah jenis Lamborghini model Diablo tanpa membayar duti import bernilai $2.1 juta sebagai satu penganiayaan.

Sambil menyesali laporan yang dibesar-besarkan dalam akhbar, beliau juga menyatakan perkara itu kemungkinan tidak berlaku sekiranya pihak berkenaan menerima rundingan pegawai tinggi Kerajaan Kelantan yang dihantar khas bagi tujuan itu.

Tegasnya, adalah satu penghinaan kepada kerajaan negeri kerana perundingan yang dihantar khas untuk bertemu dengan pihak yang terlibat dengan Kementerian Kewangan sejak 2 hingga 21 Mac lalu, tidak diterima.

Nik Aziz berkata demikian dalam ceramah umum di pekarangan Masjid Rusila dekat sini malam tadi. Turut sama ialah Timbalan Yang Dipertua Agung Pas, Encik Abdul Hadi Awang dan Bendahari Pas Pusat, Encik Mustafa Ali.

Beliau yang juga Ketua Dewan Ulama Pas Pusat membuat penjelasan ini bagi mengulas laporan muka depan akhbar-akhbar semalam tentang Sultan Kelantan 'melarikan' kereta Lamborghini Diablo buatan Itali.

Lapran akhbar hari ini pula, melaprkan Timbalan Menteri Besar, Encik Abdul Halim Rahman menegaskan Kerajaan Negeri Kelantan mempertahankan tindakan Sultan itu kerana pegawai tinggi di Jabatan Kastam dan Eksais gagal menyelesaikan urusan pengecualian cukai kereta mewah yang dipohon oleh baginda.

Menurut Nik Aziz, sebagai Menteri Besar Kelantan, beliau merasa malu, apa lagi ia berlaku pada bulan puasa ketika semua ulim ulama termasuk media cetak dan elektronik berkempen supaya jadi baik dan menghormati bulan puasa.

"Saya kesal kerana di bulan mulia ini sesama kita mengingatkan supaya jaga mulut, jaga mata dan jaga tangan, tiba-tiba timbul kisah Sultan melarikan kereta, habis keruh pekat suasana," ujarnya lagi.

Beliau menambah, kata orai kalau hendak berbalah atau k lau hendak marah sangat, ti bolehkah bersabar sedikit d tunggu selepas Hari Raya nan

"Sebab, hasilnya ap Orangnya seorang, sebuah neg ri ada seorang raja, buat apa ki berbalah dan ini berlaku dalai akhbar, bolehkah raja jawa akhbar.

"Kalau berbalah dengan saya esoknya bolehlah saya panggilkan wartawan untuk menjawabnya," jelasnya lagi

Mengenai arahan Kerajaan Kelantan mengadakan peraturan baru supaya kakitangan kerajaan balik awal dalam tempoh bulan puasa ini, beliau menyatakan ini ia tidak terjejas kerana masa kerja adalah sama berikutan tidak ada waktu rehat atau makan.

Dalam masa yang sama, tambahnya, ini adalah bagi membolehkan mereka benar-benar terasa nikmat bulan yang mulia ini dan membuat persediaan amal ibadat sebelah malamnya.

Sebelum itu, Pesuruhjaya Pas Terengganu, Encik Haron Taib dalam ucapannya mengingatkan semua pengundi di kawasan pilihan raya Kecil Dewan Negeri Bukit Payong supaya jangan takut kepada ugutan parti BN.

Beliau percaya, Pas akan dapat mengekalkan kerusi pilihanraya itu pada 21 April ini walaupun dalam pilihan ray umum lalu, Pas hanya meme nangi dengan majoriti 17 und sahaja.

Ini, tambahnya adalah berka kerjasama dalam parti Angkata Perpaduan Ummah terutam Semangat 46 yang telahpu menggerakkan jenteranya di ka wasan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, P perlu bekerja keras kerana pa itu bukan hanya berhadap dengan parti komponen B tetapi dengan kerajaan nege dan Kerajaan Pusat.

## Polis mahu kaji terlebih dahulu sebelum ambil sebarang tindakan



HANIFF OMAR

KUALA LUMPUR 25 Mac — Polis akan mengkaji terlebih dahulu laporan yang mengatakan Sultan Kelantan membawa keluar kereta mewah jenis Lamborghini Diablo dari pusat kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tanpa membayar duti import $2.1 juta, Khamis lalu, sebelum mengambil sebarang tindakan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar berkata, setakat ini beliau sendiri belum menerima apa-apa laporan rasmi berhubung perkara tersebut.

"Sehingga pagi ini belum ada apa-apa laporan rasmi dibuat," katanya kepada pemberita pada satu sidang akhbar di pejabatnya, selepas menghadiri majlis Hari Polis Ke-185 di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, pagi ini.

"Maklumat yang saya terima adalah tatkala perkara itu baru berlaku tetapi bukanlah dalam bentuk yang memerlukan tindakan polis," katanya.

Haniff berkata, setakat ini apa yang pihaknya ketahui adalah melalui surat khabar "dan dalam hal ini saya tidak menafikan Undang-Undang 'Estoppel' memainkan peranan yang penting."

Menurutnya, Undang-Undang Estoppel ialah sesuatu perkara yang tidak boleh dinafikan pada hari ini sedangkan perkara tersebut telah diakui pada masa lalu.



*Regu Tok Guru - Tuanku bagai pinang dibelah dua. Semoga dua-dua institusi ini kukuh dan dikukuhkan oleh rakyat Kelantan yang celik politik*

# BAB 10

## SEMBAHYANG HAJAT TOK GURU TERBUKTI!

ORANG-ORANG UMNO dan segala suku-sakatnya sudahpun membuat tuduhan melulu terhadap kepimpinan Tok Guru Nik Aziz di Kelantan bila kerajaan negeri halang Projek Empangan Pergau yang kontroversi itu. Tok Guru dituduh anti pembangunan dan cuba untuk mempolitikkan projek raksaksa tadi. Rupa-rupanya, tindakan Tok Guru menghalang kerja-kerja pembinaan Projek Empangan Pergau itu telah mengakibatkan kononnya 2,000 orang pekerja, hilang mata pencarian dan mereka itu adalah rakyat Kelantan. Ekoran dari itu, kerajaan Kelantan tadi telah dituduh berbuat di luar undang-undang dengan membina **penghadang** di jalan-jalan masuk ke kawasan projek hingga menyebabkan kerugian hampir $1.3 billion. Jadi, yang salah dan silap ialah Kerajaan Kelantan. Begitulah maksudnya.

**Siapa yang enggan bekerjasama? Dan siapa yang tolak kemajuan dan pembangunan?** Saya kira, dalam memenuhi kemajuan dan pembangunan ini, soal-soal peraturan hendaklah diambil kira. Apa yang terjadi, tingkah laku TNB di Kelantan macam **'Belanda Diberi Tanah'**. Ustaz Halim Abdul Rahman yang jadi Pengerusi Jawatankuasa Perunding Projek Empangan Pergau sudahpun menjelaskan tentang hal itu.

Ketika isu itu kontroversi, tiada sebarang perjanjian dibuat antara TNB dan Kerajaan Kelantan. Hal ini mungkin terjadi kerana projek tadi telah dimulakan ketika Kelantan diperintah oleh Barisan Nasional dulu. Jadi, sudah tentu soal **PERJANJIAN** ini tidak menjadi hal sangat kerana Pusat dan Negeri sudah sepusat dan sepusing.

Apabila kelulusan awal menggunakan tanah seluas 300 hektar diberi, nampaknya budaya macam **'Belanda Diberi Tanah'** tadi menjadi-jadi. Pihak kontraktor projek telah menceroboh seluas 27 hektar tanah di tiga tempat berasingan yang tidak termasuk di dalam tanah 300 hektar yang diluluskan tadi. Maka, timbullah arahan dari Kerajaan Negeri supaya TNB mempastikan kontraktor terbabit tidak terus menggunakan tanah-tanah yang belum diluluskan itu. Kata Ustaz Halim, tiga kawasan yang telah diceroboh oleh TNB itu ialah:

* **Kawasan A: Bekas tapak Kem MTD Batu 15 JRTB seluas 3 hektar.**
* **Kawasan Kem F, Bukit Kecil: Antara Sg. Merbau dengan Sg. Lawar seluas 20 hektar.**
* **Satu kawasan lain seluas 4 hektar.**

Pada hemat saya, adalah menjadi tanggungjawab kepada mana-mana kerajaan negeri untuk mencegah penggunaan tanah-tanah kerajaan yang belum diluluskan. Jadi, tindakan tadi diambil adalah untuk mencegah pihak terbabit meneruskan amalan buruk itu dan menjadi ingatan di masa depan. Tidak timbul soal kerajaan negeri menolak kemajuan yang diberikan oleh Pusat itu. Malah tidak ada niat, Tok Guru Nik Aziz nak halang projek itu supaya terus tak jadi. Saya kira, Kerajaan Kelantan sudahpun memberikan komitmen dan kesungguhannya untuk membantu Pusat menjayakan projek itu, antaranya:

**Pertama: Membenarkan penggunaan tanah seluas 300 hektar milik kerajaan negeri bagi membolehkan projek ini dimulakan lebih awal walaupun belum ada sebarang perjanjian berhubung dengannnya ditandatangani.**

**Kedua: Membentuk Jawatankuasa Perunding Projek Hidro Elektrik Pergau di mana Timbalan Menteri Besar, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman telah dilantik menjadi pengerusinya bagi pihak kerajaan negeri.**

**Ketiga: Menteri Besar Kelantan sendiri telah melawat tapak projek ini untuk meneliti secara lebih dekat mengenainya. Jika tidak, lawatan sebegini tidak perlu.**

Apabila kebaikan tidak boleh dibaca oleh orang-orang UMNO dan segala suku-sakatnya itu, maka merekalah yang telah mempolitikkan isu Projek Empangan Pergau ini. Mereka mahu gigit Kelantan hidup-hidup. Apakah mereka tidak nampak kesalahan yang dilakukan oleh TNB dan Kerajaan Pusat itu? Atau sudah buta kepada kebenaran? Ternyata kerajaan negeri

**KERJASAMA ini?** Apakah kerjasama bermakna kerajaan negeri mesti mengenepikan kepentingan rakyat yang diwakilinya sedangkan implikasi dan kos melepas terpaksa ditanggung oleh rakyat dalam jangka panjang. Faedah optima, tanpa bebanan diluar kemampuan TNB haruslah menjadi tujuan rundingan. Kerajaan negeri sudah minta Pusat bayar wang pampasan sebayak $90 juta kepada Kelantan.

Saya kira, pampasan itu adalah untuk kepentingan rakyat juga. Apatah lagi TNB yang kini menjadi syarikat **KORPORAT GERGASI** tentunya bermatlamatkan keuntungan. TNB bukan lagi badan berkanun tetapi korporat yang bermotifkan untung semata-mata. Adalah wajar jika Kerajaan Kelantan tadi sangsi dengan motif pembinaan projek tersebut. Apakah benar ia didorong untuk **'kepentingan rakyat'?** Kita khuatir ia akan jadi macam projek lebuhraya yang mengenakan tol. Pada dasarnya adalah untuk keselesaan rakyat tapi akhirnya rumah-rumah tol didirikan di sana-sini untuk mengisi **kepentingan syarikat** yang membuat lebuhraya itu pula. Saya kira, **'kepentingan rakyat'** tadi boleh juga bermaksud untuk **'kepentingan syarikat'.**

Jika hal ini terjadi, yang rugi ialah rakyat dan yang untung ialah syarikat. Walaupun pada mulanya projek itu menggunakan nama **'untuk kepentingan rakyat'**. Jadi tidak hairanlah Tok Guru **BERPERANG** terlebih dahulu dengan TNB tadi. Apabila semuanya menjadi jelas maka adalah amat mudah untuk menyelesaikan masalah Projek Empangan Pergau itu. Tidak timbul lagi soal siapa degil dan siapa yang keras kepala dalam soal ini. Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Hidro Elektrik Pergau telah diadakan dengan selamat antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad di Kemen-

telah melakukan segala-galanya untuk apa yang dipanggil KERJASAMA itu. Malah telah banyak bertolak ansur untuk mempastikan projek ini berjalan lancar. Kerajaan Kelantan telah mengemukakan cadangan bentuk pembayaran oleh TNB sebanyak $90 juta sebagai bayaran **'ex-gratia'** yang dibayar sekaligus dan kadar bayaran lesen penggunaan air untuk menjana elektrik sebanyak $8.00 sekilowatt berasaskan kepada keupayaan terpasang.

Tetapi, cadangan itu ditolak oleh TNB. Sebaliknya TNB mengemukan cadangan balas sebanyak $681,250 setahun bagi bayaran penggunaan air untuk menjana elektrik dan $100,000 sahaja untuk bayaran **'ex-gratia'**. Maka pada 2 Mac 1992, kedua-dua pihak telah bersetuju supaya bayaran bagi penggunaan air untuk menjana elektrik tadi ditetapkan sebanyak $117 juta dalam tempoh 35 tahun. Malah seperti yang saya sebut diawal tadi, Kerajaan Kelantan telah beri 300 hektar tanah kepada TNB untuk diuruskan oleh kontraktor Kerjaya Balfour Beatty Cementation [KBBC] untuk menjalankan kerja-kerja awal pembinaan **tanpa menekankan penguatkuasaan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara, Peraturan-Peraturan Tanah Negeri Kelantan 1966 dan mana-mana undang yang berkaitan.**

Mengapa orang-orang UMNO tidak melihat tolak-ansur Tok Guru tadi dalam soal ini? Mengapa mereka boleh tuduh kononnya Kelantan tidak mahu bekerjasama? Sehingga ada suara yang lantang mendesak Kerajaan Pusat supaya menghentikan projek itu atau memindahkannya ke negeri lain. Mereka seolah-olah mengugut untuk **MENGGUGAT** dan **MENGGIGIT** Kelantan. **Apa yang mereka faham tentang**

terian Kewangan pada 4 Ogos 1992 lalu. Hendak seribu daya...tak mahu seribu dalih. Begitulah mudahnya perjanjian itu dimeterai tanpa menumpahkan barang setitis darah pun.

Perjanjian tadi telah ditandatangani oleh Tok Guru Nik Aziz bagi pihak Kelantan dan pihak TNB pula ia ditandatangani oleh Pengerusinya, Datuk Ani Arope dan Pengurus Besar [Korporat], Datuk Mahmud Badri Basir. Ia dibuat di hadapan Sheikh Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan.

Dengan termeterainya perjanjian itu maka kedua-dua pihak bersetuju supaya bayaran menjana elektrik oleh TNB kepada Kerajaan Kelantan ditetapkan sebanyak $117 juta dalam untuk tempoh 35 tahun. Anwar Ibrahim juga turut memberitahu bahawa Projek Empangan Pergau itu telah mendapat pinjaman dari United Kingdom dan ia berharap ianya dapat berjalan dengan baik.

Saya fikir, isu Empangan Hidro Pergau ini bukanlah suatu yang susah untuk ditamatkan, jika ianya terlepas dari permainan politik kotor para pemimpin Kerajaan Pusat yang sentiasa mahu menyusahkan Kelantan. Jika dibuat terus atas urusan profesional berdagang dan membangun, maka sehari sahaja Tan Sri Ani Arope ke Kelantan, terowong yang gelap di Pergau tadi bercahaya semula. Memang Kelantan meminta $90 juta pampasan sekaligus, tetapi TNB mengaku dari awal-awal lagi bahawa ia tidak mampu memenuhinya. Jika Kelantan terus berkeras, pilihannya ialah mencari pelabur baru. Ia bukan tak boleh dicari tapi mengambil masa yang panjang dan ini sudah tentu memanjangkan **KONFRONTASI** Kelantan dengan Kerajaan Pusat tadi.

Jalan mudah dan munasabah ialah Kerajaan Kelantan dan TNB telah bersetuju sejak 2 Mac 1992 tentang bayaran $177 juta dalam tempoh 35 tahun. Tetapi TNB telah beberapa kali bertangguh dan Ani Arope minta Kelantan bersabar hingga 23 Julai berikutnya bagi mendapatkan persetujuan Lembaga TNB mengenainya. Sebenarnya pihak yang terlibat bukanlah pihak Kerajaan Pusat seperti yang tergambar oleh kita. Pusat hanya memikirkan projek ini dulu - kemudiannya diserahkan kepada TNB. Selepas itu ia menjadi masalah TNB bukan Kerajaan Pusat lagi. Persetujuan yang dicapai seperti yang saya sebutkan tadi adalah antara Kelantan dengan TNB. Tidak timbul soal Perdana Menteri mahupun Menteri Kewangan. Jika ia memerlukan budi bicara mereka, belum tentu persetujuan tadi dapat dicapai. Ia dicapai kerana ketokohan dan keyakinan Kelantan kepada Datuk Ani Arope.

Sebenarnya TNB sendiri tidak menyedari pada peringkat awalnya bahawa yang urusan pengendalian tanah itu belum beres. Tapi mereka difahamkan ianya sudah beres sebab itu kerja dimulakan. Memang diakui bahawa TNB dan syarikat terbabit menghadapi kebuntuan untuk mengatasi masalah status setinggannya selama ini. Ia mahu menyelesaikan segera, tetapi Kerajaan Pusat melihat maruah politiknya terhadap lain-lain negeri yang tanahnya diambil begitu sahaja selama ini. Faedah yang hanya diterima oleh negeri hanyalah pembangunan dan segala kesan-kesan jika ada kecelakaan. Tetapi Kelantan tidak sebodoh negeri-negeri lain tadi. Ia mahu pampasan tanah untuk projek.

Itu juga adalah untuk rakyat selain dari pembangunan yang bakal dikecapi. Kerajaan Pusat sudah bimbang tindakan

Kelantan itu mendedahkan layanan buruk dan kurang adilnya Pusat kepada negeri-negeri lain selama ini. Dan ia juga membayangkan betapa lemahnya pemimpin Barisan Nasional negeri-negeri yang menurut sahaja apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir tanpa memikir hak yang ada pada negerinya. Layanan tidak baik itu tidak wajar mempengaruhi sikap Pusat terhadap Kelantan. Kelantan juga mahukan pampasan itu untuk membangunkan negeri. Saya kira $90 juta atau $117 juta yang diperolehi itu bukan untuk pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri. Ia juga untuk projek-projek pembangunan untuk rakyat. Malah jauh sekali ianya digunakan untuk **MENGGUGAT** dan **MENGGIGIT** Kerajaan Pusat yang kuat dan gagah itu.

Apabila Kerajaan Kelantan bertindak, pihak Pusat tidak berani berkeras atas banyak sebab. Pertama pihak yang berlawan menonjolkan Menteri Besar, Tok Guru Nik Aziz yang melambangkan seorang **MR. CLEAN** manakala disebelah pihak lagi sama ada Dr. Mahathir, Sheikh Anwar mahupun Samy Vellu adalah ibarat langit dengan bumi. Boleh dikatakan tokoh-tokoh dibelakang projek itu ada latarbelakang **MR SKANDAL** yang tersendiri. Sebuah akhbar yang diterbitkan di London pernah menyebut bahawa wang yang melibatkan beratus juta diberi oleh syarikat kepunyaan Mark Thatcher iaitu anak Perdana Menteri Britain yang dapat tender Pergau itu. Dalam bab selepas ini, saya telah menyorot laporan akhbar tersebut **THE OBSERVER - 15 Januari 1991** berhubung dengan pembabitan Mark Thatcher tadi dalam projek Pergau. Nampaknya orang Britainpun akan **GUGAT** dan **GIGIT** Kelantan, jika ia betul terlibat.

Kenyataan penafian terhadap laporan akhbar itu tidak dibuat oleh mana-mana pemimpin Kerajaan Pusat malah Datuk

Samy Vellu sendiri mengira hal-hal seperti itu dibuat mengikut peraturan. Jika perkara ini menjadi kes, tentunya banyak perkara akan terbongkar dan cara mana wang beratus juta itu digunakan akan dapat diketahui. Oleh kerana pelaburan yang terlibat membabitkan Britain, maka kerajaan Britain tadi tentunya tidak akan berdiam diri. Banyak pihak yang akan diseret jika ianya tidak dibendung. Tadi saya ada sebut, Anwar juga sebut dalam majlis Menandatangani Projek Hidro Elektrik Pergau bahawa projek Pergau ini dapat '**pinjaman**' dari United Kingdom. Jadi tidak hairanlah kalau nak dikatakan ianya benar.

Perjanjian antara syarikat Britain dengan TNB pula dikehendaki membayar ganti rugi $20 juta seminggu jika projek itu terganggu. Jika Pusat berkeras TNB akan membayar hampir $2 billion kepada syarikat England itu. Apalah untungnya Kerajaan Pusat dan TNB memberi wang begitu banyak kepada syarikat England tadi. Bukankah lebih baik beri sahaja kepada Kelantan $100 juta dan mereka boleh membangunkan negeri. Tentunya syarikat England tadi gembira dengan perangai pemimpin Kerajaan Pusat itu. Mereka boleh dapat ganti-rugi. Cuma UMNO sahaja memikirkan bagaimana suasana yang mengelirukan itu boleh menguntungkannya dan menyebabkan rakyat bangun menentang Kerajaan Negeri Kelantan yang kononnya menghalang pembangunan tadi.

Saya kira dalam suasana adanya rakyat yang begitu yakin dan sayang dengan Tok Guru yang jadi **MR CLEAN** tadi, usaha UMNO menangguk di air keruh tidak akan tercapai. Ianya telah dibuktikan sekarang. Isu Empangan Pergau sudah selesai. UMNO tidak dapat apa-apa manfaat dari isu yang dibesar-besarkan oleh mereka itu. Dr. Mahathir, Sheikh Anwar dan

Annuar Musa juga suku-sakatnya di Kuala Lumpur nampaknya bukan sahaja gagal **MENGGUGAT** dan **MENGGIGIT** Tok Guru tapi terpaksa tunduk dengan kemahuan Kelantan yang cuba nak diperkotak-katikkannya tadi. Bukan Tok Guru guna ilmu kebal tapi tokoh-tokoh UMNO itu sudah tidak ada gigi untuk **MENGGIGIT.**

Ini bererti **SEMBAHYANG HAJAT** yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Aziz bersama-sama rakyat Kelantan di Kem Kijang ketika berlakunya sekatan terhadap kerja-kerja Projek Empangan Pergau dulu, telah teruji dan terbukti. Tok Guru bersama rakyat Kelantan telah meminta dan memohon doa kehadrat Allah SWT supaya masalah Projek Empangan Pergau ini dapat diselesaikan dengan baik dan segera tanpa merugikan mana-mana pihak. Dengan termeterainya perjanjian antara dua pihak di Kementerian Kewangan antara TNB dengan Kerajaan Kelantan pada 4 Mac 1992 lalu maka misteri Projek Empangan Pergau sudah semestinya selesai dan tamat. Ia selesai setelah Tok Guru mengimamkan **SEMBAHYANG HAJAT** bersama rakyat.

Soal penyelesaian ini ada kena-mengena atau tidak dengan **SEMBAHYANG HAJAT** tadi, itu jadi soal kedua. Yang jelas tujuan **SEMBAHYANG HAJAT** itu dibuat ialah untuk menyelesaikan kemelut Projek Empangan Pergau itu. Jadi, bila ianya selesai setelah diusahakan **SEMBAHYANG HAJAT** itu, maka mahu tidak mahu cara dan kaedah Islam itu patut diberikan perhatian apabila timbul masalah yang kronik di masa akan datang. **SEMBAHYANG HAJAT** telah terbukti dan teruji hasilnya. Dengan Tok Guru adakan **SEMBAHYANG HAJAT** maka ia sekaligus menjadi benteng kekuatan dari terkenanya

**GIGITAN** dan **GUGATAN** Barisan Nasional yang raksaksa tadi. Saya kira, adalah tidak benar dan amat keterlaluan tuduhan yang dilemparkan oleh **WARTA PERDANA - 19 Julai 1992 dalam satu rencananya yang bertajuk 'Nik Aziz Ketepikan Hukum Islam Dan Sivil: Sembahyang Minta Wang'.** Pengarangnya telah mendakwa kononnya **SEMBAHYANG HAJAT** Tok Guru Nik Aziz adalah untuk meminta **WANG PAMPASAN PERGAU**. Na'auzubilLah hi minzalik!

WARTA PERDANA 7 ■ 19 JULAI 1992



*MENTERI Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimamkan sembahyang hajat supaya Allah melembutkan hati Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim, agar membayar segera wang pampasan $90 juta.*

Nik Aziz ketepikan hukum Islam dan Sivil:

# SEMBAHYANG MINTA WANG

**KINI rakyat menimbulkan persoalan yang sinis dan kritis terhadap Kerajaan PAS Kelantan yang mengenepikan dasar Islam melalui asas Islah dan undang-undang Sivil.**

Tindak-tanduk PAS mengenai isu Projek Empangan Hidro Elektrik Pergau itu mengakibatkan 2,000 orang pekerja hilang mata pencarian di mana 75% daripadanya adalah rakyat Kelantan sendiri.

Kerajaan PAS bertindak di luar lunas undang-undang dengan membina penghadang di jalan-jalan masuk ke kawasan projek tersebut yang mengakibatkan projek yang berharga $1.3 bilion itu dihentikan.

**PAMPASAN**

Menteri Besar Nik Aziz Nik Mat menuntut pampasan $90 juta dari Kerajaan Pusat atas pengambilan tanah projek tersebut.

Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telahpun menandatangi memorendum persefahaman dengan Kerajaan Kelantan bulan lalu, cuma menunggukan ...

... oleh Kerajaan PAS itu boleh mengaibkan orang Islam sendiri dan ini sudah pasti akan menimbulkan rasa ragu dan gerun rakyat bukan Islam terhadap dasar Islam.

Sebagai seorang ulamak, Nik Aziz sepatutnya memperlihatkan kenya memperlihatkan kepimpinan Islam yang diredai oleh Allah s.w.t. bukan berlaku zalim dengan melimparkan pasir dalam perut nasi golongan yang kurang berdaya, dan sepatutnya bertindak dengan bertunjangkan falsafah Islam, bukan menghalang pembangunan negara dan rakyat.

Falsafah undang-undang Islam dan hikmatnya adalah untuk mengawal lima perkara mutlak menjadi tunjang kesejahteraan dan keamanan seluruh umat manusia dan seluruh dunia ...

Kita membawa contoh bagaimana perjuangan PLO yang dipimpin oleh Yaser Arafat telah tidak mendapat keredaan Allah walaupun mereka telah berjuang hampir setengah dekad. Malahan mereka ditimpa azab demi azab tanpa mencapai matlamatnya.

Ini kerana perjuangan PLO bukanlah perjuangan untuk menegakkan agama Islam, mereka memperjuang kan tanahair mereka iaitu perjuangan untuk mendapatkan harta.

Malahan sekarang ini terdapat orang Kristian dalam perjuangan PLO dan Yaser Arafat sendiri mengambil perempuan Yahudi sebagai isterinya - kononnya jodoh perdamaian.

Dan kalau kita teliti kemenangan PAS di Kelantan bukanlah kemenangan yang mutlak kemenangan me...



DATO' SERI ANWAR IBRAHIM



NIK AZIZ NIK MAT

*... kan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana ia hendak menguji kamu pada apa yang telah di... kepada ... sib yang ada pada sesuatu kamu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*

Pengangguran 8% di ... merupakan ...

... galkan Kelantan untuk mencari sara hidup di negeri lain.

Menteri Besar Kelantan Nik Aziz telah bertindak di luar lunas undang-undang di mana ... ketikaian ...

- Kesukaran mendatangkan kesenangan
- Segala Kemerbahayaan mesti dihilangkan
- Menutup segala pintu kerosakan
- Menghindarkan kerosakan lebih diutamakan daripada mencari muslihat
- Tidak merosakkan dan tidak dirosakkan

Firman Allah s.w.t. dalam al-Najl ayat 90 maksudnya:

*Sesungguhnya Allah menyuruh berbuat keadilan dan keikhlasan.*

Undang-undang Islam adalah kemuncak dari asas-asas pembentukan masyarakat. Tanpa undang-undang yang akan menyusun, memandu dan mengarah masyarakat, suatu tamadun tidak akan tercapai. Melalui undang-undang yang kukuh lagi benar terhasillah sebuah masyarakat yang berdisiplin, sebuah negara yang aman damai di bawah keredaan Allah S.W.T.

Dalam hubungan ini suka kita menarik perhatian bahawa Kerajaan PAS Kelantan telah lari dari dasar keislaman mereka apabila mereka berkuasa. Nyatalah kuasa dan wang ringgit kalau disalah gunakan boleh menghilangkan keimanan seseorang. Boleh merendahkan darjat diri dan boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakatnya.

Sembahyang hajat sepatutnya diharuskan kepada seseorang hamba apabila segala pintu ...

*Tok Guru Nik Aziz difitnah......*



الحركة

Membangun Bersama Islam

HARAKAH

PP 139/3/92 BIL. 381 TAHUN KEENAM JUMAAT 8 SAFAR 1413 / 7 OGOS 1992 UNTUK AHLI HARGA 70 SEN

ANTARA YANG MENARIK DI DALAM

[illegible] USAHA PINDAHKAN PROJEK PERGAU 8

ISLAM TIDAK MENGHALANG HIBURAN 12

Rahmat kepada rakyat Kelantan

PERGAU SELESAI

Oleh Mohd Rashidi Hassan

KUALA LUMPUR: Isu Projek Empangan Hidroelektrik Pergau, Gua Musang, Kelantan yang menjadi kontroversi hangat selesai dalam Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Projek Hidroelektrik Pergau di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kementerian Kewangan 4 Ogos lalu.

Dalam majlis tersebut Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Timbalannya, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman menandatangani dokumen tersebut bagi pihak kerajaan negeri.

Manakala, bagi pihak TNB pula, dokumen tersebut ditandatangani oleh Pengerusinya, Tan Sri Ani Arope dan Pengurus Besar (Korporat) TNB, Datuk Mahmud Bedri Basir di hadapan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz ketika berucap dalam majlis tersebut berterima kasih kepada semua pihak yang memastikan Projek Hidroelektrik di teruskan di Kelantan.

Menurut beliau, sekaligus kejayaan ini mengagalkan usaha-usaha yang di buat oleh beberapa pihak tertentu untuk memindahkan projek tersebut ke tempat lain.

Menteri Besar Kelantan itu memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah kerana atas sikap tolak ansur Kelantan dan TNB satu persetujuan dicapai pada 2 Mac lalu.

Antara lainnya kata beliau, kedua-dua pihak bersetuju supaya bayaran menjana elektrik oleh TNB kepada kerajaan negeri ditetapkan sebanyak $117 juta dalam tempoh 35 tahun.

"Hari ini, kita menandatangani satu perjanjian di antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Tenaga Nasional Berhad yang telah mengambil kira apa jua persetujuan yang telah dicapai pada tarikh tersebut," ujar beliau.

Turut serta dalam majlis tersebut di pihak Kelantan ialah Ahli Exco kerajaan, Ustaz Idris Omar, Datuk Wan Hashim Ahmad, Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan, Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah dan beberapa orang pegawai kerajaan negeri.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Loke Yuen Low, Setiausaha Parlimen Kementerian, Senator Mustafa Mohamad dan ahli-ahli Lembaga Pengarah TNB turut kelihatan.

Sementara itu, Anwar dalam ucapannya juga bersyukur ke hadrat Allah dengan termeterainya perjanjian antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan TNB.

Anwar juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada Menteri Besar Kelantan dan ahli-ahli exco kerajaan negeri serta TNB sendiri kerana berjaya membantu menyelesaikan perjanjian tersebut dengan baik.

Menteri Kewangan juga memberitahu, dalam projek Pergau tersebut, Kerajaan United Kingdom memberikan pinjaman kepada Malaysia.

Oleh sebab itu katanya, apa juga proses yang melibatkan Pergau berlaku, ianya turut mendapat perhatian kerajaan Inggeris itu.

Beliau berharap, Projek Hidroelektrik Pergau yang menjadi projek besar pertama TNB setelah diswastakan dapat berjalan dengan baik dengan mengikut jadual yang ditetapkan.

Terdahulu dari itu, Pengerusi TNB, Tan Sri Ani Arope juga berterima kasih kepada semua pihak atas pencapaian kata sepakat yang terjalin antara Kelantan dengan TNB.

Ani juga menyampaikan penghargaannya kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan pihak-pihak lain yang turut menyumbangkan fikiran bagi mencapai persetujuan bersama.

Selesai...kedua-dua belah pihak menandatangani perjanjian dengan mesra. Foto Harakah oleh Mohd. Nasir Sudin

WAKTU SOLAT

| | |
|---|---|
| SUBUH | 5.51 |
| SYURUK | 7.11 |
| ZOHOR | 1.21 |
| ASAR | 4.40 |
| MAGHRIB | 7.26 |
| ISYAK | 8.39 |
| IMSAK | 5.41 |

"Dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar."

*Berkat Sembahyang Hajat Tok Guru dan rakyat Kelantan*



# BATALKAN SAJA PERGAU JIKA TERUS UGUT

Tan Sri Haji Osman Arof

**ALOR STAR: Kerajaan Pusat dicadang membatalkan sahaja projek hidro eletrik yang bernilai $1.3 billion di Pergau jika kerajaan Kelantan masih 'mengacau' pelaksanaan projek tersebut.**

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Arof berkata, projek itu akan gagal jika Kelantan bersikap degil dan mengenepikan kepentingan rakyat.

Sehubungan itu beliau menawarkan supaya projek itu dipindahkan ke Kedah atau negeri-negeri lain bagi menjaga kepentingan negara.

Menurutnya, "kerajaan Pas Kelantan tidak wajar mempolitikkan projek itu untuk faedah rakyat dan negara."

Sambil merujuk kepada tindakan Kerajaan Kelantan menutup laluan ke projek eletrik Pergau baru-baru ini, Osman memberitahu, banyak projek Kerajaan Pusat telah dilaksanakan di Kedah tetapi Kerajaan Negeri tidak menutup apa-apa

walaupun mendapat pampasan yang sekadarnya.

Beliau juga menggesa rakyat Kelantan membuat penilaian semula terhadap kerajaan negeri itu terutama berhubung tindakan kerajaan negeri menghalang projek Pergau.

Projek itu kata beliau, tidak seharusnya dijadikan isu politik oleh kerajaan Kelantan kerana merupakan projek untuk faedah rakyat yang dirancang sebelum Pas memerintah negeri itu.

**DIIKUT**

"Sekiranya diikut perkiraan kerajaan Pusat sudahpun boleh membatalkan pelaksanaan projek itu tetapi demi rakyat, ia diteruskan juga walaupun negeri itu diperintah oleh pembangkang," kata beliau.

Katanya Kelantan perlu berterima kasih kepada Pusat yang membelanjakan beribu juta ringgit untuk melaksanakan projek itu.

"Jika Kelantan tidak sanggup

projek itu dilaksanakan, Pusat harus menghentikan sahaja untuk mengelakkan kerugian."

Sementara itu Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Paduka Haji Abdullah Ismail berkata UMNO negeri itu menyokong penuh ketegasan kerajaan pusat berhubung

isu Pergau.

Beliau mendakwa tindakan Kelantan menyekat perjalanan projek itu dan bersikap mengugut sebagai tidak bercorak keislaman.

"Sebagai kerajaan Islam, mereka perlu buktikan melalui musyawarah, bukannya ugutan," tegasnya.

*Rakus...iri hati.... dan dengki.... Bolehkah projek raksaksa macam itu dipindah-pindahkan sesuka hati? Bagaimana dengan kos dan tempat yang hendak didirikan projek itu? Jangan mimpi siang harilah Man Arof...*

*Wang Pergau disalurkan ke Tabung Warisan Tok Kenali*

# RAHMAT UNTUK RAKYAT

**Oleh: Wartawan Harakah**



*Pengerusi TNB, Tan Sri Dr Ani Arope menyampaikan bank draf kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam satu majlis ringkas di Kota Bharu.*

**Kota Bharu:** Sebahagian dari wang pembayaran pampasan Projek Hidro Elektrik Pergau yang dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan digunakan untuk menubuhkan Tabung Warisan Tok Kenali.

Menteri Besar Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat memberitahu bahawa tabung yang akan ditubuhkan itu adalah untuk kepentingan rakyat bagi kesejahteraan hidup mereka di dunia dan akhirat.

Menurut beliau, tabung itu akan dilancarkan dalam bulan ini juga bersempena dengan sambutan Maulud. bulan ini juga bersempena dengan sambutan Maulud.

...Negeri Kelantan dan TNB bersetuju bahawa ia akan membayar $2 juta setahun dalam tempoh enam tahun pertama bermula tahun 1991 hingga 1996.

Menurutnya lagi, bayaran sewaan air selepas lima tahun ianya naik kepada kadar $4.3 juta setahun yang bermula tahun 1997 hingga 2006, kemudian kadar bayaran nenurun sedikit sebanyak 3.2 juta setahun yang bermula pada tahun 2007 hingga 2026.

Apabila dicampur semua pembayaran yang dibuat, Kerajaan Negeri Kelantan akan memperolehi pendapatan $2 juta setahun dari tahun 1991 -1996, $6.4 juta setahun dari tahun 1997 - 2006 dan $2.95 juta setahun dari 2007-2026.

... premium tanah pula, TNB ...

*Jika negeri atau negara diperintah cara Islam, Allah pasti akan limpahkan rahmat-Nya kepada hamba-hambanya*


SINIS
Oleh RAZ
PEKERJA PROJEK EMPANGAN PERGAU TUNTUT GAJI ASAL
LAAA.. APA LAGI YANG TAK CUKUP NI...!
TAK CUKUP MAKAN TUAN...!!!
PROJEK EMPANGAN PERGAU
MAJIKAN TAK ADIL
MAHU GAJI ASAL
RAZ92


SINIS
Oleh RAZ
KERJA PEMBINAAN PROJEK EMPANGAN PERGAU BERJALAN LANCAR
ADA APA APA NAK CAKAP SEBELUM MENANDATANGANI PERJANJIAN INI!!!
PERJANJIAN
TAK ADA, CUMA SAYA HARAP APA YANG DI-LAKUKAN, DIREDHAI ALLAH!!!




*Inilah Projek Empangan Hidro Pergau*

# BAB 11

# PERGAU DAN MARK THATCHER

SEBENARNYA banyak pihak tidak menolak kemungkinan anak bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher mempunyai kepentingan dalam Projek Hidro Elektrik Pergau yang bernilai $1.3 ribu juta. Kalau betul, dia juga adalah antara agen yang akan **MENGGIGIT** dan **MENGGUGAT** Kelantan. Saya kira, walaupun angggapan itu masih samar tetapi untuk menyeret Mark Thatcher iaitu anak Margaret Thatcher tadi ke dalam projek ini ada asasnya, kerana hal itu telah banyak disiarkan oleh akhbar luar negeri pada tahun 1991 lalu. Cerita ini pernah ditanyakan kepada Tok Guru Nik Aziz tetapi beliau tidak menjawabnya secara tepat atau meyakinkan kerana tidak banyak maklumat yang dia tahu tentang masalah itu. Katanya, dia hanya **dengar jauh-jauh** bahawa terdapat syarikat luar negeri yang diberikan tender projek ini dan mempunyai hubungkait dengan Mark Thatcher.

Saya kira adalah lebih baik kita merenung semula sebuah rencana akhbar **THE OBSERVER - 15 Julai 1991** yang telah melaporkan tentang Mark Thatcher yang tiba-tiba menjadi kaya-raya setelah dikaitkan dengan penjualan senjata Bristish-Malaysia bernilai 450 juta paun. Menurut laporan itu lagi, Margaret Thatcher telah menggunakan bantuan luar Britain untuk mendapatkan Projek Empangan Pergau bernilai 100 juta paun bagi mendapatkan kontrek penjualan senjata. Akhbar itu juga menyebut tentang perjanjian pembelian senjata pada mulanya membabitkan pesawat pejuang **TERNADO** yang **MELIBATKAN PEMBAYARAN SAGU HATI SEBANYAK $300 JUTA KEPADA UMNO** serta beberapa pembayaran lain sejumlah $200 juta lagi kepada agen-agen lain.

Saya masih ingat, hal ini telah ditimbulkan oleh anggota Parlimen [DAP] Petaling Jaya, Dr. Kua Kia Soong yang telah bertanyakan tentang laporan akhbar **THE OBSERVER** mengenai skandal pembelian di bawah **'Memorandum of Understanding'** bernilai $5 billion yang dikatakan berlakunya **'rasuah'** itu. Datuk Najib Tun Razak yang jadi Menteri Pertahanan hanya menafikan laporan akhbar itu tidak benar. Katanya tidak ada sebarang penglibatan Mark Thatcher di dalam pembelian di bawah '**Memorandum of Understanding**' itu.

Tok Guru Nik Aziz tidak tahu banyak tentang hal itu. Katanya dalam perjanjian antara Kerajaan Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad [TNB] hanya membincangkan masalah dasar yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Begitu juga dengan Timbalannya, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman juga tidak tahu menahu akan bantuan Britain itu dalam Projek Hidro Pergau. Ustaz Halim kata, Projek Pergau adalah projek yang

diusahakan oleh TNB dan jika ada bantuan kewangan daripada luar ia tidak ada kaitan sama sekali dengan Kerajaan Kelantan. Manakala Haji Rozali Isohak pula mengakui ada mendengar tentang cerita bantuan luar Britain itu tetapi dia enggan mengulas kerana tak ada maklumat lengkap.

Saya kira, laporan akhbar **THE OBSERVER - 15 Disember 1991** amat menarik untuk disorot bagi membuktikan dakwaan bahawa anak Margaret Thatcher itu ada hubungkaitnya dengan Projek Pergau di Kelantan tadi. Laporan itu menyebut:

"Salah satu ciri yang tidak begitu menarik terhadap Puan Margaret Thatcher dalam tempoh beberapa tahun terakhir perkhidmatannya ialah berhubung sekelompok kecil pihak yang rapat dengan beliau menggunakan hubungan tersebut untuk memperkayakan diri masing-masing. Komen yang agak tajam sebelum ini bukannnya datang dari musuh politik beliau tetapi dari seorang pegawai kanan Parti Konservatif sendiri. Beliau nampaknya terpaksa berhati-hati untuk menyebut kuncu-kuncu Thatcher itu tetapi tidak dapat diragukan lagi ialah seorang daripada mereka adalah seorang jutawan baru, Mark Thatcher.

"Apabila seorang yang tidak terkenbal selain daripada namanya bermula dari tidak mempunyai apa-apa kekayaan dan kini muncul sebagai jutawan dalam masa beberapa tahun sahaja, jadi tidak hairanlah keadaan seperti ini boleh menimbulkan beberapa persoalan. Kekayaan pertama dimiliki oleh Mark Thatcher adalah sebuah rumah bernilai 2 juta paun terletak di pusat bandar Kota London di beli dari seorang lagi jutawan Peter de Savary, sebuah rumah di Houston dan kekayaan-kekayaan lain.

"Apa yang tidak dinyatakan dengan memuaskan ialah bagaimana seorang bekas penjual kereta, perunding pasaran, akauntan yang gagal, berjaya mengumpul kekayaan dengan banyak dan begitu cepat sekali di mana rakan-rakannya menganggarkan kekayaan beliau adalah antara 20 juta paun hingga 40 juta paun. Malah kakak kembar Mark sendiri melahirkan rasa hairan kepada wartawan terhadap taraf hidup Mark. "Jika anda ada maklumat bagaimana dia dapat membeli rumah di Boltons, sila beritahu saya".

"Masalah yang dihadapi oleh Mark ialah spekulasi terhadap kekayaan terbaru beliau berbanding latarbelakang beliau sehingga menimbulkan kesukaran untuk menentukan kebenaran kritikan itu dengan keadaan yang sebenar. Sebagai contohnya salah seorang anggota Parlimen dari pembangkang [DAP] yang mendakwa anak lelaki Puan Margaret Thatcher dikaitkan dengan penjualan senjata British-Malaysia 450 juta paun yang menimbulkan kontroversi melalui **BAKTI UDARA** yang bertindak bagi pihak Syarikat British Aerospace.

"Syarikat British Aeropace **BERJANJI UNTUK MENJUAL KEPADA MALAYSIA SEBANYAK 8 JET PEJUANG JENIS HAWK DALAM SATU KONTRAK DI MANA RUNDINGAN SECARA PERIBADI ANTARA PUAN MARGARET DENGAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED TELAH DIADAKAN**. Sama ada Mark ada kepentingan daripada rundingan tersebut masih belum dapat dibuktikan. Bagaimanapun ada kalangan yang menafikan sekeras-kerasnya bagi pihak beliau di London tidak lama dulu. Seorang lagi rakan beliau, Sir Tim Bell yang menerima bintang kehormat dari Puan Thatcher dan beliau sering kali

membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anak Puan Thatcher itu dan **MENGESAHKAN BELIAU BERKHIDMAT UNTUK PERDANA MENTERI MALAYSIA** dalam kontrak jangka panjang tetapi tidak ada hubungan dengan penjualan senjata tersebut.

"Penjualan senjata kepada Malaysia telah menimbulkan kekecohan di Whitefall apabila ia mula-mula dipersetujui tiga tahun lalu oleh kerana Puan Thatcher mendesak untuk menggunakan bantuan luar Britain sebagai belanjawan untuk mendapatkan kontrak penjualan senjata tersebut. Kakitangan awam telah dipaksa menafikan hubungan secara langsung oleh kerana syarat-syarat yang terkandung dalam Akta Bantuan Sebarang Laut yang terang-terang melarang penggunaan bantuan tersebut untuk mendapatkan kontrak penjualan senjata.

**"PROJEK EMPANGAN PERGAU BERNILAI 100 JUTA PAUN DENGAN BANTUAN BRITISH KINI SEDANG DALAM PEMBINAAN DI MALAYSIA MEMBABITKAN FIRMA CEMENTATION INTERNATIONAL DAN BEBERAPA FIRMA BRITISH YANG LAIN.** Seperkara yang memalukan adalah disebabkan terdedahnya perjanjian memberi senjata pada mulanya dikaitkan dengan pesawat **TERNADO** yang membabitkan pembayaran sagu hati sebanyak 60 juta paun [kira-kira RM$300 juta] **KEPADA UMNO SERTA BEBERAPA PEMBAYARAN LAIN BERJUMLAH RM$200 JUTA LAGI KEPADA AGEN-AGEN LAIN.**

"Salah satu contoh pembabitan Mark Thatcher yang dapat dibuktikan melalui dokumen ialah dengan menggunakan

perhubungan keluarganya demi kepentingan perniagaan peribadi beliau telah didedahkan oleh akhbar British, **THE OBSERVER** tentang bagaimana Puan Thatcher membantu firma **CEMENTATION** mendapatkan kontrak pembinaan sebuah universiti di Oman bernilai 300 juta paun semasa melakukan lawatan rasmi ke Teluk pada tahun 1981. Mark ketika itu adalah perunding berbayar bagi **CEMENTATION** telah tiba di Oman pada waktu yag sama dengan ibunya dan mengadakan dua pertemuan dengan Thatcher sebelum bantahan rasmi dibuat kerana ada rasiko konflik kepentingan antara mereka.

"Selepas itu, Puan Thatcher memberitahu Parlimen *[House of Commons]* bahawa beliau hanya berusaha untuk mendapatkan kontrak tersebut bagi pihak Britain. Sejak itu Mark dilaporkan bertindak lebih hati-hati kerana ada laporan yang menyatakan beliau bertindak sebagai orang tengah, dalam beberapa projek di Timur Tengah. Seorang pegawai esukutif kanan sebuah syarikat terbesar British yang mempunyai kepentingan pertahanan terbesar berkata, Mark `benar-benar terbabit' dalam urusan Al-Yamamah iaitu kontrak penjualan senjata bernilai beberapa billion paun dengan Arab Saudi di mana rndingannya dibuat secara peribadi oleh Paun Thatcher pada Julai 1985 dengan Putera Bandar, Duta Arab Saudi ke Washington.

"Salah satu agen Al-Yamamah yang penting terbabit dalam pembayaran komisyen beberapa juta paun dalah Wafic Said, rakan lama Mark. Pihak lain yang terbabit dalam urusan pembelian senjata termasuklah agen perisikan Israel, Ari Ben Menashe yang juga terbabit dalam urusan senjata dan seorang lagi pedagang senjata British, Joey Martyn-Martin yang juga mendakwa Mark terbabit dalam keseluruhan urusan penjualan

senjata tersebut. Sekiranya dakwaan mereka ini benar, maka ia sudah tentu dapat dijadikan bukti bagaimana anak tunggal Puan Thatcher memperolehi kekayaan dalam waktu yang paling singkat sekali.

"Komen beliau yang dikeluarkan oleh jurucakapnya minggu lalu menafikan pembabitan beliau dengan Syarikat **BRITISH AEROPACE** disamping turut menafikan beliau mempunyai pengetahuan dalam mana-mana urusan penjualan senjata. Bagaimanapun Mark tidak pernah menyembuyikan fakta bahawa beliau adalah seorang peniaga kenderaan yang profesional. Beliau juga menunjukan kesetiaannya yang tidak berbelah bagi. Seorang hartawan perkapalan Hong Kong kini mendiang Sir Y.K Pan terperanjat besar apabila beliau menerima satu panggilan kutipan serma awal tahun ini [1991] dari Mark bagi pihak Yayasan Thatcher."



• Pendirian UMNO 46 keatas Ordinan Darurat 13

Laporan dari Akhbar OBSERVER
• *Oleh Adam Raphael*

Kapal Pejuang Tornado

SKANDAL TORNADO

# WANG SOGOKAN UNTUK UMNO BARU ?

Perdana Menteri Puan Thatcher sendiri telah memainkan peranan besar dalam menyempurnakan satu urusniaga penjualan senjata dengan Malaysia yang bernilai £ 1,000 juta ($4,500 juta) membabitkan penjualan kapalterbang pejuang jenis Tornado, meriam dan peralatan radar dengan memberi jaminan bahawa Britain akan memberi bantuan kepada Malaysia.

Walaupun terdapat penafian rasmi tentang wujudnya hubungan antara penjualan senjata dan pemberian bantuan Britain, apa yang ternyata ialah memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh Puan Thatcher dan Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamed pada bulan September lalu bagi memeteraikan urusniaga Tornado itu telah secara kebetulan diikuti dengan jaminan bahawa pemberian bantuan akan diberi oleh Kerajaan Britain.

Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri Pejabat Perdana Menteri (Downing Street) dan Kementerian Pertahanan dapat menjelaskan mengapa kejadian ini secara kebetulan berlaku memandangkan pihak kerajaan telah mendakwa bahawa tidak ada hubungan langsung antara penjualan senjata dan pemberian bantuan.

"Kami telah menyatakan dengan tegas sekali bahawa kami tidak bercampuradukkan kedua-dua perkara ini," kata jurucakap Kementerian Luar Negeri. "Sekiranya rakyat Malaysia ingin hubungkait perkara ini mereka boleh berbuat demikian tetapi kami tidak akan."

Kenyataan tersebut nampaknya membayangkan ketegasan pihak Malaysia yang ingin menghubungkaitkan penjualan senjata dengan pemberian bantuan awam oleh pihak Britain.

Sumber-sumber dari Whitehall mengakui bahawa kedua-dua kerajaan telah mengadakan beberapa perbincangan mengenai pemberian bantuan sebelum perjanjian persenjataan itu dimeteraikan tetapi mereka menegaskan bahawa perjanjian itu tidak mengandungi apa-apa rujukan kepada soal pemberian bantuan.

Perkara ini amat sensitif kerana Akta Pemberian Bantuan Ke Seberang Laut 1966 yang mengawal pembahagian pemberian bantuan oleh kerajaan Britain dengan nyatanya melarang kegunaan pemberian bantuan sebagai cara untuk mendapat kontrak penjualan alat-alat pertahanan.

Apabila memorandum persefahaman itu ditandatangani pada bulan September lalu, seorang jurucakap Downing Street telah menegaskan bahawa perjanjian itu tidak langsung melibatkan pemberian bantuan awam mahupun bantuan persenjataan. Walau bagaimanapun, sumber-sumber kanan dari Whitehall mengakui bahawa semasa perundingan persenjataan itu dijalankan antara dua pihak itu, perbincangan serentak juga diadakan bagi tujuan menambah jumlah bantuan awam kepada Malaysia.

Lihat Muka 2

## Marina Yusoff:

## Mereka Cuba Memufliskan Saya

Marina Yusoff

Bacalah di dalam pendedahan yang dibuat oleh tokoh UMNO 46, Sdri Marina Yusoff, bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO cuba memufliskannya; sabotajkan projeknya dan apabila beliau mengadu kepada Dr Mahathir, Dr Mahathir beritahunya "padan muka".

Bacalah mengapa Sdri Marina menolak tawaran untuk menyertai semula UMNO (Baru); perbezaan antara pentadbiran Dr Mahathir dan bekas bekas Perdana Menteri dan bagaimana apabila disoal tentang skandal BMF, Dr. Mahathir memberitahukannya beliau boleh menjadi macam tiga monyet "yang tidak tengok, tidak mendengar dan tidak bercakap."

Sila lihat Muka 4 untuk cerita sepenuhnya

*Benarkah Mark Theacher terlibat dalam Projek Pergau? Dan benarkah dia juga terlibat dalam skandal TERNADO yang membabitkan UMNO dan Perdana Menteri?*

# BAB 12

## ARQAM LAWAN TOK GURU NIK AZIZ

ORANG terbanyak selalu mempersoalkan pengecualian anggota Arqam dalam kempen pilihanraya kerana tidak menjayakan dasar politik demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia. Bagi orang-orang PAS, Arqam macam musuh dalam selimut. Sebab itu kalau ditanya mana-mana orang PAS tentang Arqam ketika menjelang pilihanraya, semuanya naik meluat dan muak. Walaupun pada ketika yang sama, masih ada lagi orang PAS tadi, yang menunjukkan sikap terbuka dan menganggap Arqam juga adalah rakan seperjuangan. Tapi, jumlah ini tidak ramai. Ia mungkin boleh jadi ramai dengan syarat Arqam mempunyai penderian yang tegas dalam politik. Bukan macam **POLITIK MENGKARUNG** atau **POLITIK LALANG** yang tidak ketentuanhala pendirian dan prinsipnya.

Saya agak, pendirian Arqam dalam politik adalah jelas. **Majalah Al-Mukminah bilangan 8: Tahun 2, September 1987** yang jadi **'Suara Rasmi'** pertubuhan yang tidak berdaftar itu pernah melontarkan pandangan Arqam tentang politik berpilihanraya ini. Kata laporan — **Apa Sikap Darul Arqam Terhadap Politik itu:**

"Pada kita begini, kita bukan hendak menawan **KERUSI** tapi nak menawan **HATI**. Kita bukan nak mengubah kerusi mereka tetapi hendak mengubah **FIKIRAN** dan **JIWA** mereka. Jadi, kalau fikiran dan jiwa mereka berubah kepada Islam, dengan sendirinya sikap dan tindak-tanduk mereka akan berubah dan ertinya pentadbiran mereka juga akan berubah. Jadi, akan timbullah perubahan politik. Kita terpaksa berhadapan dengan parti politik dan pilihanraya setiap lima tahun sekali. Sebagai rakyat dan warga negara yang layak mengundi, kita arahkan kepada ahli-ahli kita yang keluar mengundi supaya mengundi calon dan individu yang baik. Kita tidak pula meletakkan calon dan tidak menyokong mana-mana parti.

"*'Guide line'* yang kita berikan ialah mengundi calon yang baik. Maknanya yang soleh akhlaknya asalkan dia Islam dan dia baik, tidak mengira apa parti yang diwakilinya sama ada parti pemerintah atau parti pembangkang. Pada kita untuk mengubah masyarakat tidak semestinya mengubah kerusi. Yang penting mesti mengubah hati dan fikiran. Kalau itu berubah maka berubahlah yang lain. Bagi kita setiap orang duduk dikerusi masing-masing.

Tok Penghulu, Pegawai Daerah, Wakil Rakyat duduk baik-baik dikerusi masing-masing. Kita akan datang pada

mereka untuk mengubah fikiran dan jiwa mereka. Kerusi tidak payah ubah pun tidak mengapa. Sistem politik yang ada sekarang datangnya dari Barat, bukannya dari Islam.

"Sebab itu kita ikut cara Islam melalui dakwah dan tarbiyyah. Pada kita itulah politik. Sebab ia akan membawa kepada perubahan politik apabila jiwa dan fikiran berubah. Sebab mungkin hasil dari pandainya kita melobi, maka kita dapat kuasa. Tapi belum tentu kita boleh berlaku adil dengan kerusi yang kita dapat. Belum tentu kita boleh berbuat sesuatu yang lebih baik dari orang lain. Berdasarkan pengalaman kita, sama ada dalam atau luar negeri, ramai orang yang berjaya merebut kerusi tapi gagal berbuat lebih baik dari orang lain. Kadangkala apabila berjaya merebut kerusi tindakannya lebih jahat daripada orang yang terdahulu. Mengapa? Kerana mereka lebih memikirkan untuk mengubah kerusi."

Saya kira, pegangan Arqam itu tak payah disorot kerana rata-rata orang PAS tahu dan faham apa yang dimaksudkannya tadi. Prinsip dan pendirian Arqam terhadap politik berpilihanraya tidak akan berubah dan terubah selagi pertubuhan itu **berketuakan** Ustaz Ashaari Muhamad. Ramai yang tertanya-tanya, bagaimana pegangan orang-orang Arqam tadi kalau Ustaz Ashaari yang dianggap keramat itu meninggalkan Arqam atau ditakdirkan Allah SWT meninggal dunia? Apakah orang-orang Arqam yang telah sebati dengan ajaran dan pegangan pertubuhan itu selama ini dapat menerokai cara hidup baru.

Saya kira, jika hal yang saya sebutkan tadi berlaku, pendirian dan pegangan anggota Arqam akan berubah. Ia berubah kerana juru mudinya telah tiada lagi. Masakan Ustaz

Abdul Halim Abbas sama rentak dan gayanya dengan Ustaz Ashaari Muhamad yang sudah tiada itu. Semua orang tahu, Ustaz Ashaari pernah jadi pemimpin penting PAS di Selangor. Dalam lain perkataan, dia pernah jadi orang politik dalam demokrasi berpilihanraya yang ditentangnya sekarang.

Sebagai orang politik, apa yang dicakap dan dibuatnya dalam pertubuhan itu adalah berbau politik. Politik boleh ditafsirkan berbagai-bagai. Macam Arqam tafsirkan dalam majalah **Al-Mukminah** tadi, bahawa berdakwah dan memberikan tarbiyyah juga adalah politik. Jadi, tidak hairanlah dalam soal menentukan pendirian politik pertubuhan itu tadi, Ustaz Ashaari bermain politik dengan mengelak dari menyertai pilihanraya berparlimen. Tapi, dalam masa yang sama Arqam sudah bermain politik dengan **menangguk di air keruh** bila menjelang tibanya musim pilihanraya di negara ini.

Siapa tidak tahu, Arqam begitu rapat dengan Datuk Sanusi Junid dan Datuk Megat Junid. Semua orang yang membaca dan tidak buta dapat melihat, gambar-gambar Naib Presiden UMNO dari Kedah yang paling celupar dan gelojoh itu sentiasa dipopularkan dalam media-massa yang ditunggang oleh Arqam. Jika Arqam kata, dia akan undi dan sokong calon pilihanraya atau pemimpin yang baik-baik, soleh dan berakhlaq, maka cakap-cakap tadi sepatutnya bukanlah ditujukan kepada Sanusi Junid. Mengapa Arqam tidak angkat Sheikh Anwar Ibrahim yang lebih Islamik dari Sanusi tadi ataupun Pak Lah Badawi? Arqam sudah tentu baik dengan Sanusi sebab dia juga baik dengan pertubuhan itu. Khabarnya, Datuk Sanusi juga ada memberikan **'peruntukan'** kepada Arqam di Langkawi. Benar atau tidak, itu bukan soalnya.

Saya fikir, asap tidak ada kalau tidak ada api. Pokok tidak akan bergoyang kalau tidak ada angin yang bertiup. Bukankah ini dikatakan bermain politik? Arqam ada bidak caturnya sendiri. Mengadakan ceramah secara besar-besaran untuk menerangkan kepada orang-ramai tentang **BAHAYA SYIAH** yang melanda PAS beberapa tahun lalu juga adalah permainan politik. Orang-orang PAS bukan tidak tahu siapa di belakang Arqam dalam program tadi. Para pemimpin PAS juga tahu apa hubungan Ustaz Ashaari dengan Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad dengan program **BAHAYA SYIAH** itu. Macam orang PAS tahu tentang adanya lawatan Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba ke Sg. Penchala dan disambut oleh para anggota Arqam ketika kempen pilihanraya umum 1990 lalu? Bukankah jalan tar yang dihadiahkan oleh kerajaan itu ibarat **'GULA-GULA'** bagi Arqam?

Saya kira, minat dan kecenderungan Arqam tadi terhadap politik sudah tidak dapat dibendung lagi. Seorang penulis buku-buku politik yang dianggap mahsyur oleh orang-orang UMNO, S.H Alattas sudahpun meramalkan dalam satu bab tentang kemungkinan Ustaz Ashaari yang pimpin Arqam itu akan muncul sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima bagi menggantikan Dr. Mahathir Mohamad. Orang-orang Arqam benar-benar percaya akan ramalan buku **'TALQIN UNTUK UMNO'** itu hingga dalam kuliah-kuliah subuh pun ada ustaz-ustaz Arqam tadi yang mengisahkan dari hal isi kandungan Ustaz Ashaari akan jadi PM gantikan Dr. Mahathir.

Sama ada publisiti yang diberikan oleh S. H Alattas itu tadi percuma ataupun tidak, beberapa orang pemimpin Arqam di belakang Ustaz Ashaari tadi sudah nampak betapa pentingnya

peranan yang dimainkan oleh orang bukan Arqam dalam menjayakan publisiti dan propaganda politik yang besar. Apatah lagi publisiti itu datangnya dari seorang penulis yang terkenal akan ramalannya dalam politik. Jadi tidak hairanlah kalau orang Arqam itu tolong pasarkan buku 'keramat' S. H Alattas itu di kalangan ahli kumpulan Arqam di seluruh negara.

Saya kira, publisiti yang diberikan oleh S. H Alattas itu sudah menyeronokkan Ustaz Ashaari. Maklumlah bakal jadi Perdana Menteri bukannya Menteri Besar macam Tok Guru Nik Aziz di Kelantan. Sebab itu agaknya dia sudah berasa gagah dan lagaknya macam PM bila persoalkan hasrat Kerajaan Kelantan nak laksanakan hukuman hudud. Apa yang jelas, orang-orang Arqam sudah pun mengucapkan 'Jazakallahukhairan' kepada S. H Alattas kerana berjaya memprojekkan pemimpin nombor satu mereka sebagai pengganti Dr. Mahathir, walaupun tidak kurang pemerhati politik yang ketawa terbahak-bahak dengan ramalan itu. Soal benar atau tidak ramalan itu, itu soal kedua. Ustaz Ashaari dan para pengikutnya kini sudah pun terjun ke gelanggang politik yang dipersetankannya sebelum ini. Apakah itu bukan politik namanya?

Buku yang ramal Ustaz Ashaari akan jadi PM Malaysia itu mesti diedarkan di kalangan orang-orang Arqam di seluruh negara. Maka, teredarlah buku itu oleh anggota Arqam yang anti pilihanraya berparlimen tadi. Orang-orang Arqam macam percaya dan yakin akan **RAMALAN** S.H Alattas itu. Kalau ikut ramalan-ramalanya sebelum ini, memang tepat. Buku **MUSA DERHAKA** dan **SIAPA SELEPAS MUSA** telah membuktikan ramalannya tadi. Mungkin orang-orang Arqam sudah percaya sakan akan ramalan S.H Alattas itu. Maklumlah, Ustaz Ashaari

nak jadi PM. Jadi, tidak peliklah kalau dia ambil kesempatan terus menulis dan menyelitkan cerita-cerita Arqam dalam buku-bukunya selepas itu termasuklah dalam buku terbarunya **JOKER-JOKER POLITIK**. Sebab dia tahu, dia sudah berjaya mengubah **FIKIRAN** dan **JIWA** orang-orang Arqam tadi, yang sebelum ini begitu anti dengan buku-buku bercorak politik yang ditulis oleh orang-orang sekular yang tidak Islamik.

Kalau begitu ceritanya, nampaknya Arqam belum berjaya untuk mengubah **FIKIRAN** dan **JIWA** seorang individu bernama S.H Alattas tadi. Sebaliknya, penulis itu pula yang menang mengubah **FIKIRAN** dan **JIWA** orang-orang Arqam itu. Jadi, bagaimana orang Arqam nak ubah **FIKIRAN** dan **JIWA** wakil-wakil rakyat UMNO dan Barisan Nasional yang lain supaya tunduk dan patuh kepada Islam.

Bukankah yang membuat dasar negara adalah wakil-wakil rakyat tadi. Kalau setakat nak kuasai Pusat Islam dan agensi agama Islam yang lain tanpa menguasai Jamaah Menteri yang membuat dasar, maka jadilah seperti **anjing menyalak bukit**. Selagi pembuat dasar tidak berubah maka selagi itulah dasar yang ada akan ada. Siapa lagi yang Arqam nak percaya, kalau bukannya PAS?

Tapi nampaknya PAS pun terus diburu oleh Arqam dan suku-sakatnya. Ustaz Ashaari terus membuat tuduhan yang bertubi-tubi terhadap Kerajaan PAS yang terhad kuasanya di Kelantan. Tok Guru Nik Aziz diserang dan disalahkan kerana itu dan ini. Tindakan Ustaz Ashaari itu nampaknya sama macam tindakan para pemimpin UMNO. Saya tidak tahu, sama ada perangai Arqam yang sama macam UMNO itu menyebabkan

pertubuhan itu tadi tidak diambil tindakan oleh UMNO yang kuasai kerajaan walaupun ia tahu pertubuhan Arqam tidak berdaftar dan haram di sisi undang-undang.

Dalam buku terbarunya, **FALSAFAH PERLAKSA-NAAN HUKUM HUDUD DALAM MASYARAKAT**, Ustaz Ashaari menyifatkan bahawa perlaksanaan hukum hudud di Kelantan bukan langkah pertama yang patut dijalankan oleh Tok Guru. Untuk melaksanakan nahi mungkar agar manusia menjadi baik, bukan melalui hudud. Baginya, hudud adalah langkah paling akhir yang patut dikenakan pada seorang penjahat setelah segala cara-cara lain tidak lagi boleh mendidiknya. Tindakan PAS itu, kata Ustaz Ashaari, samalah dengan orang yang baru mendapat negara atau belumpun dapat negara tetapi sudah berfikir bagaimana nak hududkan rakyatnya.

"Sebab itu saya dan Darul Arqam memulakan perjuangan ini dengan berdakwah dan tarbiyyah terlebih dahulu. Pada kami, diperingkat ini hudud bukanlah masanya. Bercakap tentang hudud dalam suasana masyarakat jahil dan terbiar samalah dengan orang memukul anak kecilnya yang memegang api kerana tidak tahu api itu panas. Hudud hanya mungkin elok dilaksanakan pada seseorang bila kedegilannya sudah tidak ada ubat lagi. Islam tidak menyuruh kita menyeksa orang tetapi kita disuruh mengusahakan agar orang jadi baik terlebih dahulu. Seksaan hanya dibenarkan keatas orang yang nyata sengaja merancang dan melaksanakan kejahatan setelah melalui proses dakwah dan tarbiyyah secara serius dan berterusan," - Begitulah pandangan pemimpin nombor satu Arqam itu. Saya kira, pada fahamannya, tindakan Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan hukum hudud adalah keterlaluan dan salah.

Ustaz Ashaari menyebut: "Sekalipun saya sendiri dhaif untuk turut campurtangan, kerana sebenarnya saya bukan pakar dibidang ini, nampaknya hukum hudud semakin disalahfahamkan atau disalahgunakan. Maka saya tidak boleh biarkan keadaan ini berterusan. Hukum Allah mesti dibela. Kebenarannya mesti ditegakkan. Saya kecewa dengan orang-orang yang ghairah sangat menggesa agar hudud dilaksanakan tetapi rupa-rupanya mereka tidak betul-betul serius bersedia dengan persiapan yang betul-betul konkrit, walaupun sudah berpuluh-puluh tahun berjuang. Mengapa hendak minta orang jahat **`gedebe'** di Kelantan untuk jalankan hukum hudud pada orang-orang jahat?"

Ustaz Ashaari kata, PAS begitu ghairah dengan hudud. Allah minta kita lakukan amar makruf dulu kemudian barulah nahi mungkar. Yakni tegakkan kebaikan dahulu baru cegah kemungkaran. Bukannya ghairah sangat nak menghukum penjahat sedangkan usaha-usaha mengajak kepada kebaikan tidak diberi perhatian serius. Dia sudah menuduh, cakap-cakap nak laksanakan hudud oleh Tok Guru itu adalah atas dasar mengejar kepentingan politik dan duniawi sebab itu katanya, PAS sendiri yang menangguh hukum itu. Saya tidak hairan dengan tuduhan Ustaz Ashaari itu sebab diapun macam orang politik yang lain. Tuduhan dan dakwaannya sama macam yang UMNO lontarkan kepada Tok Guru. **GIGITAN** dan **GUGATAN** Ustaz Ashaari saling tak tumpah macam **GIGITAN** dan **GUGATAN** musuh-musuh PAS yang lain.

Sebab itu dalam beberapa hal, Ustaz Ashaari semacam tidak percaya tentang kemampuan hukuman hudud itu, bila dia menyebut: "Lebih-lebih lagi dalam masyarakat hari ini, kalau hukum hudud dijalankan, maka banyaklah orang-orang besar

dan yang berkuasa akan terlepas. Tetapi golongan bahawahanlah yang banyak akan terkena hukuman. Kerana tidak siapa yang hendak melindunginya". Saya telah sorot idea ini dalam buku saya **MENANTI HUDUD DI KELANTAN** kerana pandangan macam ini sama macam pandangan Sheikh Anwar Ibrahim. Hanya orang susah yakni orang kampung sahaja yang kena hukuman hudud. Jenayah kolar puteh tak kena.

Sebab apa tak kena? Bukankah hukum Islam itu adil dan lengkap. Ada syarat-syarat dan penyiasatan yang dibuat sebelum dijatuhkan hukuman. Cakap-cakap macam Ustaz Ashaari itu cukup bahaya kalau diterima pakai oleh para anggota Arqam bahawan. Ustaz Ashaari mengaku bahawa perjuangan Arqam sekarang bukan untuk melaksanakan hukuman hudud tetapi sedang berusaha agar masyarakat tidak payah dihukum hudud.

Kerana pada anggapannya semua orang Arqam baik-baik sesudah ditarbiyyah. Saya kira, dia tidak faham tentang falsafah hudud yang ditulisnya. Tidak ada siapa yang tidak bersalah akan dikenakan hukuman hudud. Hukum itu akan dijatuhkan apabila ada orang yang buat salah dan ada saksi juga cukup syarat-syarat untuk dijatuhkan hukuman. Soal ditarbiyyah atau tidak, jika cukup syarat-syaratnya maka ia akan dijatuhkan hukuman hudud tadi. Satu hal yang perlu dijelaskan ialah untuk menjatuhkan hukuman ini adalah **AMAT SUKAR SEKALI** kerana syarat-syarat yang ketat dikenakan oleh Allah SWT supaya hukuman tidak boleh dijatuhkan dengan sewenang-wenangnya.

Sebab itu, di zaman RasullulLah SAW hukuman ini jarang sekali berjalan. Bukan kerana masyarakatnya 100 peratus baik tetapi syarat-syarat yang ketat itu menyebabkan hukuman tadi

tidak boleh dijatuhkan macam Penguatkuasa Bandaraya menyaman peniaga tanpa lesen atau pemandu yang tak bayar *duit parking*. Malah di zaman RasullulLah itu, orang yang berzina sendiri telah berjumpa baginda dan memaklumkan bahawa dia telah berzina dan minta dihukum. Saya tidak tahu, sama ada impian Arqam tadi akan tercapai atau tidak untuk berusaha agar masyarakat tidak dikenakan hudud. Jika dasar Arqam tidak mahu memperjuangkan hukum hudud itu maka barang tentu masyarakat yang diusahakannya tadi akan tidak terkena dengan hukuman itu.

Saya kira adalah tidak menghairankan kalau Ustaz Ashaari menyerang Tok Guru Nik Aziz di Kelantan dalam soal pelaksanaan hukum hudud ini walaupun dia mengaku bahawa dia bukan pakar dalam undang-undang Islam itu. Tapi dia sudah membayangkan cara yang paling betul untuk nak laksanakan hukum hudud ialah cara yang mana Arqam buat sekarang. Cara PAS itu salah dan tak betul. Sebab PAS tawan **KERUSI** tapi tak tawan **FIKIRAN** dan **JIWA** rakyat Kelantan tadi. Ustaz Ashari kata, apa yang sedang Arqam usahakan selama 23 tahun yang lalu adalah langkah-langkah untuk menuju kepada perlaksanaan hukum hudud. Tadi bukankah dia sudah kata Arqam bukan berjuang untuk melaksanakan hukum hudud? Inilah politik Arqam namanya, lurus diluar rencong di dalam!

Pemimpin Arqam itu kata lagi, walaupun Arqam belum begitu berwibawa tetapi dengan izin Allah ia sedang bergerak ke arah tadi. Dia yakin, kalau Arqam sudah bersedia dan layak untuk memerintah negara tanpa melalui politik berpilihanraya yang dia tentang tadi, Allah pasti akan menyerahkan kuasa pemerintahan itu kepada hamba-Nya. Dia semacam ghairah

untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia seperti yang S.H Alattas ramalkan tadi. Katanya, sudah seringkali Arqam mendengar suara-suara rakyat mengharapkan agar Darul Arqam memerintah negara. Untuk menguatkan lagi betapa Arqam boleh memerintah negara ini, dia menyebut:

"Ahli yang komited sekarang berjumlah 10,000 orang di seluruh dunia; 80 % daripadanya bekerja sepenuh masa dengan jamaah dengan mendapat sara hidup dari jamaah. Pemimpin-pemimpin Darul Arqam seramai 70 orang, 3/4 darinya juga sepenuh masa dan ditanggung keperluan hidupnya oleh jamaah. Di Malaysia, sudah ada 40 buah perkampungan, yang di sana dicetuskan sistem kemasyarakatan Islam sebagai cara hidup kami dan untuk contoh kepada umum. Di beberapa buah negara lain di dunia terdapat markaz-markaz Darul Arqam. Pengikut, penyokong dan mereka yang simpati dengan jamaah ini saya kira sudah ada diseluruh dunia termasuk di negara China Komunis. Mereka ini sering datang menziarah sistem hidup Islam yang dizahirkan oleh Arqam".

Saya kira, tanggapan Ustaz Ashaari terhadap apa yang diusahakan oleh Tok Guru di Kelantan terlalu kecil berbanding dengan apa yang dia buat di Arqam. Ini terbukti dengan katanya, PAS sudah agak lama memerintah Kelantan, tetapi impian umat Islam dan cita-cita PAS kelihatan belum lagi menjadi kenyataan. Sebaliknya kata dia lagi, percubaan demi percubaan untuk mewajahkan Islam terus gagal. PAS semacam baru mencuba-cuba dengan teori-teori andaian yang memungkinkan terlaksananya hukum Islam di Kelantan dan banyak andaiannya tadi meleset. Ustaz Ashaari sudah menempelak Tok Guru. **Kalau belum bersedia, mengapa sudah berani bercakap? Orang**

**tidak berani masuk gelanggang kalau latihan tidak ada. "Mana draf mengenai undang-undang hudud yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri?" herdik pemimpin keramat Arqam itu.**

Saya semakin yakin dan percaya, melentingnya Ustaz Ashaari yang sudah lama tidak balik ke Malaysia adalah disebabkan tindakan Tok Guru Nik Aziz mengharamkan Ekspo Dunia Baru Islam yang sepatutnya diadakan di Stadim Sultan Muhamad, Kota Bharu. Arqam sudah menuduh persembahan yang bercorak Islam itu diharamkan oleh PAS dengan begitu kejam. Sedangkan menurut Arqam tadi, PAS benarkan pertunjukan sarkas di Kota Budayanya, yang sarkas itu ternyata tidak mencerminkan syariat Islam. Ustaz Ashaari kata, PAS hanya berani haramkan maksiat di kalangan rakyat bawahan. Dengan nada marah Ustaz Ashaari tulis, PAS tidak akan dibiarkan oleh Allah SWT dan manusia yang cintakan Islam akan terus mengutuk PAS jika terus berperangai macam itu.

Untuk menguatkan betapa tidak wajarnya Tok Guru Nik Aziz haramkan program tadi, Ustaz Ashaari telah seret Ketua Dewan Ulama PAS Pusat itu dalam rasa ketidakpuasan hatinya. Dia kata, Tok Guru Nik Aziz, sanggup berbuat apa sahaja dalam usaha menagih sokongan rakyat termasuklah memberikan sokongan kepada perkara-perkara yang tidak memberikan apa-apa kepentingan terhadap Islam. Cakapnya itu adalah sindiran tajam kepada Tok Guru yang telah cuba meniup **'semangat baru'** kepada pegawai dan pemain-pemain bola sepak negeri Kelantan untuk mengembalikan maruah negeri serta terus memburu kemenangan sempena Maal Hijrah. Arqam telah membandingkan kelonggaran dan keserdahaan Tok Guru itu

dengan pengharaman eksponya tadi. Ustaz Ashaari kata, dengan badan-badan dakwah tidak adapun Tok Guru Nik Aziz menyebut harapan untuk bekerjasama serta memberi semangat berjuang agar maruah negeri dan umat Islam dapat ditingkatkan. Tapi dalam hal bola, Tok Guru bersedia memberikan harapan dan semangat agar terus berjuang untuk kemenangan negeri Kelantan.

Saya kira, kemarahan Ustaz Ashaari tadi yang berpunca dari pengharaman Ekspo Dunia Baru Islamnya itu adalah wajar. Sebab ketika itu Pusat Islam sudah membekukan segala kegiatan Arqam. Cuma Arqam sahaja yang mengharapkan agar PAS tidak bersetuju dengan Pusat Islam tadi. Bila PAS yang jadi orang harapan Arqam ketika itu turut senada dengan Pusat Islam, maka kemarahan tadi sudah tidak boleh dikawal. Bercadanglah Ustaz Ashaari untuk menulis buku menempelak Kerajaan PAS Kelantan dan menggigit-gigit kepimpinan Tok Guru tadi. Jadi, sebab itu dalam hal hukum hududpun dia cuba nak menidakkan kemampuan Tok Guru mengendalinya.

Dia sudah **GUGAT** dan **GIGIT** Tok Guru di Kelantan. Serangannya amat pedih sebab dia seorang Ustaz malah lebih tinggi lagi seorang **SYEIKHUL** bagi kumpulan Arqam. Nampaknya, orang-orang sufi macam pemimpin Arqam inipun tahu marah dan menulis cerita yang bukan-bukan. Kalau diamat-amati, semacam amalan Aurat Muhammadiah yang diamalkan dan jadi pegangan Arqam tadi, tidak berkesan untuk membentuk **FIKIRAN** dan **JIWA** Ustaz Ashaari. Jadi, bagaimana nak tawan **FIKIRAN** dan **JIWA** orang-ramai kalau para pemimpin Arqam sendiri tidak terlepas dari api kemarahan dan dendam kesumat.

Cerita wali-wali yang didedahkan sebagai orang yang zuhud, penyabar, tidak cepat melenting, tidak sombong, tidak memandang orang lain rendah dan macam-macam lagi sifat yang baik sudah tidak memberi apa-apa makna kepada Ustaz Ashaari tadi. Kalau baca buku **FALSAFAH PERLAKSAAN HUKUM HUDUD DALAM MASYARAKAT** itu, isi dan gaya serangan Ustaz Ashaari tadi sama macam tulisan-tulisan S.H Alattas walaupun tak sama macam tulisan saya. Jika nak disenaraikan, terlalu banyak hal-hal yang tidak memuaskan hati para pengikut PAS telah ditulisnya dalam buku itu. Nak disenarai atau disorotpun naik *loya*. Entah mengapa tiba-tiba Ustaz Ashaari jadi begitu? Agaknya dia sudah minat untuk tulis buku politik bila syok dengan ramalan dan cara tulis S.H Alattas yang banyak puji Arqam. Kalau dulu dia jadi penyanyi dan lahirkan satu album *OH PERJUANGANKU*... kini, nampaknya Ustaz Ashaari sudah mahu jadi penulis buku politik macam S.H Alattas!

**Maaf Ustaz! orang Arqam kena berjiwa besar bila baca kritikan dan andaian saya ini.**




*Jawapan yang tidak boleh dipertikaikan...Satu noktah bagi pro dan kontra mengenai hudud. Benarkah buku ini tidakboleh dipertikaikan?*

# TIBA-TIBA AL-ARQAM HENDAKKAN KUASA

KUALA LUMPUR ;

Ustaz Zakaria Al-Ansari, berpendapat bahawa al-Arqam tidak akan dapat membuat perubahan dalam pertadbiran Pusat Islam dan Majlis-Majlis Agama Islam lain sekiranya Al-Arqam diberi mandat untuk mentadbirkan institusi-institusi agama itu.

Dalam satu pertemuan dengan Harakah, menyatakan bahawa selagi pertabiran negara ini dikuasai oleh Barisan Nasional, maka Al Arqam atau badan-badan dakwah lain tidak akan mampu untuk membuat perubahan dalam pentadbiran Pusat Islam dan Majlis Majlis Agama Islam lainnya.

"Kalaupun Al-Arqam dan Syeikh Ustaz Ashaari akan diberi mandat untuk menguasai Pusat Islam dan institusi-institusi agama lain, maka sudah pasti tidak ada perubahan akan dapat dilakukan, kerana kuasa untuk membuat perubahan dasar itu ialah jamaah Menteri.

Selagi Al-Arqam tidak menguasai negara, maka jangan mimpi untuk menguasai dan mentadbir Pusat Islam dan Majlis-Majlis Agama di peringkat negeri.

Perubahan pegawai pentadbir, tidak akan dapat "mengubah dasar" pentadbiran badan-badan agama di negara ini.

Al-Arqam dan Syeikh Ustaz Ashaari akan menerima nasib yang sama dengan "pegawai-pegawai di Pusat Islam itu, sekiranya diberi mandat untuk menguasai Pusat Islam itu selagi sistem pertadbiran negara tidak berubah," ujar Ustaz Zakaria Al-Ansari.

Beliau menasihatkan pihak Arqam, khususnya Ustaz Ashaari supaya mengambil alih pertadbiran negara terlebih dahulu sebelum hendak mentadbirkan Pusat Islam dan Majlis-Majlis agama di peringkat negeri-negeri.

Menurut Ustaz Zakaria Al-Ansari bahawa jalan-jalan yang sebaik-baiknya untuk Arqam menguasai negara ini ialah dengan menyertai parti-parti politik atau menubuhkan sebuah parti politik Islam yang baru.

Haji Zakaria Al Ansari beranggapan bahawa pihak Al-Arqam sudah mulai berminat dengan politik sejak ada seorang penulis (Pak Nujum) yang meramalkan bahawa Syeikhul Arqam akan "menjadi bakal Perdana Menteri Malaysia."

Ustaz Haji Zakaria Al-Ansari, pernah satu ketika dulu menjadi rakan Ustaz Ashaari Muhammad yang setia, tetapi beliau telah berpecah dengan kumpulan Al-Arqam kerana beberapa sebab yang tertentu.

Beliau kini memimpin sebuah perkampungan Islam yang diberi nama Markaz Tarbiah Al-Ansar di kampong Asahan, Batang Berjuntai, Selangor.

Ustaz Zakaria Al Ansari membuat kenyataan ini setelah diminta pendapatnya mengenai kenyataan Syiekhul Al-Arqam yang berminat untuk menguasai Pusat Islam dan Majlis-Majlis Agama Islam di peringkat negeri-negeri.

Kenyataan Syeikhul Al-Arqam itu telah disiarkan oleh sebuah harian yang terkemuka di negeri ini tidak lama dulu.



Ustaz Ashaari

*KUASA....OH.....KUASA.... Kami mahu KUASA tapi kami tak mahu PILIHANRAYA. Datuk Sanusi berilah 'dia' kuasa*

# BOLEHKAH USTAZ ASHAARI JADI PM?

BILA S.H. Al-Attas menulis hal-hal yang berkaitan dengan politik, khususnya mengenai politik tanahair, mungkin ada di kalangan ahli-ahli politik yang merasa tidak senang duduk.

Kalau tak percaya tanya Tengku Razaleigh Hamzah atau Datuk Musa Hitam.

S.H. Al-Attas sepertimana yang kita tahu pada kebiasaannya beliau menghasilkan tulisan atau buku politiknya mengenai isu semasa yang kadangkala boleh menggugatkan sesuatu pihak. Malah kalau tidak kena caranya, semua pihak akan menjadi sasarannya.

Bila beliau menulis dan meramalkan pemimpin Al Arqam, Ustaz Hj. Ashaari Mohamad menjadi Perdana Menteri dalam buku terbarunya TALQIN UNTUK UMNO, mungkin ada pihak yang merasa agak kurang senang. Tetapi mungkin ada pula yang menjadikannya sebagai satu bahan ketawa, kerana menganggap perkara itu tak mungkin terjadi.

Sementara itu, apakah dari ramalan yang dibuat oelh S.H. Al-Attas itu menjadikan Datuk Seri Dr. Mahathir, Mohamad sendiri juga turut merasa sesuatu?

Rasanya tak mungkin perasaan itu ada pada seorang pemimpin seperti beliau. Lagipun mungkin tidak ada masa baginya untuk memikirkan hal itu. Tetapi apa yang hendak dihairankan, kerana Datuk Seri Dr. Mahathir sendiripun pernah berkata, siapapun boleh jadi Perdana Menteri, asalkan mendapat mandat dari rakyat.

Dalam kata lain, di negara yang meramalkan dasar demokrasi ini tidak ada halangan bagi seseorang itu boleh menjadi Perdana Menteri, asalkan ianya dipilih mengikut Perlembagaan negara.

Jadi sekarang ini apa reaksi dan pendapat umum, bolehkah pemimpin Al-Arqam itu menjadi Perdana Menteri?

Bila soalan seperti itu dimajukan, mungkin tidak siapa yang berani menidakkannya. Namun begitu tidak siapa yang berani memasti atau menentukan bila beliau boleh dilantik menjadi Perdana Menteri. Mungkin begitu juga dengan penulis buku itu sendiri. Dalam ertikata yang lain, beliau boleh meramal, tetapi tidak boleh menentukannya.

Kalaupun benar Ustaz Hj. Ashaari boleh jadi Perdana Menteri seperti yang dikatakan tadi, siapapun tidak dapat menentukan bila. Sama ada selepas Mahathir, ataupun selepas Perdana Menteri selepas Mahathir ataupun selepas dan selepas itu.

Caramana pemimpin Al-Arqam itu boleh dilantik sebagai Perdana Menteri juga tidak begitu jelas. Kalau dalam keadaan sekarang tentunya sukar atau tidak boleh diterima, kerana Al-Arqam bukanlah sebuah pertubuhan politik. Malah Ustaz Hj. Ashaari pun setakat yang kita tahu tidak menampakkan secara jelas yang beliau seorang yang aktif dalam mana-mana parti politik di negara ini — meskipun penulis mengatakan pemimpin Al-Arqam itu pernah menjadi ahli PAS.

Tetapi mana tahu, mungkin di suatu masa nanti Tuhan membuka pintu hatinya untuk beliau bergiat dalam politik. Tidak kira sama ada parti PAS, UMNO atau parti apa yang dikira sesuai untuk dirinya.



USTAZ HAJI ASHAARI

Sekiranya Ustaz Hj. Ashaari masuk dan aktif dalam politik, kalaupun tidak kesemua ahli-ahli pertubuhan AL-Arqam yang lebih 50,000 itu mengikutnya, kita tidak menafikan sebilangan besarnya akan turut memberi sokongan kepadanya.. Itu tidak mustahil.

Kalau kita kembalikan ingatan kita kepada Anwar Ibrahim mungkin kita tidak hairan kalau sikap dan pendirian begitu juga akan diikuti oleh Ustaz Hj. Ashaari nanti.

Sepertimana yang kita tahu, dulu Anwar pun bukan orang politik yang begitu aktif. Beliau lebih dikenali sebagai seorang pemimpin dalam ABIM. Malah bila beliau memimpin Majlis Belia Malaysia (MBM) pun beliau masih lebih dikenali sebagai pemimpin ABIM.

ABIM pun sebenarnya bukan pertubuhan politik, sama seperti Al-Arqam juga. Bila ada ura-ura Anwar ingin masuk politik, ramai yang ingin melamarnya.

Oleh kerana perjuangan ABIM lebih menitik berat hal-hal mengenai keagamaan, maka pada masa itu ramai yang meramalkan Anwar akan memilih parti PAS sebagai 'landasan' politiknya.

Ramai yang merasa terkejut bila Anwar memilih UMNO sebagai tapak perjuangannya dalam politik, kerana semasa beliau memimpin belia dulu, parti UMNO juga menjadi kerabat BN, sering menjadi bahan kritikan beliau bila dirasanya ada yang tidak betul.

Bila Anwar bergiat dalam politik, ada di kalangan ahli-ahli ABIM yang merasakan kurang senang, dan menyifatkan Anwar mahu membawa politiknya dalam gerakan belia, khususnya dalam ABIM.

Tetapi Anwar telah membuktikan sekulasi yang pernah disalahanggap itu. Politik tetap politik dan ABIM tetap ABIM, dan kita akui sehingga hari ini bahawa ABIM adalah merupakan sebuah pertubuhan belia yang terhindar dari kancah politik sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam ertikata yang lain, rumahtangga ABIM tidak boleh dijadikan gelanggang politik.

Jadi tidaklah pula menjadi sesuatu yang mustahil dari apa yang diramalkan oleh S.H. Al-Attas bahawa, Ustaz Hj. Ashaari Muhamad boleh menjadi Perdana Menteri di suatu hari nanti.

Seperti yang dikatakan tadi, dalam keadaan-keadaan yang tertentu, mungkin di suatu ketika nanti, Tuhan boleh membukakan hati Ustaz Hj. Ashaari untuk bergiat dalam politik, yang boleh menaikkan dirinya menjadi seorang Perdana Menteri.

Kalau ini direstukan, Ustaz Hj. Ashaari boleh mengambil sikap seperti yang pernah dilakukan oleh Anwar dahulu.

Kalau Anwar mengambil sikap politik tetap politik, dan ABIM tetap ABIM, Ustaz Hj. Ashaari harus pula bersikap dan berpendirian politik tetap politik dan Al-Arqam tetap Al-Arqam.

Oleh itu, bila ramalan dibuat seperti ini, tidak siapa yang harus merasa bimbang, malah jangan pula ada yang menjadikan itu, sebagai satu bahan ketawa. Ataupun cuba mengambil kesempatan melaga-lagakan antara seorang pemimpin dengan pemimpin yang lain untuk mendapat publisiti atau mencari nama untuk kepentingan diri sendiri.

Akhirnya jangan kita cuba salahkan sesiapa, sebaliknya kita harus mengambil sikap atau berpendirian yang penuh matang, bahawa dalam dunia ini tidak ada yang mustahil, kerana segala-galanya telah ditentukan oleh Allah Yang Maha Berkuasa, kita sebagai umat-Nya cuma sekadar berusaha. Kita tidak boleh menghalang kehendak ALLAH!

*Ustaz Ashaari percaya akan ramalan S.H Alattas kononnya dia akan jadi PM selepas Dr. Mahathir berhenti. Syabas! Ustaz. Mana la tau. Tuah ayam nampak dikaki.*

# MAZHAB AL-JAHIL, MAZHAB AL-FULUS: ARQAM MAZHAB APA?

Renungan tajam



Nakhaie Haji Ahmad.

CARA Arqam berdiayah untuk memulihkan imejnya menarik, walaupun caranya itu kotor dan palsu. Seperti kaca yang berkilauan dan berwarna-warni, tetapi bukanlah intan. Namun warnanya yang berbagai rupa itu boleh memberikan daya tarikan.

Arqam teruk dipukul kerana Aurad Muhammadiyyah dan kepercayaannya mengenai Imam Mahdi. Kedua-duanya adalah ajaran sesat yang disimpulkan daripada hadisth yang benar yang difahami secara salah.

Untuk menutup dan menangkis pukulan yang bertalu-talu mengenai ajaran itu, Arqam mengalihkan perhatian masyarakat kepada persoalan sunni dan syi'ah.

Cara Arqam berdiayah untuk mengeluarkan dirinya daripada dilema itu menarik, walaupun palsu. Kini Arqam menumpukan perhatian kepada kesesatan syi'ah. Secara pukul borong, ia mengkafirkan semua penganut syi'ah, tidak kira yang ghulu dan tidak.

Ia tahu tidak berapa kerat orang yang menganut syi'ah di negeri ini. Tetapi nampaknya Arqam berbelanja lumaian untuk menerangkan bahaya syi'ah. Tentulah yang dihajati, bukan menghadapi bahaya syi'ah. Tetapi untuk memulihkan kepercayaan masyarakat kepadanya setelah terdedah ajarannya mengenai Iman Mahadi dan Aurad Muhammadiyyah.

Wakil Iran ke Mu'tamar Perpaduan yang diadakan di Pusat Islam baru-baru ini memberitahu saya pengalamannya melawat al-Arqam beberapa tahun dahulu, Mereka menyambut rombongan dari Iran itu dengan bernasyid memuji Imam-imam Syi'ah.

Nasyid, yang menurut Syeikh Ali Taskhiri, tidak pernah didengarnya di Iran. Tetapi alunan suara nasyid itu indah dan lunak.

Kepercayaan Arqam mengenai imam juga hampir dengan kepercayaan Syi'ah. Ahlu al-sunnah mempercayai kedatangan Imam Mahadi sama seperti mazhab Islam yang lain. Tetapi tidak menentukan sipakah Imam Mahadi itu, selain daripada mengenai sifat-sifatnya yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW. Syiah Imamiyyah mepercayai bahawa Imam Mahadi itu ialah Imam mereka yang kedua-belas yang ghaib dan sekarang ini masih di dalam ghaibahnya.

Kepercayaan Arqam adalah lebih hampir kepada mazhab Syi'ah dari segi sahsiah Imam Mahadi itu telah ditentukan orangnya. Yang berbeza ialah Arqam menentukan Syaikh Suhaimi sebagai Imam Mahadi dan syi'ah Imamiyyah menentukan Imamnya yang kedua belas sebagai Imam Mahadi.

Saya tidak tahu mazhab al-Arqam yang sebenarnya. Tetapi jelas sekali bahawa perbelanjaannya yang lumaian untuk menyerang Syi'ah, bukan sangat kerana syi'ah, tetapi kerana hendak menyelamatkan mazhab mereka dari dituduh sesat.

Walauapapun mazhab yang dianuti oleh al-Arqam, buat masa ini cuma dua mazhab sahaja yang harus dielakkan, kerana paling besar fitnahnya. Dua mazhab ini boleh bertukar menjadi apa-apa jenis mazhab sahaja yang tidak terhingga banyaknya.

Dua mazhab yang saya maksudkan itu ialah MAZHAB AL-JAHIL DAN MAZHAB AL-FULUS.

*Sesekali sedap juga baca komentar Ustaz Nakhaei ini..... Ustaz Ashaari balik ke Malaysia la kalau berani sangat. Di sini medan kita untuk berjuang!*

Renungan tajam



Nakhaie Haji Ahmad.

# AQIDAH ARQAM YANG SALAH

**SAYA** terbaca komentar di dalam sebuah akhbar yang berdiri di belakangnya pertubuhan dakwah al-Arqam. Penulis yang memakai nama samaran Haji Li Pat, menyindir pendirian ulama yang dikatakan tidak tahu prioriti perjuangan.

Penulis itu menyatakan ulama tersebut nampak Russia, Amerika dan Eropah sahaja. Tetapi tidak berfungsi menyelamatkan ummah daripada kesesatan aqidah.

Mereka merasakan hanya kezaliman perlu ditentang dan dihapuskan. Kerajaan zalim mesti disingkirkan dan meletakkan perkara di atas sebagai prioriti.

Ada pula pihak yang lain mempertikaikan ulama kerana bercakap tentang aqidah sahaja dan tidak mempedulikan kezaliman di sekeliling yang meyebabkan kerosakan aqidah itu.

Saya teringat PAS dituduh pelampau, termasuk oleh sebahagian orang-orang Arqam, kerana berbicara lantang tentang aqidah dan perkara-perkara yang membatalkan iman bagi mengingatkan masyarakat Islam tentang bahaya penyelewengan aqidah.

Nampaknya, semua yang dibuat oleh para ulama dianggap tidak betul. Tidakkah ini bermakna diayah agen-agen Russia dan Amerika yang hendak memisahkan ummat Islam daripada para ulama, sedang memberikan kesan yang memuaskan mereka?

Adakah Haji Li Pat meletakkan prioriti perjuangan secara tepat apabila akhbarnya mengutamakan perselisihan Syi'ah - Sunni sedangkan tiada orang syi'ah di negara ini dan tiada Ayatullah-Ayatullah yang giat menyibarkan faham tersebut?

Yang ada hanya syi'ah jadi-jadian yang lahir sebagai gejala sementara dari rasa kagum terhadapp kejayaan Revolusi Islam di Iran. Adakah Haji Li Pat telah membuat kajian mengenai perkara ini sehingga dijadikan prioriti di dalam akhbar Haji Li Pat sedangkan budaya Barat dan serangan kebudayaan Amerika, Eropah dan Russia giat dijalankan di negara kita dengan kerjasama penuh daripada orang-orang dalaman, menerusi barbagai-bagai kemudahan untuk mengembangkan pemikiran dan budaya kuffar yang merosakkan aqidah?

Apabila kita berbicara mengenai tentangan terhadap Amerika dan Russia, tidakkah juga bermakna kita menentang aqidah sesat mereka yang sedang mempengaruhi pemikiran dan budaya orang-orang Islam?

Apakah aqidah ummat Islam tidak rosak apabila pemikiran dan budaya Barat itu dianuti oleh ummat Islam di negara ini.

Bahkan apabila kita berbicara tentang kezaliman, tidakkah bermakna kita membicarakan tentang kezaliman ke atas diri sendiri yang di antara lainnya ialah memiliki aqidah yang salah.

Saya berterus terang menyatakan bahawa saya menentang Arqam kerana pada pandangan saya, ia mendokong aqidah yang salah mengenai beberapa perkara yang tergolong di dalam kepercayaan Arqam yang sempat saya meneliti daripada buku-buku dan keset yang disibarkan.

Pegangan Arqam tentang Imam Mahadi, sejauh yang dapat saya teliti, bertentangan dengan Islam, Memansuhkan perjuangan menegakkan daulah Islam, dengan alasan dunia telah akhir zaman dan Islam dalam keadaan dagang, bagi saya adalah bertentangan dengan aqidah Islam yang sebenar.

Aqidah yang disibarkan bahawa kita hanya cukup dengan menanti Imam Mahadi tanpa perlu berjuang mengembalikan kedaulatan Islam di dalam negara, pada pendapat saya adalah bertentangan dengan aqidah Islam.

Penjelasan Arqam mengenai Aurat Muhammadiyyah dan kejadian-kejadian luar biasa yang dialami oleh Syeikh Suhaimi, bukanlah boleh dijadikan pegangan aqidah, kerana ia bukanlah suatu riwayat yang soheh mengenai karamah.

Aqidah Islam yang sebenar mengakui adanya karamah. Tetapi menentukan karamah berlaku kepada seseorang dan membesar-besarkannya, bukanlah aqidah Islam. Membesar-besarkan karamah yang berlaku ke atas diri seseorang solihin, bukanlah dari pekerjaan orang-orang solihin.

Hadisth-hadisth mengenai kedatangan Imam Mahadi tidak memansuhkan hadisth-hadisth sahih yang lain dan tidak memansuhkan al-Quran yang mewajibkan jihad dan perjuangan bagi menegakkan Islam dan kedaulatannya di bumi Allah SWT.

Kejahilan termasuk di dalam lingkungan kezaliman terhadap diri. Kerana itu ia mesti diletakkan di dalam prioriti perjuangan ummah. Yang paling besar melakukan kezaliman, ialah orang jahil yang berlagak ulama yang memberikan fatwa sesat dan menyesatkan.

*Lagi sedap bila Ustaz Nakhaei hentam Arqam. Tapi bukan soal sedap tak sedap. Apa sebenarnya perjuangan Arqam di dunia ini?*




*Keratan mukasurat salah satu buku 'Talqin Untuk UMNO' karya S.H Alattas yang ramalkan Ustaz Ashaari jadi PM*



*Sanusi: Eh... ente tahu Halim, siapa pula Ghafar akan pilih sebagai TPM bila dia jadi PM nanti?*
*Hj. Halim: Siapa lagi, Datuk Srilah...*
*Sanusi: Pandai pun... hampa orang Arqam tolong kempen dekat saya!*



*Sanusi: Awah ingat saya percaya ke Pusat Islam kata Arqam bawa ajaran sesat...? Arqam sokong saya... saya sokong Arqam! Tahun depan ada pemilihan UMNO... Arqam kena tolong saya kempen?*



*Ustaz Ashaari: Pak Habib tolong ajar saya macam mana nak tulis buku politik. Saya nak jadi macam Pak Habib la.*
*S.H Alattas: Ustaz sudahpun jadi macam saya bila Ustaz tulis buku Falsafah Perlaksanaan Hukum Hudud Dalam Masyarakat yang hentam PAS itu*



## Kelantan dapat azimat Nik Aziz

Oleh UM · 8/7/92
MOHD NOOR ISMAIL

MENTERI Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat meminta pemain bola sepak Kelantan supaya tidak lemah semangat dan terus memburu kemenangan pasukan Kelantan dalam baki perlawanan Liga Semi-Pro yang akan dihadapi.

Katanya, sempena Maal Hijrah, pegawai serta pemain pasukan Kelantan diharap mengumpulkan semula kekuatan bagi mengembalikan maruah pasukan itu.

Berucap di majlis meraikan pegawai dan pemain-pemain skuad semi pro Kelantan di kediaman rasminya, Nik Aziz berkata, Islam menganjurkan umatnya supaya tidak mudah putus asa sebaliknya berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai kemenangan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat perkembangan bola sepak Kelantan.

"Saya memanggil pegawai dan pemain-pemain dalam perjumpaan hari ini (semalam) bagi memberi semangat baru dan berjuang untuk pemain-pemain sempena bulan yang mulia ini," katanya.

Nik Aziz tidak mahu adanya politik dalam Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) dan mahukan semua pihak memberi sokongan kepada pasukan itu dengan mengenepikan fahaman politik masing-masing.

Katanya, beliau pernah menasihatkan tokoh-tokoh politik di negeri ini supaya tidak bertanding merebut jawatan presiden yang disandang oleh Dato' Ahmad Rastom.

Katanya, ini bertujuan supaya setiap aktiviti sukan terutama bola sepak bebas daripada politik.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat KAFA, Syed Ahmad Kuning berkata, Kelantan menghadapi masalah kecederaan pemain sejak perlawanan pertama menewaskan Brunei 5-0 di Seri Begawan minggu lalu.

Syed Ahmad berkata, sejak itu pasukan tuan rumah gagal menurunkan kesebelasan utama dan lebih parah lagi apabila penyerang import, Marco Kraljevic digantung perlawanan.

Beliau berkata, dengan kembalinya Marco, Salim Mahmud dan Zahasmi Ismail dalam perlawanan menentang Brunei di Kota Bharu, Jumaat ini, harapan untuk menang lebih cerah.

Apa kepentingan bola sepak pada perjuangan Islam hingga kerajaan PAS Kelantan beriya-iya menyokongnya dan mengaitkannya dengan Maal Hijrah?

*Keratan sindiran Ustaz Ashaari terhadap Tok Guru yang dipetik dari buku Falsafah Perlaksanaan Hukum Hudud Dalam Masyarakat*




Sukakan hiburan adalah fitrah semula jadi manusia. Langkah mengharamkan hiburan berunsur mungkar perlu diikuti dengan langkah memperbanyak hiburan yang benar-benar sesuai dengan Islam. Jangan pula terjadi sebaliknya; yang baik diharamkan, yang mungkar diberi laluan!

*Keratan sindiran Ustaz Ashaari terhadap Tok Guru yang halang Ekspo Dunia Baru Islamnya sedangkan sarkas dan konsert rock dibiarkan. Petikan dari buku Falsafah Perlaksanaan Hukum Hudud Dalam Masyarakat*

# PAS patut timbang sebab Al-Arqam ditubuhkan

**Saudara Pengarang,**

Saya ingin memberi sedikit pandangan berkaitan dengan sebuah artikel yang ditulis oleh saudara Al-Helmi, Datok Keramat. Artikel tersebut yang diberi tajuk 'Siapa tubuh jamaah lain, dia tidak berakhlak Islam' ada disiarkan oleh akhbar ini pada tarikh 5 Ramadhan 1408/22 April 1988.

Tidak silap rasanya kalau saya katakan bahawa antara jamaah yang dimaksudkan oleh beliau ialah Jamaah Darul Arqam. Sebelum itu ingin saya maklumkan bahawa saya bukan ahli jamaah tersebut tetapi saya memang mengikuti sedikit sebanyak perkembangan gerakan harakah tersebut.

Juga, saya ingin mengingatkan bahawa pandangan-pandangan yang saya berikan disini bukanlah pandangan mutlak daripada Ustaz Ashaari Muhammad, pengasas Darul Arqam, tetapi lebih merupakan kesimpulan-kesimpulan yang saya buat sendiri sepanjang mengikuti perkembangan gerakan Darul Arqam.

Pada pandangan saya ada lima sebab utama Al-Arqam diwujudkan oleh Ustaz Ashaari Muhammad setelah beliau bertindak keluar daripada PAS.

Terpulanglah kepada kita semua untuk menilai sendiri wajar atau tidaknya tindakan beliau dan seterusnya membuat kesimpulan adakah Darul Arqam masih 'berakhlak Islam.'

Pertamanya, Ustaz Ashaari berpendapat bahawa jamaah Islam tidak boleh terlibat untuk menjayakan sebarang bentuk sistem yang tidak Islamik seperti sistem demokrasi yang ada di negara kita sekarang, sosialis, komunis



Jamaah Darul Arqam



Sheikhul Arqam

libat untuk menjayakannya dengan menempatkan diri kita sebagai 'parti pembangkang.' Adalah suatu hakikat bahawa demokrasi tidak akan berjaya tanpa parti yang membangkang.

Keduanya, Ustaz Ashaari berpendapat bahawa perjuangan yang menuntut kuasa pemerintahan dahulu adalah bertentangan dengan sirah perjuangan Rasulullah yang telah menolak tampuk pemerintahan yang ditawarkan kepada baginda.

Kita mungkin tidak mengetahui dengan sepenuhnya hikmah disebalik penolakan tersebut, tetapi terbukti bahawa Rasulullah telah berjaya juga menegak dan mendaulatkan Islam akhirnya.

Kerana adalah menjadi satu Sunnah untuk mengikuti contoh perjuangan Rasulullah maka Ustaz Ashaari berpendirian bahawa perjuangan yang menuntut kuasa pemerintahan terlebih dahulu baru hendak ditegakkan perkara-perkara yang lain adalah tidak mengikut sirah perjuangan Rasulullah dan tidak akan membuahkan kejayaan sepenuhnya.

Islam, pembangunan generasi baru Islam dan seumpamanya, sedangkan semua ini adalah perkara-perkara yang pokok ke arah menegakkan sebuah negara Islam.

Hal ini menjadi lebih utama lagi apabila pembangunan hal-hal seperti yang saya sebutkan diatas sebenarnya sudah boleh dilaksanakan sekarang tanpa perlu menunggu tampuk pemerintahan berada di tangan kita.

Tegasnya, beliau tidak setuju dengan prinsip 'apabila kita telah menguasai pemerintahan segala-galanya boleh dibuat' tetapi sebaliknya beliau berpendirian bahawa 'hendak kita membangunkan Islam mengikut segala keupayaan yang dimiliki disamping berusaha terus untuk membangunkannya dalam bidang yang belum termampu'.

Keempatnya, Ustaz Ashaari berpendirian bahawa asas-asas untuk pembentukan sebuah negara Islam seprti ekonominya, sosialnya, pelajarannya, politiknya dan lain-lain perlu dibentuk terlebih dahulu sebelum menguasai tampuk pemerintahan.

Dalam keadaan sekarang, dimana ummat Islam(?) hanya menguasai pemerintahan, usaha untuk menegakkan Islam secara syumul adalah mustahil kerana orang-orang Islam tidak akan mampu menghadapi tekanan daripada orang-orang kafir nantinya.

Mungkin kita boleh me-

akan sanggup kalau kita memiliki iman yang kukuh. Maka adalah menjadi tugas kita yang paling utama buat masa ini untuk membina iman yang kukuh terlebih dahulu disamping MESTI berdikari dalam soal-soal ekonomi, pelajaran, sosial dan lain-lain.

Kelimanya, Ustaz Ashaari berpendapat bahawa adalah di luar kemampuan beliau untuk mengubah haluan PAS yang dianggapnya kurang betul dari segi yang telah saya sebutkan di atas, kepada corak perjuangan kini.

Sebagai contoh, saya berani mengatakan bahawa Ustaz Ashaari akan gagal dan akhirnya tersingkir juga dari PAS jika dia bercita-cita dan berusaha untuk menarik PAS daripada menyertai pilihanraya di atas sebab-sebab yang telah saya nyatakan.

Maka saya setuju bahawa tidak ada jalan yang lebih baik bagi beliau melainkan mambangunkan sebuah jamaahnya sendiri, ataupun PAS akan mengalami perpecahan dari dalam.

Bukanlah tujuan saya untuk mengatakan harakah itu lebih baik daripada harakah itu, tetapi apa yang saya harapkan ialah agar tiap-tiap pihak mengakui peranan dan sumbangan pihak-pihak yang lain kearah mengembang dan mendaulatkan Islam di bumi kita ini. Usaha pihak-pihak yang lain janganlah dinafikan malah kita mestilah mewujudkan kerjasama yang erat sesama kita.

Kerana itu saya amat mengalu-alukan usaha pihak PAS untuk menubuhkan Barisan Islam. Tetapi saya merasa kesal apabila dalam masa yang sama Ustaz Haji Abdul Hadi mengecap harakah yang selain daripada PAS tidak berakhlak Islam.

*Seorang pengikut Arqam, Mansoor H, mempertahankan Arqam dan mengajak orang lain sertai Arqam*

# JANGAN JADI SEPERTI LEMBU DICUCUK HIDUNG

**Saudara Pengarang,**

Saya ingin membuat sedikit penjelasan kepada Saudara Mansoor UTM Johor, dalam artikelnya berjodol "PAS Patut Timbang Sebab Al-Arqam Ditubuhkan" yang tersiar di dalam Harakah pada 5 Ogos yang lalu.

Dalam muqadimah saudara, saudara telah menjelaskan yang saudara bukan ahli jamaah al-Arqam. Hujjah saudara ialah hujjah mempertahankan Darul al-Arqam.

Pemikiran saudara ialah pemikiran Darul al-Arqam. Kesimpulannya segala isi cerita yang saudara bawa bersama membayangkan taksub saudara kepada Darul al-Arqam.

Maka dengan sendiri saudara ialah Ahli Darul al-Arqam yang tak berdaftar. Oleh kerana itu tak payahlah saudara katakan yang saudara bukan ahli Arqam. Saya percaya Ustaz Ashaari dah senyum dengan cerita saudara itu.

Sebagai menghujjah kembali isi artikel itu saya berharap saudara merenung isi surat saya ini pula. Oleh kerana artikel yang saudara tulis tidak disokong oleh dalil-dalil naqliah hanya aqliah saja maka saya hanya akan membawa fikiran saudara kepada dalil-dalil aqliah walaupun kadang-kadang dalil aqliah tak boleh dipakai tapi saya percaya saudara tak mampu mengorek dalil-dalil dari al-Quran.

Hujjah saya terhadap

Jika beliau berkata "benar demokrasi berpalimen itu tidak Islamik" saudara akan tahulah apa maksud saya. Kalau yang berhormat kata itu Islamik maka PAS juga kata syara' menuntut jamaah Islam berpilihanraya kerana inilah satu-satu hak yang diberi untuk mengembalikan pemerintahan Islam di negara ini.

## TUNTUTAN

Oleh kerana itu PAS tetap berpendirian bahawa pilihanraya dan seterusnya pemerintah negara secara Islam adalah menjadi satu tuntutan syara' kerana ini sajalah kelonggaran yang diberi kepada kita dalam menegakkan sebuah negara Islam.

Hujjah kedua saya: Dalam sirah Rasulullah pernah Rasulullah ditawarkan menjadi raja di kota Makkah, sebagai pemerintah ketika itu. Tetapi Rasulullah menolak.

Beliau menolak perlantikan itu bukanlah berdasarkan kepada kesimpulan "Bahawa Islam itu tidak boleh ditegakkan melalui konsep pemerintahan" sepertimana yang saudara dan Darul al-Arqam perjuangkan selama ini.

Rasulullah bertindak demikian ialah kerana, kalau pun ia menerima jawatan tersebut beliau tidak mempunyai pengikut. Kuasa jamaah tidak ada, ini dengan sendirinya Islam akan terkubur. Beliau tidak mahu ini berlaku. Demikianlah sifat Fathonah yang dimiliki

Hujjah ketiga saya: Jika Ustaz Ashaari merasakan adalah satu kesilapan jika harakah hanya mementingkan 'kekuasaan politik' parti politik ini bukan memperjuangkan Islam.

Jika saudara menyindir PAS dalam hal ini janganlah ingat Arqam dan berserban dan berjubah hijau itu keimanan telah kukuh. Arqam boleh buat itu dan ini, berniaga kicap, berniaga tomato, jual majalah Arqam jalan kaki berbatu-batu, naik motosikal tasbih tak lekang di tangan, apa inikah keimanan yang dipraktikkan oleh Arqam?

## WANITA

Wanita-wanita Arqam tidak boleh tunjuk muka pada orang yang bukan muhrimnya, tapi lelaki Arqam boleh tengok muka wanita siapa saja, walaupun bukan muhrimnya.

Adakah sahwat jahat itu hanya ada pada wanita sahaja tidak pada kaum lelaki? Demikianlah seperti yang kita tahu bahawa aurat seseorang wanita itu ialah seluruh badan/anggotanya kecuali muka dan kedua tapak tangan, walau bagaimanapun bukanlah niat saya memperkatakan menutup muka itu tidak baik tetapi bila kita mengiktiraf yang jamaah Arqam telah ... keimanan

Hujjah saya yang keempat: Jika Ustaz Ashaari berpendirian bahawa asas-asas pembentukan sebuah negara Islam seperti ekonominya, sosialnya, pelajarannya, dan politiknya mestilah dibentuk terlebih dahulu sebelum manguasai tampuk pemerintahan sesuatu negara itu pandangan ini adalah saumpama mimpi di siang hari.

Jika ini mahu dibentuk tempat yang layak hanyalah negeri Darul Arqam di Sungai Penchala sahaja. Bagaimana ini dapat dibuat sedangkan Arqam takut mencabar pemerintahan yang ada sekarang?

Arqam hanya boleh berteori sahaja tapi dalam pada itu ia telah subahah dengan apa yang dia sendiri tentang. Kalau ingat dalam Islam ada politik mengapa tak daftarkan sahaja Arqam sebagai satu jamaah politik? Pergerakan dalam bidang ekonomi, sosial ataupun pelajaran tak menjadi soal asalkan selagi Arqam bergerak tidak menjejaskan politik negara kerajaan tak akan mengambil tindakan.

Mujahiddeen Afghanistan yang gugur syahid dan pejuang-pejuang Palestin disiksa oleh kaum Yahudi. Inilah pejuang-pejuang Islam yang inginkan Islam yang tidak mengunci diri mereka di rumah atau di kampung kampung yang terpencil.

Saya berharap saudara dapat memahami hakikat ini. Kenyataan Ustaz Haji Abdul Hadi itu haruslah saudara teliti semula. Mengujudkan Jamaah adalah dituntut dalam Islam. Bila ... telah wujud ianya

*Seorang pengikut PAS, Mohd Fahmi Abdul Wahab, menyanggah pendapat Mansoor H dan menyifatkan pengikut Arqam macam 'lembu yang ditarik hidungnya'*

# AL ARQAM DISERU LIBATKAN POLITIK

Kuala Lumpur: Kumpulan Al Arqan dan Tabligh di negara ini diseru agar peka dan mengambil kira perkembangan politik semasa yang berlaku dalam masyarakat negara ini.

Walaupun kumpulan-kumpulan ini mempunyai falsafah mereka tersendiri, tetapi janganlah disebabkan oleh falsafah itu, perkembangan politik langsung dipisahkan dari kehidupan seharian.

Perkara ini telah dingatkan oleh Naib Yang DiPertua Persatuan Ulamak Malaysia (PUM), Ustaz Hassan Salleh dalam pertemuannya dengan wakil Harakah dekat sini.

Katanya, adalah wajar bagi umat Islam menyokong perjuangan Islam terutama dalam usaha untuk mengembalikan kekuasaan politik Islam dalam sesebuah negara.

Perkara ini, katanya, telah disebut dalam Al Quran yang bermaksud hendaklah kamu memerintah negara dengan hukum yang diturunkan oleh Allah.

Dari penjelasan ini, jelas membuktikan bahawa semua golomgan umat Islam mesti melibatkan diri dengan politik dan tidak mengabaikan hak-hak mengundi yang diberikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Oleh kerana kuasa itu amat penting bagi menjamin terlaksananya perundangan Islam dalam sebuah negara maka kumpulan Al Arqan dan Tabligh seharusnya bertanggungjawab menggunakan hak-hak mengundi untuk mempastikan negara Islam dapat ditegakkan di negara ini.

Beliau mengingatkan lagi tentang bagaimana kumpulan-kumpulan Islam tertentu di Pakistan yang memulaukan pilihanraya umum Pakistan tidak lama dulu.

Akibatnya, pucuk pimpinan negara dikuasai oleh wanita yang jelas ditolak oleh Islam bagi menjadi ketua negara.

"Apakah keadaan ini yang dikehendaki oleh mereka," tanya Ustaz Hassan.

Seterusnya beliau menyarankan agar ahli-ahli



Ustaz Hassan Salleh

kumpulan ini berfikir secara Islam dan mendaftarkan diri sebagai pengundi bagi melaksanakan tanggungjawab terhadap Islam.

Katanya lagi, pilihanraya hanyalah alat untuk menyampaikan perjuangan Islam selagi ianya membenarkan suara Islam diketengahkan.

*Ustaz Haji Hassan Salleh kejutkan Arqam dan Tabligh dari 'tidur nyenyak' dengan duniarnya sendiri hingga melupakan politik. Apakah Arqam nak jadi macam Bosnia?*

# BAB 13

# ISLAM GERUNKAN BARAT DAN SEKUTUNYA

SEORANG ahli akademik Barat yang membuat pengkhusus an terhadap Islam dan Gerakan Islam, **DANIEL PIPES** mengemukakan nasihat berikut kepada pemerintah-pemerintah Barat:

Peristiwa-peristiwa di tahun-tahun sejak kebelakangan ini telah menunjukkan dengan nyata perancangan yang luar biasa terhadap Islam dalam politik dunia. Ketika mana orang-orang Islam Fundemantalis mengambil kuasa dan mencapai kepentingan **'INTERNATIONAL'** di negara-negara seperti Pakistan iaitu ketika Allahyarham Zia ul-Haq memerintah, dan di Iran, pemahaman terhadap Islam adalah perlu untuk mentafsirkan matlamat dan ideologi mereka. Islam juga memberi arah tuju kepada pemerintah-pemerintah di Arab Saudi dan Libya, mempengaruhi politik pilihanraya di negara-negara demokrasi seperti Turki, India, Malaysia dan Indonesia serta memberikan cabaran penting kepada rejim-rejim komunis di Yogoslavia dan Afghanistan.

Islam telah menyebabkan berlakunya ketegangan di Negeria, Sudan, Mesir, Syiria, Iraq dan Burma. Ia juga memperjelaskan pemberontakan-pemberontakan terhadap peme-rintah pusat di Chad, Ethiopia, Cyprus, Lubnan, Thailand dan Filipina. Ia menyemarakkan konflik antarabangsa diantara Turki dan Yunani, Arab dan Israel, Pakistan dan India dan Somalia dengan Ethiopia. Maka adalah dipandang semakin perlu untuk memahami kesan politik Islam. Cadangan-cadangan bagi menyelesaikan konflik Arab-Israel hendaklah dipertimbangkan tentang keprihatinan khusus Islam terhadap pengawalan sesuatu wilayah. Perunding-perunding Amerika dan Soviet yang mencari pangkalan-pangkalan tentera di Timur Tengah hendaklah mengambil kira perasaan umat Islam terhadap kehadiran tentera-tentera bukan Islam. Ahli-ahli Startegi NATO [*Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara*] mesti sentiasa mengambil berat tentang sentimen Islam di kalangan penduduk Turki untuk mengira kekuatan NATO di bahagian selatan.

Ketika orang-orang Islam di Soviet Union bertambah dari segi bilangan dan mula muncul dari pengasingan, maka dorongan mereka untuk memerintah sendiri akan membentuk aspirasi mereka: Dan besar kemungkinan, mereka akan menggunakan institusi-institusi agama untuk menga tur tindakan menentang pemerintah dan mereka akan menerima sokongan orang-orang Islam dari luar. Malah kepentingan perniagaan juga perlu mengambil kira tentang Islam, kerana banyak negara-negara pengeksport minyak mungkin melayani perasaan tidak puas hati orang-orang Islam terhadap Barat, yang akan menjejaskan pasaran minyak dunia pada masa akan datang.

Menurut **DANIEL PIPES** dalam buku **'IN THE PATH OF GOD'** [Di Jalan Allah]; Pihak Barat sehingga kini kurang

mengkaji secara serius terhadap Islam. Katanya, ini bukanlah disebabkan masalah Islam ini terlalu kompleks tetapi adalah lebih kerana sikap Barat itu yang sentiasa memusuhi Islam akibat pengaruh sejarah serta kecenderungan mereka untuk tidak mengiktiraf peranan agama dalam politik. **DANIEL PIPES** telah menasihatkan pihak Barat supaya mulai saat ini mengkaji Islam secara serius demi keselamatan pihak Barat sendiri.

Beliau mengingatkan Barat, bahawa umat Islam bukan sahaja menguasai minyak dunia tetapi negara-negara yang didiami oleh umat Islam sekarang ini adalah merupakan negara yang strategik. **DANIEL PIPES** adalah diantara ahli akademik Barat yang kerjanya adalah untuk mengawasi **'DUNIA ISLAM'** dan kemuadian memberi nasihat kepada pihak Barat bagaimana untuk menghadapinya. Seorang lagi tokoh penganalisa **'DUNIA ISLAM'** ialah **ROBIN WRINGHT** Kedua-dua tokoh akademik Barat ini adalah antara orang-orang yang akan berusaha melindungi Barat dari sebarang tanda-tanda umat Islam. Mereka yang memahami tentang potensi kuasa Islam ini sudah bersedia untuk menghadapi Islam menjelang abad 21 nanti.

Lebih-lebih lagi apabila baru-baru ini, perangkaan terbaru yang disediakan oleh Yayasan Kependudukan Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukan penduduk dunia akan melebihi lima bilion [ribu juta] orang. Planet bumi ini pula akan di diami seramai 6 bilion, 147 juta orang pada tahun 2000. Menurut perangkaan yang sama, dalam tahun 2000, penduduk Islam akan mencapai angka satu bilion, 500 juta orang iaitu kira-kira seperempat dari penduduk dunia. Bagaimana dari segi negara, penduduk China adalah yang paling ramai hingga mencapai angka dua bilion. Pihak berkuasa Kristian telah mengambil perhatian tentang

gejala ini apabila Gareja Khatolik di Rom telah menyiarkan dalam salah satu majalah mereka tentang ang ka kadar pertumbuhan penduduk bagi berbagai negara untuk jangka masa 50 tahun akan datang iaitu meliputi tahun 2000.

Mengikut peratusan angka-angka tersebut adalah seperti berikut; Kristian 47 %, Yahudi 4 %, Buddha 63 %, Hindu 117 %, Shinto 152 % dan **ISLAM 235 %**. Menurut majalah **THE ECHO OF ISLAM** [Gema Islam] yang diterbitkan oleh Yayasan Pemikiran Islam Iran menyatakan bahawa pakar-pakar Barat telah menunjukkan perhatian terhadap angka-angka tersebut kerana ianya membahaya Barat. Terdapat empat sebab mengapa mereka berkata begitu:

**Pertama** : Implikasi daripada penduduk yang ramai akan mempengaruhi percaturan politik dunia.

**Kedua** : Kebangkitan berbagai jenis gerakan Islam di negara-negara umat Islam di seluruh dunia.

**Ketiga** : Peningkatan yang menyeluruh terhadap kesedaran mengamalkan ajaran agama Islam.

**Keempat**: Sifat toleransi kerjaanterhadap tuntutan keagamaan dari orang-orang Islam sama ada minorotin majoriti.

Pada tahun 1986, dalam suatu ucapan **JONH POPE PAUL,** seorang **PADERI AGUNG** Kristian di Eropah, telah mengistiharkan bahawa, dunia Kristian memerlukan **USAHA FIZIKAL DAN MENTAL** yang lebih bagi menghadapi bahaya penyebaran Islam. Manakala perkembangan Islam di Eropah amat menggalakkan ketika ini. Menurut seorang ahli Sosiologi Perancis, para pemuda Perancis yang secara tradisinya mem-

punyai sifat revolusioner kini... kehausan ideologi setelah mereka kecewa dengan ajaran agama Kristian dan ideologi sosialisme. Ada diantara mereka yang tertarik dengan ideologi Fasis dan tidak kurang juga yang menganut ajaran Islam. Di Perancis kini terdapat kira-kira empat juta umat Islam. Jerman pula adalah sebuah lagi negara yang pesat pertumbuhan Islam. Boleh dikatakan kedua-dua negara ini menjadi tapak yang paling subur untuk Islam bangun dan menyatakan yang hak.

Menurut sumber-sumber maklumat Islam, keadaan yang berlaku di Eropah itu telah diambil perhatian berat oleh **POPE**. Apabila tercetusnya isu buku **THE STANIC VERSES** yang ditulis oleh **SALMAN RUSHDIE**, ramai kalangan pemimpin gerakan Islam berpendapat bahawa buku itu sengaja diterbitkan oleh pihak Barat sebagai satu rangka menyekat perkembangan Islam di Eropah. Menurut majalah **THE OCHO OF ISLAM,** hakikat ini telah menyebabkan pakar-pakar politik Barat merangka suatu rancangan politik baru bagi menghadapi Islam. Berbagai pendapat telah diadakan dan perbincangan telah diperhebatkan untuk menggubal rancangan mereka itu.

Ada di kalangan mereka berpendapat bahawa gejala baru ini hanya menguntungkan pihak Barat untuk menentang Komunisme. **BREZYNSKI** iaitu seorang Penasihat Keselamatan di Rumah Puteh semasa zaman Presiden Carter, telah berpendapat demikian. Manakala **DANIEL PIPES** dalam majalah **FOREIGN ISSUES** [Isu-Isu Luar Negeri] telah menggariskan dasar pihak Barat terhadap gerakan Islam. Menurutnya, pihak Barat harus memberi bantuan kepada gerakan Islam yang menentang kerajaan Komunis apabila gerakan Islam itu memenuhi dua syarat berikut secara serentak iaitu:

**Pertama:** Sesebuah kerajaan Komunis yang di tentang oleh gerakan Islam tempatan hendaklah yang benar-benar menyusahkan Amerika Syarikat hingga perlu ia ditumbangkan.

**Kedua:** Gerakan Islam berkenaan hendaklah merupakan satu-satunya pembangkang anti-komunis yang ada.

Tetapi jika syarat-syarat itu tidak ada, memberi bantuan kepada gerakan Islam hanya akan memberikan akibat yang paling bahaya bagi kepentingan Barat. Pandangan ini menunjukkan betapa pihak Barat ingin menggunakan gerakan Islam untuk menentang komunis. Majalah THE ECHO OF ISLAM menyatakan bahawa terdapat lain-lain rancangan pihak ahli strategi Barat berhubung dengan soal bangimana hendak menghadapi Islam. Di antara pandangan-pandangan itu terdapat yang bercorak **KONFRANTASI** di mana mereka menyarankan supaya pihak Barat dan pihak Islam seharusnya tidak mempunyai sebarang hubungan. Bagaimanapun, umumnya mereka masih belum lagi mencapai sebarang persetujuan bersama dalam soal ini. Dalam pemikiran mereka soalan yang masih kekal ialah: Apakah yang harus dilakukan dengan kuasa baru politik ini?

Menurut buku **'ENCOUNTERS OF THE FUTURE: FORECAST OF LIFE INTO THE 21ST CENTURY'** [Menghadapi Masa Depan: Meninjau Kehidupan Dalam Abad 21] yang ditulis oleh **MARVIN CETRON** dan **THOMAS O'TOOLE**, di bawah tajuk **'Agama-Agama Masa Depan'** telah menceritakan tentang arus kebangkitan Islam di bawah tajuk kecil **'SATU BILION MUSLIM'**. Buku ini ditulis oleh mereka untuk tatapan dan renungan masyarakat Barat. Menurutnya, agama yang paling cepat berkembang di dunia ialah agama Islam.

Tarikan konservatifnya kepada nilai-nilai purba telah dibiayai oleh negara-negara Timur Tengah yang kaya dengan minyak. Kini terdapat 450 juta lelaki dan wanita dari setiap bangsa dan setiap benua yang memanggil dirinya sebagai Muslim serta menjadi pengikut nabi. Islam adalah kepercayaan yang dominan di suatu bahagian besar muka bumi yang merentangi Maghribi di barat hingga ke Pakistan serta menyeberangi India ke Malaysia dan Indonesia di Timur. Islam menggandakan dirinya bagi setiap 25 tahun di Afrika. Bilangan Muslim yang menunaikan haji meningkat ke angka 100,000 pada setiap tahun. Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan perubahan itu akan berkurangan. Melihat keadaan tersebarnya ajaran islam itu, serta pertambahan penduduk Islam, maka Islam akan mempunyai 1 bilion penganut menjelang tahun 2000 akan datang.

Mengapa dalam zaman kesangsian rohani, Islam dapat hidup dengan segar? Mengapakah dalam zaman kekeliruan agama, Islam dapat hidup dengan kesedaran yang mengejut? Sebahagian dari sebab-sebabnya ialah Islam dapat berkembang pesat seperti mana kepercayaan-kepercayaan Kultus dan Marmon dapat berkembang. Islam adalah **AGAMA FUNDEMANTALIS** [mempunyai prinsip-prinsip asas], ia mengajarkan prinsip-prinsip asas dan memerlukan dua pengakuan iaitu **'TIADA TUHAN MELAINKAN ALLAH, MUHAMMAD ADALAH PESURUH-NYA'.**

Manakala agama Kristian mempunyai 14 pengakuan. Islam juga telah memberikan jawapan-jawapan yang tidak dapat diragukan dan tidak bercanggah antara satu sama lain. Dokrin-doktrin ahklaqnya adalah tegas dan jelas. Tidak jauh beza dengan kepercayaan **QUAKER.** Tarikan kesejagatannya melampaui

batas-batas bangsa, kaum dan kasta. Itu adalah satu lagi sebab baginya untuk cepat tersebar di tempat-tempat seperti di Afrika hitam dan di kalangan kulit hitam Amerika. Tetapi anehnya, Islam merupakan agama yang paling serupa dengan ajaran Kristian dan Yahudi. Dan dua agama inilah yang pernah berperang dengan Islam. Mendiang **PROF. PHILIP HITTI** yang pernah mengetuai Program Kesusasteraan Semitik [bangsa Arab dan Yahudi] di Universiti Princeton, Amerika Syarikat, telah memberitahu Barat bahawa **KETERASINGAN** Islam dari dunia Yahudi-Nasrani adalah lebih kerana sebab-sebab ekonomi dan politik dari sebab-sebab ideologi.

Dari suatu sudut, kata Hitti, agama Yahudi adalah intisari dari Testamen Lama iaitu Bibel-Taurat [?], manakala agama Kristian adalah intisari kepada Testamen Baru iaitu Bibel-Injil [?] dan Islam adalah dari Testamen Ketiga iaitu al-Quran. Sekiranya Testamen Baru dibaca seperti kisah hidup al-Masehi, kata Hitti, Testamen Ketiga ini pula adalah seperti kisah hidup Nabi Muhamad SAW. Orang cenderung untuk menganggap bahawa Islam sebagai kebudayaan Arab yang Hitti sebut sebagai anggapan yang tidak betul. Hitti menambah, kecuali bahasa Arab yang mana ia disebarkan, sumbang-an orang-orang Arab hampir tiada. Katanya lagi, Islam adalah gabungan daripada anasir-anasir dari Semitik Purba, Yunani Klasik dan India Parsi zaman pertengahan.

Satu sebab yang mana orang-orang Arab sukar untuk memahami dan menerima Islam ialah sifatnya yang sen tiasa **MENGANCAM** dan **MENCABAR BARAT.** Kristian tidak mengancam Barat kerana Kristian adalah sebahagian dari Barat. Yahudi adalah terlalu kecil dan terlalu perkauman untuk membe-

rikan sebarang cabaran kepada Barat. Mana kala agama Hindu dan Buddha tidak mencabar Barat kerana mereka adalah seperti berada di awang-awangan. Hanya Islam yang menjadi ancaman kerana ia terus mengancam Barat dari segi ekonomi sejak 20 tahun yang lalu, mengan cam Barat dari segi politik sejak 180 tahun yang lalu, mengancam Barat dari segi ketenteraan sejak 1500 tahun yang lalu.

Islam kini bertembung lagi dengan Barat. Hal ini dibimbangi oleh **MARVIN** dan **THOMAS**. Katanya di Iran, umat Islamnya memanggil Amerika sebagai **SYAITAN** kerana Amerika menyokong Shah Iran. Islam terus men cabar Barat di lain-lain Dunia Islam kerana Amerika menyokong Israel. Ingatlah kembali peristiwa orang-orang tebusan Amerika di Iran. Tidak ada Sami Hindu, tidak ada Dalai Lama Buddha Tibet dan tidak ada rabbi iaitu paderi Yahudi yang mengancam Barat seperti yang dilakukan oleh mullah iaitu ulama Iran dan AyutolLahnya. Satu lagi sebab mengapa Islam tidak dapat difahamai menurut kaca mata Barat ialah ia mengandungi amalan-amalan dan prinsip-prinsip yang Barat merasakan ianya sudah ketinggalan zaman. Hukuman seperti sebab, rejam, potong tangan dan hukuman mati yang dikenakan kerana melanggar undang-undang Islam adalah suatu yang amat sukar untuk diterima oleh fikiran Barat. Mengapakah wanita Muslim mesti memakai hijab? Mengapakah mesti wanita Muslim berjalan di bekalang lelaki Muslim? Mengapakah orang-orang Muslim tidak seperti Barat?

Terdapat banyak sebab mengapa Barat terlalu sukar untuk menerima Islam. Di dunia Islam, tidak ada pemisahan antara agama dan politik. Negara itu merangkumi agama. Bagi islam,

Tuhan adalah pemerintahan dan pemerintahan adalah Tuhan. Tidak ada perbezaan di antara agama dan pemerintahan. Kecamana terhadap Islam dianggap sebagai menentang negara dan masyarakat. Kecamana terhadap masyarakat adalah kecaman terhadap kepercayaan agama. Ia bukan sekadar kecaman tetapi menjadi suatu pengkhianatan. Atas sebab ini sahaja, tidak ada penyesuaian yang mudah diantara Barat dengan sebahagian besar dunia Islam. Cabaran Islam terhadap barat akan berterusan selagi kekayaan minyak Islam membiayai penyebarannya, iaitu kira-kira 15 tahun lagi.

Sementara itu di pihak Islam pula, pemikir Islam kini, Sdr. **ZIAUDDIN SARDAR** telah membuat saranan-saranan mengenai masa depan Islam. Ziauddin Sardar adalah seorang Perunding di Institut Penyelidikan Haji di Jeddah telah mempelopori kajian masa depan untuk tamaddun dan Dunia Islam. Untuk itu belau telah menghasilkan dua karya besar mengenai masa depan Muslim aiaitu **'TEH FUTURE OF MUSLIM CIVILISATOIN'** [Masa Depan Tamaddun Islam] dan **'INFORMATION AND TEH MUSLIM WORD: A STRATEGY FOR TEH TWENTY-FIRST CENTURY'** [Maklumat Dan Dunia Islam Suatu Startegi Bagi Abad Ke 21].

Menurutnya, masa depan Islam, jika hendak mencerminkan intipati Islam maka haruslah kita menandakan keterpisahan dari masa lampau yang paling dekat dan juga di masa kini. Perlunya suatu permulaan baru yang sangat mendesak untuk membangunkan kembali tamaddun umat Islam dan ianya menjadi penting hingga orang-orang yang ikut serta dalam pembahasan dan perancangan harus memiliki ga gasan yang jelas tentang apa yang mereka inginkan. Semuanya sudah jelas

tetapi ianya cukup memeranjatkan kalau kita lihat bahawa sebahagian besar umat Islam ter utama dari kalangan mereka yang terlibat dengan gerakan-gerakan Islam telah mengabaikan sesuatu yang menurut pandangan para ahli binaan adalah suatu yang jelas. mereka tahu bahawa mereka ingin mencapai sesuatu tetapi tidak pasti apa yang mereka ingin capai. Mereka tahu bahawa mereka harus pergi ke sesuatu tempat tetapi tidak tahu ke mana arahnya. Ziauddin Sardar telah menggariskan empat tujuan dasar iaitu:

**Pertama:** Kesedaran orang-orang islam bahawa mereka merupakan sebahagian daripada seluruh umat harus ditingkatkan jauh lebih tinggi lagi sehingga kesetiaan yang sempit atau yang lebih rendah tinbgkatnya dapat dikurangkan dan akhirnya terhapus.

**Kedua:** Suatu tanggungjawab dalam tingkat yang lebih tinggi harus diminta dari individu dan masyarakat yang ada hubungannya dengan nilai-nilai budaya dan tamaddun Islam serta hubungannya dengan pengurangan tamaddun penga ruh asing terutama tamaddun Barat.

**Ketiga:** Oleh kerana penetapan cita-cita pada hakikatnya merupakan masalah politik, maka kesedaran politik rakyat Muslim harus ditingkatkan sebegitu rupa sehingga ketegangan-ketegangan dan pertentangan-pertentangan politik dari berbagai kumpulan masyarakat Msulim menjadi jelas. Kita harus berusaha melaksanakan muhasabah pada pe reingkat yang memungkinkan kritik dan penelitian cermat atas aktiviti-aktiviti para pemimpin dan pembuat keputusan menjadi cukup dominan serta maklumbalas positif men jadi suatu yang automatis.

**Kempat:** Suatu perkiraan mengenai situasi pengetahuan dan potensi perkembangan sangat diperlukan untuk merumuskan cita-cita jangka panjang yang realistik bagi setiap aktiviti. Dengan itu, individu dan masyarakat Muslim mensti mendapat jaminan bahawa mereka berhak mendapatkan maklumat yang mempunyai hubungan dengan perumusan cita cita tertentu. Jadi, keperluan terhadap maklumat itu terus menerus ada. Kerana itu, kita harus mengembangkan saluran dua-hala bagi maklumat dan komunikasi antara individu dan masyarakat serta para pemimpin politik, para pembuat keputusan dan para pegawai awam.

Menurut Ziauddin lagi, startegi maklumat dunia Islam harus mempertimbangkan keperluan untuk melindungi diri dari ransangan luar yang terlalu banyak; maklumat yang terlalu banyak bergantung kepada sumber-sumber bukan Islam. Pada masa ini, terdapat terlalu banyak maklumat tetapi serentak dengan itu kelihatan kita ketandusan maklumat.

Ini kerana maklumat yang tidak begitu sesuai dengan keperluan umat Islam sememangnya melimpah-limpah sementara maklumat yang benar-benar diperlukan hampir tidak ada. Katanya lagi, kurangnya maklumat bermutu ini adalah adalah disebabkan tertekannya bakat ilmiah serta bakat penulisan di samping ketiadaan industri penerbitan tempatan yang kukuh. Selain itru juga, keadaan persekitaran moral yang mundur di kalangan umat Islam juga menyumbangkan kepada ketandusan maklumat yang bermutu.

Kembali ke pada soal masa depan umat Islam, Ziauddin menyatakan bahawa ciri terpenting masalah-masalah masa depan umat Islam ialah sifatnya yang sistematik. Dia mengingat-

kan bahawa realisasi kesempurnaan Islam memerlukan usaha menuju keselarasan yang terus menerus. Untuk mengem bangkan keperibadian seorang mukmin, seorang manusia sempurna, ia memerlukan perjuangan ynag tidak berkesudahan. Tiap langkah di hadapan memerlukan penyesuaian kembali, dan masalah-masalah baru harus ditangani dari masa ke semasa, sebab dengan cara inilah kita dapat mencapai kesempurnaan Islam dan mewujudkan deminsi-deminsi yang benar.

AyutolLah Khomeini dalam bukunya yang bertajuk **'HUKUMATI ISLAMI'** [Kerajaan Islam] mengsyorkan agar sekumpulan manusia berhimpun, berbincang dan membuat keputusan serta menyebarkan matlamat mereka. Sedikit demi sedikit bilangan orang yang berfikiran Islam akan bertambah hingga akhirnya mereka kuat dan mampu mempengaruhi kerajaan mereka atau berdepan dengan kerajaan serta merobahnya. Cara ini bermula tanpa memiliki senjata dan kekuatan tentera. Mereka sentiasa menghebahkan matlamat mereka secara perlahan-lahan dan bidang kegiatan diperluaskan dan akan tersebar serta meliputi semua kumpulan masyarakat. Rakyat kemudiannya akan sedar dan insaf.

Mereka menjadi aktif dan akhirnya bersetuju untuk mencapai matlamat tadi. AyatulLah Khomeini menegaskan lagi, tugas kita tentunya untuk mendidik rakyat bila matlamat berjaya ditegakkan. Pendidikan yang paling penting ialah dari aspek politik, ekonomi dan perunbdangan Islam. Ia bertujuan untuk menegakkan negara Islam tulen. Kita mesti berdakwah kepada rakyat dan melahirkan gelombang kesedaran intelektual yang akan muncul di tengah-tengah masyarakat. Dengan demikian, dakwah dan tarbiyyah merupakan dua ak tiviti penting dan asas.

Aadalah menjadi tugas kepada para fuqaha untuk menjelaskan dan mengajar orang ramai tentang agama dan institusi-institusi Islam bagi persediaan untuk melaksanakan undang-undang islam dan menubuhkan pelbagai instritusi Islam di tengah-tengah masyarakat....

Bagaimanapun masih banyak lagi saranan dan kajian-kajian yang diperlukan untuk membentuk suatu gagasan tamaddun alternatif bagi abad 21 akan datang. Semua pihak di dunia Islam seharusnya telah mengambil perhatian tentang masa depan umat Islam. Tanggungjawab sedemikian seharusnya dipikul oleh institut-institut penyelidikan yang di-kuasai oleh orang-orang islam di seluruh dunia. Antaranya Institut Pemikiran Islam Antarabangsa [IIIT] yang berpusat di Amerika Syarikat. Institut Muslim bagi perancang dan pendidikan yang berpusat di London. Pusat penyelidikan Kebudayaan Islam [ICRC] yang berpusat di Istanbul.

Pusat Penyelidikan Haji [HRC] yang berpusat di Jeddah. Institut Penyelidikan Islam [IRI] yang berpusat di Islamabad dan banyak lagi yang seumpamanya, yang boleh mengorak langkah memperjelaskan kedudukan umat islam di masa akan datang. Bilangan umat Islam yang ramai itu tidak akan memberikan apa-apa kesan kiranya ia tidak digembelingkan ke arah Islam. maka jadilah ia seperti buih-buih di muara sahaja... Jalan-jalan yang hendak dilalui oleh umat Islam ha-ruslah jalan yang akan memberikan kedailan bukan sahaja bagi umat islam tetapi juga kepada seluruh manusia. Negera-negara Islam seharusnya ditegakkan di seluruh dunia Islam. Negara Islam yang dapat memberi keadilan dan kemak moran bukan sahaja bagi warganegara Islam tetapi bagi wargenagara bukan Islam. Pada

abad-abad akan datang Islam harus muncul sebagai suatu kuasa besar yang setaraf kuasa-kuasa besar lain supaya ia dapat menebarkan keadilan dan kemakmuran untuk seluruh mahluk. Sama ada manusia atau alam sekitar, sama ada muslim atau bukan muslim. Untuk itu, suatu tamaddun berakhlak tinggi harus dirangka untuk mengisi abad 21 akan datang. Iaitu suatu tamaddun yang berlandaskan islam dan berdaya saing, maju dan progresif. bagi mencapai cita-cita itu, umat Islam bukan sahaja [perlu kembali kepada agamanya tetapi agama Islam perlu berkembang dengan membuka pintu ijtihad di bawah pimpinan syura yang muttaqqin bagi menghadapi perubahan zaman.

Selain dari itu, kekayaan sumber dan kekuatan teknologi seharusnya berada ditangan umat Islam. Tidak ada jalan lain bagi mencapai perkara-perkara itu melainkan dengan jalan ilmu. Ilmu dalam semua bidang. Serentak itu semangat penerokaan dan keusahawanan seharusnya ada dalam jiwa muslim dari Magribi hingga ke Mandanao. Dari Amerika Syarikat hingga ke Kelantan. Jika harapan-harapan ini termakbul, masa depan umat Islam dalam abad 21 akan cerah. Bukan itu sahaja, kejayaan Islam dalam mewujudkan suatu tamaddaun baru merupakan kerja dakwah yang terbesar. Kejayaan Islam akan menarik orang-orang bukan Islam untuk memeluk Islam. Dari itu, segala usaha untuk Islam haruslah dilakukan secara cekap dan bijaksana. Pendek kata, kerja-kerja Islam itu hendaklah berorientasikan pada kecemerlangan.

## LINTASAN RUJUKAN

Tarmizi Mohd Jam - **Kelantan: Harapan, Cabaran Dan Visi: Mampukah Ulama Mentadbir?;** *G.G Edar Kuala Lumpur, 1991*

Ahmad Lutfi Othman - **Selepas Mahathir Peluang PAS;** *Penerbitan Pemuda Kuala Lumpur, 1992*

Zakry Abadi - **Mahathir Dalam Dilema Melayu;** *Gelanggang Publishing Kuala Lumpur, 1992*

S. H Alattas - **Memo Kepada Perdana Menteri;** *Al-Suhaimi Kuala Lumpur 1992*

Haji Fadzil Mohd Noor - **PAS Dan Cabaran Kehidupan Moden;** *Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1991*

Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat - **Senjata Ditangan Cuma Menunggu;** *Dewan Pemuda PAS Kelantan, 1984*

Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat - **Sikap Saya;** *Dewan Ulama PAS Kelantan; 1977*

Haji Abdul Hadi Awang - **Jika Islam Mentadbir;** *Penerbitan Gedung Ummah Kuala Terengganu, 1984*

Haji Subky Latiff - **Secebis Kertas Usang;** *Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1991*

Mohd Sayuti Omar - **Antara Anwar, Dollah Dan Sanusi:** *Tuhan Pilih Siapa?; Tinta Merah Kuala Lumpur, 1992*

Hussein Yaakob - **Peribadi Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat;** *Printerus Kuala Lumpur, 1992*

Tarmizi Mohd Jam - **Menanti Hudud Di Kelantan;** *Penerbitan FIS Kuala Lumpur, 1992*

S. H Alattas - **Joker-Joker Politik;** *Jaharah Enterprise Kuala Lumpur, 1992*

Yahya Ismail - **Mengapa UMNO Baru Tergugat?;** *Dinamika Kreatif Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1989*

Zakry Abadi - **Dilema Barisan Nasional;** *Syarikat Grafikset Abadi Kuala Lumpur, 1986*

Ustaz Amaluddin Darus - **Serbasalah Melayu Di Malaysia;** *Syarikat Abad Subang Jaya, 1988*

Lofti Ismail - **Serambi Mekah Di Bawah Pimpinan Ulama (1);** *Syarikat Jaafar Rawas Kota Bharu, 1991*

Zakry Abadi - **Mahathir Machiavelli Malaysia?;** *Sarjana Enterprise Kuala Lumpur, 1990*

Hussein Yaakob - **UMNO Gagal Beli ADUN;** *Haraki Edar Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1991*

Yahya Ismail - **Perpaduan Ummah Semangat 46/PAS;** *Dinamika Kreatif Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1990*

S. H Alattas - **Talqin Untuk UMNO;** *Al-Suhaimi Kuala Lumpur, 1988*

Tarmizi Mohd Jam - **Terengganu Selepas Kelantan: Teori Domino 1994;** *Penerbitan FIS Kuala Lumpur, 1992*

Lotfi Ismail - **Berakhirnya Zaman Keagungan PAS;** *Penerbitan Pena Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1978*

Zakry Abadi - **Analisis Pilihanraya Umum 1990;** *MYZ Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1990*

S. H Alattas - **Musa Derhaka?;** *Al-Nujum Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1986*

Ustaz Amaluddin Darus - **Demokrasi Dan Diktator: Sepanjang Sejarah Malaysia;** *Syarikat Abad Subang Jaya, 1988*

Mohd Sayuti Omar - **Kelantan Selepas Pantang;** *Tinta Merah Kuala Lumpur, 1991*

Haji Subky Latif - **Isu 1977;** *Syarikat Perniagaan Desa Kuala Lumpur, 1977*

Tarmizi Mohd Jam - **Masa Depan PAS Johor;** *Lajnah Penerangan PAS Johor, 1992*

Aziz Zariza Ahmad - **Putera Raja Dihati Rakyat;** *Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya, 1983*

S. H Alattas - **Revolusi Istana Dan Rakyat;** *Al-Suhaimi Kuala Lumpur, 1989*

Ahmad Mokhtar Mohd - **Kuasa Rakyat: Daripada Rakyat Untuk Rakyat;** *Penerbitan Dinamik Petaling Jaya, 1990*

Ashaari Muhammad - **Falsafah Perlaksanaan Hukum Hudud Dalam Masyarakat;** *Penerbitan Hikmah Kuala Lumpur, 1992*

Abu Saifullah Ramadhan - **Arqam Militan;** *Tinta Merah Kuala Lumpur, 1991*

Daud Ibrahim - **UMNO/PAS: Realiti Dan Maruah Wartawan Politik;** *Daud Ibrahim Enterprise Kuala Lumpur, 1991*

Yusof Harun - **Dialog Dengan Pemimpin;** *Penerbitan Pena Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1986*

Zakry Abadi - **Konflik Istana Dan Parlimen;** *Gatra Jaya Kuala Lumpur, 1983*

Tengku Razaliegh Hamzah - **Mengapa Saya Tentang Mahathir;** *AZ Distributors Kuala Lumpur, 1989*

S. H Alattas - **Wanita, Takhta Dan Kuasa;** *Al-Suhaimi Kuala Lumpur, 1989*

Mohd Firdaus Al-Amry - **Kerajaan Tanpa Restu;** *Mahir Enterprise Kuala Terengganu, 1992*

A. M Noor - **Siapa PM Selepas Dr. Mahathir;** *Ram-Pantas-Edar Enterprise Kota Bharu, 1992*

Halim Mahmood - **Asri Dalam Dilema; Hafar Enterprise Kuala Lumpur, 1983**

Kamaruzzaman Yaakob - **Mahathir Menuju Diktator?;** *Media Jaya Kuala Lumpur, 1988*

Mohd Zain Salleh - **Sejarah UMNO Kelantan;** *Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Kota Bharu, 1985*

Al-Jawahir - **Siapakah Diktator? Dan Siapakah Pengkhianat Bangsa?;** *Jasa Bakti Kuala Lumpur, 1988*

J. Victor Morais - **Anwar Ibrahim: Cekal Dan Tabah;** *Arena Buku Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1984*

Ibrahim Ahmad - **Konflik UMNO/PAS Dalam Isu Islamisasi;** *IBS Buku Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1991*

Razali Nawawi - **Pemerintahan PAS Kelantan: Suatu Penilaian;** *Jabatan Penerangan UMNO Malaysia Kuala Lumpur, 1992*

Kamal Amir Kamal Hijaz - **Sindrom Politik Munafik: Demokrasi Tergugat;** *Intercity Enterprise Kuala Lumpur, 1990*

Dr. Mohamad Na'im Yassin - **Golongan Yang Takut Kepada Islam: Mengapa?;** *Al-Rahmaniah Petaling Jaya, 1988*

Mohd Nasir Awang - **Inspirasi Kebangkitan Ummah Serambi Mekah;** *Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1991*

Tajuddin Mohd Jali - **Islam Dan Politik;** *Dewan Pemuda PAS Perak, 1988*

Majalah ALIRAN - *Aliran Kesedaran Rakyat, Pulau Pinang*

Dunia Islam - *Penerbitan Zin, Kuala Lumpur*

Al-Qiadah - *Penerbitan Al-Munir, Kuala Lumpur*

Buletin - *Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan*

Berita Rakyat - *Parti Rakyat Malaysia (PRM), Kuala Lumpur*

Al-Muslimah - *Syarikat Muslimah, Kuala Lumpur*

Utusan Pemuda UMNO - *Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu*

Media Malaysia - *Urusetia Penerangan Parti Semangat 46 Malaysia*

Dewan Masyarakat - *Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur*

PERISTIWA - *Dian Darulnaim Sdn. Bhd., Kota Bharu*

Akhbar WATAN - *Akhbar WATAN (KJ) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

Akhbar Media Islam - *Rangkian Edar Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

Akhbar HARAKAH - *Jabatan Penerangan PAS Pusat, Kuala Lumpur*

Utusan Malaysia - *Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

Berita Harian - *Kumpulan The News Strait Times, Kuala Lumpur*

New Straits Times - *Singapura*

The Observer - *London*


G G EDAR
KELANTAN
HARAPAN, CABARAN DAN VISI
MAMPUKAH ULAMA MENTADBIR?
TARMIZI MOHD JAM


MASA DEPAN
PAS JOHOR


TARMIZI MOHD JAM
TERENGGANU
SELEPAS KELANTAN
TEORI DOMINO 1994


TARMIZI MOHD JAM
MENANTI
HUDUD
DI KELANTAN
ASIAWEEK
WHAT LAW?
Chief Minister
Nik Aziz Nik Mat,
Kelantan, Malaysia